



PARLIMEN KELIMA BELAS



# LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

**PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI  
SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING  
BERSEPADU (ePPAx) DAN *FOREIGN WORKERS  
CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM*  
(FWCMS) DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER  
MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**DR.16 TAHUN 2024**



### **AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 15**

- |   |  |
|---|--|
| 1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah]      | <b>-Pengerusi</b>                                    |
| 2. YB Puan Wong Shu Qi [Kluang]                             | <b>-Naib Pengerusi</b>                               |
| 3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi]                         |  |
| 4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]                  |  |
| 5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah]                  |  |
| 6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin]                     |  |
| 7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]                        |  |
| 8. YB Tuan Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju]                   |  |
| 9. YB Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong]           |  |
| 10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam]                     |  |
| 11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu] |  |
| 12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik]                    |  |
| 13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok]                        |  |
| 14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]                        |  |
| 15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin                   | <b>-Setiausaha PAC /<br/>Setiausaha Dewan Rakyat</b> |

### **WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)**

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
5. Jabatan Audit Negara (JAN)
6. Kementerian Ekonomi
7. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)



# KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
INFOGRAFIK	i.
1. PENDAHULUAN	1
2. OBJEKTIF PERBINCANGAN	1
3. SKOP DAN METODOLOGI	2
4. LATAR BELAKANG SISTEM ePPAx DAN FWCMS	4
5. KETERANGAN SAKSI	7
5.1 Keterangan Ketua Audit Negara (KAN)	7
5.2 Keterangan KSU KDN	10
5.3 Keterangan KPE Bestinet Sdn. Bhd.	13
5.4 Keterangan KP JTKSM	15
6. PENEMUAN PAC PARLIMEN	20
6.1 Sistem FWCMS	20
6.1.1 Cadangan Awal Sistem FWCMS	22
6.1.2 Perjanjian Sistem FWCMS Belum Dimuktamadkan	23
6.1.3 Permohonan Kenaikan Caj dan Perlanjutan Tempoh Kontrak	30
6.1.4 Caj Kutipan Sistem Bio-Medical (BMS)	33
6.1.5 Penetapan Nilai Kontrak RM1 Bilion Dalam SST	35
6.1.6 Kos Pembangunan Sistem FWCMS	36
6.1.7 Penggunaan Modul eEmbassy Dalam FWCMS Oleh Satu (1) Negara Sumber	37
6.1.8 Sistem FWCMS Dipatenkan Oleh Vendor	38
6.1.9 Kelemahan Pengurusan Kawalan ID	42
6.1.10 Keselamatan Sistem FWCMS	44
6.2 Sistem ePPAx	45

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>6.3 Keperluan integrasi Sistem ePPAx dan FWCMS</b>	<b>46</b>
<b>6.4 Kebergantungan Sistem FWCMS Dalam Pengurusan Pekerja Asing</b>	<b>48</b>
<b>7. RUMUSAN PAC PARLIMEN</b>	<b>52</b>
<b>8. SYOR PAC PARLIMEN</b>	<b>53</b>
<b>GAMBAR PROSIDING</b>	<b>-</b>
<b>GLOSARI</b>	<b>-</b>
<b>AGENDA MESYUARAT</b>	<b>-</b>
<b>LAPORAN PROSIDING (HANSARD)</b>	<b>-</b>
<b>DOKUMEN PEMBENTANGAN</b>	



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
BERHUBUNG PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM  
PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx) DAN FOREIGN  
WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI



### Saksi :

- » Jabatan Audit Negara (JAN)
- » Kementerian Dalam Negeri (KDN)
- » Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)
- » Bestinet Sdn. Bhd.



### Ringkasan Projek FWCMS

#### Secara atas Talian & Bersepadu

- » Pengurusan permohonan pekerja asing atas talian

#### Belum Mempunyai Kontrak

- » SST dikeluarkan kepada Bestinet Sdn. Bhd. pada 12 Januari 2018 bagi tempoh 6 tahun (1 April 2018 – 31 Mei 2024)

#### Punca Kuasa

- » Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKPPA-PATI) Bil.2/2015 pada 20 Ogos 2015

#### Caj

- » Caj sebanyak RM100 bagi penggunaan sistem Bio-Medical di luar negara.
- » Caj sebanyak RM100 bagi setiap permohonan baru dan pembaharuan PLKS [Belum dilaksanakan]



### Latar Belakang

Kementerian/Agensi yang bertanggungjawab dalam Pengurusan dan kawalan pekerja

#### Kementerian Sumber Manusia (KESUMA):

- » Menggubal dasar guna tenaga negara
- » Memantau pematuhan akta
- » Mengadakan kerjasama bilateral dengan negara sumber
- » Menguruskan sistem berkaitan kelulusan penggajian pekerja asing

#### Kementerian Dalam Negeri (KDN):

- » Hal imigresen
- » Dasar migrasi
- » Dasar visa dan pas
- » Kawalan pintu masuk
- » Penguatkuasaan dan pengurusan pembangunan sistem imigresen

#### Agensi Kawal Selia (AKS)

- » Membuat penilaian dan syor kuota pekerja asing





SELAMAT DATANG

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
 BERHUBUNG PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM  
 PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx) DAN FOREIGN  
 WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
 DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN  
 KEMENTERIAN DALAM NEGERI



**Kronologi Pelaksanaan Sistem ePPAx dan FWCMS:**

**FWCMS**

**15.07.2014**

Proof of Concept  
BMS & eVDR

**15.06.2015**

Penggunaan Modul  
BMS & eVDR

**26.08.2015**

Mesuarat Jemaah Menteri  
meluluskan pembangunan  
sistem ePPAx dan FWCMS  
dimana kedua-duanya adalah  
berkonsepkan single window

**16.06.2017**

Perjanjian BMS

**12.01.2018**

SST Dikeluarkan  
(14 Modul)

**22.12.2021**

Kerajaan memutuskan  
pelaksanaan FWCMS  
bagi pengurusan  
pekerja asing

**28.01.2022**

Permohonan Pekerja  
Asing melalui  
FWCMS



**ePPAx**

**26.08.2015**

Mesuarat Jemaah Menteri  
meluluskan pembangunan  
sistem ePPAx dan FWCMS  
dimana kedua-duanya adalah  
berkonsepkan single window

**05.05.2016**

SST Fasa 1  
dikeluarkan

**04.03.2020**

SST Fasa 2  
dikeluarkan

**31.12.2021**

Perjanjian BMS



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
BERHUBUNG PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM  
PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx) DAN FOREIGN  
WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI



**Penemuan PAC:**

- 1** Cadangan Awal Sistem FWCMS  
➤ bermula daripada Bestinet dan kemudian mengemukakan konsep tersebut kepada Kerajaan
- 2** Perjanjian Sistem FWCMS Belum Dimuktamadkan  
➤ sehingga 13 Mac 2024 kontrak FWCMS masih belum dimeterai.
- 3** Permohonan Kenaikan Caj dan Perlanjutan Tempoh Kontrak  
➤ Bestinet telah memohon perlanjutan kontrak bagi tempoh enam (6) tahun dan kenaikan caj kutipan dari RM100 kepada RM120.
- 4** Caj Kutipan Sistem Bio-Medical (BMS)  
➤ kontrak BMS telah bermula pada 2015 sehingga 2021.  
➤ kontrak telah dilanjutkan dan telah tamat pada Mei 2022.
- 5** Penetapan Nilai Kontrak RM1 Bilion Dalam SST  
➤ berasaskan jumlah purata PLKS yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen (JIM)
- 6** Kos Pembangunan Sistem FWCMS  
➤ Kerajaan tidak akan mengeluarkan sebarang kos bagi pembangunan sistem FWCMS.
- 7** Penggunaan Modul eEmbassy Dalam FWCMS Oleh Satu (1) Negara Sumber Sahaja  
➤ Kerajaan Bangladesh dan Kerajaan Malaysia melalui Memorandum Persefahaman (MOU) telah bersetuju supaya proses pengambilan pekerja hendaklah dibuat secara online dalam sistem FWCMS iaitu modul eEmbassy.
- 8** Sistem FWCMS Dipatenkan Oleh Vendor  
➤ pihak vendor untuk mempatenkan sistem FWCMS dan kaedah pengurusan pekerja asing.
- 9** Kelemahan Pengurusan Kawalan ID  
➤ terdapat dua (2) ID yang dipegang oleh bukan pegawai KESUMA dan 24 unauthorised user yang telah pun meluluskan 24 permohonan majikan.
- 10** Keselamatan Sistem FWCMS  
➤ terdapat cubaan sistem FWCMS digodam, Bestinet dapat mengesan dan mengatasinya dari peringkat awal lagi dan keselamatan pusat data adalah terjamin.
- 11** Keperluan Integrasi Sistem ePPAx dan FWCMS  
➤ Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Ogos 2015 telah meluluskan pembangunan sistem ePPAX dan FWCMS dimana kedua-duanya adalah berkonsepkan single window.
- 12** Kebergantungan Sistem FWCMS Dalam Pengurusan Pekerja Asing





LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
BERHUBUNG PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM  
PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx) DAN FOREIGN  
WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI



### Rumusan PAC Parlimen:

- » Tempoh pelaksanaan pembangunan Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS) tamat pada Mei 2024 mengikut Surt Setuju Terima (SST) dan perjanjian masih belum ditandatangani setakat 13 Mac 2024 [Prosiding Bil 8(c)/2023].
- » Pada peringkat awal pelaksanaan projek pembangunan FWCMS, Kementerian Dalam Negeri (KDN) gagal mematuhi tatacara perolehan secara konvensional mahupun Public Private Partnership (PPP).
- » Antara faktor perjanjian masih tidak ditandatangani antara kedua belah pihak adalah permohonan perlanjutan kontrak bagi tempoh enam (6) tahun dan kenaikan caj kutipan dari RM100 kepada RM120 oleh Bestinet Sdn. Bhd.
- » Akibat daripada perkara 7.2 dan 7.3 perjanjian tidak dapat dimuktamadkan kerana tidak mendapat persetujuan daripada pihak-pihak yang terlibat walaupun tempoh kontrak di bawah SST akan tamat pada 31 Mei 2024.
- » Jemaah Menteri pada 26 Ogos 2015 meluluskan pembangunan Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) untuk menguruskan sistem pekerja asing dengan berkonsepkan single window. Pada mesyuarat yang sama, Jemaah Menteri juga meluluskan pelaksanaan FWCMS (KDN) yang turut menguruskan pekerja asing dengan berkonsepkan single window. Ini menyebabkan pertindihan fungsi antara agensi tersebut dalam membangunkan sistem pengurusan pekerja asing dan pembaziran wang awam berlaku.
- » Penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) berkaitan 24 permohonan telah diluluskan oleh unauthorised user menunjukkan wujudnya kelemahan dalam pengurusan kawalan ID dalam sistem FWCMS.
- » Bestinet menyatakan bahawa tujuan mereka mempatenkan sistem FWCMS adalah bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan telah menyatakan komitmen untuk tidak membuat apa-apa tuntutan daripada Kerajaan terhadap paten yang telah didaftarkan sekiranya kontrak FWCMS tidak disambung.
- » KDN dan KESUMA berpandangan proses pengambilan pekerja asing masih boleh dilaksanakan melalui sistem ePPAx atau secara manual tanpa sistem FWCMS.



### Syor PAC Parlimen:

- » KDN dan Bestinet Sdn. Bhd. hendaklah dengan segera memuktamadkan keputusan perjanjian dan hala tuju sistem FWCMS.
- » KDN perlu memastikan sebarang perolehan berkaitan ICT dirujuk kepada dasar dan peraturan sedia ada yang berkuat kuasa oleh Jabatan Digital Negara (dahulu dikenali sebagai MAMPU).
- » KDN hendaklah membetulkan kecelaruan yang berlaku dalam proses perolehan dan mencari jalan penyelesaian dengan segera.
- » KDN dan KESUMA perlu bekerjasama merangka pelan strategik yang menyeluruh berhubung pengurusan pekerja asing dan tidak terhad kepada pembangunan sistem semata-mata. Kedua-dua Kementerian perlu memastikan tiada lagi pertindihan fungsi sistem yang dibangunkan mengakibatkan pembaziran wang awam.
- » Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu memaklumkan perkembangan terkini terhadap siasatan 24 permohonan kuota pekerja asing yang telah diluluskan oleh unauthorised user seperti dilaporkan oleh KESUMA.





**LAPORAN JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN**



**LAPORAN**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN**  
**BERHUBUNG**  
**PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI**  
**SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx) DAN**  
***FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM***  
**(FWCMS)**

**DI BAWAH**  
**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN**  
**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

## **1. PENDAHULUAN**

Pengurusan Pekerja Asing Melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan *Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)* di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) adalah sebahagian daripada penemuan audit yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) – Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan Tahun 2022 (Jilid 2) yang dibentangkan di Parlimen pada 22 November 2023.

Jabatan Audit Negara (JAN) merumuskan secara keseluruhannya pengurusan pekerja asing melalui sistem ePPAx dan FWCMS adalah kurang memuaskan. Ini kerana sistem ePPAx tidak dapat digunakan secara optimum manakala 12 modul lengkap FWCMS hanya digunakan untuk satu (1) negara sumber sahaja serta kelemahan dalam pengurusan perjanjian, integriti sistem, integriti data dan kawalan keselamatan sistem.

Berikutan itu PAC telah memutuskan untuk memulakan prosiding berhubung dengan isu ini.

## **2. OBJEKTIF PERBINCANGAN**

Prosiding berkaitan Pengurusan Pekerja Asing Melalui ePPAx dan FWCMS di bawah KESUMA dan KDN bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada pengurusan perolehan dan pembangunan sistem dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif utama yang telah ditetapkan melalui punca kuasa dan mandat yang diberikan kepada PAC Parlimen seperti berikut:

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

- i. Peraturan Mesyuarat (PM) 77 (1) (c) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMDR);
- ii. PM 83 (2) PPMDR;
- iii. Arahan Perbendaharaan (AP) (Pindaan 2023) 301;
- iv. AP (Pindaan 2023) 304 (a); dan
- v. Seksyen 5(3)(d) Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2024: Organisasi Kementerian -Kementerian.

### **3. SKOP DAN METODOLOGI**

#### **3.1 Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:**

- i. memanggil pihak yang berkepentingan dan terlibat dalam pengurusan perolehan dan pembangunan sistem ePPAx dan FWCMS seperti berikut:
  - a. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara (KAN);
  - b. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha (KSU) KDN;
  - c. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud, KSU KESUMA;
  - d. Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Dasar Dan Antarabangsa KESUMA;
  - e. Tuan Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah (KP) Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM);
  - f. Tuan Ismail bin Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Bestinet Sdn. Bhd. (Bestinet);
  - g. Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff, Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB) Hal Ehwal Imigresen, KDN; dan
  - h. Encik Muhammad Shukri bin Abdul Mutalib (Ketua Pegawai Teknologi Bestinet Sdn. Bhd.);

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

untuk memberi keterangan mengenai peranan dan penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan;

- ii. menjemput *ex-officio* PAC daripada agensi Kerajaan Persekutuan seperti Jabatan Peguam Negara (AGC), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), JAN, Jabatan Akauntan Negara (JANM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Kementerian Ekonomi (KE) untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

3.2 Prosiding yang telah diadakan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
1.	5 Disember 2023/ 10.00 pagi	Bil. 8/2023	Jabatan Audit Negara: - Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara.
2.	5 Disember 2023/ 11.00 pagi	Bil. 8(a)/2023	Kementerian Dalam Negeri: - Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha.  Kementerian Sumber Manusia: - Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar Dan Antarabangsa).
3.	22 Januari 2024/ 10.00 pagi	Bil. 8(b)/2023	Bestinet Sdn. Bhd.: - Tuan Ismail bin Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

4.	13 Mac 2024/ 2.30 petang	Bil. 8(c)/2023	<p>Kementerian Dalam Negeri: - Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha.</p> <p>Kementerian Sumber Manusia: - Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud, Ketua Setiausaha.</p> <p>Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia: - Tuan Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah.</p>
----	-----------------------------	----------------	---

3.3 PAC turut merujuk kepada dokumen-dokumen berikut:

- i. Slaid pembentangan JAN pada 5 Disember 2023;
- ii. Slaid pembentangan KDN pada 5 Disember 2023 dan 13 Mac 2024;
- iii. Slaid pembentangan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) pada 13 Mac 2024;
- iv. Slaid pembentangan Bestinet Sdn. Bhd. pada 22 Januari 2024; dan
- v. Surat, dokumen dan maklumat tambahan daripada KDN, JTKSM dan Bestinet.

#### **4. LATAR BELAKANG SISTEM ePPAx DAN FWCMS**

4.1 Pengurusan dan kawalan pekerja asing diterajui oleh KESUMA dan KDN. KESUMA adalah peneraju pembangunan dan pengurusan sumber manusia negara yang bertanggungjawab menggubal dasar guna tenaga negara, memantau pematuhan akta, mengadakan kerjasama bilateral dengan negara sumber serta menguruskan sistem berkaitan kelulusan penggajian pekerja asing. KDN berperanan mengenai hal imigresen termasuk dasar migrasi, dasar visa dan pas, kawalan pintu masuk, penguatkuasaan dan pengurusan pembangunan sistem imigresen bagi menjaga keselamatan negara dan ketenteraman orang awam daripada ancaman warganegara asing.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

- 4.2 Tadbir urus dasar pekerja asing adalah di bawah Yang Amat Berhormat (YAB) Timbalan Perdana Menteri melalui Jawatankuasa Kabinet yang ditubuhkan pada tahun 1992. Sehingga bulan Julai 2009, jawatankuasa ini dinamakan sebagai Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing (JKK-PA) manakala bermula 17 Julai 2009, dinamakan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI). Mulai tahun 2018, pengurusan penggajian pekerja asing dan pendatang asing tanpa izin (PATI) adalah di bawah Jawatankuasa Bersama antara Menteri Dalam Negeri (MDN) dan Menteri Sumber Manusia (MSM) serta dianggotai oleh Menteri dan Ketua Setiausaha bagi 15 Kementerian.
- 4.3 Urusan kelulusan kuota penggajian pekerja asing adalah di bawah KESUMA atau KDN yang dibantu oleh lapan (8) Agensi Kawal Selia (AKS) daripada Kementerian/Jabatan/Agensi berkaitan. AKS berperanan membuat penilaian dan syor kuota pekerja asing yang boleh digajikan majikan mengikut syarat dan kriteria ditetapkan berdasarkan kepakaran dan bidang kuasa masing-masing selepas proses temu duga majikan.
- 4.4 Pada 5 Julai 2005, JKK-PA telah memutuskan supaya Pusat Kelulusan Setempat/*One Stop Centre* (OSC) diwujudkan di KDN untuk memproses, menemu duga dan meluluskan permohonan lengkap majikan pada hari yang sama. OSC mula beroperasi pada 1 Ogos 2005 dan diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, KDN sehingga 31 Mei 2022. Jemaah Menteri pada 20 April 2022 memutuskan fungsi OSC dipindahkan ke KESUMA dan diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Pekerja Migran (BPPM). Dalam tempoh peralihan tersebut, urusan permohonan hingga kelulusan kuota pekerja asing dikendalikan oleh Pasukan Petugas Pengurusan Pekerja Asing KESUMA bagi tempoh Januari hingga



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

11 September 2022, sehingga OSC, KESUMA beroperasi pada 12 September 2022.

- 4.5 Bagi meningkatkan kecekapan aktiviti pengurusan pekerja asing bermula dari proses permohonan sehingga tamat tempoh penggajian dan dihantar pulang ke negara asal, Kerajaan berhasrat mewujudkan sebuah sistem holistik secara dalam talian. Bagi tujuan tersebut, KDN mulai 15 Julai 2014 telah melaksanakan projek rintis FWCMS yang dibangunkan oleh Syarikat Bestinet Sdn. Bhd. melalui *proof of concept*. Ia adalah untuk aktiviti saringan Pengesahan Kehadiran dan Kelayakan, pemeriksaan kesihatan serta permohonan Visa Dengan Rujukan (VDR) menggunakan dua modul, iaitu Bio-Medical dan eVisa Dengan Rujukan (eVDR). Kedua-dua modul tersebut dikuatkuasakan secara menyeluruh mulai 15 Jun 2015.
- 4.6 Selain itu, mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Februari 2015 meluluskan peruntukan RM20 juta kepada KESUMA untuk membangunkan sistem ePPAx. Sistem ini bagi menambah baik sistem ePPAx dan diperluaskan sebagai alternatif pengurusan pekerja asing melalui konsep sistem tunggal (*single window*). JTKSM melantik Syarikat Ivy Matrix Sdn. Bhd. sebagai pembekal untuk pembangunan sistem ePPAx secara kaedah tender terbuka melalui dua (2) perjanjian iaitu 'Menganalisa, Mereka Bentuk, Membangun, Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji, Mentauliah dan Menyelenggara Dalam Tempoh Jaminan' ('Perjanjian ePPAx Fasa 1') dan 'Menganalisa, Mereka Bentuk, Membangun, Mengkonfigurasi, Menguji, Mentauliah dan Menyelenggara Dalam Tempoh Jaminan' ('Perjanjian ePPAx Fasa 2'). Kos keseluruhan adalah berjumlah RM19.39 juta melibatkan 14 modul.
- 4.7 Seterusnya, pada 12 Januari 2018, KDN mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada Syarikat Bestinet Sdn. Bhd. untuk membangun, membekal, menyedia dan menyelenggara FWCMS bagi tempoh enam tahun mulai 1 April 2018 hingga 31 Mei

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

2024 melibatkan 14 modul dengan nilai perjanjian RM1.049 bilion. Modul Bio-Medical tidak termasuk dalam SST ini kerana perjanjian berasingan telah dimeterai pada 16 Jun 2017. Selanjutnya, mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Disember 2021 memutuskan supaya perjanjian FWCMS dimuktamadkan dan penggunaan Bio-Medical diteruskan serta disatukan di bawah perjanjian yang sama.

- 4.8 Sistem ePPAx dan FWCMS masing-masing menyediakan modul yang meliputi keseluruhan aktiviti pengurusan pekerja asing, iaitu bermula daripada proses permohonan sehingga tamat tempoh penggajian dan dihantar pulang ke negara asal.

## **5. KETERANGAN SAKSI**

Prosiding telah diadakan bagi mendapatkan keterangan dari semua pihak berkepentingan. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

### **5.1 Keterangan Ketua Audit Negara (KAN)**

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara] dalam Prosiding Bil. 8/2023 bertarikh 5 Disember 2023** memaklumkan bahawa JAN telah melaksanakan pengauditan terhadap dua sistem pengurusan pekerja asing yang telah dibangunkan dalam tempoh 2015 hingga 2022 iaitu ePPAx yang melibatkan KESUMA dan JTKSM, manakala FWCMS dibangunkan oleh KDN tetapi ia juga melibatkan KESUMA.

Skop pengauditan yang telah dijalankan oleh JAN adalah semakan terhadap dokumen-dokumen bagi tempoh tahun 2015 hingga 2022 dan analisis data sistem ePPAx dan FWCMS yang melibatkan data daripada tahun 2017 sehingga 2022.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

i. Sistem ePPAx dan FWCMS


Maklumat ringkas mengenai sistem ePPAx dan FWCMS adalah seperti berikut:

PERKARA	SISTEM ePPAx (KSM)	FWCMS (KDN)
<b>Objektif Sistem</b>	Meningkatkan kecekapan pengurusan pekerja asing secara holistik serta membantu pencapaian dasar penggajian pekerja asing negara	
<b>Nilai Kontrak (RM)</b>	<b>19.39 juta</b>	-
<b>Kaedah/ Konsep Perolehan</b>	Tender Terbuka	Bermula dengan <i>Proof of Concept</i>
<b>Bilangan Modul</b>	<b>14</b>	<b>15</b>
<b>Nama Syarikat</b>	<b>Syarikat 784382-U (Ivy Matrix Sdn. Bhd.)</b>	<b>Syarikat 838886-T (Bestinet Sdn. Bhd.)</b>

Sumber : Slaid pembentangan JAN pada 5 Disember 2023

ii. Kronologi Pelaksanaan Sistem ePPAx dan FWCMS

Kronologi bagi pelaksanaan sistem ePPAx dan FWCMS adalah seperti berikut:



Sumber : Slaid pembentangan JAN pada 5 Disember 2023

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Disember 2021 telah memutuskan supaya kontrak bagi FWCMS dimuktamadkan.

iii. Penemuan Audit

**A. Pencapaian Sistem ePPAx dan FWCMS**

Penemuan audit dalam pencapaian bagi sistem ePPAx dan FWCMS adalah seperti berikut:



Sumber : Slaid pembentangan JAN pada 5 Disember 2023

**B. Pengurusan Pembangunan/Pelaksanaan Sistem ePPAx dan FWCMS**

Penemuan audit dalam pengurusan pembangunan dan pelaksanaan bagi kedua-dua sistem adalah seperti berikut:

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI



**1** Tetapan Modul Permohonan Pekerja Asing **telah diubah** bagi membolehkan permohonan melebihi kelayakan

**2** Permohonan Rekalibrasi Tenaga Kerja\* **selepas sistem ditutup**

*Nota: (\*) - Permohonan Rekalibrasi Tenaga Kerja merupakan program khas untuk menjadikan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) sebagai pekerja asing yang sah*



**1** Perjanjian antara Kerajaan (KDN) dan syarikat masih **belum ditandatangani**

**2** Syarikat memohon untuk **mempatenkan** sistem dan kaedah pengurusan pekerja asing

Kelemahan kawalan ID

- 3**
- 2 ID *Super Admin* KSM dipegang oleh individu bukan pegawai KSM
  - 24 *unauthorized user* meluluskan 24 permohonan majikan

Sumber : Slaid pembentangan JAN pada 5 Disember 2023

#### iv. Status AG's Dashboard


Sebanyak lima (5) isu yang dibangkitkan telah pun selesai manakala 14 isu masih lagi dalam tindakan di papan pemuka JAN (AG's Dashboard).

## 5.2 Keterangan KSU KDN

**Datuk. Haji Ruji bin Haji Ubi, KSU KDN dalam Prosiding Bil. 8(a)/2023 bertarikh 5 Disember 2023** memaklumkan bahawa projek FWCMS bukanlah projek di bawah peruntukan Pembangunan (DE) tetapi ianya lebih kepada projek penswastaan ataupun *Private Finance Initiative* (PFI).

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**


i. Ringkasan Projek FWCMS



Sumber : Slaid pembentangan KDN pada 5 Disember 2023

ii. Modul-modul FWCMS

Modul-modul yang terdapat dalam FWCMS adalah seperti di bawah.




Sumber : Slaid pembentangan KDN pada 5 Disember 2023

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

iii. Kronologi Pelaksanaan FWCMS

Kronologi bagi pelaksanaan FWCMS adalah seperti dibawah.



Sumber : Slaid pembentangan KDN pada 5 Disember 2023

iv. Isu-isu berkaitan FWCMS yang dibangkitkan dalam LKAN:

a. Pengurusan Perjanjian dan Pelanjutan Tempoh Perjanjian Bio-Medical

KDN ke arah memeterai perjanjian FWCMS selaras dengan keputusan YB Menteri Dalam Negeri (MDN) semasa Mesyuarat Pasca Kabinet KDN pada 21 Jun 2023.

Bengkel Pemurnian dan Rundingan Perjanjian FWCMS bersama pihak syarikat dan Kerajaan telah diadakan pada 26 – 28 Oktober 2023. Pihak syarikat telah menambah baik draf kontrak berdasarkan perbincangan bengkel dan kini dalam penelitian bahagian/agensi berkaitan sebelum sesi rundingan seterusnya pada 6 Disember 2023. Perkara berkaitan terma-terma utama dan

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

pemeteraian kontrak akan dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri untuk kelulusan.

b. Kaedah dan Kelulusan Pelaksanaan FWCMS

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Disember 2021 telah bersetuju mengenai hala tuju dan cadangan pemeteraian kontrak FWCMS.

KDN ke arah memeterai perjanjian FWCMS selaras dengan keputusan YB MDN semasa Mesyuarat Pasca Kabinet KDN pada 21 Jun 2023.

c. Kawalan ID Pengguna

KDN mengambil perhatian yang serius mengenai kawalan ID sistem. Sehubungan itu, satu bengkel mengenai serahan ID dan kawalan sistem telah diadakan pada 4 hingga 8 September 2023 manakala sesi *Training of Technology* pada 12 September 2023.

Semasa bengkel tersebut, pentadbir sistem bagi ID aplikasi telah diserahkan kepada KDN.

### 5.3 Keterangan KPE Bestinet Sdn. Bhd.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor, KPE Bestinet Sdn. Bhd. dalam Prosiding Bil. 8(b)/2023 bertariikh 22 Januari 2024** memaklumkan bahawa pada tahun 2005 Bestinet telah melakukan konseptualisasi, penyelidikan dan pembangunan bagi pelaksanaan FWCMS. Ringkasannya adalah seperti di bawah.



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI




Sumber : Slaid pembentangan Bestinet Sdn. Bhd. pada 22 Januari 2024.

Pada tahun 2013 telah diputuskan bahawa Bestinet dibenarkan untuk melaksanakan modul di bawah FWCMS yang dipanggil modul *Bio-Medical* di negara sumber, di pusat kesihatan dan secara *proof of concept* (POC) bagi membuktikan bahawa modul yang dilaksanakan tersebut mempunyai nilai kepada kerajaan. Manakala pada tahun 2014 kerajaan telah memutuskan bahawa pelaksanaan mandatori untuk modul *Bio-Medical* dan juga eVDR (Visa Dengan Rujukan).

Seterusnya SST telah dikeluarkan tahun 2018 dan bon pelaksanaan telah dikemukakan oleh Bestinet kepada kerajaan. Sehingga kini perjanjian FWCMS masih belum dimuktamadkan dan ditandatangani. Kronologi bagi pelaksanaan FWCMS adalah seperti di bawah.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

### Kronologi Pelaksanaan FWCMS



Sumber : Slaid pembentangan Bestinet Sdn. Bhd. pada 22 Januari 2024.

Terdapat 15 modul dalam sistem FWCMS, 12 daripadanya telah pun dilaksanakan. Hanya tiga (3) modul yang masih belum dilaksanakan seperti berikut:

Bil.	Modul Yang Belum Dilaksanakan	Sebab Tidak Dilaksanakan
1.	e-PLKS	Pembaharuan pas lawatan pekerja sementara untuk pekerja asing dilaksanakan oleh MyEG.
2.	Online Payment	JIM memutuskan bahawa semua pembayaran dibuat di sistem imigresen
3.	eWages	Memerlukan perubahan dasar oleh KESUMA untuk melaksanakan eWages

#### 5.4 Keterangan KP JTKSM

Tuan Kamal bin Pardi, KP JTKSM dalam Prosiding Bil. 8(a)/2023 bertarikh 5 Disember 2023 memaklumkan bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Februari

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

2015 telah memberi kelulusan peruntukan sebanyak RM20 juta kepada KESUMA untuk menambahbaik e-Permohonan Pekerja Asing (ePPA) sedia ada dan diperluaskan sebagai alternatif pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).

#### **A. Pelaksanaan Sistem ePPAx**

Projek ini telah dilaksanakan secara berfasa iaitu:

- i. Fasa 1 – Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu
  - a. Mesyuarat Jawatankuasa Penambahbaikan Pengurusan Pekerja Asing, 30 Julai 2015 – Pengerusi YB Datuk Paul Low memutuskan Sistem ePPAx sebagai *Single Window* dan *frontline*.
  - b. Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian ICT (JPICT) KESUMA Bil. 4/2015, 4 Disember 2015 – kelulusan projek pembangunan Sistem ePPAx Fasa 1.
  - c. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) Bil. 15/2015, 10 Disember 2015 – kelulusan projek pembangunan Sistem ePPAx Fasa 1.
  
- ii. Fasa 2 – Peningkatan Kecekapan Pengurusan Pekerja Asing
  - a. Mesyuarat Penyelarasan ePPAx Bil 1/2017, 24 Oktober 2017 – Pengerusi YB Datuk Paul Low memutuskan Sistem ePPAx Fasa 2 dibangunkan bagi melengkapkan kitaran pengurusan pekerja asing secara holistik.
  - b. Surat daripada Unit Perancang Ekonomi bertarikh 30 Oktober 2017 – Sistem ePPAx Fasa 2 disenaraikan di dalam Projek *Rolling Plan* Ke-3, Rancangan Malaysia Ke-11.
  - c. Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian ICT (JPICT) Bil. 5/2017 (KHAS) JTKSM 28 Disember 2017 – bersetuju dengan permohonan pembangunan Sistem ePPAx Fasa 2.


LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

- d. Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian ICT (JPICT) Khas Bil. 1/2017 KSM 29 Disember 2017 – meluluskan permohonan perolehan projek pembangunan Sistem ePPAx Fasa 2.
- e. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) Bil. 1/2018, 25 Januari 2018 – kelulusan projek pembangunan Sistem ePPAx Fasa 2.

Pendekatan secara berfasa dilaksanakan kerana jumlah peruntukan kewangan projek yang diberi secara berperingkat dan beberapa polisi yang belum dimuktamadkan.

## B. Kronologi Pembangunan Sistem ePPAx

Kronologi bagi pembangunan sistem ePPAx adalah seperti berikut:



Sumber : Slaid pembentangan JTKSM pada 5 Disember 2023

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**C. Tadbir Urus Sistem ePPAx**

Pengurusan pembangunan sistem ePPAx diuruskan secara holistik kerana ia banyak melibatkan Kementerian dan agensi kawal selia dalam kelulusan untuk pengambilan pekerja asing.

**JAWATANKUASA PEMANDU**



Sumber : Slaid pembentangan JTKSM pada 5 Disember 2023

**D. Transisi Penggunaan Sistem ePPAx**

Transisi penggunaan sistem ePPAx berlaku dalam empat (4) peringkat seperti berikut:

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**



Sumber : Slaid pembentangan JTKSM pada 5 Disember 2023

**E. Arahkan Penghentian/Penggunaan Sistem ePPAx**

Kronologi bagi arahan penghentian dan penggunaan sistem ePPAx adalah seperti dibawah.

Mac 2020	Nov 2020	8.7.2021	9.7.2021	22.12.2021	15.1.2022	14.2.2023	1.3.2023
Kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pengoperasian OSC KDN telah dihentikan selaras dengan pelaksanaan PKP (pembekuan kemasukan dan kelulusan kuota pekerja asing baharu).	Mesyuarat Taklimat Pelaksanaan Pelan Rekalisasi PATI pada 12 November 2020 bersetuju supaya program Rekalisasi PATI menggunakan sistem sedia ada iaitu Sistem ePPAx.	Arahan daripada KSM kepada JTKSM mengenai penggunaan FWCMS bagi fasa 2 Program Rekalisasi PATI menggantikan Sistem ePPAx.	JTKSM mula menutup akses majikan bagi permohonan Rekalisasi dalam Sistem ePPAx. Pegawai JTKSM masih boleh mengakses Sistem ePPAx untuk menyelesaikan baki permohonan.	Mesyuarat Jemaah Menteri bersetuju FWCMS digunakan untuk tujuan permohonan penggajian pekerja asing.	Kenyataan Media YB MSM berhubung penggunaan FWCMS untuk permohonan pekerja asing.	YB Menteri Sumber Manusia menerusi Kertas Pertimbangan bertarikh 14 Februari 2023 telah bersetuju terhadap cadangan penggunaan Sistem ePPAx bagi permohonan Kelulusan Penggajian Pekerja Asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955.	Sistem ePPAx digunakan untuk tujuan permohonan Kelulusan Penggajian Pekerja Asing Seksyen 60K bagi kategori Pegawai Dagang dan Pertukaran Majikan.

Sumber : Slaid pembentangan JTKSM pada 5 Disember 2023

**F. Kepentingan Sistem ePPAx**

Kepentingan sistem ePPAx kepada KESUMA adalah seperti berikut:

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

- i. Sistem ePPAx merupakan sistem tunggal/utama yang dimiliki oleh JTKSM.
- ii. Bermula 1 Januari 2023 selaras dengan penguatkuasaan Seksyen 60K Akta Kerja 1955, skop tugas JTKSM diperluaskan kepada semua kategori Pekerja Bukan Warganegara berdasarkan definisi pekerja asing di bawah Seksyen 2 Akta Kerja 1955.
- iii. Jabatan perlu mempunyai sistem tersendiri untuk menerima dan memproses permohonan kelulusan awal di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955.
- iv. Purata permohonan sebelum pindaan Akta Kerja 1955 sekitar 12,000 setahun atau 1,000 sebulan.
- v. Selepas pindaan, permohonan di antara 3,000 – 4,000 sebulan iaitu peningkatan 400% berbanding sebelum pindaan Akta Kerja 1955.
- vi. Pengendalian permohonan secara manual tidak efisien, meningkatkan risiko keciciran permohonan, kelewatan pemprosesan permohonan dan potensi salah guna kuasa/isu integriti di setiap peringkat terlibat.

## **PENEMUAN PAC PARLIMEN**

Penemuan PAC Parlimen adalah seperti berikut:

### **6.1 Sistem FWCMS**

#### **Penjelasan KSU KDN**

**Datuk. Haji Ruji bin Haji Ubi, KSU KDN dalam Prosiding Bil. 8(a)/2023 bertarikh 5 Disember 2023** menjelaskan bahawa FWCMS adalah sistem yang lengkap bagi pengurusan pekerja asing yang bermula dari kuota kemasukan pekerja asing sehingga penghantaran balik pekerja asing. Ini termasuk kawalan gaji pekerja asing oleh majikan. Walau bagaimanapun modul eWages ini masih belum diguna pakai oleh majikan.

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Perkara ini boleh mengakibatkan kehilangan hasil kerajaan melalui pengiriman duit keluar dan penggunaan subsidi oleh pekerja asing

**“Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi. Jadi, saya ada satu soalan yang saya ingin mengajukan kepada kedua-dua kementerian kerana isu yang kita siasat hari ini adalah dua sistem untuk menguruskan pekerja asing.

*Kalau kita membaca buku Laporan Ketua Audit Negara, kita akan mendapati bahawa keputusan Jemaah Menteri ketika itu, lama sudah, tahun 2015, adalah wujudkan satu single window untuk pengurusan pekerja asing. Tapi, kedua-dua sistem dibangunkan pada masa yang sama juga. Jadi, apa pandangan kedua-dua kementerian? Mana sistem yang seharusnya digunakan? Ataupun tak ada percanggahan sebenarnya?*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:...** Saya bagi pandangan bagi pihak KDN.

*So, kalau berdasarkan POC dibuat untuk biomedical pada 2014— that is why dia bermula dengan BMS 2015. Ada kontrak dan kontrak itu tamat 2021. Kabinet buat keputusan sambung lagi BMS but as part of FWCMS. So, bermula dengan POC BMS itulah adanya FWCMS untuk mengurus pengurusan pekerja asing. Ada series of meeting, discussion in 2017, and then 2018 keluar SST itu. Kalau ikut, modul itu ada 15 modul. Sepatutnya itulah yang lengkap. Tadi Datuk KP JTK pun ada sebut, ada arahan pada Disember 2021 atau 2022, if I am not mistaken, supaya menggunakan FWCMS sepenuhnya.*

*Jadi, kalau bagi pihak KDN, FWCMS ini nampak the whole circle termasuklah sepatutnya— ini, Yang Berhormat Datuk Wira, ingin saya tarik perhatian dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat. FWCMS is a complete system untuk foreign labour punya management. Daripada eQuota sehinggalah dia keluar nota keluar itu ya. Yang paling penting yang pada sayalah, bila sebut fasal ketirisan, yang sepatut eWages itu. eWages sudah ada tapi majikan tak pakai. eWages ini— then, we can control. Now, kita tak tahu bayaran. Mungkin ada elemen buruh paksa.*

*Satu lagi, kehilangan hasillah, Yang Berhormat Pengerusi. Ada tiga yang kita kehilangan hasil ini kalau nak sebut. Saya tumpang sikit. Satu, penggunaan barang subsidi kita. Kedua, yang overstay. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sebut 3.5 million guna— that is why we are going for targeted subsidy. Ketiga, kehilangan hasil melalui pengiriman duit keluar melalui money changer dan sebagainya. Sepatutnya dalam FWCMS ini sudah ada. eWages through online. Majikan patutnya pakai ini, tapi tak dipakai. Saya sebut tadi, tiga sahaja yang diguna out of fifteen. eQuota by KSM, eVDR by JIM dan BMS.*



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

*Jadi, ini saya nak sebut disinilah. So, nak cakap Timbalan Naib Pengerusi punya— FWCMS is a complete system. Saya tak kata ePPAx ini— tapi, it is a complete system, end-to-end. Jadi, saya rasa itu sahaja yang ingin saya sebut. Terima kasih.”*

[Muka surat 11 - 12 Laporan Prosiding Bil 8(a)/2023 bertarikh 5 Disember 2023]

### **6.1.1 Cadangan Awal Sistem FWCMS**

Bermula tahun 2005, Bestinet telah melakukan konseptualisasi, penyelidikan dan pembangunan bagi pelaksanaan FWCMS dan membentangkannya kepada Kerajaan.

#### **Penjelasan KPE Bestinet Sdn. Bhd.**

**Tuan Ismail bin Mohd Noor, KPE Bestinet Sdn. Bhd. dalam Prosiding Bil. 8(b)/2023 bertarikh 22 Januari 2024** menjelaskan bahawa idea atau konsep mengenai sistem FWCMS bermula daripada Bestinet dan kemudian mengemukakan konsep tersebut kepada Kerajaan bagi membantu pengurusan pekerja asing yang kompleks dan holistik serta mengatasi ketirisan yang ada.

*“Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, boleh kita conclude-kan idea sistem ini sebenarnya di wujud ataupun bermula terlebih dahulu di peringkat syarikat dan baru dibentang, dibawa kepada kementerian. Jadi, bukan ada permintaan ataupun idea dari kementerian dan sampaikan pada syarikat, baru syarikat sediakan idea ini.*

*Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]: Tidak. Sebab kita faham yang itu bila saya kata misi dan visi syarikat untuk melaksanakan satu sistem yang holistik dan kita faham berkenaan dengan pengurusan pekerja asing yang kompleks dan banyak ketirisan. Kalau kata pada masa itu ketirisan. Itulah idea itu ditambah daripada syarikat yang mana syarikat yang memberi mencambah idea itu dan memberikan konsep kepada kerajaan untuk memberikan penyelesaian kepada kerajaan pada masa itu. Dengan adanya idea kami itu. So, yang mana kerajaan sekarang ini bila dapat idea dan konsep itu akan mengkaji di bawah Kementerian Dalam Negeri mengkaji dan juga mungkin kata okey, kami setuju dengan konsep ini. Cuba syarikat berikan bukti bahawa dengan ada pelaksanaan sistem ini barulah kata dapat value dia.*

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

*That's why dalam tahun 2013 itu, dengan modul Bio-Medical dan eVDR yang kita laksanakan kita buktikan kepada kerajaan. Sebab, kita satu-satu sebagai syarikat kita ada idea. Kita kena buktikan. Execution is important. So that's why kita pada tahun 2013 itu kita buktikan kepada kerajaan berdasarkan idea dan penerimaan kerajaan berkenaan dengan idea itu, kita buktikan pada tahun 2013 melalui proof of concept. Melalui proof of concept itulah kita tunjukkan bukti, laporan berapakah ketibaan, berapakah semua itu dan kerajaan menerima konsep dan proof of concept ataupun bukti tadi untuk melaksanakan secara mandatori pada tahun 2015."*

[Muka surat 24 - 25 Laporan Prosiding Bil 8(b)/2023 bertarikh 22 Januari 2024]

### **6.1.2 Perjanjian Sistem FWCMS Belum Dimuktamadkan**

SST bagi pembangunan sistem FWCMS telah dikeluarkan kepada vendor pada 12 Januari 2018. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan (PK) 4.2 kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangani balas oleh syarikat. Walau bagaimanapun, hingga ke hari ini kontrak gagal ditandatangani.

Rujukan PAC terhadap SST daripada Bestinet, mendapati bahawa pelaksanaan projek FWCMS tidak akan mendatangkan sebarang kos kepada Kerajaan dan akan dibiayai oleh majikan dengan pengenaan caj kepada setiap permohonan baru dan pembaharuan PLKS pekerja asing pada kadar tidak melebihi RM100. Pembiayaan secara kenaan caj kepada majikan ini dilihat faktor KDN mengkategorikan projek ini sebagai PFI.

PAC mendapati bahawa LKAN – Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan Tahun 2022 (Jilid 2) menyatakan kaedah pelaksanaan FWCMS tidak dinyatakan dengan jelas dalam SST.

Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 30 Oktober 2020 berpandangan bahawa pelaksanaan FWCMS mirip kepada pelaksanaan projek *Public Private Partnership* (PPP) di bawah seliaan UKAS.

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

PAC juga turut mendapatkan pandangan daripada AGC dan dimaklumkan PK 4.2 tidak terpakai kepada projek-projek PPP. Namun, untuk projek ini PK 4.2 adalah terpakai kerana SST telah dikeluarkan.

Bagaimanapun, surat UKAS bertarikh 30 Disember 2020 menerangkan FWCMS tidak termasuk di dalam senarai projek yang telah mendapat kelulusan prinsip Jemaah Menteri atau Surat Niat untuk dilaksanakan secara PPP bagi tahun 2009 hingga 31 Mei 2020.

Rujukan PAC terhadap LKAN – Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan Tahun 2022 (Jilid 2) mendapati bahawa Nota Jemaah Menteri mengenai hala tuju dan pelaksanaan FWCMS tidak diangkat kepada Jemaah Menteri sebelum SST dikeluarkan pada 12 Januari 2018.

Sehingga kini perjanjian masih belum dimuktamadkan dan ditandatangani.

i. **Penjelasan KSU KDN**

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, KSU KDN dalam Prosiding Bil. 8(a)/2023 bertarikh 5 Disember 2023** menjelaskan bahawa sehingga kini perjanjian FWCMS masih belum dimuktamadkan dan ditandatangani. Pembangunan FWCMS hanya berdasarkan kepada SST. KDN telah mendapatkan pandangan daripada AGC dan pada 20 Julai 2020 AGC telah mengeluarkan surat dan menyatakan bahawa SST dianggap sebagai kontrak yang mengikat (*SST as good as contract*).

Pembangunan FWCMS adalah berkonsepkan penswastaaan dan tidak menggunakan peruntukan Kerajaan. Perkara ini telah disahkan oleh MOF dan KE. Oleh itu, tiada sebarang bayaran dibuat kepada pihak Bestinet.

***“Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Based on – ya, saya pun faham memang SST itu memang kalau perlu ada pertikaian kah apa memang boleh dibuktikan sebagai***

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

*memang ada perjanjian. Cuma bila kita bercakap tentang perjanjian terma-terma secara menyeluruh itu, selalunya memang akan reduce to writing dalam satu perjanjian bertulis antara pihak-pihak. Jadi, sebab itu saya tanya bahawa pada ketika ini pihak-pihak menjalankan tanggungjawab mereka berdasarkan SST sahaja, bukan perjanjian bertulis?*

*Kedua, saya juga nak tanya, setakat ini adakah pihak kerajaan, pihak kementerian ada membayar apa-apa kepada syarikat ini untuk membangunkan sistem FWCMS ini?*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** *Dalam taklimat saya juga tadi, dah dapat pengesahan daripada MOF dan EPU, ini bukan menggunakan DE atau OE. Dia ada berkaitan dengan penswastaan, so dia fall under UKAS. So, setakat ini memang tidak ada satu sen pembayaran daripada pihak kerajaan dan memang konsepnya ialah pembayaran daripada pihak majikan, Yang Berhormat Bangi.”*

[Muka surat 16 - 17 Laporan Prosiding Bil 8(a)/2023 bertarikh 5 Disember 2023]

**“Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *Okey, tadi Datuk ada menyebut tentang bahawa SST itu cukup untuk mengikat, I mean kedua-dua pihak. Maksudnya, kerajaan dan juga syarikat tersebut. Saya nak tanya kepada Datuk KSU, adakah hanya bersandarkan ini sahaja mencukupi dan sebab kalau kita tengok dari segi untuk nak memurnikan kontrak tersebut, telah pun dibuat sejak daripada 2021 tetapi sampai ke hari ini tidak ada, walaupun kerja-kerja telah pun dijalankan sejak daripada 2018. Jadi, saya nak tahu, walaupun Datuk dah sebut tapi saya nak tahu sebab Datuk sebut itu dah mengikat. Maksudnya, itu pun dah cukup kuat SST tersebut. Itu satu...*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** *Terima kasih Yang Berhormat. Pengalaman di tempat lain, SST boleh mengikat tetapi it should followed by a real contract. Cuma macam saya sebut awal tadi, kami minta pandangan AGC. AGC mengeluarkan surat bertarikh 20 Julai 2020. So, SST as good as contract. Jadi, yang itu kami terikat di situlah, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tanya saya, SST sebenarnya tak cukup. Masih boleh ada dispute. Masih boleh ada dispute. Patutnya dia kena datang dengan satu kontrak yang lebih complete. Ini yang tengah kena workout. ...”*

[Muka surat 18 - 19 Laporan Prosiding Bil 8(a)/2023 bertarikh 5 Disember 2023]

Selain itu, dalam prosiding Bil. 8(c)/2023 bertarikh 13 Mac 2024, KSU KDN turut memaklumkan sehingga 13 Mac 2024 kontrak FWCMS masih belum dimeterai. Ini

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

kerana terdapat permohonan daripada syarikat untuk lanjutan kontrak bagi tempoh enam (6) tahun dan untuk kenaikan harga caj daripada RM100 kepada RM120.

Tiada sebarang keputusan atau kelulusan dari Jemaah Menteri bagi tujuan lanjutan tempoh dan kenaikan caj kutipan tersebut. Maka KDN hanya akan bersetuju menandatangani kontrak berdasarkan terma dalam SST pada 12 Januari 2018.

*“Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]: ... Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira dan Ahli-ahli Mesyuarat, berkenaan dengan kontrak FWCMS, sehingga hari ini 13 Mac 2024, kontrak masih belum dapat dimeterai berdasarkan terma Surat Setuju Terima, 12 Januari 2018. Dalam sesi pada 5 Disember yang lepas pun saya dah sebut, mandat yang diberi untuk kontrak FWCMS dan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2021, hanya berdasarkan SST yang dikeluarkan pada 12 Januari 2018.*

...

*So, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira, pada 22 Disember 2021, keputusan Kabinet masa itu supaya kontrak dimeterai. Setakat SST yang dikeluarkan pada 12 Januari 2018 iaitu sehingga 31 Mei 2024. So, 31 Mei 2024 ini tinggal dua bulan lebih sahaja Yang Berhormat Datuk Wira. Di peringkat kementerian sendiri, dalam Mesyuarat Jemaah Menteri tercatat dalam minit Kabinet, Yang Berhormat Menteri pada 15 Februari sebut bahawa kita akan stick pada untuk tandatangan kontrak tetapi until now, tak dapat lagi.*

*Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira, saya rasa, tak tahu dalam prosiding yang lepas kita ada sebut ke tak yang mana antara sebab kontrak ini tidak dapat dimeterai disebabkan permohonan ataupun permintaan syarikat untuk extension enam tahun dan untuk naikkan harga caj daripada RM100 ke satu kadar yang kalau tak silap saya RM120.*

*Semasa perbincangan dengan pihak syarikat, pihak syarikat bawa barisan peguam dan sebagainya. But saya stick sebagai KSU, I'm not to sign anything beyond mandated SST dated 12 Januari 2018, dengan izin Yang Berhormat Datuk Wira. Itu saya very firm selaku Pegawai Pengawal. Saya tidak akan sign kontrak yang ada elemen extension of time ataupun extension of contract selama enam tahun dan permohonan untuk menaikkan harga caj daripada RM100 ke RM120...”*

[Muka surat 2 - 3 Laporan Prosiding Bil 8(c)/2023 bertarikh 13 Mac 2024]

ii. **Penjelasan KPE Bestinet Sdn. Bhd.**

**Tuan Ismail bin Mohd Noor, KPE Bestinet Sdn. Bhd. dalam Prosiding Bil. 8(b)/2023 bertarih 22 Januari 2024** menjelaskan bahawa selepas SST dikeluarkan, Bestinet telah mengemukakan bon pelaksanaan kepada Kerajaan dan cadangan pada ketika itu kontrak akan dimeterai pada April 2018. Bestinet terus komited melaksanakan pembangunan sistem FWCMS berdasarkan SST.

Bagaimanapun pada Mei 2018 berlakunya perubahan Kerajaan di mana Kerajaan baharu yang dibentuk pada ketika itu telah menangguhkan pelaksanaan dasar-dasar terdahulu. Selain itu, penularan pandemik Covid-19 juga telah merencatkan proses memeterai kontrak bagi sistem FWCMS.

Seterusnya, pada tahun 2022 barulah Kerajaan komited untuk memeterai kontrak bagi sistem tersebut. KDN telah memohon pandangan daripada UKAS dan MOF mengenai konsep *user pay model* dalam FWCMS seperti yang dinyatakan dalam SST. Bagaimanapun sehingga kini draf kontrak masih belum dimuktamadkan lagi.

*“Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]: ... Semenjak tahun 2018, semenjak SST diberikan kepada kami dan kami telah membayar bon pelaksanaan. Memang cadangannya by April tahun 2018 akan memeterai kontrak, okey. Satu sebab utama kenapa kontrak tidak dimeterai oleh sebabkan oleh perubahan kerajaan. Itu yang pertama, okey.*

*Sebab masa itu ada transition period. Perubahan kerajaan yang mana selepas kerajaan baharu dibentuk mengatakan bahawa dasar-dasar terdahulu, dasar-dasar pentadbiran dahulu di-hold dahulu, ditangguh dahulu dan kemudian akan dilihat kalau ada dia punya relevancy untuk moving forward. Itu satu sebab utama dia. Sebab utama yang pertama...*

*Sebab kedua, kenapa kontrak tak ada? Okey, adalah kerana pada selepas kita dapat SST pada 2018 terdapat beberapa perubahan kerajaan. Kalau kita lihat pada tahun Februari 2020, kemudian ada Ogos 2023. Kami faham pada masa itu juga ada berlaku COVID-19, 2020, 2021. So, dia banyak yang bertindan ataupun bertindh-tindh pada masa tersebut. Selepas 2020, 2021 barulah ada komitmen dari pihak kerajaan untuk memeterai kontrak. So, maksudnya pada tahun 2022 barulah ada keputusan untuk*

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

*memeterai kontrak. Bayangkan daripada 2018, 2019, 2020, 2021 kami dipihak syarikat tiap-tiap bulan ataupun tiap-tiap waktu kita akan menghantar surat kepada KDN, apakah hala tuju. Apakah hala tuju, apakah hala tuju. KDN tak pernah menjawab setakatlah sehingga 2022, barulah ada keputusan YB MDN pada masa itu mengatakan untuk memeteraikan kontrak. Selepas 2018 tadi itu.*

*Jadi, 2022 baru ada keputusan barulah kita ada, baru KDN komited untuk memeteraikan kontrak. Pada masa itulah, baru KDN hantar kepada UKAS mintakan pandangan daripada MOF dan FWCMS ini business model-nya adalah user pay model.*

*User pay maksudnya tiada kos kepada kerajaan, satu sen pun tidak ada kos kepada kerajaan. Syarikat diberikan mandat untuk mengutip berdasarkan SST. Dibenarkan untuk mengutip a certain fee, satu fi yang dikutip daripada majikan, semasa pembaharuan, semasa PLKS— issuance of PLKS baharu dan pembaharuan PLKS. Kalau mengikut SST ya.*

*Jadi, berdasarkan kepada SST tersebut, yang itulah KDN mengatakan bahawa perlu mendapat pandangan UKAS dan juga MOF. Pada 22 itu jugalah, Jemaah Menteri mengatakan meteraikanlah kontrak tapi pada masa yang sama kita renew juga BMS punya kontrak sebab BMS punya kontrak dah tamat pada 2021. Jadi, secara interim perlu extend.*

*Sehinggalah hari ini, 2023 tak ada selesai pun apa-apa, kita dah buat perbincangan untuk draf kontrak. Sehinggalah hari ini Januari 2024 belum ada apa-apa perbincangan lanjut ataupun kata putuslah daripada pihak KDN ataupun kerajaan untuk memeteraikan kontrak dan kita hanya tinggal beberapa bulan sahaja lagi ini. Tinggal dalam empat bulan, lima bulan saja, yang kami agak ralatlah, kita tidak akan berjaya untuk sign kontrak sehingga Mei 2024.*

...

*Kemudiannya, soalnya yang macam mana? Meyakinkan syarikat, kenapakah menyebabkan YB bertanya tadi, apakah komitmen ataupun apakah yang menyebabkan yakin untuk syarikat teruskan? Okey, apabila kami telah menandatangani SST dan telah bayar bon pelaksanaan, kami telah berkomited berdasarkan SST untuk melaksanakan FWCMS sepenuhnya. Itu komitmen kami berdasarkan SST...”*

[Muka surat 27 - 29 Laporan Prosiding Bil 8(b)/2023 bertarikh 22 Januari 2024]

iii. **Pandangan AGC**

**Puan Norilawati binti Ismail [Peguam Kanan Persekutuan (Bahagian Penasihat) AGC] dalam prosiding Bil. 8(c)/2023 bertarikh 13 Mac 2024** memaklumkan bahawa AGC telah menerima draf perjanjian FWCMS pada 6 Mac 2024. Setelah meneliti draf tersebut didapati di bawah isu caj perkhidmatan, tiada punca kuasa dari segi undang-undang yang membenarkan syarikat membuat kutipan daripada pihak majikan ataupun orang awam.

Ini berdasarkan Artikel 96, Perlembagaan Persekutuan punca kuasa bagi mengenakan caj perkhidmatan bagi maksud Persekutuan kepada orang awam hendaklah diperuntukan di bawah undang-undang. Difahamkan pada asalnya caj tersebut akan dikutip melalui modul ePLKS tetapi modul tersebut belum digunakan. Oleh itu perkara ini perlu dilihat dan diteliti dengan sewajarnya.

*“**Puan Norilawati binti Ismail [Jabatan Peguam Negara]:** Yang Berbahagia Datuk Wira Pengerusi, okey. Pihak AGC telah terima draf perjanjian FWCMS pada 6 Mac 2024. Setelah meneliti draf perjanjian tersebut, ada satu isu yang pasal– isu caj perkhidmatanlah. So, pasal isu caj perkhidmatan itu, kita dapati tiada punca kuasa dari segi undang-undang untuk membuat kutipan– untuk company itu buat kutipan daripada pihak majikan ataupun orang awamalah.*

*Ini berdasarkan Artikel 96, Federal Constitution mengatakan, apa-apa kutipan daripada public, hendaklah mempunyai kuasa peruntukan undang-undang. So, kita difahamkan pada asalnya, kutipan ini akan dibuat melalui modul ePLKS, yang mana untuk ePLKS, saya dimaklumkan oleh pihak KDN, memang ada punca kuasa undang-undang.*

*Tetapi, ePLKS itu tak dapat dilaksanakan sebab kita masih belum go live untuk modul ePLKS. So, kita akan tengoklah dari segi punca kuasa untuk– dari segi punca kuasa untuk membuat kutipan itu di bawah klausa pembayaran. So, untuk nak luluskan by Jumaat ini, kita mungkin ada– with reservation-lah untuk that clause.”*

[Muka surat 24 Laporan Prosiding Bil 8(c)/2023 bertarikh 13 Mac 2024]



iv. **Pandangan SPRM**

**Encik Ahmad Kamal bin Abdul Rahman, Pegawai Siasatan SPRM dalam prosiding Bil. 8(c)/2023 bertarikh 13 Mac 2024** memaklumkan bahawa Surat Nasihat yang dikemukakan kepada KDN bertarikh 3 Ogos 2023, bertujuan menasihati pihak KDN supaya memuktamadkan dan menandatangani kontrak bagi mematuhi Kaedah Perolehan Kerajaan. Surat Nasihat ini menjelaskan Agensi hendaklah memastikan satu ikatan kontrak ditandatangani di antara kerajaan dan syarikat dengan kadar segera, iaitu tidak melebihi tempoh empat (4) bulan setelah SST ditandatangani oleh syarikat.

*“Encik Ahmad Kamal bin Abdul Rahman [Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]: ...Kerana ia berdasarkan kepada pematuhan— seperti mana kehendak perenggan PK 2.1, Kaedah Perolehan Kerajaan, yang menjelaskan bahawa, “Agensi hendaklah memastikan satu ikatan kontrak ditandatangani di antara kerajaan dan syarikat dengan kadar segera, iaitu tidak melebihi tempoh empat bulan setelah Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani balas oleh syarikat.*

*So, dalam pekeliling kerajaan memang dah ditetapkan. Dalam tempoh empat bulan, selepas Surat Setuju Terima, hendaklah kontrak ditandatangani. Terima kasih Yang Berhormat.”*

[Muka surat 24 Laporan Prosiding Bil 8(c)/2023 bertarikh 13 Mac 2024]

\*Kenyataan berkenaan perenggan PK 2.1 yang merujuk kepada kontrak ditandatangani antara Kerajaan dan kontraktor - *“Agensi hendaklah memastikan satu ikatan kontrak ditandatangani di antara kerajaan dan syarikat dengan kadar segera, iaitu tidak melebihi tempoh empat bulan setelah Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani balas oleh syarikat”* perlu dibaca bersama dengan PK 4.2.

### **6.1.3 Permohonan Kenaikan Caj dan Perlanjutan Tempoh Kontrak**

KDN telah memaklumkan bahawa Bestinet telah memohon perlanjutan kontrak bagi tempoh enam (6) tahun dan kenaikan caj kutipan dari RM100 kepada RM120.

### **Penjelasan KPE Bestinet Sdn. Bhd.**

**Tuan Ismail bin Mohd Noor, KPE Bestinet Sdn. Bhd. dalam Prosiding Bil. 8(b)/2023 bertarikh 22 Januari 2024** menjelaskan bahawa berdasarkan SST pada tahun 2018, Bestinet telah ditawarkan untuk mengutip caj kutipan sebanyak RM100 tertakluk kepada rundingan yang akan dijalankan. Kerajaan melalui UKAS mencadangkan caj kutipan tersebut pada kadar RM86 sahaja bermula pada tahun 2022 sehingga kontrak/SST tamat iaitu pada Mei 2024.

Walau bagaimanapun Bestinet telah mencadangkan agar tempoh kontrak dilanjutkan bagi tempoh enam (6) tahun lagi iaitu bermula dari tahun 2024 hingga 2030. Ini bagi membolehkan caj kutipan dapat dibuat dan Bestinet akan memperoleh semula kos pembangunan sistem FWCMS yang telah dibelanjakan serta membayar balik pinjaman yang dibuat bagi tujuan pembangunan sistem tersebut.

Bagaimanapun sehingga kini masih belum ada sebarang keputusan bagi tujuan tersebut.

***“Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Apakah perkara-perkara yang berbangkit, isu utama yang berbangkit di antara pihak kementerian dengan pihak syarikat dalam memuktamadkan perundingan ini? Seolah-olah benda berlarutan sejak sekian lama dan ada perkara yang tidak selesai. Tidak adakah situasi menang-menang di kalangan – di antara pihak syarikat dan juga kerajaan?*

***Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey, kami diberikan hak – diberikan penawaran kontrak SST untuk tahun 2018 sehingga 2024 dengan kutipan RM100 setahun pekerja untuk setiap permohonan PLKS baharu atau pembaharuan. Itu principle-nya YB ya. So, principle-nya adalah kami diberikan mandat untuk mengutip RM100 melalui pembaharuan PLKS dan juga PLKS baharu.*

*Sepanjang tahun 2018 sehinggalah hari ini, kontrak tidak di- maksudnya tidak diperkasakan ataupun dimuktamadkan kerana ada dua perkara. Satu, kerajaan mengatakan bahawa syarikat hanya berhak untuk mengutip bayaran itu bermula pada tahun 20...*

**Seorang Ahli: 2022.**

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** 2022 ya. Kerajaan membenarkan kami untuk mengutip bayaran bermula tahun 2022. Kemudian, pada nilai RM86.

Kami juga ada perbincangan dengan UKAS, telah dipanggil dengan UKAS, UKAS mencadangkan kepada KDN atau Kementerian Dalam Negeri supaya hanya mengutip daripada tahun 2022 sehingga tamat kontrak pada tahun 2024 pada nilai RM86. So, contentious-nya dekat sini kontrak tidak muktamad. Kami tidak collect. Kontrak masa itu tinggal beberapa bulan. Kerajaan perlu beri kepada kami apakah mekanisme pembayaran. Retrospektif- apa yang dibincangkan ya, retrospektif kerajaan tidak akan bayar. Maksudnya kutipan yang kami tidak berlaku tadi itu kerajaan tidak akan bayar upfront. Okey, itu satu ya.

Kami tanya kepada kerajaan, beri kami mekanisme macam mana hendak bayar kepada kami. Adakah kami perlu kutip? Kalau kami perlu kutip, sekarang ini lima bulan, kalau saya RM100, saya hendak buat katalah nilai kontrak tadi katalah satu point something bilion, nilai kontrak daripada SST, berikan saya cara macam mana saya hendak collect dalam masa lima bulan.

So, government tidak ada bagi, tidak ada cara. Hendak bayar, katalah government hendak ambil daripada government coffers, daripada akaun kerajaan, retrospektif, kerajaan dah commit kepada kami, tidak akan bayar retrospektif. So, macam mana kami hendak bayar ke depan? Macam mana kami hendak collect ke depan? Saya ada lima bulan ini. Saya hendak collect berapa? RM1,000 satu orang dalam lima bulan? Beri kami cara. Itu saja kami minta. Beri kami cara. Kalau kata tidak ada cara, why not kita buat variation order? Variation order, bagi kami term of schedule ke hadapan untuk kami collect berapa yang dipersetujui. RM100? Berapa ringgit?

...

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** A way forward extension of contract, berapa tahun dan sebagainya. Berdasarkan kepada kontrak ini, berapa tahun agaknya kontrak untuk hendak melunaskan your investment?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Kalau ikut yang IRR yang kami – kami ada IRR lah dengan investment yang kita buat dengan nilai kontrak. Sebenarnya kalau originally, kalau kita lihat daripada– saya tidak... [Tidak jelas] financial officer saya, so, dia kata lebih kurang 11 tahun dengan nilai RM100 lah, dengan profit yang– meaning, profit yang bukan excessive sebab kita hendak maintain the system within the period tetapi kita pernah mencadangkan kepada kerajaan kita punya variation order hanya untuk lima tahun ataupun enam tahunlah. Kita ikut kontrak yang lama. Tidak akan sampai 11 tahun.

So, kita cadangkan sampai enam tahun, 2030. Tahun 2024 sampai tahun 2030, dengan IRR yang memang sangat-sangat rendah, yang memang cukup-cukup to cover. Kalau RM180 juta setahun, kalau investment kami, dah berapa banyak loan yang kami dah buat dan berapa

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

*investment kami, kami sebenarnya dapat sikit sangat saja. Tidak mungkin break-even pun. Sebagai satu syarikat yang menjalankan perniagaan, break-even itu is just enough lah untuk kamilah pada waktu itu sebab kami ada— macam saya cakap tadi, mission kami lebih daripada itu. Kami bukan hendak jadi millionaire atau billionaire. Kami punya mission is more than that.”*

[Muka surat 27 - 29 Laporan Prosiding Bil 8(b)/2023 bertarikh 22 Januari 2024]

#### **6.1.4 Caj Kutipan Sistem Bio-Medical (BMS)**

Kontrak BMS telah bermula pada 2015 sehingga 2021. Kontrak telah dilanjutkan dan telah tamat pada Mei 2022. Caj sebanyak RM100 telah dikenakan bagi penggunaan sistem Bio-Medical (BMS) di luar negara.

##### **i. Penjelasan KSU KDN**

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, KSU KDN dalam Prosiding Bil. 8(a)/2023 bertarikh 5 Disember 2023** menjelaskan bahawa bayaran RM100 yang telah dikutip oleh vendor adalah caj bagi penggunaan sistem BMS di luar negara. Kontrak bagi sistem BMS ditandatangani pada tahun 2015 dan telah tamat pada Mei 2022.

Selain itu, dalam SST yang dikeluarkan pada tahun 2018 menyatakan bahawa BMS adalah sebahagian daripada FWCMS. Oleh itu sekiranya kontrak FWCMS ditandatangani caj kutipan yang dikenakan hanyalah RM100 sahaja.

*“Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: ... Kedua, bayaran RM100 itu yang dikutip daripada majikan. Majikan bayar kepada syarikat ataupun bayar terus kepada pihak Imigresen? Saya nak tahu. Itulah soalan saya. Terima kasih.*

*Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]: ... Kedua, bayaran RM100 itu dikutip oleh pihak syarikat. Nothing to do with agensi kerajaan, termasuklah JIM. So, dia caj based on BMS itu. Kontrak BMS sebelum ini, Yang Berhormat. Masa kontrak itu effective, I think okay, but now contract tu dah tak ada, Yang Berhormat. Untuk*

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

*makluman Datuk, dah tamat pun pada Mei 2022. Dah tamat kontrak BMS. Saya ingat saya sebut itu je lah.*

***Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:*** So, yang RM100 itu hanya BMS kutipan untuk RM100...

***Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:*** Sepatutnya BMS sahaja.

***Tuan Pengerusi:*** ...kepada BMS?

***Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:*** Ya.

***Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:*** Yang telah pun tamat dan dikutip oleh syarikat dan tidak diperoleh pun oleh pihak kerajaan, betul?

***Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:*** Ya.”

[Muka surat 18 -19 Laporan Prosiding Bil 8(a)/2023 bertarikh 5 Disember 2023]

***“Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:*** Terima kasih, tiga benda ya. Satu, BMS 2015, 2021 dia tamat. Then, 2021 Kabinet buat keputusan BMS diteruskan setahun lagi atau sehingga kontrak ditandatangani, yang mana lebih dahulu. So, sebenarnya BMS dah tamat 2022, to be exact, May or June ya. So, the collection of RM100 itu based on BMS, Yang Berhormat. So, dalam SST April 2018 itu, BMS ada part of FWCMS. The collections of RM100, katalah 2019 FWCMS boleh ditandatangani, dia tak akan jadi RM200. Dia still RM100, because of BMS is part of FWCMS. Jadi Yang Berhormat, collections of RM100 itu adalah based on BMS punya kontrak yang tamat mid of last year 2022. FWCMS, seperti Laporan Audit, even until now, today lima hari bulan, tak ada kontrak, belum ditandatangani. Tomorrow ada satu meeting lagi dengan pihak PUU, because of tak ada mutual understanding. Because of permintaan dia Yang Berhormat, adalah— kita tidak ada mandat langsung terhadap dua perkara itu ya. Extension of five years dan satu lagi, more than RM100. Itu memang kita tidak ada...”

[Muka surat 26 Laporan Prosiding Bil 8(a)/2023 bertarikh 5 Disember 2023]

ii. **Penjelasan KPE Bestinet Sdn. Bhd.**

**Tuan Ismail bin Mohd Noor, KPE Bestinet Sdn. Bhd. dalam Prosiding Bil. 8(b)/2023 bertarikh 22 Januari 2024** menjelaskan bahawa caj kutipan RM100 telah dikutip bermula dari tahun 2015 sehingga 2021.

*“Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]: So, berdasarkan kepada pungutan RM100 ya, kalau kita lihat daripada itu. Mana pada tahun 2015 sehingga 2021 kita ada kutipan. Hanya pada tahun 2020, 2021, tak ada kutipan...”*

[Muka surat 29 - 30 Laporan Prosiding Bil 8(b)/2023 bertarikh 22 Januari 2024]

### 6.1.5 Penetapan Nilai Kontrak RM1 Bilion Dalam SST

#### **Penjelasan TSUB Hal Ehwal Imigresen**

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff (TSUB Hal Ehwal Imigresen) dalam Prosiding Bil. 8(a)/2023 bertarikh 5 Disember 2023** menjelaskan bahawa penetapan nilai kontrak RM1 bilion adalah berasaskan jumlah purata PLKS yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen (JIM) sebanyak 1.65 juta permohonan bagi tempoh enam (6) tahun (2012 hingga 2017). Penetapan jumlah ini bertujuan bagi pengiraan nilai bon pelaksanaan yang perlu dikemukakan oleh vendor kepada Kerajaan sepanjang tempoh kontrak.

*“Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]: [Ketawa] Okey, berkaitan dengan nilai pertama sekali kerana SST ini perlu ada nilai selepas kita rujuk dengan pihak Bahagian Kewangan dan sebagainya. Apabila kerajaan me-award-kan sesuatu projek, selalunya kerajaan akan kutip bon jaminan. Jadi, bon jaminan itu perlu berlandaskan kepada angka. Jadi, angka ini bagaimana berlaku kerana...”*

...

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** *Saya Wan Saupee, Yang Berhormat Pengerusi. Angka RM1.65 juta ini berasaskan kepada purata jumlah PLKS yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen berasaskan kepada lima tahun pada masa tersebut. Jadi, berdasarkan sebagai contoh SST dibuat pada tahun 2018, makna diambil kira 2017, 2016, 2015, 2014, 2013 dan 2012 dan dipuratakan. Pada masa tersebut, saya dimaklumkan bahawa itulah figure yang dapat RM1.65 juta\*. Jadi, dia kalikan dengan angka RM100 dan kali dengan angka enam tahun dan campur dengan cukai. Itulah dapatnya angka RM1 bilion lebih.”*

[Muka surat 30 - 31 Laporan Prosiding Bil 8(a)/2023 bertarikh 5 Disember 2023]

\*merujuk kepada jumlah permohonan dan bukan nilai ringgit

### 6.1.6 Kos Pembangunan Sistem FWCMS

Berdasarkan SST pada tahun 2018, Kerajaan tidak akan mengeluarkan sebarang kos bagi pembangunan sistem FWCMS. Kos pembangunan akan ditanggung oleh syarikat Bestinet Sdn. Bhd.

#### Penjelasan KPE Bestinet Sdn. Bhd.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor, KPE Bestinet Sdn. Bhd. dalam Prosiding Bil. 8(b)/2023 bertarikh 22 Januari 2024** menjelaskan bahawa sehingga kini Bestinet telah membelanjakan sejumlah RM600 juta bagi tujuan pembangunan sistem FWCMS. Selain itu, syarikat juga mempunyai komitmen sebanyak RM300 juta bagi tujuan *technology refresh*. Justeru itu sekiranya kontrak dapat dimuktamadkan dan ditandatangani maka sistem FWCMS yang berharga RM900 juta akan diserahkan kepada Kerajaan Malaysia.

**“Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** ... *Saya nak tanya tentang berapa kos, jumlah kos dalam pembangunan sistem ini, selama ini, daripada 2005 sampai sekarang? How much have you invested?*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Okey, figure yang terakhir saya dapat— nanti kalau kata perlukan maklumat lebih lanjut tapi setakat ini kita dah spend lebih kurang RM600,000— sorry, RM600 juta. RM600 juta, sorry bukan ribu ya, RM600 juta. The figure itu saya tak tahu tapi total dia ialah RM600 juta.*

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

*Okey, salah satu komitmen kami apabila kami ataupun apabila kontrak dimeterai, kerajaan akan dapat sistem ini, kita akan handover. Maksudnya kalau investment kita RM1 bilion, contohnya ya. Contoh, RM1 bilion, kerajaan akan dapat satu sistem yang berharga RM1 bilion sebab kita akan serahkan tanpa apa-apa kos, tanpa apa-apa komitmen kepada kerajaan.*

*So, maknanya kita akan serahkan perkakasan, perisian, aplikasi, semua kita akan serahkan. Setakat ini, apa yang kita punya investment RM600 juta itu, kita ada komitmen RM300 juta lagi untuk buat technology refresh YB. So, meaning, katalah tahun 2024, katakan contoh kita ada kontrak hari ini, 2024 Mei apabila kita telah habis kontrak, kalau tak ada apa-apa sambungan. Kita akan serahkan semua kepada kerajaan dengan harga nilai tadi itu. Nilai tadi itu, katalah kita dah buat investment RM600 juta campur RM300 juta untuk technology refresh. Sistem tadi kita serahkan dengan harga RM900 juta kepada kerajaan Malaysia.”*

[Muka surat 30 Laporan Prosiding Bil 8(b)/2023 bertarikh 22 Januari 2024]

#### **6.1.7 Penggunaan Modul eEmbassy Dalam FWCMS Oleh Satu (1) Negara Sumber Sahaja**

##### **Penjelasan KPE Bestinet Sdn. Bhd.**

**Tuan Ismail bin Mohd Noor, KPE Bestinet Sdn. Bhd. dalam Prosiding Bil. 8(b)/2023 bertarikh 22 Januari 2024** menjelaskan bahawa Kerajaan Bangladesh dan Kerajaan Malaysia melalui Memorandum Persefahaman (MOU) telah bersetuju supaya proses pengambilan pekerja hendaklah dibuat secara *online* dalam sistem FWCMS iaitu modul eEmbassy. Pada masa ini, modul eEmbassy hanya digunakan oleh negara Bangladesh sahaja.

*“Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.].. Tapi untuk spesifik, di bawah MOU Bangladesh dan juga Malaysia, tidak ada apa-apa elemen manual berlaku, ya. Bangladesh dan Malaysia pada tahun 2018, tidak salah saya ya, yang mana di bawah MOU itu, Kerajaan Bangladesh dan Kerajaan Malaysia bersetuju tidak ada apa-apa elemen manual. Maksudnya, majikan apabila telah dapat kuota dan dia berhasrat untuk mengambil pekerja Bangladesh, dia akan masuk satu modul di bawah FWCMS dipanggil eEmbassy ya. Jadi, pada masa ini, modul eEmbassy hanya digunakan untuk negara Bangladesh sahaja.*



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

*Untuk negara-negara lain, mereka menggunakan sistem mereka sendiri. Seperti Indonesia, mereka menggunakan sistem c-Permit. Dia ada satu modul ataupun sistem mereka sendiri di kedutaan dipanggil c-Permit. Untuk India, dia ada satu modul ataupun sistem mereka sendiri dipanggil eMigrate. Jadi, maksudnya FWCMS ya, melalui kuota tadi tidak ada integrasi ke eMigrate dan juga c-Permit. Maksudnya, proses majikan pergi ke kedutaan ataupun secara online ke sistem kedutaan tadi, adalah melalui control mereka sendiri, kawalan mereka sendiri, ya.*

*Tapi spesifik kepada Bangladesh melalui FWCMS Modul eEmbassy, majikan akan login dan akan memohon attestation di bawah Modul eEmbassy. Kelebihan modul eEmbassy ini ialah di mana pegawai-pegawai di Kedutaan Bangladesh di Malaysia akan mengakses Modul eEmbassy untuk melakukan kelulusan attestation tadi. Maksudnya tidak ada permohonan secara manual. Tidak ada orang beratur di Kedutaan Bangladesh di Kuala Lumpur untuk mendapatkan attestation. ...”*

[Muka surat 10 Laporan Prosiding Bil 8(b)/2023 bertarikh 22 Januari 2024]

### **6.1.8 Sistem FWCMS Dipatenkan Oleh Vendor**

Pengauditan JAN telah mendapati terdapat permohonan daripada pihak vendor untuk mempatenkan sistem FWCMS dan kaedah pengurusan pekerja asing.

#### **i. Penjelasan KSU KDN**

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, KSU KDN dalam Prosiding Bil. 8(a)/2023 bertarikh 5 Disember 2023** menjelaskan bahawa KDN hanya mengetahui mengenai permohonan paten oleh vendor setelah pengauditan JAN dilaksanakan. Justeru itu, KDN telah mendapatkan maklumat mengenai permohonan paten tersebut daripada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan dimaklumkan bahawa terdapat tiga (3) perkara yang dimohon oleh vendor untuk dipatenkan.

*“Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Sekejap, soalan terakhir, terakhir buat masa inilah. Berkenaan dengan tadi, Datuk pun ada maklumkan tentang permohonan syarikat ini untuk paten, untuk dapatkan paten bagi sistem ini. Kita tahu bila ada permohonan paten dan sebagainya, pihak yang mungkin ada kepentingan boleh buat tentangan dan*

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

sebagainya. Jadi, saya nak tahu, apakah pendirian pihak kementerian terhadap langkah syarikat untuk patenkan sistem ini?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Patent that materialise hanya dapat tahu bila Audit masuk. Terima kasih kepada Jabatan Audit. Cuma niat tadi- So, dia paten satu tapi kita kena baca niat. So, tak boleh baca niatnya sekarang Yang Berhormat, sebab dalam draf kontrak itu kita ada sebut situ. Setelah lengkap, keseluruhannya lengkap, keseluruhan sistem ini kena diserahkan kepada kerajaan. Situ kita secure. Cuma concern Yang Berhormat tadi, saya pun agak ada curiosity di situ. Kalaulah paten ini menjadi hak milik syarikat, which is tak betullah dan Cuma niat tadi. Kalau niat dia untuk paten dan akhirnya serah, kita nampak kejalurannya itu tapi kalau dia elak competitor untuk bersaing dengan dia dan dia patenkan, in the first place benda itu salah. Ini saya nak sebut selaku pegawai pengawal. Sepatutnya tak betul dan dalam kontrak, kita ada ikat. Sepatutnya keseluruhan sistem itu diserahkan kepada kita bila dia siap nanti. Terima kasih Yang Berhormat.

...

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Kejam ya, Yang Berhormat. Nak tambah juga sikit. Paten itu pun ada tiga dia pohon. Terima kasih kepada Audit, dapat ini. Berkaitan dengan ada tiga benda tapi kami baru dapat feedback daripada MyIPO. Laporan MyIPO itu panjang. Tak sebut mana satu pun, but tafsiran kami pada paten yang dipohon oleh syarikat ini ialah the whole system. Jadi, yang itu pun saya minta diminitkan. Minta maaf Yang Berhormat.”

[Muka surat 17 - 18 Laporan Prosiding Bil 8(a)/2023 bertarikh 5 Disember 2023]

ii. **Penjelasan KPE Bestinet Sdn. Bhd.**

**Tuan Ismail bin Mohd Noor, KPE Bestinet Sdn. Bhd. dalam Prosiding Bil. 8(b)/2023 bertarikh 22 Januari 2024** menjelaskan bahawa Bestinet telah mempatenkan logo (*trademark*) dan hak reka cipta (*copyright*) bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Bestinet akan menyerahkan sistem perkakasan, perisian, dokumentasi dan hak milik harta intelek sepenuhnya kepada Kerajaan walaupun kontrak sistem FWCMS tidak disambung semula. Bestinet telah menyatakan komitmen untuk tidak membuat apa-apa tuntutan daripada Kerajaan terhadap paten yang telah didaftarkan sekiranya kontrak FWCMS tidak disambung.

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

**“Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey. Soalan kedua adalah adakah Bestinet telah patenkan sistem ini? Apakah rasional?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey. Kita patenkan untuk menjaga kepentingan kerajaan juga, YB. Kita memang ada buat trademark, copyright dengan paten. Trademark itu adalah contoh logo. Logo FWCMS. Itu trademark. Untuk copyright, kita buat copyright untuk sistem FWCMS itu sendiri dan juga kita patenkan FWCMS. Kalau kita lihat di bawah paten punya apa – perbadanan paten ini, yang kita di-granted hanyalah untuk system and method for facilitating employers for applying foreign workers. Komitmen kami apabila kita serahkan sistem, perkakasan, perisian, dokumentasi, kita akan serah termasuk paten kepada Kerajaan Malaysia.

Jadi, Kerajaan Malaysia adalah beneficiary of the patent. Kami serahkan hak milik, harta intelek kepada kerajaan sepenuhnya. Kami tidak akan ada minta claim apa-apa pun sebab kerajaan telah mendapat...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, yang itu kalau kerajaan setuju nak guna lagi. Betul? All right.

What if kalau kerajaan decide untuk tidak continue lagi dah? Ini tadi Tuan Ismail kata dah patenkan demi kepentingan bersama dengan Kerajaan Malaysia. What if, soalan saya, bagaimanakah sekiranya pihak kerajaan membangunkan sistem sendiri? Dia kata, “Oh, kami dah ada sistem lain dah”. Bagaimanakah – lebih kurang sama macam sistem yang lebih kurang sama macam FWCMS. Jadi, bagaimanakah kepentingan pihak syarikat walaupun sudah dipatenkan dan juga telah pun...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Diluluskan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** ...seperti yang telah dijaga sebelum ini.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Didaftarkan. Okey. Definitely daripada pihak syarikat, kita morally kita tidak akan demand kepada kerajaan. Morally ya. Itu komitmen saya sebagai wakil daripada syarikat. Contoh kalau kerajaan tak luluskan atau tak mahu sambung, kerajaan buat satu sistem yang sama tetapi nama lain. Katalah contoh “Pengurusan Pekerja Asing Berpusat”. Definitely kita tak boleh claim sebagai paten kita sebab dia adalah kerajaan punya. Definitely one, okay. Morally, kita tidak akan claim pun pada kerajaan sebab untuk apa? Kita tak ada apa-apa value pun untuk kita claim pun paten itu.

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

*So, paten ini sebab kita buat dulu bertujuan sebenarnya – paten kita buat sebenarnya untuk bagi kepada kerajaan, bukan untuk syarikat. Syarikat tak ada apa-apa makna pun paten ini. Kita nak bagi kepada kerajaan supaya kerajaan boleh guna pakai dan kata contoh kerajaan kata nak gunakan ataupun contoh Kerajaan Kuwait kata datang, contoh. Datang ke Malaysia kata, “Eh, Malaysia ada sistem baguslah. Saya nak pakai you punya sistemlah”. Macam mana? So, Kerajaan Malaysia boleh gunakan paten itu untuk bagi kepada agensi-agensi di sana sebab sudah diserah hak milik kepada kerajaan. Tak ada hak pun kepada syarikat.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *Itu kalau maksudnya kalau kita...*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Sambung.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *Syarikat bagi, sambung. Ini tak sambung. Maksudnya...*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Kita tak akan buat apa-apa YB.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *Mei 2024 ini selesai. Khalas, selesai. Jadi, maksudnya syarikat pun terpaksa FWCMS...*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Stop-lah.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *...stop dan ada penggunaan sistem lain. Itulah situasi yang akan...*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Ya, kami tidak akan claim untuk paten ini.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *So, you make a commitment here?*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Yes, betul YB. Kami ambil komitmen. Yes, sure.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *Sure? Loud and clear?*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Betul. Sebab itu sistem kerajaan bangunkan sendiri. Macam mana kami nak claim paten itu kecuali ambil documentation daripada paten dan buat sendiri. Kami daripada pihak kerajaan, kami tak akan buat apa-apa YB. Niat kami baik. Niat kami baik. Kalau apa-apa kerajaan nak buat atau berdasarkan sendiri, buatlah. Meaning kita tak ada commercial value pun.*

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *Tetapi apa-apa semua yang dapat daripada FWCMS itu datang daripada kerajaan. Sistemnya, datanya, dia punya proses dia.*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Betul. That's why kita berniat baik YB.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *Morally wrong if you claim from the government.*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *No, no, no. We will not claim from the government. We will not claim because this is why bila kita kata, contoh kita ada kontrak hari ini YB ya dan 2024-lah kata contoh memang kita daripada 2018 sehinggalah hari ini 2024, kita nak serahkan kepada kerajaan. Kita akan serahkan termasuk paten pun sekali YB."*

[Muka surat 52 - 54 Laporan Prosiding Bil 8(b)/2023 bertarikh 22 Januari 2024]

### **6.1.9 Kelemahan Pengurusan Kawalan ID**

Kelemahan dalam pengurusan kawalan *Identification* (ID) dalam sistem FWCMS di mana terdapat dua (2) ID yang dipegang oleh bukan pegawai KESUMA dan 24 *unauthorised user* yang telah pun meluluskan 24 permohonan majikan.

Mesyuarat Jawatankuasa Susulan Laporan Ketua Audit Negara (JSLKAN) Bil. 2 Tahun 2023 telah menyerahkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menjalankan siasatan.

#### **Penjelasan Ketua Pegawai Teknologi Bestinet Sdn. Bhd.**

**Encik Muhammad Shukri bin Abdul Mutalib, Ketua Pegawai Teknologi Bestinet Sdn. Bhd. dalam Prosiding Bil. 8(b)/2023 bertarikh 22 Januari 2024** menjelaskan bahawa pengurusan ID diuruskan oleh Bestinet sejak tahun 2018 bertujuan menguruskan ID bagi pihak Kerajaan, syarikat dan majikan serta Kerajaan dari negara sumber.

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Manakala berkenaan dengan 24 ID yang telah membuat permohonan kelulusan kuota, hasil laporan telah dikemukakan kepada KESUMA yang memaklumkan bahawa kesemua 24 permohonan yang dinyatakan adalah sebenarnya diluluskan oleh pegawai KESUMA sendiri.

Bagaimanapun pada 28 Mac 2023 KDN telah memohon agar pengurusan ID diserahkan kepada pihak KDN. Kini pengurusan ID telah diserahkan kepada pihak KDN.

*“Encik Muhammad Shukri bin Abdul Mutalib [Bestinet Sdn. Bhd.]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan semua ahli majlis. Saya akan menjawab dari segi pengurusan ID. Dari segi nota yang dah kami kumpulkan sebenarnya FWCMS ini dah macam tadi Encik Ismail bentangkan, bermula seawal tahun 2014 lah sebagai proof of concept. Maksudnya dari segi sistemnya bermula dengan kontrak, BMS telah di-sign pada tahun 2017. Kalau tengok dari segi FWCMS punya spirit, BMS itself dah di dalam FWCMS itu sendiri.*

*Dari segi pengurusan ID itu bermula penggunaannya daripada tahun 2014 lagi. Setelah FWCMS telah dapat SST pada tahun 2018, masih lagi penggunaan sistem pengurusan ID itu masih di bawah pihak syarikat because of pengurusan ID bukan sahaja untuk menguruskan pengguna di pihak kerajaan tetapi juga untuk menguruskan pengguna di pihak syarikat, di pihak majikan, di pihak kerajaan negara sumber. Setelah Kerajaan MADANI tertubuh pada tahun 2022, KSU telah melawat syarikat pada bulan Mac. Bulan Mac 2023.*

*To be exact, pada 28 Mac 2023, Datuk KSU telah hadir kepada syarikat untuk mendapatkan maklumat berkenaan FWCMS. Dari situ, Datuk KSU telah memaklumkan berkenaan dengan pengurusan ID. Selama pengurusan ID telah dijaga oleh syarikat daripada tahun 2014 hingga 2018, 28 Mac 2023 baru isu itu dibangkitkan untuk fasal pengurusan ID. Itu first time lah pihak KDN bercadang untuk meminta pihak syarikat untuk menyerahkan semua pengurusan ID diberikan kepada pihak KDN. Selepas itu, susulan daripada lawatan KSU dan arahan KSU, proses untuk serahan ID itu telah berlaku. Sehingga sekarang ini, pengurusan ID telah diserahkan kepada pihak KDN. Itu soalan yang pertama.*

*Mungkin soalan yang kedua yang tadi saya faham daripada Datuk Yang Berhormat Pengerusi, berkenaan dengan 24 ID yang telah membuat permohonan kelulusan kuota. Hasil dapatan daripada teknikal kami, kami telah maklumkan kepada pihak KSM, semua 24 permohonan yang dinyatakan telah diajukan oleh pihak syarikat adalah sebenarnya diluluskan oleh pegawai KSM sendiri.*

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

*Maksudnya daripada segi laporannya, kita telah hantar kepada KSM dan memberikan siapa pegawai yang telah meluluskan. So itu jawapan daripada syarikat, Tuan Pengerusi.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *Maksudnya isu yang 24 untuk unauthorised user ini telah pun dikenal pasti dan telah pun dihantar laporannya kepada pihak KSM, betul?*

**Encik Muhammad Shukri bin Abdul Mutalib [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Betul.”*

[Muka surat 58 - 59 Laporan Prosiding Bil 8(b)/2023 bertarikh 22 Januari 2024]

### 6.1.10 Keselamatan Sistem FWCMS

#### Penjelasan Ketua Pegawai Teknologi Bestinet Sdn. Bhd.

**Encik Muhammad Shukri bin Abdul Mutalib, Ketua Pegawai Teknologi Bestinet Sdn. Bhd. dalam Prosiding Bil. 8(b)/2023 bertarikh 22 Januari 2024** memaklumkan bahawa walaupun terdapat cubaan sistem FWCMS digodam, Bestinet dapat mengesan dan mengatasinya dari peringkat awal lagi. Manakala keselamatan pusat data juga adalah terjamin.

**“Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *Saya nak tahu apakah jaminan security of your system? Contoh imigresen. Boleh tidak orang lain hack dia and then tiba-tiba the whole thing tidak boleh pakai sama ada dalam negara atau luar negara? So, how secure is your system?*

**Encik Muhammad Shukri bin Abdul Mutalib [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Terima kasih untuk soalan itu, YB. Okey. Daripada segi kita kata pembangunan sistem IT, dia memang prone to hackable. Maksudnya orang suka untuk hack di sistem IT. Okey, untuk info YB juga, selama kita beroperasi daripada 2014 sampai sekarang, kita pernah dapat attack tetapi somehow even tahun 2022, kita pernah dapat attack daripada luar, kita dapat detect because of kita ada satu design yang kita kata it's quite comprehensive dan benda itu cuma mati dekat pintu masuk sahaja.*

*Okey, contoh macam negara luar, macam kita cakap medical centre dekat negara sumber, apa sekuriti yang kita enable-kan kita nak jadikan walaupun dia menggunakan internet, somehow kita juga enable-kan VPN maksudnya medical centre yang di negara sumber itu as good as kita punya network kita sendiri. That from the process of keselamatan. Daripada segi*

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

*access level-nya, dari segi keselamatan data centre-nya dari segi kita punya the programming standard, security semua in place sebab itu dalam selama kita beroperasi ini alhamdulillah, setakat ini walaupun kita pernah ada attack yang kita kata cuba attack tetapi kita masih selamat. That will be put on record-lah.”*

[Muka surat 65 Laporan Prosiding Bil 8(b)/2023 bertarikh 22 Januari 2024]

## 6.2 Sistem ePPAx

### Penjelasan KP JTKSM

**Tuan Kamal bin Pardi, KP JTKSM dalam Prosiding Bil. 8(a)/2023 bertarikh 5 Disember 2023** memaklumkan bahawa sistem ePPAx tidak mempunyai modul atau meliputi bagi proses kemasukan pekerja asing dan penghantaran balik pekerja asing kerana ianya bukanlah di bawah bidang tugas KESUMA/JTKSM.

Susulan pindaan Akta pada tahun 2023, majikan hendaklah membuat permohonan melalui Ketua Pengarah JTKSM bagi tujuan kelulusan sebelum permohonan pekerja asing dibuat yang mana perkara ini perlu dimasukkan ke dalam sistem ePPAx.

*“Tuan Kamal bin Pardi [Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia]: Terima kasih, Timbalan Pengerusi. Saya nak menyatakan oleh kerana peringkat awal tadi, ePPAx lebih awal kalau dilahirkan daripada— sebab, masa waktu mesyuarat pada tahun 2015 telah menyatakan bahawa untuk pembangunan sistem berkenaan dan telah dikeluarkan tender-tender untuk pembangunan sistem ini.*

*Mungkin saya tak nyatakan lebih secara holistik tadi oleh kerana kami tidak sampai kepada kemasukan pekerja asing dan juga penghantaran pulang. That is why sistem itu tidak ada kerana kami rasakan bahawa apa yang di bawah bidang tugas kami. Jadi, apabila pindaan akta 2023 ini mengkehendaki supaya sebelum sebarang permohonan pekerja asing, majikan hendaklah membuat permohonan melalui Ketua Pengarah JTKSM untuk melihat, jadi prior approval ini kena ada. Jadi, perkara itu perlu dimasukkan dalam ePPAx. Jadi, telah ada. Inilah yang saya kata kemungkinan tidak ada pula di pihak FWCMS.*

*Kepentingan— sama-sama penting. Masing-masing ada kepentingan masing-masing. Jadi, inilah yang saya nak kata, oleh kerana kami tak sampai ke peringkat akhir. Daripada*



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

*kemasukan pekerja asing hingga pemulangan pekerja asing, kami tidak terlibat. Kami cuma enforcement apabila berlaku pelanggaran, salah laku semasa mereka digajikan. That is why sistem itu kami tidak ada. Itu kami maklumkanlah. Terima kasih, YB.”*

[Muka surat 12 - 13 Laporan Prosiding Bil 8(a)/2023 bertarikh 5 Disember 2023]

### 6.3 Keperluan Integrasi Sistem ePPAx dan FWCMS

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Ogos 2015 telah meluluskan pembangunan sistem ePPAX dan FWCMS dimana kedua-duanya adalah berkonsepkan *single window*.

#### Penjelasan TSUB Hal Ehwal Imigresen

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff (TSUB Hal Ehwal Imigresen) dalam Prosiding Bil. 8(a)/2023 bertarikh 5 Disember 2023** menjelaskan bahawa perbincangan di peringkat KDN telah diadakan dan memutuskan supaya dibuat satu (1) *single window* sahaja. Ini kerana pengurusan pekerja asing merupakan satu pengurusan yang menyeluruh dan ia melibatkan sistem FWCMS dan ePPAx.

Di awal perbincangan dahulu, konsep *single window* melibatkan satu (1) permohonan dan satu (1) *interface* yang perlu dilaksanakan atau yang boleh dicapai oleh majikan dan juga pekerja asing tersebut. Itulah yang dikemukakan di peringkat FWCMS yang mana bermulanya proses *biomedical* dan juga permohonan kuota. Selepas itu diikuti dengan aktiviti-aktiviti berkaitan pembayaran gaji, pemantauan dan sebagainya sehinggalah pekerja asing itu balik semula ke negara asal.

*“Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, kalau saya boleh tanya bersusulan daripada soalan Yang Berhormat Kluang. Kalau kerajaan mulakan lebih kurang sama 2015, dalam MJM yang sama, dua parallel system, dua window, supposedly satu window. So, bermula daripada 2015 sudah ada dua parallel system yang berlaku dan saya sudah pasti bahawa ada feedback daripada majikan atau stakeholders dia akan beritahu kepada kerajaan kenapa dua system. Sememangnya dalam kerajaan ada jawatankuasa bersama, Kementerian Sumber Manusia*

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

dan juga KDN. Apabila perkara ini di – adakah perkara ini dibangkitkan dalam mesyuarat bahawa ada dua sistem yang bertindih? Itu soalan pertama.

Kedua, apabila ada masalah ini perlu ada penyelarasan, di mana kenapa daripada 2015 sampai 2021 masih ada parallel system sepanjang lima, enam tahun? Jadi, ini soalan kedua. Kenapa tak ada penyelarasan untuk satu window sahaja. Ini soalan yang kedua. Mohon penjelasan.

...

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Kementerian Dalam Negeri]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berbahagia Datuk KSU KDN. Saya Wan Saupee daripada Bahagian Hal Ehwal Imigresen. Berkaitan dengan isu single window, betul ada perbincangan di peringkat KDN setelah diputuskan supaya dibuat satu single window. Apa yang saya cuba ingin sampaikan di sini adalah, seperti yang disebutkan oleh Yang Berbahagia Datuk KSU KDN tadi, pengurusan pekerja asing merupakan satu pengurusan yang menyeluruh, daripada end-to-end. Analoginya adalah kita bercakap mengenai satu highway, daripada Perlis sampai ke Johor. Tetapi untuk sampai ke destinasi tersebut dia ada beberapa highway yang menghubungkan highway yang besar.

Jadi, itulah konsep pengurusan pekerja asing melibatkan FWCMS dan juga ePPAx. Ini kerana FWCMS kita bercakap mengenai pengurusan pekerja asing. Tetapi untuk ePPAx dia merangkumi kedua warganegara iaitu pekerja asing dan juga pekerja tempatan. Jadi, di situ ada satu integrasi yang perlu dibuat.

Di dalam konsep single window sebenarnya pada awal perbincangan dahulu, dia melibatkan satu permohonan. Permohonan melibatkan satu interface yang perlu dibuat, dilaksanakan apa yang boleh dicapai oleh majikan dan juga pekerja asing tersebut. Itulah yang dikemukakan di peringkat FWCMS yang mana bermulanya proses biomedical dan juga permohonan kuota. Selepas itu akan berlakulah aktiviti-aktiviti berkaitan dengan penggajian, pembayaran gaji, pemantauan dan sebagainya sehinggalah pekerja asing itu balik semula ke negara asal.

Itulah kenapa kita melihat, kita menjumpai banyak sistem-sistem yang berkaitan dengan pengurusan pekerja asing. Itu sebagai gambaran kasar, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.”

[Muka surat 15 - 16 Laporan Prosiding Bil 8(a)/2023 bertarikh 5 Disember 2023]

## 6.4 Kebergantungan Sistem FWCMS Dalam Pengurusan Pekerja Asing

### i. Penjelasan KSU KDN

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, KSU KDN dalam Prosiding Bil. 8(a)/2023 bertarikh 5 Disember 2023** menjelaskan bahawa sistem yang diwujudkan hanyalah bertujuan bagi memudahkan proses kerja pengambilan pekerja asing. Oleh itu, tanpa sistem proses kerja bagi pengambilan pekerja asing masih boleh dilaksanakan secara manual.

***“Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:...Jadi, saya ingin tahu status kebergantungan kementerian terhadap sistem ini. Adakah – maksudnya, kita tahu hujung ke hujung perlu ataupun tidak perlu sistem ini? Maksudnya, kalau sistem ini tidak ada atau sistem ini tiba-tiba gone, bagaimana? Saya nak tahu status kebergantungan kementerian terhadap sistem ini.***

***Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]: My answer very objective. Pengambilan pekerja asing bukan suatu yang asing bagi kita. Long time ago pun kita buat, tapi untuk memudahkan perlu ada sistem. Yang Berhormat Pengerusi, tanpa FWCMS pun kita boleh mengambil pekerja asing. Terima kasih.***

***Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tapi melalui manual lah?***

***Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]: Manual, yes. Even, katalah stop sekarang kan, and then masih kita boleh bawa, proses yang sama, medical checkup dia kena buat but semuanya manual lah, through manual. Saya sebut tadi, FWCMS hanya bermula pada 2018. BMS satu benda yang baharu lah tapi sebenarnya pengambilan, sejarah pengambilan pekerja asing dah lama dah, tahun 2000 – awal 2000 pun dah bermula. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira.”***

[Muka surat 13 -14 Laporan Prosiding Bil 8(a)/2023 bertarikh 5 Disember 2023]

Selain itu, **dalam prosiding Bil. 8(c)/2023 bertarikh 13 Mac 2024, KSU KDN** turut memaklumkan bahawa setakat ini KDN tidak mempunyai perancangan untuk

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

menggantikan sistem tersebut dengan yang baharu atau melantik syarikat pengendali yang baharu sekiranya tempoh sistem FWCMS tamat.

*“**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Saya nampak di antara syarikat ini dengan kementerian macam game of brinkmanship you know. The last-minute decision itu. Kita tak nak juga kementerian dia dalam keadaan macam on ransom, itu tak nak juga. Tapi walau bagaimanapun, sekiranya tidak disambung kontrak ini, adakah KDN akan melantik syarikat yang baharu yang sama seperti FWCMS itu? Ataupun upgrade sistem ePPAx dan sistem yang lain itu? Adakah dilantik semula company yang similar, sama function dengan FWCMS itu?*

***Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Untuk makluman Yang Berhormat seperti yang Dato’ Sri Khairul Dzaimie sebut tadi, nak menjawab tanpa FWCMS pun boleh. Kedua, kita tidak ada perancangan pun untuk menggantikan ataupun untuk melantik pengendali seperti yang sama macam ini.*

*Ini Yang Berhormat, untuk makluman dia user pays. Sepatutnya dia tidak ada kos pun pada kerajaan sebab user pays. Sebarang pembangunannya pun adalah atas kos pihak syarikat sendiri. Cuma terus terang Yang Berhormat Datuk Wira macam mana dia come out dengan RM165 million a year then times six dapat satu over billion based on SST. Even kalau dari segi teknikal bawa ke mahkamah pun SST tak boleh ini pun, campuran antara jumlah – RM165 times six plus – GST masa itu ada kurang RM400,000 dalam itu. Teknikalnya, YB Kluang kalau bawa ke mahkamah dia ada dispute dia. Bukti dia tak ini ya tapi I’m not trying to say about that.*

*Tapi apa yang saya sebut ialah tanpa sistem ini pun kita boleh berjalan. Macam Dato’ KP sebut dia lagi berpengalaman. Setakat ini kita tidak bercadang pun untuk melantik syarikat macam ini yang user pays seperti yang ada sekarang untuk makluman Yang Berhormat.”*

[Muka surat 9 - 10 Laporan Prosiding Bil 8(c)/2023 bertarikh 13 Mac 2024]

**ii. Penjelasan KSU KESUMA**

**Dato’ Sri Khairul Dzaimie bin Daud, KSU KESUMA dalam prosiding Bil. 8(c)/2023 bertarikh 13 Mac 2024** menjelaskan bahawa Sistem ePPAx boleh menjadi pelengkap kepada urusan kemasukan pekerja asing pada ketika ini.

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Sekiranya sistem FWCMS ditamatkan pada Mei 2024 dan terdapat keputusan dasar maka sistem ePPAx boleh digunakan bagi proses pengambilan pekerja asing.

**“Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *Sekejap, ya. Saya nak tanya dulu. Lepas itu saya bagi pada Saratok then Kluang.*

*Bagaimana kalau – saya nak tanya soalan ini pada KSU KSM, Sumber Manusia sebab sebelum ini pun pernah jadi KP Imigresen. Jadi, memang mengetahuilah how selok-belok dan juga kepenggunaan sistem tersebut. Bagaimana kalau sekiranya sistem FWCMS ini tidak dilaksanakan? Pada prosedur yang lepas saya tanya pada Datuk Ruji, Datuk Ruji kata, “Tak apa. Back to manual pun shouldn’t be a problem”. But saya nak tahu, apakah effect dipihak imigresen sekiranya ia tidak digunakan dan berbalik pada manual ataupun sebagainya? Terima kasih.*

**Dato’ Sri Khairul Dzaimie bin Daud [Kementerian Sumber Manusia]:** *Yang Berhormat Datuk Pengerusi dan semua Ahli-ahli PAC yang saya hormati sekalian. Sekiranya sistem ini ditamatkan pada bulan Mei – imigresen sendiri mempunyai sistem yang dipanggil MyIMMS untuk menguruskan semua transaction yang berkaitan dengan imigresen.*

*Selain daripada itu, saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Pengerusi dan semua Ahli-ahli Mesyuarat. Di KSM sistem e-P-P-A-x atau disebut sebagai ePPAx ini, sistem ini sebenarnya boleh menjadi pelengkap kepada urusan kemasukan pekerja asing sekarang ini. Sekiranya ada keputusan dasar bahawa sistem ini digunakan. Sistem ini boleh menjadi sistem sementara. Saya cadangkan begitu, sementara menunggu sistem NIISE yang sedang dibangunkan semula oleh kementerian dan imigresen sekarang ini disiapkan dan beroperasi sepenuhnya.*

*Jadi, kalau ditanya pandangan saya berdasarkan pada pengalaman, satu, dua bulan pertama mungkin akan ada sedikit hiccup, sekiranya sistem ini ditamatkan. Tetapi selepas itu saya percaya things will be back to normal. Kita boleh uruskan. Kalau dipersetujui untuk menggunakan sistem ePPAx ini, keadaan itu boleh diuruskan dengan lebih cekap, YB. Terima kasih.”*

[Muka surat 9 Laporan Prosiding Bil 8(c)/2023 bertarikh 13 Mac 2024]

Selain itu, **KSU KESUMA** turut menjelaskan bahawa sistem ePPAx boleh diintegrasikan dengan sistem NIISe dari JIM.


LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

**“Dato’ Sri Khairul Dzaimie bin Daud [Kementerian Sumber Manusia]:** Yang Berhormat, soalan sama ada boleh diintegrasikan ataupun tidak, jawapannya boleh ya. NIISe boleh diintegrasikan dengan ePPAx. Saya ingin memaklumkan sedikit — memberi sedikit maklumat tambahan di sini. Kita tidak seharusnya keliru antara sistem pekerja asing dengan NIISe.

NIISe ialah sistem keseluruhan imigresen yang merangkumi visa, pasport, keluar masuk di airport, lapangan terbang, di mana-mana jua pintu masuk negara dan dia akan menggantikan keseluruhan sistem yang ada sekarang. Di dalam sistem NIISe juga terdapat modul pekerja asing yang boleh digunakan sama ada di Malaysia ataupun di peringkat global oleh pejabat-pejabat attaché imigresen di luar negara.

Berbalik kepada soalan tadi, boleh diintegrasikan tidak ada masalah, Yang Berhormat kerana ePPAx juga diintegrasikan dengan sistem lain iaitu sistem PERKESO. Sebelum seorang majikan dibenarkan memohon kuota untuk pekerja asing, majikan hendaklah terlebih dahulu membuat iklan di dalam MYFutureJobs yang dikendalikan oleh PERKESO dan sistem itu berintegrasikan dengan ePPAx. Terima kasih Yang Berhormat.”

[Muka surat 15 - 16 Laporan Prosiding Bil 8(c)/2023 bertarikh 13 Mac 2024]



**RUMUSAN & SYOR  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA  
WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN**

## 7. RUMUSAN PAC PARLIMEN

PAC Parlimen merumuskan perkara-perkara berikut:

- 7.1 Tempoh pelaksanaan pembangunan *Foreign Workers Centralized Management System* (FWCMS) tamat pada Mei 2024 mengikut Surst Setuju Terima (SST) dan perjanjian masih belum ditandatangani setakat 13 Mac 2024 [Prosiding Bil 8(c)/2023].
- 7.2 Pada peringkat awal pelaksanaan projek pembangunan FWCMS, Kementerian Dalam Negeri (KDN) gagal mematuhi tatacara perolehan secara konvensional mahupun *Public Private Partnership* (PPP).
- 7.3 Antara faktor perjanjian masih tidak ditandatangani antara kedua belah pihak adalah permohonan perlanjutan kontrak bagi tempoh enam (6) tahun dan kenaikan caj kutipan dari RM100 kepada RM120 oleh Bestinet Sdn. Bhd.
- 7.4 Akibat daripada perkara 7.2 dan 7.3 perjanjian tidak dapat dimuktamadkan kerana tidak mendapat persetujuan daripada pihak-pihak yang terlibat walaupun tempoh kontrak di bawah SST akan tamat pada 31 Mei 2024.
- 7.5 Jemaah Menteri pada 26 Ogos 2015 meluluskan pembangunan Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) untuk menguruskan sistem pekerja asing dengan berkonsepkan *single window*. Pada mesyuarat yang sama, Jemaah Menteri juga meluluskan pelaksanaan FWCMS (KDN) yang turut menguruskan pekerja asing dengan berkonsepkan *single window*. Ini menyebabkan pertindihan fungsi antara agensi tersebut dalam



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

membangunkan sistem pengurusan pekerja asing dan pembaziran wang awam berlaku.

- 7.6 Penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) berkaitan 24 permohonan telah diluluskan oleh *unauthorised user* menunjukkan wujudnya kelemahan dalam pengurusan kawalan ID dalam sistem FWCMS.
- 7.7 Bestinet menyatakan bahawa tujuan mereka mempatenkan sistem FWCMS adalah bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan telah menyatakan komitmen untuk tidak membuat apa-apa tuntutan daripada Kerajaan terhadap paten yang telah didaftarkan sekiranya kontrak FWCMS tidak disambung.
- 7.8 KDN dan KESUMA berpandangan proses pengambilan pekerja asing masih boleh dilaksanakan melalui sistem ePPAx atau secara manual tanpa sistem FWCMS.

## **8. SYOR PAC PARLIMEN**

Bagi tujuan penambahbaikan PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan perkara-perkara berikut:

- 8.1 KDN dan Bestinet Sdn. Bhd. hendaklah dengan segera memuktamadkan keputusan perjanjian dan hala tuju sistem FWCMS.
- 8.2 KDN perlu memastikan sebarang perolehan berkaitan ICT dirujuk kepada dasar dan peraturan sedia ada yang berkuat kuasa oleh Jabatan Digital Negara (dahulu dikenali sebagai MAMPU).

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)  
DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

- 8.3 KDN hendaklah membetulkan kecelaruan yang berlaku dalam proses perolehan dan mencari jalan penyelesaian dengan segera.
- 8.4 KDN dan KESUMA perlu bekerjasama merangka pelan strategik yang menyeluruh berhubung pengurusan pekerja asing dan tidak terhad kepada pembangunan sistem semata-mata. Kedua-dua Kementerian perlu memastikan tiada lagi pertindihan fungsi sistem yang dibangunkan mengakibatkan pembaziran wang awam.
- 8.5 Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu memaklumkan perkembangan terkini terhadap siasatan 24 permohonan kuota pekerja asing yang telah diluluskan oleh *unauthorised user* seperti dilaporkan oleh KESUMA.

**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN**



**GAMBAR PROSIDING**




























## GLOSARI

## GLOSARI

AGC	Jabatan Peguam Negara
AKS	Agensi Kawal Selia
AP	Arahan Perbendaharaan
BPPM	Bahagian Pengurusan Pekerja Migran
ePPA	e-Permohonan Pekerja Asing
ePPAx	Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu
eVDR	eVisa Dengan Rujukan
FWCMS	Foreign Workers Centralized Management System
JAN	Jabatan Audit Negara
JANM	Jabatan Akauntan Negara
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia
JKK-PA	Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing
JKKPA-PATI	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPICT	Jawatankuasa Penilaian ICT
JSLKAN	Jawatankuasa Susulan Laporan Ketua Audit Negara
JTISA	Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam
JTKSM	Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
KAN	Ketua Audit Negara
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KE	Kementerian Ekonomi
KESUMA	Kementerian Sumber Manusia
KP	Ketua Pengarah
KPE	Ketua Pegawai Eksekutif
KSU	Ketua Setiausaha
LKAN	Laporan Ketua Audit Negara
MDN	Menteri Dalam Negeri
MSM	Menteri Sumber Manusia
MOF	Kementerian Kewangan
MOU	Memorandum Persefahaman
MyIPO	Perbadanan Harta Intelek Malaysia
OSC	Pusat Kelulusan Setempat/ <i>One Stop Centre</i>
PAC	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
PLKS	Pas Lawatan Kerja Sementara

PDRM	Polis Diraja Malaysia
PM	Peraturan Mesyuarat
POC	<i>proof of concept</i>
PPMDR	Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat
PPP	<i>Public Private Partnership</i>
RM	Ringgit Malaysia
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SST	Surat Setuju Terima
TKSU	Timbalan Ketua Setiausaha
TSUB	Timbalan Setiausaha Bahagian
VDR	Visa Dengan Rujukan
YAB	Yang Amat Berhormat





**AGENDA MESYUARAT  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA  
WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN**

**MESYUARAT PRA PROSIDING/PROSIDING  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
BERTEMPAT DI BILIK JAWATANKUASA 1  
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>05.12.2023/ Selasa/ 10.00 pagi</b></li> </ul>	<p><b>I. PRA PROSIDING BIL. 8 TAHUN 2023:</b> "Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)" <i>(LKAN 2022 - Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan)</i></p>	<p><b>JABATAN AUDIT NEGARA:</b> Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>05.12.2023/ Selasa/ 11.00 pagi</b></li> </ul>	<p><b>II. PROSIDING BIL. 8(A) TAHUN 2023:</b> "Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)" <i>(LKAN 2022 - Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan)</i></p>	<p><b>KEMENTERIAN DALAM NEGERI:</b> YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha</p> <p><b>KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA:</b></p> <p>i. YBhg. Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha; dan</p> <p>ii. YBrs. Encik Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah JTKSM</p>

LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
BERTEMPAT DI BILIK JAWATANKUASA 1  
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
<p>22.01.2024/ Isnin/ 10.00 pagi</p>	<p><b>PROSIDING</b> <b>BIL. 8(B) TAHUN 2023:</b> "Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)" <i>(LKAN 2022 - Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan)</i></p>	<p><b>KEMENTERIAN DALAM NEGERI:</b> YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha</p> <p><b>KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA:</b> YBhg. Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha; dan</p> <p><b>BESTINET SDN. BHD.:</b> YBrs. Tuan Ismail Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif</p>

LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
BERTEMPAT DI BILIK JAWATANKUASA 1  
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
<p>13.03.2024/ Rabu/ 2.30 petang</p>	<p><b>PROSIDING</b> <b>BIL. 8(C) TAHUN 2023:</b> "Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)" <i>(LKAN 2022 - Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan)</i></p>	<p><b>KEMENTERIAN DALAM NEGERI:</b> Yang Berbahagia Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha</p> <p><b>KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA:</b> Yang Berbahagia Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud, Ketua Setiausaha</p>



**LAPORAN PROSIDING  
(HANSARD)**



MALAYSIA

## LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 5 Disember 2023

Bil 8 / 2023

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Prosiding:**

**“Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx)  
dan Foreign Workers Centralized Management System  
(FWCMS)” (LKAN 2022 - Aktiviti  
Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan  
Badan-Badan Berkanun Persekutuan)**

**Jabatan Audit Negara**

YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi,  
Ketua Audit Negara

PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA**  
**BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

**SELASA, 5 DISEMBER 2023**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*  
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]  
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]  
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]  
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]  
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]  
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]  
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]  
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]  
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]  
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Puan Rusnida binti Muhammad Radzi [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]  
Puan Ilyani binti Md Razak [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

**Jabatan Peguam Negara**

Puan Rahayu bt Ab Talib [Peguam Kanan Persekutuan]

**Kementerian Kewangan Malaysia**

Cik Dara Isnita binti Mohd Rufin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Puan Nurhasmah binti Mohamed Kassim [P/Penolong Kanan Pesuruhjaya (Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan)]  
KPKPj Khairul Nurrahim Ashadi bin Abdullah [Timbalan Pengarah Sektor Pentadbiran Siasatan (Bahagian Siasatan)]

**Kementerian Ekonomi**

Encik Che Rahim bin Daud [Pengarah (Pembangunan Modal Insan)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Nadzemah binti Mohd Som [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi) (BPOPA)]

**SAKSI****Jabatan Audit Negara**

YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]  
YBhg. Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi) (Sektor Audit Prestasi)]  
Dr. Alifah Aida binti Lope Abdul Rahman [Pengarah Audit (ICT) (Bahagian Audit ICT)]  
Encik Mohd Serjana bin Ibrahim [Pengarah (Bahagian Susulan Audit)]  
Puan Nurul Huda binti Ismail [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Audit ICT)]  
Puan Nurhafiza binti Marsidi [Penasihat Undang-Undang (Unit Khidmat Nasihat Undang-Undang)]  
Puan Yuhanis binti Mohamed Zaki [Penolong Pengarah Audit (Bahagian Audit ICT)]  
Encik Rasdi bin Mohamed Razali [Pegawai Khas Pejabat Ketua Audit Negara]  
Puan Siti Anisah binti Abdul Rafie [Ketua Unit (Unit Komunikasi Korporat)]  
Encik Mohd Faez bin Fauzi [Pegawai Khas Pejabat Ketua Audit Negara]  
Encik Hasbullah bin Ahmad Juruiring [Pejabat Ketua Audit Negara]  
Encik Luqmanul Hakim bin Ab Ghaffar [MyStep (Unit Komunikasi Korporat)]  
Cik Noraty Fatimah binti Ahmad [Penolong Pengarah Audit (Bahagian Audit ICT)]



## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEDUA

BILIK JAWATANKUASA 1,  
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR

SELASA, 5 DISEMBER 2023

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.01 pagi**

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan salam sejahtera saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli PAC Parlimen ke-15. Kita ada Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Bangi. Ahli-ahli *ex-officio* PAC yang terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir pada pagi ini.

Hadir di hadapan kita dalam mesyuarat pra-prosiding pada hari ini adalah Ketua Audit Negara, Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd. Radzi. Terima kasih, Datuk Ketua Audit Negara, kerana sudi hadir untuk mesyuarat pada pagi ini.

Ahli Yang Berhormat, ahli-ahli mesyuarat sekalian, hari ini PAC Parlimen akan memulakan prosiding bagi isu Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan *Foreign Workers Centralized Management System* (FWCMS) yang dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022: Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan pada jam 11 nanti. Yang akan hadir dalam prosiding ini adalah Datuk KSU ya iaitu Yang Berbahagia Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha Kementerian KDN dan Yang Berbahagia Dato' Amran bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) Kementerian Sumber Manusia dan Yang Berusaha Tuan Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja, KSM.

Sebagaimana yang saya maklumkan sebelum ini, mesyuarat prosiding ini adalah amat penting sekali bagi kita PAC untuk kita mengetahui secara lebih lanjut, secara mendalam isu yang dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Justeru, saya berharap Ahli-ahli PAC sekalian dapat menggunakan mesyuarat ini sepenuhnya untuk bertanyakan kepada Yang Berbahagia Datuk Ketua

Audit Negara dan juga yang lain. Saya juga berharap Datuk Ketua Audit Negara juga dapat kongsi soal-soal kepada Ahli-ahli PAC untuk kita tanyakan kepada saksi-saksi daripada Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia dan JTK Semenanjung dalam prosiding selepas ini nanti.

Saya telah pun meneliti isu di bawah Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2022 ini dan mendapati bahawa nilai kontrak untuk ePPAx adalah berjumlah RM19.39 juta walaupun Kabinet pada 23 Februari 2015 telah pun meluluskan peruntukan berjumlah RM20 juta dan dilaksanakan secara tender terbuka. Manakala FWCMS yang dibangunkan secara *proof of concept* pula membabitkan nilai kontrak berjumlah RM1.049 bilion bagi tempoh enam tahun mulai 1 April 2018 hingga 31 Mei 2024.

Sehubungan dengan itu, saya pohon Yang Berbahagia Datuk Ketua Audit Negara dalam pembentangan nanti dapat memberikan nama dua syarikat yang mendapat kontrak ePPAx dan FWCMS berserta dengan ahli lembaga pengarah syarikat berkenaan.

Jadi, tanpa membuang masa, saya dengan ini mempersilakan Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya, Ketua Audit Negara untuk memulakan pembentangan dan sesi taklimat. Dipersilakan. Terima kasih.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Terima kasih Yang Berhormat. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam Malaysia Madani. Salam sejahtera.

Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara; Yang Berhormat Datuk Seri, Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, wakil-wakil agensi pusat, pengarah-pengarah audit serta pegawai-pegawai daripada Jabatan Audit Negara.

Izinkan saya terus untuk menyampaikan taklimat ringkas mengenai pengurusan pekerja asing melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan *Foreign Workers Centralized Management System* (FWCMS) yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 yang telah saya bentangkan pada 22 November yang lalu.

Secara keseluruhannya, pengurusan pekerja asing melalui sistem ePPAx dan FWCMS didapati adalah kurang memuaskan. Ini kerana sistem ePPAx tidak digunakan secara optimum, manakala 12 modul lengkap FWCMS hanya digunakan untuk satu negara sahaja serta kelemahan dari segi pengurusan perjanjian, integriti sistem, integriti data dan kawalan keselamatan sistem.

Sedikit latar belakang tentang pengurusan pekerja asing di Malaysia. Terlebih dahulu, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat mengenai latar belakang pengurusan pekerja asing di negara ini. Sebagai makluman, pengurusan dan kawalan pekerja asing diterajui oleh dua kementerian utama iaitu Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

KSM sebagai peneraju pembangunan dan pengurusan sumber manusia negara yang bertanggungjawab menggubal dasar guna tenaga negara, memantau pematuhan akta, mengadakan kerjasama bilateral dengan negara sumber serta menguruskan sistem berkaitan kelulusan penggajian pekerja asing.

KDN pula berperanan terhadap hal-hal imigresen termasuk dasar migrasi, dasar visa dan pas, kawalan pintu masuk, penguatkuasaan dan pengurusan pembangunan sistem imigresen bagi menjaga keselamatan negara dan ketenteraman orang awam daripada ancaman warganegara asing.

Bagi urusan kelulusan kuota penggajian pekerja asing, kedua-dua kementerian tersebut dibantu oleh lapan agensi kawal selia daripada pelbagai kementerian/jabatan/agensi mengikut bidang kuasa masing-masing seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia (MITI); Jabatan Mineral dan Geosains (JMG); Kementerian Perladangan dan Komoditi bagi sektor perladangan; MITI bagi sektor perkilangan; JMG bagi sektor perlombongan dan pengkuarian; CIDB bagi sektor pembinaan; Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi sektor pertanian; Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya bagi sektor perkhidmatan; Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bagi sektor perkhidmatan berkaitan restoran, pembersihan dan pencucian; dan Kementerian Pengangkutan bagi sektor perkhidmatan berkaitan dengan pengendalian kargo.

Jadi, pegawai-pegawai di bawah agensi-agensi kawal selia ini berperanan untuk membuat penilaian dan syor kuota pekerja asing yang boleh digajikan majikan mengikut syarat dan kriteria ditetapkan.

Skop pengauditan yang telah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah semakan terhadap dokumen-dokumen bagi tempoh tahun 2015 hingga 2022 iaitu tempoh di mana kedua-dua sistem ini telah dibangunkan dan diwujudkan. Manakala analisis data sistem data ePPAx dan FWCMS melibatkan data daripada tahun 2017 sehingga 2022.

Pengauditan telah dilaksanakan terhadap dua sistem pengurusan pekerja asing yang telah dibangunkan dalam tempoh tersebut iaitu ePPAx yang melibatkan Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Tenaga Kerja, manakala *Foreign*

*Workers Centralized Management System* dibangunkan oleh KDN tetapi juga melibatkan KSM.

Objektif pembangunan pelaksanaan kedua-dua sistem tersebut, seperti yang telah didapati oleh Jabatan Audit Negara, adalah untuk meningkatkan kecekapan pengurusan pekerja asing secara holistik serta membantu pencapaian dasar penggajian pekerja asing negara.

■1010

Kerajaan pada 25 Februari 2015 telah meluluskan peruntukan seperti yang Yang Berhormat Pengerusi sebut tadi. Peruntukan sebanyak RM20 juta kepada KSM untuk membangunkan sistem ePPAx dan pelantikan pembekal iaitu syarikat Ivy Matrix Sdn. Bhd. seperti yang tertera telah dibuat secara tender terbuka dengan kos keseluruhan berjumlah RM19.39 juta *within the parameter of the* peruntukan. Ia melibatkan 14 modul merangkumi fasa satu dan dua. KDN pula telah memulakan pelaksanaan FWCMS secara *proof of concept* dan sistem tersebut telah dibangunkan oleh syarikat Bestinet Sdn Bhd.

Seterusnya kalau dilihat daripada kronologi pelaksanaan kedua-dua sistem tersebut. *Next slide*. Pada 15 Julai 2014, KDN telah melaksanakan Projek Rintis FWCMS lebih awal melalui *proof of concept* dan seterusnya pada 15 Jun 2015, modul *Bio-Medical* dan eVisa dengan rujukan iaitu di bawah FWCMS telah dikuatkuasakan secara menyeluruh. Kerajaan pada masa tersebut, pada 26 Ogos 2015 pula bersetuju untuk membangunkan sistem ePPAx dan pelaksanaan FWCSMS. Pada 5 Mei 2016, Surat Setuju Terima (SST) bagi sistem ePPAx fasa satu telah dikeluarkan. Pada 16 Jun 2017, Perjanjian *Bio-Medical* BMS pula telah ditandatangani iaitu di bawah FWCMS. KDN pada 12 Januari 2018 mengeluarkan SST bagi FWCMS bagi tempoh enam tahun mulai 1 April 2018 hingga 31 Mei 2024 melibatkan 14 modul.

Pada 4 Mac 2020, sistem SST, sistem ePPAx fasa dua pula dikeluarkan. Kerajaan pada 22 Disember 2021 bersetuju penggunaan FWCMS sebagai sistem holistik *end-to-end* bagi pengurusan pekerja asing secara dalam talian. Kerajaan juga pada ketika itu memutuskan supaya Perjanjian FWCMS dimuktamadkan. Pada...

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Datuk. Ya boleh tanya satu soalan? Memandangkan kedua-dua sistem dibangunkan pada masa yang agak sama, *simultaneously* lah. Jadi, adakah Audit Negara tanya apabila buat pengauditan, ada tanya pada kedua-dua kementerian kenapa nak bangunkan dua sistem padahal objektif adalah sama dan kalau ada tanya apa jawapan mereka?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** *I think* apa-apa nama seperti yang YB boleh lihat *if* memang soalan itu diajukan oleh pihak

ini tetapi apa yang kita dapat ialah ini adalah keputusan kerajaan pada masa itu dan ia adalah keputusan yang telah dibuat oleh Jemaah Menteri. *So, the rationale* tu samada pegawai tidak ada lagi ke atau pun— tetapi memang kalau kita tengok sebab itu...tempoh pengauditan itu kita mula daripada tahun— *as early as 2014 because* proses itu dah mula daripada itu *and at one time* memang dua-dua sistem wujud bersekali.

*So, the reason why, YB I think maybe you should post the question to them.* Kenapa ada ini tetapi untuk *to be fair*, FWCMS juga melibatkan kedua-dua kementerian tetapi ia di bawah KDN. *Whereas* kalau ePPAx itu adalah di bawah KSM. Kalau kita lihat pun memang keputusan Jemaah Menteri pada 26 Ogos 2015 memang bersetuju supaya sistem ePPAx dibangunkan dan pada masa yang sama FWCMS juga dilaksanakan. *So, it was* memang dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada ketika itu.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Dalam mesyuarat yang sama kan?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Yes. *So, it was— so they know it is not something* yang apa orang kata tidak terlepas pandang atau dan sebagainya. Rasional itu mungkin *auditee* adalah lebih baik untuk menjawab.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Datuk, nak tanya balik pada muka surat 4 ya. *First* saya nak tanya dulu modul itu *actually* apa? *What is module actually?* Yang 14 modul, 15 modul? Adakah modul ini adakah— maksudnya kalau modul itu is kita punya macam silibus dan sebagainya. Tetapi modul dalam kes yang ini merujuk kepada apa? Adakah prosedur atau pun bidang kerja atau pun bagaimana?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Dia apa nama pemahaman kami adalah dia adalah pelbagai proses di bawah satu sistem tersebut. Tapi mungkin saya jemput Puan Dr. Alifah Aida daripada JAN untuk menjawab soalan itu secara teknikal.

**Dr. Alifah Aida binti Lope Abdul Rahman [Jabatan Audit Negara]:** Terima kasih Yang Berbahagia Datuk. Untuk makluman mungkin kita boleh buka *hyperlink*. Modul ini merupakan proses Yang Berbahagia Datuk, dia melibatkan nama modul seperti *eQuota, Bio-Medical, eEnforcement*. *So, that's why* kita *mention* dekat sini lah. Modul untuk ePPAx ada 14 modul dan FWCMS ada 15 modul yang mana dalam modul ini ada yang dikongsi bersama oleh KSM dan KDN. *So, dalam aplikasi sistem,* modul adalah merujuk kepada proses yang berlaku.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** So, kalau YB boleh tengok itu *even some of the module* itu masih belum siap lagi dan *go live*. Ini yang saya katakan FWCMS ini adalah melibatkan kedua-dua kementerian juga. So, dia ada *different-different* proses dalam satu sistem.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Lepas itu, dalam nilai kontrak ePPAx ada RM19.39 juta dan berbeza dengan yang kita punya *statement* RM20 juta. Adakah kita bundarkan ke atau pun satu? Kedua, kenapa FWCMS tidak ada nilai kontrak? Tak diletakkan?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Daripada segi RM19.39 juta itu saya kira itu adalah penjimatan lah pada ketika itu. So, *the amount given was RM20 but they only spend about RM19.39 million*.

Tentang FWCMS itu, ini sepatutnya lah kontrak yang kalau saya tengok balik yang kronologi itu memang ada keputusan pada supaya kontrak tersebut dengan antara KDN berapa hari bulan? Supaya ia kontrak sebab dia dah keluarkan SST pada tahun 2018 dan sepatutnya pada tahun 2021, kontrak tersebut dimuktamadkan. Jumlah berapa kontrak itu kita tak boleh nak tahu sebab ia belum diputuskan dan sebab ia tidak melibatkan kos. *What happened was that when vendor* itu *offered the system*, dia tidak ada melibatkan kos. *It was like* dia buat *on their own cognizance*. So, tetapi memang dah ada keputusan Jemaah Menteri pada masa itu supaya kontrak tersebut perlu dimuktamadkan. Pada 22 Disember 2021 Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Itu mesyuarat Jemaah Menteri 22 Disember betul?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Betul.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Diputuskan supaya Perjanjian FWCMS dimuktamadkan?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Betul dan pada mesyuarat yang sama juga keputusan Jemaah Menteri supaya sistem ePPAx tidak digunakan. So, dia putuskan ePPAx tak payah pakai dan muktamadkan perjanjian FWCMS.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Maksudnya hanya pakai FWCMS tetapi sampai hari ini perjanjian itu tidak dimuktamadkan. Betul tak betul?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Betul ya. So, kalau perjanjian tidak dimuktamadkan saya nak tanya dekat sini. Mesti *you all* ada dalam ini. Ada tak bayaran yang— Berapa juta? RM1.049 bilion itu dibayar kepada *company* ini?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Tidak dalam pengetahuan Jabatan Audit Negara.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. So walaupun SST dah keluar pada 12 Januari 2018?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Tidak. Mengikut dokumentasi yang kita terima memang tidak ada pembayaran yang telah dibuat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Ada tak bayaran yang dikutip oleh pihak syarikat tersebut?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** So, yang kita maklumkan bahawa sebarang permohonan perlu bayar *direct* kepada Bestinet kan?

#### ■1020

Untuk kalau kita tengok tadi yang modul-modul itu sebab ia telah ada beberapa modul ini yang telah pun dimuktamadkan yang telah diselesai. Macam *e-biomedical*. Tadi, saya sebut modul *biomedical* dan *eVisa* dengan rujukan telah pun dikuatkuasakan secara menyeluruh sejak tahun 2015. Maka, sesiapa pemohon perlu membuat bayaran. Tapi, bayaran itu pergi kepada vendor. Ya. Bestinet.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Maksudnya vendor yang dapat kutipan itulah.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Berapa jumlah yang mereka kutip? Dapat. Ada *info*?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Kalau satu permohonan itu lebih kurang RM100 seorang.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Itu berlanjut daripada— itu 2015? Betul?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Itu tak, sistem itu daripada 2015.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, tapi *they enforce* penggunaan itu 2000?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** 2015.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** 2015.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Modul itu telah pun diputuskan dan dilaksanakan mulai daripada 2015. So, *the charge* kalau katakan *any application* untuk dapatkan— ini caj-caj perkhidmatan *is about RM100* bagi pekerja asing seorang.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Datuk, tapi kalau satu pekerja asing contohlah kalau dua juta pekerja asing kalau 100, berapa eh? Saya tak reti kira. *Lawyer* selalu tak reti kira. Berapa ya?

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** 200 juta. [*Ketawa*] 200 juta.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Tapi, *we don't have the data* YB tentang berapa *collection* because that was not available to us.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Soalan tambah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya, maaf.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Berkenaan dengan SST dan juga pelaksanaan FWCMS itu. Adakah dinyatakan di mana-mana dalam surat tawaran ataupun dalam mana-mana pernyataan dalam pelaksanaan itu yang membenarkan Bestinet untuk mengutip fi ataupun apa-apa yuran maknanya secara spesifik disebutkan. Macam yang 100 tadi kan, makna *is it* dia standard— ada dinyatakan dalam mana-mana dokumen ataupun tidak dinyatakan secara muktamad?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** So, difahamkan Yang Berhormat penama untuk yang *biomedical* dan *eVisa* ini yang melibatkan permohonan daripada *application* dalam kontrak yang telah dikuatkuasakan itu memang ada dibenarkanlah kebenaran diberi kepada syarikat untuk kutip caj perkhidmatan. So, itu yang kita nampak *but* nak kata kontrak besar bagi sistem itu sendiri memang belum ada lagi. Belum dimuktamadkan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Datuk, nak tanya. Dalam 12 Januari 2018, KDN keluarkan Surat Setuju Terima (SST) untuk syarikat ini bangun, bekal, menyedia dan menyelenggara FWCMS bagi tempoh enam tahun *start* daripada 1 April 2018 sampai 31 Mei 2024. Dia melibatkan 14 modul dengan nilai perjanjian RM1.049 bilion. Ini dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara, muka surat 12-12 untuk tajuk inilah.

So, saya nak tanya. Maksudnya di sini memang betul-betul kontrak itu nilainya RM1.049 bilion sebagaimana yang SST telah pun dikeluarkan oleh KDN. Tapi tak dinyatakan dalam nilai kontrak dekat sini. Kalau dah ada SST, kenapa tak dinyatakan nilai kontrak?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Sebab, kontrak itu tak ada lagi YB. [*Ketawa*]

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Maksudnya yang perjanjian itu tidak dimuktamadkan?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Tidak. So, sebab itu keputusan...



**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** So, kalau nilai perjanjian itu tidak dimuktamadkan, tidak dinyatakan di sini, so bagaimana dengan keadaan pihak pembekal itu? *How?*

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** *They are now operating in a vacuum.* Sebab tidak ada kontrak. Kalau ikut SST pun dah...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *Again,* masalah pematuhan maksudnya tidak kontrak.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** *Yes. Working in a...*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Minggu lepas pun *contract agreement*, yang sebelum itu pun *contract agreement*. *This is our problem.*

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Ya, Datuk Wira Pengerusi. Jenis...

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Saya nak tanya perjanjian BMS itu 16 Jun 2017 yang itu apa benda pula? 2017.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Itu yang perjanjian *biomedical*. Itu di bawah...

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *Biomedical* sahaja?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Ya, *biomedical*.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *It's not the contract?*

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Salah satu modul di bawah FWCMS. So, dia ada sub-sub *agreement* di bawah FWCMS yang telah ditandatangani. So, itulah berdasarkan perjanjian sub-sub *agreement* ini yang vendor melaksanakan dia punya *charges* itu.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, Datuk boleh kami tahu sama ada audit dapat dokumen SST itu dan apa yang dinyatakan dalam SST itu. Kalau tak ada jumlah, tak ada yang butiran lain, jadi apa yang dinyatakan dalam dokumen tersebut dan boleh tidak pembekal saman kerajaan menggunakan dokumen ini.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Semuanya ada dalam *report*. So, kandungan— kita telah merujuk semasa proses pengauditan SST, Jabatan Audit Negara telah pun merujuk kandungan isi SST ini dengan pihak-pihak yang berkaitan dan kita dapati ia adalah selaras dengan kehendak pekeliling berkenaan dengan SST pesanan kerajaan bahawa— tapi *it is still* SST lah YB. So, as...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya nak tanya pada PUU lah Datuk. Ada dekat sini ya? Tak apa. AGC, AGC. AGC kan. Yalah dia cakap dekat sini *is* Surat Setuju Terima. Lepas itu, nilai RM1.049 bilion. Kerja dah buat. Kerja dah buatlah maksudnya membekalkan, dia menyediakan platform dan sebagainya tapi sampai sekarang perjanjian tidak dimuktamadkan. Saya nak tanya, adakah dengan adanya SST itu memadai mengikat kerajaan sebenarnya. Sebab dia dah bagi servis dah ini. *And then*, kerajaan tak bayar. So, macam mana kerajaan nak *protect*? Minta AGC punya respons. *Thank you*.

**Puan Rahayu bt Ab Talib [Peguam Kanan Persekutuan]:** Terima kasih Yang Berbahagia Datuk. Berkenaan dengan isu SST, perkara ini ada dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara, yang mana pandangan ada dikeluarkan kepada—berhubung dengan perkara ini yang mana kita berpandangan bahawa SST tersebut adalah selaras dengan pekeliling Perbendaharaan. Jadi, ia hanyalah satu kontrak yang mengikat pihak-pihak sehingga satu kontrak yang formal ditandatangani.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya nak tanya, kenapa—ada tidak audit tanya pada dia orang daripada 2018 sampai 2021—berapa tahun eh? Lima tahun? Empat? Tiga? Empat eh? *[Ketawa]*

Okey, kenapa ambil masa yang panjang untuk tidak memuktamadkan kontrak? Apa masalah dia?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** YB, *that question you have to post to auditee* YB because itu yang dapatan yang kita nampak. Kenapa masa terlalu lama untuk memuktamadkan dan masih lagi tidak muktamad. Perkara ini juga kita telah bawa kepada kementerian selepas pembentangan.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Maaf Datuk Pengerusi...

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Boleh saya...

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Sebentar Datuk. Saya nak tanya, jadi *individual modules* ada yang ada perjanjian. Cuma, untuk kira *the whole system* tak ada satu *master agreement* yang *govern* hubungan di antara pihak-pihak?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Betul.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Betul ya? Okey. Terima kasih.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Boleh saya teruskan YB? *[Disampuk]* Okey, *thank you*. Okey, *next*.

So, pencapaian sistem YB, selepas Disember 2021 apabila keputusan telah diambil untuk FWCMS diguna pakai selepas pembukaan semula sempadan pasca COVID-19. Didapati permohonan pengajian pekerja asing tidak lagi diproseskan

menggunakan sistem ePPAx menyebabkan 11 daripada 14 modul yang siap tidak digunakan langsung.

Hanya tiga modul sahaja— boleh *hyperlink* ya. Hanya tiga modul sahaja digunakan iaitu modul kalkulator, meja bantu dan pentadbir sistem.

#### ■1030

*So, the rest* itu, yang dalam kotak merah itu... [Merujuk pada paparan di skrin] Tidak lagi diguna pakai selepas Disember 2021.

Manakala bagi FWCMS, tiga daripada 15 modul belum siap dan *go live* seperti yang tertera sebelum ini. Ujian *walk-through* audit terhadap modul eQuota juga mendapati data sejarah permohonan dan kelulusan kuota tidak dipaparkan seperti ketetapan. Ini boleh menyebabkan kelulusan kuota melebihi had kelayakan majikan.

Pencapaian keberhasilan pula mendapati bahawa sistem ePPAx tidak tercapai disebabkan ianya tidak digunakan secara optimum. Jadi, seolah-olah membuat pembaziran sebanyak RM19.39 juta yang telah diperuntukkan. Hal ini disebabkan KDN sendiri menggunakan sistem myIMMs bagi kelulusan kuota dan keputusan kerajaan untuk menggunakan FWCMS sebagai sistem holistik *end-to-end* bagi pengurusan pekerja asing.

Manakala daripada segi pencapaian keberhasilan untuk FWCMS belum dapat dinilai kerana daripada 12 modul lengkap yang digunakan, *actually* hanya ada satu sahaja negara sumber yang diguna pakai, iaitu Bangladesh, berbanding 15 negara lain yang dibenarkan.

Jadi, itu daripada keberhasilan pencapaian sistem yang sedia ada.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Datuk, jadi maknanya yang untuk negara lain itu sistem apa yang digunakan?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Dia gunakan juga sistem itu tetapi dia tak gunakan sepenuhnya modul FWCMS itu. Dia hanya gunakan 10 modul. Itu tak termasuk ada— kalau tengok balik ada sistem itu, *so* dia tak pakai eRecruitment dan eEmbassy. *So*, yang itu, dia gunakan kaedah modul manual bagi proses yang sama. *So, a bit technical*. Dia pakai juga tetapi dia tak gunakan sepenuhnya sistem ini. Yang sepenuhnya hanya Bangladesh sahaja.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Maaf, Datuk. Untuk ePPAx ini yang mana dikatakan 11 daripada 14 modul tidak digunakan itu, sama jugalah? Maksudnya, untuk modul-modul ini, digunakan secara manual atau sistem lain atau macam mana?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Dia tak pakai langsung, YB. *It is just that* lepas teguran audit, barulah KSM gunakan tapi dia

gunakan untuk perkara lainlah. *It is not for* pekerja asing. Sebab, kita tegur kenapa tak pakai langsung, so barulah digunakan. Tapi, *it is not for the objective* asallah semasa pembangunan sistem tersebut.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Jadi, walaupun modul ini dah siap, dah *go live*, tapi tidak digunakan?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Itu mengikut keputusan Jemaah Menteri pada tahun 2021.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Okey. Terima kasih.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Boleh saya teruskan? Okey.

Daripada segi pengurusan pembangunan/pelaksanaan sistem, kita dapati bahawa bagi sistem ePPAx, tetapan modul permohonan pekerja asing telah diubah bagi membolehkan permohonan melebihi kelayakan. So, *even* masa digunakan pun, dia agak-agak *loose*-lah daripada segi kiraan kelayakan kuota pekerja asing. Formula boleh ditukar-tukar mengikut nisbah kelayakan.

Kedua ialah permohonan rekalibrasi tenaga kerja. Ini agak teknikallah, YB. So, dia merupakan program khas untuk menjadikan pendatang, PATI sebagai pekerja asing yang sah. Ini selaras dengan pemutihan PATI untuk membolehkan mereka digajikan sebagai pekerja yang sah.

Manakala bagi FWCMS, daripada segi pembangunan/pelaksanaan sistem itu, apa yang memang jelas adalah perjanjian antara KDN dan syarikat masih belum ditandatangani walaupun SST telah dikeluarkan pada 12 Januari 2018 dan walaupun ada keputusan Jemaah Menteri pada 22 Disember supaya perjanjian tersebut dirunding dan dimuktamadkan kaedah pelaksanaan, terma dan syarat perjanjian. *All those details* yang ada dalam SST itu, kita tak tahu *what is the final contract because* masih belum dirunding dan diputuskan.

Seterusnya, satu *observation* ialah kita dimaklumkan juga bahawa syarikat Bestinet telah pun memohon dan telah pun mendapat kelulusan untuk mempatenkan sistem dan kaedah pengurusan pekerja asing. Jadi, maksudnya, FWCMS itu adalah milik sepenuhnya Bestinet.

Ketiga ialah kelemahan daripada sistem integriti sistem tersebut. Di mana, daripada segi kawalan ID, semasa pengauditan, pegawai audit mendapati ID *super admin* KSM dipegang oleh individu bukan pegawai KSM. Maksudnya, pegawai Bestinet itu sendiri yang boleh masuk sistem itu. Kedua ialah kita dapati juga 24 *unauthorised user* yang bukan daripada kalangan pegawai KSM telah meluluskan sebanyak 1,356 kuota pekerja asing.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Datuk, saya ingin tanya berkenaan isu ini. Saya membaca laporan LKAN semalam dan dapat ada satu syarikat yang nombornya 895689 yang juga dapat akses ke sistem ini. Jadi, siapa yang di belakang syarikat ini dan apa nama syarikat ini yang mempunyai akses walaupun bukan pembekal sistem ini?

Muka surat 12-52 dalam laporan penuh. Ke bawah lagi. *[Merujuk kepada Sekretariat]* Sebelum jadual— ya, di sini tengok. *[Merujuk pada paparan di skrin]* Ayat pertama itu. Syarikat 895689-U. Siapa syarikat ini ya? Kerana, dia bukan pembekal, dia bukan Bestinet.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Okey, YB, *thank you*. Ini semasa pengauditan itu, *so what the team did is that they trawl through* sistem itu dan juga dia dapat juga maklum balas daripada Telekom Malaysia. So, syarikat yang itu adalah daripada syarikat Telekom Malaysia. *Because, when they check the numbers*, macam mana mereka boleh masuk, itu— syarikat yang YB tanya itu adalah Telekom Malaysia.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Kedua? Nombor kedua itu?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Bukan. Ini YB tanya yang sumber, kan?

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Syarikat— yalah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Syarikat 895689 itu.

**Puan Wong Shu Qi [Ahli PAC]:** Nombor kedua itu. Syarikat...

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Oh, *sorry, sorry*. Saya ingat saya baca yang sumber. Yang itu, nombor dua itu. *Team?* *[Merujuk kepada pegawai]*

*[Saksi-saksi berbincang sesama sendiri]*

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Syarikat yang— supaya kita dapat bagi maklumat yang betul. Nombor dua, syarikat 895689-U, pengguna syarikat ialah Synerflux Sdn Bhd. Dia *manpower recruitment*.

**Puan Wong Shu Qi [Ahli PAC]:** Jadi, siapa pemilik syarikat ini ya? Ada nama mereka tak? Nama pemilik.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Yang ini, kita dapat daripada SSM, YB. So, *details* itu YB pun boleh tanya. Sebab, yang ini, penemuan dia pun kita *share* juga dengan *audittee*. Tapi, kita nampaklah yang ini *is a recruiting company* yang masuk dalam sistem itu.

## ■1040

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** *Manpower recruitment company, ya?*

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Ya, kalau berdasarkan sijil yang kita dapat daripada SSM, ia adalah *manpower recruitment company*.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Secara ringkas, mereka juga agensi pekerja asing?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Ya. Tapi, ini antara yang kita nampak tadi, berapa? *24 unauthorised user*. Dia boleh masuk sistem itu dan dia pun boleh *authorise* pekerja asing.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Datuk, saya nak tanya. Bila dikatakan di situ *unauthorised user*, maknanya— apa maknanya? Maksudnya *username* itu tidak didaftarkan dalam sistem ataupun *anonymous* kah? Apa maksud *unauthorised user*?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Dia bukan Pegawai KSM itu sendiri.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Jadi, maksudnya bukan Pegawai KSM, maksudnya ada kemungkinan ianya daripada syarikat yang melaksanakan FWCMS ini?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Dia – *well, authorised user* adalah pelulus kuota tersebut. So, dia bukan kalangan...

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Orang yang...

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** ...Kementerian. *So, anybody*. So, dia masuklah. Macam mana dia boleh masuk sistem itu, itu yang kita persoalkan.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Baik.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Sekejap, nak faham Datuk Wira – Datuk Suraya, keliru sikit. Maknanya, *unauthorised user* yang boleh masukkan nama-nama pekerja asing dalam sistem ini, dia masuk itu untuk dapat kelulusan kah – maknanya, bila dia masuk dia dah lulus? Ke macam mana itu?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Dia masuk dan meluluskan kuota.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Dia yang meluluskan. Dia yang masuk, syarikat dia yang minta nak *recruit* pekerja asing, dia yang meluluskan sendiri *without the knowledge of KSM*? Begitu?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Itu kita tak tahu, YB. Yang kita tahu ialah apabila *the team* nampak, *check the system*, kita dapati nama syarikat dan bukannya pegawai. Ini adalah penemuan Audit dan bila – dan penemuan Audit ini telah dikongsikan dengan *auditee*, sama ada dia tahu atau tidak itu soalan itu baik seeloknya ditanya – ditujukan kepada *auditee*. Tapi apa yang kita nampak, YB bila – ialah ianya adalah *authorised– unauthorised user*, bukan Pegawai KSM dan dia meluluskan kuota bagi entiti lain. Bukan diluluskan untuk diri dia tetapi diluluskan untuk *third party*.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Dia macam orang tengah lah, kan?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Yes.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Nak ni, nak *put on record* lah, Datuk. *How many percent of* pekerja asing yang telah diluluskan mengguna sistem ini *are from unauthorised user*?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Yang Audit jumpa adalah seperti yang tertera, YB. *So, 24 unauthorised user* bagi kelulusan 1,356. *Percentage* itu kami tak boleh nak – itu adalah *sampling*.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Setakat *sample* ini saja lah?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Setakat *sample* ini saja.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Maknanya *it can be more* lah?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Yes.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *Frightening*, ya.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Sebab itu dibawa oleh pihak Audit itu, YB. Boleh saya teruskan?

Seterusnya ialah syor Audit – syor Audit *basically* ialah supaya kedua-dua kementerian, KSM dan KDN hendaklah memutuskan pihak yang akan bertanggungjawab penuh terhadap sistem pengurusan pekerja asing tanpa mengabaikan keperluan semua pihak berkepentingan. Sistem yang digunakan hendaklah mempunyai ciri-ciri *interoperability*, *skillability* dan *sustainability* supaya proses pengurusan pekerja asing ini dapat dijalankan secara *seamless*. Sekarang ini agak keliru sikit yang mana sistem yang sebaiknya. Tapi FWCMS telah pun diputuskan oleh kerajaan untuk menjadi *end-to-end system* lah.

Kedua ialah KSM dan KDN hendaklah memastikan tadbir urus pelaksanaan dan pembangunan sistem ini mematuhi peraturan kerajaan yang berkuat kuasa sebab nak menjamin hak dan kepentingan kerajaan serta keselamatan negara.

Ketiga ialah pelaksanaan proses pengurusan pekerja asing yang cekap, telus dan berintegriti sebab kita kluatir tentang isu-isu sekuriti.

Saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat kepada slaid seterusnya. Isu-isu selepas pembentangan Laporan Ketua Audit Negara ini, 14 isu masih lagi dalam *dashboard*, *AG Dashboard* berstatus kuning.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Datuk, sebelum Datuk masuk ke status *AG Dashboard*, saya masih nak tanya tentang *unauthorised user* ini. Untuk sahkan *unauthorised user* ini dia pun ada akses kepada semua maklumat yang masuk dalam sistem tersebut lah? Maksudnya maklumat tentang majikan, tentang pekerja asing dan sebagainya, dia memang ada akses juga?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Dia dah masuk sistem, *we are not sure how far* dia boleh masuk.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** *How far the access is.*

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Tapi sebenarnya sistem ini ada 10 ID pelulus kuota yang terdiri daripada Pegawai KSM sahaja. So, sepatutnya hanya terhad kepada 10 ID tersebut sahaja lah.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Tapi sekarang ini ada 24 *unauthorised user*.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Itu yang kita dapati 24 ini bukan Pegawai KSM, sebab itu yang dibawa masuk ke dalam laporan.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** KSM pun tak ada ID *super admin*? Maksudnya memang tak ada *full control of the system* lah? Kita boleh katakan macam itu?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Sepatutnya dia patut – bukan, sepatutnya dia adalah *the owner of the system*. *They should be in control*.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Tapi *they don't have at all*? Yang ada cuma dua individu yang bukan pemegang...

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Dia ID ini untuk *super admin* sebab sekarang ini *super admin – unauthorised user* cerita lain. *Super admin* ini kalau ikutkan ada empat *admin*. So, satu KDN, satu KSM, satu diberi atas nama pegawai Bestinet, yang itu yang kita tanya kenapa dan satu lagi kita dapati tidak dikenal pasti. So, patutnya hanya KDN dan KSM sahaja, tapi *now* kita nampak ada empat. Dua Bestinet, satu Bestinet ini, satu lagi kita tak kenal. Kita tak ada maklumat identiti. So, dia macam *oblique* lah.

So, untuk *AG Dashboard YB*, *these are the* 14 isu yang masih dalam tindakan yang akan dan sedang disusuli oleh Jabatan Audit Negara dengan kementerian-kementerian yang berkaitan. Manakala, lima isu yang sebelah kanan itu adalah isu-



isu yang telah pun selesai dan dihijaukan semasa dan selepas proses pengauditan. Sekian.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Datuk, jadi kalau kita membaca Laporan Ketua Audit Negara yang laporan penuh itu kita akan dapat tahu bahawa sistem ini ada masalah kerana tak *synchronise* dengan sistem Jabatan Imigresen iaitu MyIMMs. Jadi, adakah Ketua Audit Negara ada masuk untuk siasat MyIMMs juga? Tengok apa masalah yang mereka tidak *synchronise*.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Kita punya skop pengauditan itu seperti yang tertera, *we keep within the limit of our scope* iaitu untuk meningkatkan kecekapan pengurusan pekerja asing dan pada masa tempoh itu hanya dua sistem sahaja yang wujud iaitu ePPAx dan FWCMS. *So, we didn't expand beyond that* lah. *But maybe* YB akan boleh tanya soalan itu.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Ya, faham. Saja cadanganlah kerana pada penggal yang lepas dan juga penggal ini kami banyak dapat masalah MyIMMs itu, pekerja asing dan juga kemasukan pelajar dari negara lain. Jadi, saya cadangkan mungkin kalau boleh lagi, boleh masuk melihat isu MyIMMs itu. Terima kasih.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Okey, kita ambil maklum YB. Terima kasih.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Datuk Wira, nak tanya tentang selesai ini. Daripada lima itu, empat adalah berkenaan dengan ePPAx, betul kan?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Ya.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** ePPAx ini sekarang ini dah tak relevan, tak wujud dah pun, kan? Tak dipakai dah. Pakai lagi?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Lepas teguran dia guna pakailah untuk pegawai dagang tapi *not for the objective* yang awal lah. *So*, dia pakai sebab kita tegur tak kan tak pakai langsung. *So, they are being utilising it. So*, ini adalah apa yang dikemukakan oleh *auditee*.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *So*, ini *for something else* lah?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** *Yes*. Pegawai dagang.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Bukan apa yang telah dibentangkan dulu itu?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** *Yes*.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *So*, yang lain ini *basically* ini tentang *the part by* KSM yang belum siap ini, yang dalam tindakan ini, kan?

## ■1050

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Kebanyakannya yang dalam tindakan adalah melibatkan FWCMS.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** KDN-lah.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Yes.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Lepas KDN ya.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Sebab dia *owner of the system*.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *Okay*.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Yang ePPAx ini kita nampak *is a* – ialah mungkin kerugianlah. Tak diguna pakai dan mungkin tak begitu relevan sekarang dalam konteks sekarang tapi yang kita lihat banyak isu adalah melibatkan FWCMS.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Saya ada satu soalan. Semasa pengauditan, macam manakah pandangan pihak Audit Negara berkenaan dengan keselamatan sistem ini? Bagaimanakah sistem mereka untuk menghalang siapa *hackers* contohnya untuk masuk ke sistem ini dan membuat sesuatu di dalam sistem itu? *How safe is the system?* Mungkin ada tak lihat daripada segi itu.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Itulah isu yang dibangkitkan YB *because* itu penemuan audit dan sebab itu kita masukkan ini adalah sebagai salah satu isu utama dalam pengauditan ini. *So*, isu integriti sistem itu sendiri, keselamatan sistem itu yang kita persoalkan. *So, that is why* kita *raised it up in our report*.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Sebab nampak pihak...

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Sebab bila dimaklumkan kepada *auditee*, dia tak tahu.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Sebab pihak Bestinet ini dia nak mempatenkan sistem ini. Kalau dia mempatenkan sistem ini kepunyaan mereka dan kita pun tak pasti sama ada itu boleh orang *hack* dan membuat sesuatu di dalam sistem itu. Bahaya itu.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** *In fact*, paten itu pun dah selesai YB. Dia dah dapat paten itu awal tahun ini. *So*, ini ialah perkara-perkara yang kita bangkitkan dengan *auditee*.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Oh yang nak mempatenkan FWCMS, bukan ePPAx.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** FWCMS YB.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *And that is currently in use.*

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Yes.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** So, kalau ikut undang-undanglah, kalau dah dipatenkan, segala data yang dalam sistem itu kepunyaan siapa?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Itu kita tak mahu— *We don't want to conjecture, but I think* itu satu yang perkara yang kementerian perlu runding. Sebab itu arahannya adalah KSM untuk rundingkan dengan vendor sama ada tentang hala tuju program tersebut.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *This is very dangerous.*

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Tetapi *rightfully I mean the pattern* itu ialah hak Bestinet supaya tidak ada mana-mana pihak yang boleh untuk men-*copyright* ke, tiru ke dan sebagainya, *it's patent* lah kan, yang saya faham. Tetapi *the owner* kepada segala maklumat yang ada di dalam itu *is the proprietary of the government. It should be the government* yang ada kan. Cuma bila tidak ada kontrak yang dimuktamadkan, itu yang kelemahan yang ada, yang sangat ketaralah.

Keduanya daripada segi penggunaan. Siapa yang boleh akses, siapa yang tak boleh akses. *That level of the security* dalam itu. Jadi, saya rasa *regardless the patent. Patent is a patent*-lah. Maksudnya tiada pihak lain yang boleh nak meniru *because the design of the system, the module is what is patented* tetapi *ownership of the system should be the Government of Malaysia because* kita benarkan mereka yang *develop the system* untuk manfaat yang akan digunakan oleh kerajaan. *That's should.*

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** *I think YB whatever is the intention of the both parties involved, it has to be negotiated*-lah. Kena dirundingkan. Sekarang ini kita tak boleh nak bagi je pihak Jabatan Audit Negara, *we cannot put conjecture what is the* ini. Apa yang kita kluatir ialah sistem itu sedang diguna pakai tetapi tidak ada kontrak yang *cover*-lah *the*— perlu ada *something* supaya memastikan pengurusan, pemantauan dan kawalan terhadap pengurusan pekerja asing ini ada satu kontrak yang jelaslah. Itu yang paling utama.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Datuk, saya juga nak sahkan *although* saya tahu jawapannya tetapi untuk rekod. Bila kita keluarkan atau kerajaan keluarkan Surat Setuju Terima itu, ia tidak ataupun kalau saya boleh tukar persoalannya. Kalau perjanjian bertulis itu lebih menyeluruh berkenaan dengan terma-terma antara pihak-pihak berbanding dengan Surat Setuju Terima, betul?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Yes.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Maknanya di sini kalau benar-benar kita nak ada satu perjanjian yang menyeluruh dengan terma-terma

termasuklah siapa ada *ownership of data* dan sebagainya, ia perlu ada satu perjanjian bertulis...

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Yes.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** ...Dan Surat Setuju Terima itu dalam aspek ini tidak...

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Terpakai.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** ...Mungkin tidak menyeluruhlah.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Yes.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Okey, terima kasih.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Dan perjanjian itu perlu ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Datuk, apabila Jabatan Audit mengaudit kedua-dua kementerian ini, kita tahu bahawa dua sistem ini dia lebih kurang dimulakan pada tahun 2015, 2016 dan dua sistem ini *parallel*. Jadi, adakah Jabatan Audit mendapati *feedback* daripada kementerian kenapa mereka buat *parallel*? Adakah punca kuasa— sebab benda ini harus dimasukkan kepada Kabinet untuk diselaraskan atau...

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** So YB, I think the same question was post during— before YB came in just now.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Sorry, sorry, I...

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** The same question, memang ini telah *parallel* dan ada keputusan Kabinet pada 2015 yang memutuskan supaya sistem ePPAx dibangunkan dan sistem FWCMS dilaksanakan. So, memang ada keputusan Kabinet pada masa yang sama supaya dua-dua sistem itu *co-exist at that particular time in 2015*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Jadi, apakah dia punya dalam MGM itu, dia punya keputusan itu, rasionalnya apa? Kenapa dia ada dua-dua *parallel*?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Yang itu saya cadangkan YB seeloknya ditanya kepada *auditee*.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ada soalan lain tak Yang Berhormat? Ada nak tanya lagi? Okey tak ada. Kalau tak ada, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya dan semua *team* yang hadir untuk pra prosiding pada pagi ini. Sebentar lagi pukul 11.00, kita akan mulakan untuk prosiding kita. Jadi, saya harap Yang Berhormat sekalian boleh *standby*-lah untuk bertanyakan soalan. *Thank you*.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Okey, terima kasih YB. Terima kasih.

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 10:58 pagi]***



MALAYSIA

## LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 5 Disember 2023

Bil. 8(a) / 2023

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Prosiding:**

**“Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx)  
dan Foreign Workers Centralized Management System  
(FWCMS)” (LKAN 2022 – Aktiviti  
Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan  
Badan-Badan Berkanun Persekutuan)**

**Kementerian Dalam Negeri**

YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi,  
Ketua Setiausaha

**Kementerian Sumber Manusia**

YBhg. Dato’ Haji Amran bin Haji Ahmad,  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar Dan Antarabangsa)

**Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia**

Tuan Kamal bin Pardi  
Ketua Pengarah

PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA**  
**BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

**SELASA, 5 DISEMBER 2023**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*  
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]  
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]  
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]  
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]  
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]  
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]  
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]  
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]  
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]  
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Puan Rusnida binti Muhammad Radzi [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]  
Puan Ilyani binti Md Razak [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

**Jabatan Peguam Negara**

Puan Rahayu bt Ab Talib [Peguam Kanan Persekutuan]

**Kementerian Kewangan Malaysia**

Cik Dara Isnita binti Mohd Rufin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Puan Nurhasmah binti Mohamed Kassim [P/Penolong Kanan Pesuruhjaya (Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan)]  
KPKPj Khairul Nurrahim Ashadi bin Abdullah [Timbalan Pengarah Sektor Pentadbiran Siasatan (Bahagian Siasatan)]

**Kementerian Ekonomi**

Encik Che Rahim bin Daud [Pengarah (Pembangunan Modal Insan)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Nadzemah binti Mohd Som [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi) (BPOPA)]

**SAKSI****Kementerian Dalam Negeri**

YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]  
Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]  
Cik Siti Amirah binti Johari [Penasihat Undang-Undang (Pejabat PUU)]  
Encik Ayub bin Abd Rahman [Timbalan Pengarah (Kawalan) (Bahagian Pekerja Asing)]  
Encik Mohamad Syazwan bin Saleh [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Hal Ehwal Imigresen)]  
Puan Siti Suhana binti Abdullah [Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Teknologi Maklumat)]  
Puan Maizatul Khairumie binti Mansorudin [Timbalan Setiausaha Bahagian (Audit Dalam)]  
Puan Nur Zafirah binti Md.Salleh [Penolong Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]  
Nor Hisham bin Ibrahim [Pengarah (Bahagian Pekerja Asing)]

**Kementerian Sumber Manusia**

YBhg. Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar Dan Antarabangsa)]  
Encik Mohd Faizal bin Katimon [Ketua Bahagian (Bahagian Pengurusan Pekerja Asing)]

**Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia**

Tuan Kamal bin Pardi [Ketua Pengarah (Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia)]  
Encik Muhammad Zulfikri bin Mohd Nasir [Penasihat Undang-Undang]  
Puan Suraya binti Sulaiman [Penolong Pengarah (Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia)]



## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEDUA

BILIK JAWATANKUASA 1,  
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR

SELASA, 5 DISEMBER 2023

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.10 pagi**

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okay. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC – YB Wong Shu Qi; Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Ke-15, ahli-ahli *ex-officio* Jabatan Peguam Negara, JPA, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir dalam Mesyuarat pagi ini.

Yang Berhormat Ahli Mesyuarat sekalian, hari ini PAC akan mendengar keterangan dan juga penjelasan berhubung dengan isu Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan di bawah Kementerian Sumber Manusia dan *Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)* di bawah Kementerian Dalam Negeri yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2022, Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan.

Hari ini yang hadir memberikan keterangan kepada PAC yang pertamanya, Yang Berbahagia Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi – Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri. Selamat datang Datuk, saya ucapkan. Yang Berbahagia Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad – Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Dasar dan juga Antarabangsa, selaku pegawai pengawal Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih kerana datang ya, Dato' Haji Amran dan yang ketiganya, Yang Berusaha Tuan Kamal bin Pardi – Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Terima kasih kerana hadir.

Untuk makluman Dato' KSU KDN, TKSU KSM dan Datuk KP, sebentar tadi Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya – Ketua Audit Negara telah pun memberikan taklimat terperinci berkenaan dengan prosiding berkenaan pada hari ini. Jadi, untuk makluman semua, berdasarkan LKAN bagi tahun 2022, sistem ePPAx telah

diluluskan dalam Kabinet pada 25 Februari 2015 dengan peruntukan sebanyak RM20 juta secara tender terbuka dengan dua perjanjian ataupun fasa dan siap sepenuhnya dengan kos berjumlah RM19.39 juta yang membabitkan 14 modul.

Manakala, sistem FWCMS di bawah KDN yang dibangunkan melalui *proof of concept* membabitkan nilai perjanjian berjumlah RM1.049 bilion bagi tempoh enam tahun bermula daripada 1 April 2018 hingga 31 Mei 2024, enam bulan lagi, dengan 14 modul dan Surat Setuju Terima (SST) telah pun dikeluarkan oleh KDN pada 12 Januari 2018. Bagaimanapun sebelum itu, pada 16 Jun 2017, satu perjanjian berasingan ditandatangani bagi modul biomedikal dan Kabinet pada 22 Disember 2021 memutuskan supaya perjanjian FWCMS ini dimuktamadkan dan penggunaan biomedikal diteruskan dan disatukan di bawah perjanjian yang sama.

Jadi, disebabkan ada dua pegawai pengawal yang hadir dalam prosiding ini, saya menjemput dahulu Yang Berbahagia Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi – KSU KDN untuk memulakan pembentangan dan memandangkan juga sistem FWCMS ini membabitkan jumlah yang agak besar iaitu RM1.049 bilion. Jadi, saya persilakan Yang Berbahagia Datuk. Terima kasih.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.* Salam Malaysia Madani. Selamat pagi Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati – Pengerusi bagi PAC; Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi – Naib Pengerusi dan semua Ahli Jawatankuasa PAC. *Alhamdulillah*, berjumpa lagi untuk kesekian kalinya. Ini kesekian kali maksudnya, saya dengan PAC ni dah semasa di MINDEF membentangi beberapa kali berkaitan dengan LCS. *But now*, kena membentangi mengenai FWCMS.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, Naib Pengerusi dan Ahli-ahli PAC. So, FWCMS— *next slide*, adalah berkaitan dengan satu sistem pengurusan pekerja asing yang diadakan secara *online* dan dari segi punca kuasa Yang Berhormat Pengerusi, daripada Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai pekerja asing dan pendaatang asing tanpa izin pada tahun 2015 ya. So, untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, SST telah pun dikeluarkan pada 2018 oleh pihak KDN. Dengan *basic info* yang untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat, caj dipersetujui dalam SST tersebut adalah RM100, ya dan ia merupakan satu kontrak kalau mengikut pandangan berikutnya ialah satu kontrak penswastan di bawah UKAS sebab pihak Kementerian Kewangan, pihak Kementerian Ekonomi semasa sesi *engagement* oleh pihak KDN mengatakan ini bukanlah satu perolehan berbentuk DE ataupun OE tapi lebih berbentuk kepada penswastan ataupun PFI ya.

Jadi untuk makluman, caj RM100 ni seperti Yang Berhormat Datuk Wira sebut tadi, ada satu kontrak berlainan iaitu biomedikal tapi selepas itu, biomedikal ini dicadangkan untuk dimasukkan bersekali dalam kontrak FWCMS. Dalam Laporan Ketua Audit Negara tersebut terdapat empat isu yang utama. Tiga daripada isu tersebut ialah berkaitan dengan kontrak ya, satu berkaitan dengan ID. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira dan Ahli-ahli PAC, terdapat 14 modul dalam FWCMS ini secara keseluruhannya dan kalau boleh saya sebut, daripada 14 tu, tidak termasuk biomedikal ataupun BMS. Daripada— kalau campur tu, ada 15. KSM menggunakan lima dan KDN melalui JIM menggunakan tujuh daripada modul tersebut. Ada tiga daripada modul tersebut masih belum *complete* sepenuhnya ialah ya, eWages, ePLKS dan *Online Payment* yang saya sebut tadi ya. *Next*.

Ini rentetan usaha-usaha pihak KDN, BKDN dan juga JIM. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira dan Ahli-ahli PAC ya. Sehingga kini, nampak perbincangan masih berjalan untuk memeterai kontrak— kontrak dimeterai seperti saya sebut tadi, 2018 di-*award*. Lepas tu, tidak ada apa-apa yang berlaku tapi pada tahun 2021, Kabinet masa tersebut bersetuju supaya kontrak ini diteruskan ya— tandatangan kontrak ini diteruskan dan di bawah kepimpinan baharu Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah dibentang pada Mac dan kita pun bersetuju untuk teruskan. Kena *honour* sebab berdasarkan surat daripada pihak AG, SST yang dikeluarkan pada April 2018 *as good as contract* ya. Ada pandangan yang berbeza. Ada kata ianya bukan kontrak yang sebenar. Kita perlu tandatangan kontrak yang sebenar tapi berdasarkan surat AGC tersebut, dia mengatakan bahawa SST yang dikeluarkan pada April 2018 tersebut adalah *as good as contract*.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira dan Ahli-ahli PAC, sehingga kini— sehingga tarikh hari ini ya, kontrak ini masih belum dapat dimeterai atas pelbagai sebab. Mungkin boleh di— saya jelaskan nanti ya. Terdapat *term-term* yang mana mandat Kabinet pada 2021 itu tidak dipersetujui oleh pihak syarikatlah. Antaranya, syarikat mohon supaya *extension* diberi selepas kontraknya tamat pada Mei 2023, *which is KDN have no mandate at all* untuk *consider* dalam kontrak ini *extensions for another five years*. *The other things* yang nampak jadi *deadlock* ialah berkaitan dengan *charges* RM100. Walaupun itu tidaklah nampak menjadi *pertinent issue* semasa perbincangan pihak pegawai undang-undang kita bersama dengan pihak syarikat. Cuma, RM100 ini pun *there is a request from the company* untuk timbang, satu jumlah yang lebih tinggi.

Dan untuk makluman Yang Berhormat, RM100 tu *clearly stated* dalam SST *issued in April 2018*. UKAS, dalam siri perbincangan dengan UKAS, UKAS kata ini adalah *privatisation*, mencadangkan kos *at* RM86, *but* sehingga hari ini,

perbincangan yang diadakan dengan pihak Bestinet ataupun syarikat yang membekalkan FWCMS ini kita *lock* pada harga RM100 lah. Dan untuk makluman Datuk Wira...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Datuk, sekejap Datuk ya. Saya minta Ahli PAC *just* dengar sahaja. Kita dengar dahulu taklimat *given by Datuk KSU*.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** So, kalau ada apa-apa, *you just jot down, then* baru habis selesai pembentangan, baru kita tanya soalan.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Betul.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okay, Datuk. *Thank you*, Datuk. Teruskan.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** *All right. And then*, esok ada perbincangan yang seterusnya. Cuma, Yang Berhormat Datuk Wira, selaku pegawai pengawal dan orang yang akan bertanggungjawab untuk menandatangani kontrak ini, *I already convey message to my officers. I am not going to sign* kecuali *mandate* yang diberikan pada 2021 tu— *22<sup>nd</sup> of December 2021* tu dipersetujui oleh pihak syarikatlah. Agak *complicated* dan rumit Yang Berhormat Menteri, berkaitan dengan kontrak ini dan untuk makluman, bila pihak Audit dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara ni, saya rasa dia suatu yang baiklah ya untuk kementerian supaya pihak *stakeholders, especially* pihak PAC sendiri *in the know*, berkaitan dengan sistem FWCMS ini sebab *until now, even* masa *pre-council* tadi, kami tidak nampaklah jalan ke arah persetujuan kedua-dua pihak ya.

#### ■1120

*So as I said earlier, I am not going to sign* kalau ada *any conditions* yang lebih daripada apa yang diputuskan oleh Kabinet pada 2021 atau pun apa yang dikeluarkan SST pada April 2018. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira dan juga Ahli-ahli PAC, *just* untuk tambahan sebelum saya akhiri. SPRM pun dah ambil fail-fail berkaitan pada 6 Julai 2022.

Kedua, berkaitan dengan *deadlock negotiation* ini *because of the company insist request extension of five years of the contract, which is we had no mandate at all*.

Ketiga, *request every charges* yang dikenakan *through the system* itu RM100. *More than* RM100. Kemudian, untuk makluman, *even* kontrak BMS pun. *Based on decision Cabinet 2021*, BMS akan disambung setahun atau bila kontrak FWCMS ditandatangani atau mana yang lebih awal lah. Jadi, sebenarnya kontrak BMS ini pun

dah tak *valid* untuk makluman Datuk Wira. Disebut, ini yang saya suka bila Audit masuk ya. Pihak syarikat ada menghantar untuk paten, IPR. Mungkin, tetapi niat masih belum boleh dibaca sebab kalau ikut kontrak ini sepatutnya bila siap nanti seluruh sistem ini akan diserahkan pada pihak KDN tetapi kita melihat dan Audit mendapati bahawa pihak syarikat telah menghantar ke MyIPO mempatenkan proses ini ya. So, niat itu boleh dibaca dalam dua keadaan tetapi terlalu awal untuk kita membuat *assumption*.

Kemudian untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira dan juga Ahli-ahli PAC, daripada 15 modul hanya tiga yang digunakan secara aktif oleh pihak sama ada pihak JIM atau pun pihak KSM. *The rest still* tak digunakan lah untuk makluman. *I think I* berhenti di situ dahulu Datuk Wira dan Ahli-ahli PAC. *Since* FWCMS ini digunakan oleh dua-dua pihak, KSM, dan juga JIM, KDN melalui JIM. Maka, mungkin ada juga sedikit input daripada pihak KSM lah. Jadi, Yang Berhormat Datuk Wira, setakat ini itu yang ingin saya sampaikan. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Terima kasih Yang Berbahagia Datuk untuk taklimat tersebut. Jadi, kita terus pada taklimat yang kedua lah. Jadi, saya minta untuk Datuk TKSU KSM untuk memberikan taklimat. Terima kasih.

**Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati. Saya TKSU Dasar dan Antarabangsa. Buat masa ini saya memangku tugas Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia dan saya selalu menghadiri PAC terutama berkaitan dengan HRD Corp. Jadi, tak tahu ini kali yang ke berapa tetapi isu lain pula sikit petang ini dan esok...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *Glamour* ini.

**Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]:** Esok sekali lagi saya hadir ke mari. Bertukar-tukar isu. Saya pun *confuse* mana satu.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, di Kementerian Sumber Manusia, kita mengguna pakai sistem ePPAx yang dinamakan ePPAx. Sistem ini diwujudkan lebih awal lah pada ketika itu. Tahun 2000 lebih, saya pun masih jadi Pengarah Imigresen lagi *time* itu. Jadi, untuk itu Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, saya mohon untuk Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia untuk membentangkan apa yang dimaksudkan dengan sistem ePPAx ini dan bagaimana cara penggunaannya. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi.

**Tuan Kamal bin Pardi [Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia]:** Dengan izin Yang Berhormat Datuk Wira, saya Kamal bin Pardi selaku Ketua

Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli PAC sekalian, saya baru masuk minggu ketiga untuk di JTK Semenanjung Malaysia ini. Jadi...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tahniah *ler*. Minggu ketiga dah menghadap PAC.

**Tuan Kamal bin Pardi [Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia]:** Ya. Itulah. Baru hari pertama minggu ketiga. Hari kedua minggu ketiga. Jadi, saya cuba berdasarkan apa yang saya dapat maklumat daripada pegawai-pegawai kami di JTKSM dan yang selainnya, saya rasa lebih sesuai pegawai yang terlibat pada masa itu. Sebab saya memang tidak ada di JTKSM pada sepanjang tempoh audit itu dibuat, memang saya tidak ada dan saya tidak pernah menggunakan sistem ini. Jadi, itulah untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Okey.

Untuk makluman semua, ePPAx ini kita bermula punca kuasa diwujudkan ePPAx ini iaitu pada tahun 2006 lagi apabila di JTKSM pada masa itu mempunyai satu sistem JobMalaysia. Mungkin ramai yang arif mengenai sistem JobMalaysia ini. Dalam itu ada satu modul *Job Clearing System* (JCS) di mana dalam Mesyuarat Jawatankuasa PATI Kelima Bil.1/2011 pada 17 Mac 2011, menetapkan dokumen sokongan JTKSM hendaklah dikeluarkan dalam tempoh satu bulan dari tempoh pengeluaran pekerja asing. Pada masa itu, semua masih manual lagi. Permohonan-permohonan secara manual dan JTKSM terlibat dengan urusan untuk menyiasat permohonan-permohonan yang dibuat oleh pihak majikan. *That's why* tempoh masa itu sebulan untuk membolehkan kami membuat siasatan terhadap majikan.

Seterusnya, pada Mesyuarat JKKPA PATI Bil.8 1/2012 pada 9 Ogos 2012 bersetuju mengekalkan pra syarat penggunaan JCS ini bagi tujuan pengambilan pekerja penggajian pekerja asing dan yang terkini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semua, Pindaan Akta Kerja 1955 pada 1 Januari 2023 memperuntukkan kewajipan pihak majikan untuk mendapatkan *prior approval* sebelum mengajikan pekerja asing di bawah seksyen 60K Akta Kerja 1955. Ini bermaksud bahawa sebelum permohonan pihak majikan dibuat untuk mendapatkan pekerja asing, mereka mesti melalui kami untuk pindaan kali ini dan hendaklah menentukan sama ada majikan berkenaan layak atau tidak layak untuk menggajikan pekerja asing. Seterusnya, baru proses itu... Untuk permohonan seterusnya, baru boleh bermula.

Okey, *next*. Jadi, punca kuasa pembangunan sistem ini iaitu bermula pada Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Februari 2015 telah memberi kelulusan peruntukan sebanyak RM20 juta kepada KSM untuk menambah baik e-permohonan pekerja asing EPPA yang telah dibangunkan sebelum ini yang sedia ada dengan diperluaskan sebagai alternatif pembaharuan PLKS.

Pada fasa pertama ini, Mesyuarat Jawatankuasa Penambahbaikan Pengurusan Pekerja Asing pada 30 Julai 2015 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Datuk Paul Low pada masa itu memutuskan sistem ePPAx sebagai *single window* dan *frontline*. Jadi, inilah kita guna pakai seterusnya dan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian ICT KSM Bil.4/2015 pada 4 Disember 2015 yang mana telah mendapat kelulusan projek pembangunan sistem ePPAx fasa satu.

Seterusnya, pada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam, JTISA Bil.15/2015 pada 20 Disember 2015, kelulusan projek pembangunan sistem ePPAx fasa satu telah diperolehi. Untuk punca kuasa yang kedua, projek ini dilaksanakan secara berfasa iaitu untuk pengurusan fasa satu, pengurusan pekerja asing bersepadu dan fasa kedua, peningkatan kecekapan pengurusan pekerja asing, pendekatan secara berfasa dilaksanakan kerana jumlah peruntukan kewangan projek yang diberi secara berperingkat dan beberapa polisi yang belum dimuktamadkan pada masa itu.

Untuk fasa kedua ini, Mesyuarat Penyelarasan ePPAx Bil.1/2017 pada 24 Oktober 2017, pengerusi pada masa itu iaitu Yang Berhormat Datuk Paul Low memutuskan sistem ePPAx ini fasa dua dibangunkan bagi melengkapkan kitaran pengurusan pekerja asing secara holistik. Nanti saya akan terangkan sikit kenapa dinamakan secara holistik dan surat daripada Unit Perancang Ekonomi bertarikh 30 Oktober 2017, sistem ePPAx fasa dua disenaraikan dalam Projek *Rolling Plan* Ketiga Rancangan Malaysia Ke-11.

Seterusnya, Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian ICT Bil.5/2017 khas JTKSM 28 Disember 2017 bersetuju dengan permohonan pembangunan sistem ePPAx ini.

#### ■1130

Seterusnya, pada satu 2017 pada 29 Disember 2017 meluluskan permohonan perolehan projek pembangunan sistem ePPAx fasa kedua. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) Bilangan 1 2018 pada 25 Januari 2018, kelulusan projek pembangunan sistem ePPAx fasa dua telah bermula.

Jadi, inilah yang saya nyatakan tadi latar belakang pembangunan sistem ini bermula 2006 lagi yang mana pada masa itu permohonan untuk mendapatkan pekerja asing diterima dan diproses secara manual dan apabila dapati permohonan pada masa itu agak banyak, maka ePermohonan pekerja asing iaitu sistem dalaman kita guna *internal use* telah dibangunkan dan mula digunakan oleh pegawai JTKSM. Ini nama ePPA pada masa itu dan permohonan majikan juga masih dibuat secara manual pada masa itu.

Mulai 2016, apabila pembangunan sistem ePPAx fasa pertama, maka kontrak-kontrak pembangunan dan juga sistem ini berjalan dan selesai projek fasa

pertama adalah pada 30 Oktober 2017 dan seterusnya, untuk fasa kedua bermula 2020 dengan pembangunan sistem dan juga kontrak pembangunan pada 9 Mac 2020 dan sistem ini *go live* pada 25 Oktober 2021 dan tarikh selesai projek pada 12 November 2021.

Ini saya nyatakan tadi untuk pengurusan pembangunan sistem ini yang dinyatakan secara holistik. Kalau kita lihat banyak Kementerian yang terlibat dan juga banyak agensi kawal selia yang terlibat iaitu di bawah Kementerian Sumber Manusia sendiri, di bawah Jabatan Tenaga Kerja dan juga agensi kawal selia yang terlibat dalam kelulusan untuk pengambilan pekerja asing. Sebagai contoh, KDN sendiri, MAFI, CIDB, MITI dan juga beberapa agensi yang lain. Juga, kementerian-kementerian lain juga turut terlibat sama untuk pembangunan projek yang saya nyatakan tadi.

Transisi penggunaan sistem ini iaitu bermula pada tahun 2012 hingga 2017— hingga Januari 2017 yang pertamanya, yang keduanya sistem ePPAx— kita dah nyatakan tadi mulai Februari 2017 hingga 9 Julai 2021 fasa pertama di mana skop— pada masa inilah pengauditan terhadap sistem ePPAx adalah data-data permohonan pekerja asing bagi tempoh tersebut dan perakuan daripada JTKSM 1 Februari 2017 hingga Disember 2020 dan Program RTK (rekalibrasi tenaga kerja) 16 November 2020 hingga 9 Julai 2021. Untuk ePPAx fasa kedua, saya nyatakan tadi 2021 hinggalah pada— mulai Februari 2022 sehingga kini menggunakan sistem FWCMS sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berbahagia Datuk Ruji sebentar tadi.

Inilah untuk makluman Ahli-ahli PAC sekalian, di mana kenapa sistem ePPAx ini diarahkan untuk dihentikan pada masa itu. Bermula pada Mac 2020, kerajaan melaksanakan perintah kawalan PKP. Masa itu ada COVID-19 dan pengoperasian *one stop centre* KDN telah dihentikan selaras dengan pelaksanaan PKP, pembekuan kemasukan dan kelulusan kuota untuk pekerja asing yang baharu. Seterusnya pada November 2020, Mesyuarat Taklimat Pelaksanaan Pelan Rekalibrasi PATI pada 12 November 2020 bersetuju supaya Program Rekalibrasi PATI mengguna pakai sistem sedia ada iaitu sistem ePPAx. Itu masih digunakan lagi.

Seterusnya pada Julai 2021, arahan daripada KSM kepada JTKSM daripada peringkat kementerian kepada jabatan mengenai penggunaan FWCMS bagi fasa dua Program Rekalibrasi PATI menggantikan sistem ePPAx. Jadi, ada lah arahan-arahan yang kami terima untuk menghentikan ePPAx ini. Seterusnya pada 9 Julai 2021, JTKSM mula menutup akses majikan bagi permohonan rekalibrasi dalam sistem ePPAx. Pegawai JTM masih boleh mengakses sistem ePPAx ini untuk menyelesaikan baki-baki yang telah ada di dalam sistem sedia ada.



Seterusnya pada Disember 2021, Mesyuarat Jemaah Menteri bersetuju supaya FWCMS digunakan untuk tujuan permohonan penggajian pekerja asing. Seterusnya, kenyataan media pada 15 Januari 2022, kenyataan beliau YB Kementerian Sumber Manusia, YB Menteri Sumber Manusia berhubung dengan penggunaan FWCMS untuk permohonan pekerja asing.

Seterusnya pada 14 Februari 2023, terdapat kertas pertimbangan bertarikh 14 Februari 2023 telah bersetuju terhadap cadangan penggunaan ePPAx bagi permohonan kelulusan penggajian pekerja asing yang mana terlibat di bawah seksyen 60K Akta Kerja 1955. Sebagaimana saya nyatakan tadi, terdapat pindaan akta pada 23 Januari 2023 yang mana kelulusan awal untuk menggajikan pekerja asing ini mesti diperolehi daripada JTK dan pada masa itu penggunaan masih lagi di bawah ePPAx. Seterusnya pada 1 Mac 2023, sistem ePPAx digunakan untuk permohonan kelulusan penggajian pekerja asing melalui seksyen 60K yang saya nyatakan tadi termasuk juga dengan bagi kategori pegawai dagang dan juga pertukaran majikan.

Seterusnya, ini proses kerja yang agak panjang. Saya tak pasti sama ada perlu saya terangkan di sini atau tidak, YB? Untuk proses kerja ini. Iaitu sebelum, semasa dan juga selepas. Saya terangkan? *[Disampuk]* Okey. Semasa sebelum permohonan ini, kita lihat bahawa pendaftaran ID majikan dan pengiklanan kekosongan jawatan di portal *JobsMalaysia*. Jadi asalnya apabila kami ada sistem *JobsMalaysia*, permohonan pekerja asing oleh pihak majikan hendaklah dipamerkan di dalam sistem berkenaan dalam tempoh 30 hari. Jadi, untuk membolehkan majikan— sebenarnya ini tujuannya adalah untuk menawarkan pekerja tempatan untuk bekerja. Jadi, apabila tidak diperolehi pekerja tempatan, barulah kita membuat untuk permohonan pekerja asing berkenaan. Jadi, ada sebab kenapa diletakkan tempoh berkenaan dalam *JobsMalaysia*.

Seterusnya, Projek Pembinaan CIMS di CIDB untuk sektor pembinaan untuk mendapatkan dokumen sokongan daripada agensi kawal selia yang berkaitan. Saya nyatakan tadi ada beberapa agensi kawal selia. Maka, kita kena mendapatkan dokumen-dokumen sokongan untuk membolehkan permohonan pekerja asing itu diluluskan. Bukan diluluskan, disokong untuk kelulusan. Bukannya— kami tidak meluluskan. Untuk permohonan perakuan JTKSM di sistem ePPAx, majikan mengisi bilangan kuota yang dimohon. Daripada situlah kita lihat kita ada garis panduan pada masa itu yang menyatakan setiap bidang ataupun agensi kawal selia ada garis panduannya. Kalau majikan A, berapa kuota yang perlu dipatuhi. Sekiranya mereka memohon lebih daripada itu, maka sokongan hanya berdasarkan kepada garis panduan-garis panduan yang telah ditetapkan.

Semasa permohonan, pegawai daripada jabatan melaksanakan siasatan terlebih dahulu mengenai— setelah dilengkapkan dalam sistem ePPAx, kita akan menyiasat kedudukan pihak majikan betul atau tidak, majikan itu ada ataupun contohnya kalau restoran betul kah apa yang dimohon, berapa bilangan kerusi atau meja di restoran berkenaan dan lain-lain perkara termasuk yang dibuat oleh agensi kawal selia. Seterusnya, kami mengadakan mesyuarat khas untuk mengunci masuk keputusan mesyuarat dalam keadaan berkenaan dan akhirnya, majikan akan ditemu duga dan masa itulah barulah kita mengunci masuk. Apabila selepas permohonan diaudit ini mengunci masuk kelulusan kuota yang dicadangkan semasa temu duga dan akhirnya, dibawa ke OSC untuk memastikan sama ada boleh diluluskan ataupun tidak. Akhirnya, seterusnya proses selanjutnya adalah dengan pihak imigresen untuk bayaran levi dan juga lain-lain perkara.

Okey, untuk penerangan proses kerja seperti mana yang tadi yang telah saya nyatakan. Dokumen sokongan yang kita keluarkan daripada JTKSM. Mengenai perkara ini, dalam keadaan sekarang YB dan juga Ahli-ahli PAC sekalian, kita masih lagi— untuk makluman, sebahagian daripada sistem ePPAx itu masih perlu digunakan lagi kerana ada beberapa permohonan yang perlu kita laksanakan ataupun yang perlu dibuat.

#### ■1140

Yang ini saya nyatakan kepentingan sistem ePPAx... [*Merujuk pada paparan di skrin*] Masih lagi kita menggunakan kerana saya nyatakan tadi, Januari 2023, selaras dengan penguatkuasaan seksyen 60K Akta Kerja 1955, di mana skop tugas JTKSM diperluaskan pada semua kategori pekerja bukan warganegara berdasarkan definisi pekerja di bawah seksyen 2 akta berkenaan. Jabatan perlu mempunyai sistem sendiri untuk menerima dan memproses permohonan kelulusan awal di bawah seksyen berkenaan.

Untuk makluman, sebelum pindaan akta dibuat pada Januari itu, permohonan adalah lebih kurang 12,000 setahun atau 1,000 sebulan. Selepas pindaan, permohonan di antara 3,000 hingga 4,000 sebulan iaitu peningkatan 400 peratus berbanding dengan sebelum pindaan. Inilah kita memerlukan satu sistem yang untuk menguruskan sekiranya kita menggunakan secara manual, memang tidak laratlah kami untuk melaksanakan secara keseluruhannya.

*Okay, next.*

Saya nyatakan juga perluasan skop liputan di bawah Akta Kerja 1955 ini, selain daripada permohonan pekerja asing dalam sektor formal yang biasa, ada juga permohonan-permohonan baharu. Dan juga pada masa sekarang, kita lihat kalau kita baca surat khabar sekarang, terdapat pekerja-pekerja yang *stranded*. Jadi, itu

pun pihak kami cuba membantu untuk menempatkan mereka di tempat-tempat penggajian supaya mereka mendapat pekerjaan di tempat lain. Jadi, walaupun kami bukan terlibat dalam peringkat awal kelulusan— bukan menetapkan kuota— tapi ada yang *stranded* sekarang ini. Maka, kita kena bantu juga pekerja-pekerja berkenaan untuk ditempatkan di sektor-sektor yang berkenaan.

*Okay, next.*

Ini *just* statistik. *[Merujuk pada paparan di skrin]* Permohonan yang terkini daripada Januari 2023 hingga 31 November 2023 yang jumlah keseluruhan adalah 42,611 yang terdapat dalam JTKSM pada masa ini.

Itu sahaja yang saya dapat bantangkan untuk sepanjang pengetahuan saya. Untuk Ahli Yang Berhormat Ahli PAC, saya baru di sini. Itu yang kami tahu. Yang secara *detail*-nya, saya rasa yang terlibat dengan pembangunan kuota ini adalah lebih sesuai untuk memberi keterangan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, terima kasih kepada Tuan KP. Sekarang saya bukakan pada semua Ahli-ahli PAC untuk bertanyakan soalan. Dipersilakan.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi. Jadi, saya ada satu soalan yang saya ingin mengajukan kepada kedua-dua kementerian kerana isu yang kita siasat hari ini adalah dua sistem untuk menguruskan pekerja asing.

Kalau kita membaca buku Laporan Ketua Audit Negara, kita akan mendapati bahawa keputusan Jemaah Menteri ketika itu, lama sudah, tahun 2015, adalah wujudkan satu *single window* untuk pengurusan pekerja asing. Tapi, kedua-dua sistem dibangunkan pada masa yang sama juga. Jadi, apa pandangan kedua-dua kementerian? Mana sistem yang seharusnya digunakan? Ataupun tak ada percanggahan sebenarnya?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Pengerusi. Saya tak boleh bagi pandangan bagi pihak KSM. Saya bagi pandangan bagi pihak KDN.

*So, kalau berdasarkan POC dibuat untuk biomedical pada 2014— that is why dia bermula dengan BMS 2015. Ada kontrak dan kontak itu tamat 2021. Kabinet buat keputusan sambung lagi BMS but as part of FWCMS. So, bermula dengan POC BMS itulah adanya FWCMS untuk mengurus pengurusan pekerja asing. Ada series of meeting, discussion in 2017, and then 2018 keluar SST itu. Kalau ikut, modul itu ada 15 modul. Sepatutnya itulah yang lengkap. Tadi Datuk KP JTK pun ada sebut, ada arahan pada Disember 2021 atau 2022, if I am not mistaken, supaya menggunakan FWCMS sepenuhnya.*

Jadi, kalau bagi pihak KDN, FWCMS ini nampak *the whole circle* termasuklah sepatutnya— ini, Yang Berhormat Datuk Wira, ingin saya tarik perhatian dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat. *FWCMS is a complete system* untuk *foreign labour* punya *management*. Daripada eQuota sehinggalah dia keluar nota keluar itu ya. Yang paling penting yang pada sayalah, bila sebut fasal ketirisan, yang sepatut eWages itu. eWages sudah ada tapi majikan tak pakai. eWages ini— *then, we can control*. *Now*, kita tak tahu bayaran. Mungkin ada elemen buruh paksa.

Satu lagi, kehilangan hasillah, Yang Berhormat Pengerusi. Ada tiga yang kita kehilangan hasil ini kalau nak sebut. Saya tumpang sikit. Satu, penggunaan barang subsidi kita. Kedua, yang *overstay*. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sebut *3.5 million* guna— *that is why we are going for targeted subsidy*. Ketiga, kehilangan hasil melalui pengirisan duit keluar melalui *money changer* dan sebagainya. Sepatutnya dalam FWCMS ini sudah ada. *eWages through online*. Majikan patutnya pakai ini, tapi tak dipakai. Saya sebut tadi, tiga sahaja yang diguna *out of fifteen*. *eQuota* by KSM, *eVDR* by JIM dan BMS.

Jadi, ini saya nak sebut disinilah. *So*, nak cakap Timbalan Naib Pengerusi punya— *FWCMS is a complete system*. Saya tak kata ePPAx ini— tapi, *it is a complete system, end-to-end*. Jadi, saya rasa itu sahaja yang ingin saya sebut. Terima kasih.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, apa pandangan KSM?

**Tuan Kamal bin Pardi [Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia]:** Terima kasih, Timbalan Pengerusi. Saya nak menyatakan oleh kerana peringkat awal tadi, ePPAx lebih awal kalau dilahirkan daripada— sebab, masa waktu mesyuarat pada tahun 2015 telah menyatakan bahawa untuk pembangunan sistem berkenaan dan telah dikeluarkan tender-tender untuk pembangunan sistem ini.

Mungkin saya tak nyatakan lebih secara holistik tadi oleh kerana kami tidak sampai kepada kemasukan pekerja asing dan juga penghantaran pulang. *That is why* sistem itu tidak ada kerana kami rasakan bahawa apa yang di bawah bidang tugas kami. Jadi, apabila pindaan akta 2023 ini mengehendaki supaya sebelum sebarang permohonan pekerja asing, majikan hendaklah membuat permohonan melalui Ketua Pengarah JTKSM untuk melihat, jadi *prior approval* ini kena ada. Jadi, perkara itu perlu dimasukkan dalam ePPAx. Jadi, telah ada. Inilah yang saya kata kemungkinan tidak ada pula di pihak FWCMS.

Kepentingan— sama-sama penting. Masing-masing ada kepentingan masing-masing. Jadi, inilah yang saya nak kata, oleh kerana kami tak sampai ke peringkat akhir. Daripada kemasukan pekerja asing hingga pemulangan pekerja asing, kami tidak terlibat. Kami cuma *enforcement* apabila berlaku pelanggaran,

salah laku semasa mereka digajikan. *That is why* sistem itu kami tidak ada. Itu kami maklumkanlah. Terima kasih, YB.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey, terima kasih atas maklum balas. Tapi, saya ingin tahu, sama ada kedua-dua kementerian ada simpan dokumen berkenaan keputusan yang dibuat oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Ogos 2015 berkenaan kedua-dua sistem? Sistem masing-masinglah.

Kerana dalam Laporan Ketua Audit Negara menyatakan bahawa Jemaah Menteri pada tarikh yang sama meluluskan dua sistem ini dan nyatakan kedua-dua sistem adalah untuk konsep *single window*. Tetapi, kalau Jemaah Menteri buat keputusan dalam mesyuarat yang sama, *single window, single window*, jadi dua *window*-lah. Bukan *single window*. Jadi, kementerian ada simpan dokumen tak berkenaan keputusan tersebut?

**Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]:** Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, yang itu saya rasa memang ada dalam rekod. Saya boleh dapatkan untuk diserahkan kepada jawatankuasa.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Mungkin boleh bagi pada Sekretariat PAC. Boleh?

**Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]:** Ya, boleh. Tetapi ambil masa jugalah, Yang Berhormat, kerana nak cari bahan-bahan zaman dinosaur ini mungkin ada...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya. *All right*. Okey. Sebab, ia pun dinyatakan dalam laporan, kan?

Saya hendak tanya kepada Datuk KSU. Kita dah dengar tadi, *end-to-end*, maksudnya sistem FWCMS ini.

#### ■1150

Jadi, saya ingin tahu status kebergantungan kementerian terhadap sistem ini. Adakah – maksudnya, kita tahu hujung ke hujung perlu ataupun tidak perlu sistem ini? Maksudnya, kalau sistem ini tidak ada atau sistem ini tiba-tiba *gone*, bagaimana? Saya nak tahu status kebergantungan kementerian terhadap sistem ini.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** *My answer very objective*. Pengambilan pekerja asing bukan suatu yang asing bagi kita. *Long time ago* pun kita buat, tapi untuk memudahkan perlu ada sistem. Yang Berhormat Pengerusi, tanpa FWCMS pun kita boleh mengambil pekerja asing. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tapi melalui manual lah?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Manual, yes. *Even*, katalah *stop* sekarang kan, *and then* masih kita boleh bawa, proses yang

sama, *medical checkup* dia kena buat *but* semuanya manual lah, *through manual*. Saya sebut tadi, FWCMS hanya bermula pada 2018. BMS satu benda yang baharu lah tapi sebenarnya pengambilan, sejarah pengambilan pekerja asing dah lama dah, tahun 2000 – awal 2000 pun dah bermula. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi, kalau saya boleh tanya bersusulan daripada soalan Yang Berhormat Kluang. Kalau kerajaan mulakan lebih kurang sama 2015, dalam MJM yang sama, dua *parallel system*, dua *window*, *supposedly* satu *window*. So, bermula daripada 2015 sudah ada dua *parallel system* yang berlaku dan saya sudah pasti bahawa ada *feedback* daripada majikan atau *stakeholders* dia akan beritahu kepada kerajaan kenapa dua *system*. Sememangnya dalam kerajaan ada jawatankuasa bersama, Kementerian Sumber Manusia dan juga KDN. Apabila perkara ini di – adakah perkara ini dibangkitkan dalam mesyuarat bahawa ada dua sistem yang bertindih? Itu soalan pertama.

Kedua, apabila ada masalah ini perlu ada penyelarasan, di mana kenapa daripada 2015 sampai 2021 masih ada *parallel system* sepanjang lima, enam tahun? Jadi, ini soalan kedua. Kenapa tak ada penyelarasan untuk satu *window* sahaja. Ini soalan yang kedua. Mohon penjelasan.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Terima kasih. Bersama saya ada pegawai-pegawai. Saya sebut tadi mengenai BMS dah bermula 2015. Setakat yang dokumen dengan ada ialah – bukan nak kata saya pun baru, dah 10 bulan sebagai KSU. Setakat dokumen yang saya ada tak pernah ada *dispute* berkaitan – tak pernah nampak ada perbincangan *which one which* yang perlu digunakan. Cuma macam saya sebut tadi, permulaan pada FWMCS ini adalah BMS. Pengambilan biometrik itu. Bila FWMCS bermula 2018 dan FWMCS digunakan. Cuma saya minta izin Datuk Wira, kalau boleh saya dapat input dari pegawai, mungkin Encik Wan Saupee ataupun mana-mana pegawai yang boleh menjelaskan, ada tak di mana-mana soalan tadi oleh Yang Berhormat, *2015 to 2020* ada *parallel system*. Encik Wan mungkin boleh bantu?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Encik Wan Saupee sebagai apa, ya?

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Kementerian Dalam Negeri]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Yang Berhormat ....

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Dia Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Imigresen berkaitan dengan pekerja asing, Yang Berhormat. SUB tak dapat hadir, ada satu *meeting* di *Singapore* hari ini berkaitan dengan RTS.

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Kementerian Dalam Negeri]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berbahagia Datuk KSU KDN. Saya Wan Saupee daripada Bahagian Hal Ehwal Imigresen. Berkaitan dengan isu *single window*, betul ada perbincangan di peringkat KDN setelah diputuskan supaya dibuat satu *single window*. Apa yang saya cuba ingin sampaikan di sini adalah, seperti yang disebutkan oleh Yang Berbahagia Datuk KSU KDN tadi, pengurusan pekerja asing merupakan satu pengurusan yang menyeluruh, daripada *end-to-end*. Enologinya adalah kita bercakap mengenai satu *highway*, daripada Perlis sampai ke Johor. Tetapi untuk sampai ke destinasi tersebut dia ada beberapa *highway* yang menghubungkan *highway* yang besar.

Jadi, itulah konsep pengurusan pekerja asing melibatkan FWCMS dan juga ePPAx. Ini kerana FWCMS kita bercakap mengenai pengurusan pekerja asing. Tetapi untuk ePPAx dia merangkumi kedua warganegara iaitu pekerja asing dan juga pekerja tempatan. Jadi, di situ ada satu integrasi yang perlu dibuat.

Di dalam konsep *single window* sebenarnya pada awal perbincangan dahulu, dia melibatkan satu permohonan. Permohonan melibatkan satu *interface* yang perlu dibuat, dilaksanakan apa yang boleh dicapai oleh majikan dan juga pekerja asing tersebut. Itulah yang dikemukakan di peringkat FWCMS yang mana bermulanya proses *biomedical* dan juga permohonan kuota. Selepas itu akan berlakulah aktiviti-aktiviti berkaitan dengan penggajian, pembayaran gaji, pemantauan dan sebagainya sehinggalah pekerja asing itu balik semula ke negara asal.

Itulah kenapa kita melihat, kita menjumpai banyak sistem-sistem yang berkaitan dengan pengurusan pekerja asing. Itu sebagai gambaran kasar, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Sekejap. Soalan susulan adalah kita tahu bahawa ada satu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing (JKKPA). Jadi, segala urusan JKKPA ini adalah isu yang berbangkit daripada pengurusan pekerja asing harus diselesaikan di sana. Dipengerusi oleh kedua-dua Menteri, *co-chair*. Jadi, apakah perbincangan di dalam itu apabila kita ada masalah *two parallel system*, *two highways* yang pergi ke destinasi Johor Bahru yang sama?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Okey Yang Berhormat, terima kasih. Setakat, dah dua kali mesyuarat MDN, MSM yang mana saya hadiri, isu berkaitan dengan sistem ini tak pernah dibangkitkan. Isu berkaitan dengan kuota, tambahan kuota terhadap tiga sektor yang di luar sektor contohnya baru ini gunting rambut, emas dan baju ada dibincangkan. Isu-isu operasional tapi setakat yang saya hadiri dah dua kali pada tahun ini tidak pernah dibincangkan

berkaitan dengan sistem ePPAx ini dan juga FWCMS, Yang Berhormat. Itu jawapan saya setakat ini.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Datuk Pengerusi, boleh saya tanya?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya Bangi, silakan.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Terima kasih. Datuk KSU untuk KDN. Saya nak dapatkan pengesahan, tadi Datuk ada maklumkan bahawa perjanjian untuk sistem FWTCM ini belum ditandatangani, betul? Tetapi boleh saya dapat pengesahan bahawa pada ketika ini sistem itu masih diguna pakai cuma mungkin bukan semua modul dan sebagainya tapi ia masih berjalan lah?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Jawapannya, ya YB.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Okey. Jadi, sistem ini berjalan tanpa ada satu perjanjian yang ditangani di antara pihak-pihak?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Dalam taklimat awal saya tadi, saya ada sebut. April 2018 *there is* SST dikeluarkan *and then* berdasarkan surat maklum balas daripada pihak AGC, SST *as good as contract*.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Yes, yes, yes. Saya pun tahu.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Jadi, kita berjalan ini dalam keadaan menggunakan SST.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Ya.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** *Then*, kita akan bagi salinan SST, sangat lengkap SST itu. Cuma dari segi teknikalnya tak ada lah. Jadi, kita bergerak Yang Berhormat Bangi *based on* SST.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** *Based on* – ya, saya pun faham memang SST itu memang kalau perlu ada pertikaian kah apa memang boleh dibuktikan sebagai memang ada perjanjian. Cuma bila kita bercakap tentang perjanjian terma-terma secara menyeluruh itu, selalunya memang akan *reduce to writing* dalam satu perjanjian bertulis antara pihak-pihak. Jadi, sebab itu saya tanya bahawa pada ketika ini pihak-pihak menjalankan tanggungjawab mereka berdasarkan SST sahaja, bukan perjanjian bertulis?

Kedua, saya juga nak tanya, setakat ini adakah pihak kerajaan, pihak kementerian ada membayar apa-apa kepada syarikat ini untuk membangunkan sistem FWTCM ini?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Dalam taklimat saya juga tadi, dah dapat pengesahan daripada MOF dan EPU, ini bukan



menggunakan DE atau OE. Dia ada berkaitan dengan penswastaan, so dia *fall under UKAS*. So, setakat ini memang tidak ada satu sen pembayaran daripada pihak kerajaan dan memang konsepnya ialah pembayaran daripada pihak majikan, Yang Berhormat Bangi.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Okey, jadi maknanya memang tak ada apa-apa implikasi kos dari pihak kerajaan? Boleh kita buat kesimpulan seperti itu?

■1200

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ya. Cuma Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, *just to alert* awal, *since* saya sebut awal tadi ada agak kompleks. Minta maaf Yang Berhormat, kalau saya pernah *handle* LCS masa di MINDEF, masa di ICU saya KP ICU, yang selalu saya tekankan, menoktahkan miskin tegar.

Di KDN ini, yang paling memeningkan kepala ialah pengurusan pekerja asing, *especially the FWCMS*. Katalah ada *deadlock and then, based on SST*, ada *dispute* di mahkamah dan sebagainya. *Clearly stated* dalam SST, *one over billion*. Ada *calculation* macam mana dapat RM1 bilion *something* itu. Tak menggunakan peruntukan kerajaan, *but so far* Yang Berhormat Bangi, *out of five salient terms* ini yang ada *dispute*. Ada dua yang agak nampak sukar dan saya sebut sekali lagi, *I'm not going to sign any document contract* kalau dia tak *honour* pada keputusan Kabinet 2021 itu. *There is no extension, the limit of the charges only RM100 and then*, ada satu *dispute* juga kita kalau boleh konsep *subscription* tapi dia *charge* dibiayai oleh majikan.

So, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, Naib dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kalaupun kontrak ini dah *almost done*, kita akan angkat *Cabinet Paper*. So, *this is our decision. I'm not going to sign before Cabinet make decisions on this contract*. Jadi, yang itu untuk makluman dan saya minta dicatatkan dalam sesi PAC ini.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Sekejap, soalan terakhir, terakhir buat masa inilah. Berkenaan dengan tadi, Datuk pun ada maklumkan tentang permohonan syarikat ini untuk paten, untuk dapatkan paten bagi sistem ini. Kita tahu bila ada permohonan paten dan sebagainya, pihak yang mungkin ada kepentingan boleh buat tentangan dan sebagainya. Jadi, saya nak tahu, apakah pendirian pihak kementerian terhadap langkah syarikat untuk patenkan sistem ini?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** *Patent that materialise* hanya dapat tahu bila Audit masuk. Terima kasih kepada Jabatan Audit.

Cuma niat tadi- So, dia paten satu tapi kita kena baca niat. So, tak boleh baca niatnya sekarang Yang Berhormat, sebab dalam draf kontrak itu kita ada sebut situ. Setelah lengkap, keseluruhannya lengkap, keseluruhan sistem ini kena diserahkan kepada kerajaan. Situ kita *secure*. Cuma *concern* Yang Berhormat tadi, saya pun agak ada *curiosity* di situ. Kalau paten ini menjadi hak milik syarikat, *which is* tak betullah dan Cuma niat tadi. Kalau niat dia untuk paten dan akhirnya serah, kita nampak kejalurannya itu tapi kalau dia elak *competitor* untuk bersaing dengan dia dan dia patenkan, *in the first place* benda itu salah. Ini saya nak sebut selaku pegawai pengawal. Sepatutnya tak betul dan dalam kontrak, kita ada ikat. Sepatutnya keseluruhan sistem itu diserahkan kepada kita bila dia siap nanti. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** *Just on that patent*, mungkin dapat daripada AGC apa ke. Saya nak tahu, selalunya kalau macam kontraktor ini ataupun syarikat seperti ini, dia bangunkan satu sistem, adakah mereka juga boleh buat permohonan untuk *secure* melalui paten ini untuk diri mereka sendiri?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Kejap ya, Yang Berhormat. Nak tambah juga sikit. Paten itu pun ada tiga dia pohon. Terima kasih kepada Audit, dapat ini. Berkaitan dengan ada tiga benda tapi kami baru dapat *feedback* daripada MyIPO. Laporan MyIPO itu panjang. Tak sebut mana satu pun, *but* tafsiran kami pada paten yang dipohon oleh syarikat ini ialah *the whole system*. Jadi, yang itu pun saya minta diminitkan. Minta maaf Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Jadi, minta respons daripada AGC *on* soalan daripada YB Bangi.

**Puan Rahayu bt Ab Talib [Jabatan Peguam Negara]:** Terima kasih YB. Berkenaan dengan isu paten tersebut pun, seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berbahagia Datuk, kita pun kena tengoklah apakah permohonan yang dibuat, tujuan paten tersebut dibuat, yang mana kita perlu buat penelitian lanjut berhubung dengan perkara inilah. Selalunya dalam perjanjian, sekiranya syarikat tersebut telah diminta untuk membina sistem bagi pihak kerajaan, selalunya dalam perjanjian, di akhir tempoh perjanjian, sistem tersebut akan menjadi milik kepada kerajaan. Cuma dalam hal ini, perkara paten ini kita perlu teliti dan perhalusi dengan mendapatkan perincian-perincian lanjutlah daripada pihak syarikat dan juga daripada pihak-pihak kementerian, YB.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, kejap. Sebelum saya bagi pada Kapar, saya nak tanya soalan dahulu. Lepas itu, pada Datuk Ali dan Kluang. Okey, saya nak tanya tadi, Datuk sebut pasal SST. Boleh tak kita dapatkan salinan SST 2018 itu, berikan pada Sekretariat, satu. Kedua, Mesyuarat

Kabinet 26 Ogos 2015, KSM bagi tetapi saya nak salinan daripada pihak KDN juga bagi pada kita. So maksudnya, KSM bagi dan juga daripada pihak KDN juga bagi kepada kita. *All right.*

Okey, tadi Datuk ada menyebut tentang bahawa SST itu cukup untuk mengikat, *I mean* kedua-dua pihak. Maksudnya, kerajaan dan juga syarikat tersebut. Saya nak tanya kepada Datuk KSU, adakah hanya bersandarkan ini sahaja mencukupi dan sebab kalau kita tengok dari segi untuk nak memurnikan kontrak tersebut, telah pun dibuat sejak daripada 2021 tetapi sampai ke hari ini tidak ada, walaupun kerja-kerja telah pun dijalankan sejak daripada 2018. Jadi, saya nak tahu, walaupun Datuk dah sebut tapi saya nak tahu sebab Datuk sebut itu dah mengikat. Maksudnya, itu pun dah cukup kuat SST tersebut. Itu satu. Kedua, bayaran RM100 itu yang dikutip daripada majikan. Majikan bayar kepada syarikat ataupun bayar terus kepada pihak Imigresen? Saya nak tahu. Itulah soalan saya. Terima kasih.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Terima kasih Yang Berhormat. Pengalaman di tempat lain, SST boleh mengikat tetapi *it should followed by a real contract*. Cuma macam saya sebut awal tadi, kami minta pandangan AGC. AGC mengeluarkan surat bertarikh 20 Julai 2020. So, SST *as good as contract*. Jadi, yang itu kami terikat di situlah, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tanya saya, SST sebenarnya tak cukup. Masih boleh ada *dispute*. Masih boleh ada *dispute*. Patutnya dia kena datang dengan satu kontrak yang lebih *complete*. Ini yang tengah kena *workout*. Kedua, bayaran RM100 itu dikutip oleh pihak syarikat. *Nothing to do with* agensi kerajaan, termasuklah JIM. So, dia caj *based on* BMS itu. Kontrak BMS sebelum ini, Yang Berhormat. Masa kontrak itu *effective, I think okay, but now contract* tu dah tak ada, Yang Berhormat. Untuk makluman Datuk, dah tamat pun pada Mei 2022. Dah tamat kontrak BMS. Saya ingat saya sebut itu *je* lah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** So, yang RM100 itu hanya BMS kutipan untuk RM100...

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Sepatutnya BMS sahaja.

**Tuan Pengerusi:** ...kepada BMS?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Yang telah pun tamat dan dikutip oleh syarikat dan tidak diperoleh pun oleh pihak kerajaan, betul?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ya.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Boleh tanya soalan susulan berkenaan BMS ini sebelum pergi ke YB Kapar? Jadi, kerajaan tak boleh lakukan apa-apa untuk halangkan syarikat itu untuk kutip RM100 dalam sistem BMS itu, dalam modul BMS, betul? Kita tak boleh buat apa-apa untuk halang mereka?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** *As far as government concern, we have no contract, BMS.*

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, sistem itu kalau kita izinkan penggunaan sistem, jadi kita terpaksa kalau mereka kutip wang, betul?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Betul.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Dah? Kejap.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Hal ini susulan daripada kutipan RM100 tadi itu. *Company* ini dah buat servis tersebut lama dah dan kerajaan tak bagi duit pun pada mereka. Mereka cuma bergantung kepada kutipan itu. Itu konsep dia kan? Jadi, macam manakah *sustainability* bisnes dia orang ini? *How do they survive for the last five, six years* dengan kutipan RM100 itu? Bolehkah kita ada *account statement* dia orang?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Untuk makluman Yang Berhormat, UKAS dah masuk pun. *That's why UKAS come out with RM86 per issuance of PLKS, instead of RM100.* Jadi, UKAS dah tengok *audited account* dah pergi tengok dia orang punya ROI dan sebagainya. *So, RM86 recorded, minuted* dan ada dalam dokumen, Yang Berhormat.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Itu sepatutnya mencukupilah RM85 itu.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Saya.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Tapi *instead of that*, dia minta lebih daripada RM100.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** *Because in SST, clearly stated RM100, but during the negotiations* untuk sign kontrak ini, dia minta *more than RM100.* Ada dua lah, *more than RM100 and the extension of five years, which is, we have no mandate at all to consider, unless* ada *direction* baru daripada Kabinet lah.

#### ■1210

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Ini *remind me of* isu yang satu lagi— MySkills Passport— yang kita buat dalam mesyuarat PAC ini, di mana *company* tidak minta bayaran daripada kerajaan tapi, *the same modus operandi*, minta syarikat membayar. *This is the same thing.* Tapi, di dalam sistem MySkills Passport itu, kementerian nampaknya meluluskan permohonan itu. Tapi, di sini macam kementerian macam takut nak— macam dia tidak berapa setuju untuk kontrak itu

dimuktamadkan. Jadi, nampak ada dua yang berlainanlah. MySkills Passport dengan ini.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Dalam konteks ini, Yang Berhormat, kalau *company* setuju dengan *term* yang kita tentukan, *based on Cabinet decision 2021* dan SST, sepatutnya dah *sealed in 2021* lagi. Tapi, *company* tak bersetuju *because of* alasan masa PKP tidak ada *collection* dan sebagainya. Itu yang dia sebutlah ya, *which is*, pada kami, *still questionable*. Tak *sign* kontrak ini—

Ini saya nak sebut ya. *Epecially* yang dah ada Audit, SPRM, JPA ini ya. Tak dapat *sign* ini— termasuklah SPRM dah hantar surat ingatan pada KDN, “*Kenapa tidak sign ini?*”. Tidak *sign* ini *not because of* kita tidak setuju *but because of company* tak setuju, ya. Jadi, wakil PUU kita pun ada di sini ya.

*Then*, dia mesti *mutual understanding* nak *sign* kontrak ini. Tak boleh— tapi, saya faham. *That’s why* saya sebut di sini, mungkin akan timbul satu hari nanti, malah takut lebih besar daripada isu LCS dan sebagainya, disebabkan dalam SST itu, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, disebut *one over billion something* ya. *Look likes* macam projek perolehan DE & OE, *which is* tak— dan tak itu *because of* UKAS sebut ini adalah projek penswastaan *and* MOF dan... [Disampuk] Kementerian Ekonomi sebut ini bukan projek perolehan kerajaan. *So*, saya sebut itu. Minta diminitkan untuk *preparation* pada masa hadapan.

Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Lanjutan, Kapar. Lanjutan. Sikit saja. Lanjutan kepada soalan Saratok. Untuk tempoh yang...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Lepas ini Kapar. Lepas ini Kapar.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Untuk tempoh yang— Bestinet ini telah beroperasi, sistem telah beroperasi. Berapa banyakkah permohonan yang telah pun direkodkan dalam sistem itu?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Okey, Yang Berhormat, *to be specific*, mungkin eQuota— eQuota, KSM yang guna *but as registered* dalam sistem MyIMMs. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pun ada menjawab soalan, dalam *1.8 million* yang aktif PLKS. *So*, eQuota diuruskan oleh pihak KSM. Mungkin Dato’ Amran boleh tambah.

**Dato’ Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]:** Ada statistik ya.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ataupun JIM ada nak tambah? Setakat ini. *Active PLKS is what? About 1.8 million* ya?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kapar. Lepas Kapar, saya bagi pada Bayan Baru.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Okey, saya mudah saja. Hendak rujuk kepada syor audit ya, mengenai melaksanakan sistem pengurusan pekerja asing dengan berintegriti.

Jadi, FWCMS adalah projek penswastaaan daripada KDN sendiri itu, kan? Dan, syarikat mohon untuk mempatenkan sistem. *So*, masih tak *clear* sama ada hasil ini nanti, bila telah dipatenkan, adalah hak empunya kerajaan, KDN ataupun syarikat ini. Dengan ada syarat-syarat lagi. Kalau nak guna, gini, gini, gini. Ini antara yang saya risau.

Ketiganya juga ialah kelemahan kawalan ID, kata Audit. Bermakna, dua ID *super admin* KSM dipegang oleh individu bukan pegawai KSM, 24 *unauthorised user* meluluskan 24 permohonan majikan. Maknanya, tidak ada kena-mengena dengan kerajaan tapi dia meluluskan. *So, this* syarikat.

*So*, daripada segi hak dan kepentingan kerajaan, di mana KDN memandangkan itu? Dan kalau apa ini dia— audit ini letak di bawah FWCMS, walaupun dia sebut bukan pegawai KSM. Maknanya, sebenarnya sepatut *authorised user* adalah KSM, bukan KDN. Kan? FWCMS ini buat sistem tapi yang *authorised*-nya adalah KSM. *So, what's happening here?* Bagaimana? Apa pencerahannya?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Yang Berhormat, fasal paten, saya dah sebut. Memang dia dah patenkan. Audit yang dapat ya. *Even* KDN, KSM pun tidak tahu. Terima kasih kepada Audit. Itu satu dapatan yang sangat-sangat bernilai ya. *Especiallly* bila saya jadi KSU ya— sebab, kalau tak, benda itu senyap saja ya. *And then*, kita guna tapi tak tahu pun yang ada patenkan, *especiallly* bila kita nak *sign* kontrak.

Cuma, Yang Berhormat, saya sebut tadi, dalam kontrak, *that is why* kita ikat di situ. Dalam kontrak sebut, walaupun kita audit tak dapat, sepatutnya sistem ini diserahkan. *So*, baca niat *company* dia paten itu untuk tujuan apa, tak boleh buat *assumption*. Tapi, dalam kontrak sebut, bila siap, patutnya diserahkan kepada kita. Jadi, isu paten, pada kami, setakat ini *manageable* ya, sebab dalam kontrak. Kalau dia tidak setuju yang itu, *then* tidak ada kontraklah, Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Kejap, kejap. Yang pasal kontrak tapi kita tidak ada *sign* lagi kontrak, kan?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ya, tidak ada *sign*. Tapi, maksud saya, isu berkaitan dengan penyerahan keseluruhan sistem itu kepada kerajaan itu memang disebut dalam kontrak. Cuma, tidak *sign*. Bila tak *sign*— faham, Yang Berhormat Kapar— ada risiko kepada kerajaan. Apa risikonya?

Bila tak boleh *sign* kontrak tapi sistem itu dia punya. Makna, *anybody else* tidak boleh *come out* dengan sistem yang serupa itu. Itu risiko yang ada pada pihak kerajaan *which is wrong*-lah, *morally wrong*. *Legally, right*. Dia ada *right*-lah. Itu terpulang pada dia tapi *morally wrong*. Sebab, sepatutnya dia tidak buat macam itu. Cuma, niat, kita tak boleh buat *assumption*-lah, Yang Berhormat.

Kedua...

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Datuk, *sorry*. Sebelum pergi ke lagi satu. Dalam SST itu ada tak tulis pasal lepas habis, selepas dibangunkan, dia patut serah kepada kerajaan? Ataupun tidak ada?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** PUU, bantu sikit dalam— saya macam tak nampak tapi dalam draf kontrak ada. PUU, sila.

**Cik Siti Amirah binti Johari [Kementerian Dalam Negeri]:** Okay, Yang Berhormat, kalau saya boleh terangkan sedikit. Dalam SST, memang tidak ada menyatakan sedemikian. Tapi, dalam contoh perjanjian BMS, ada menyatakan mengenai keperluan untuk syarikat menyerahkan data dokumen termasuk segalalah— rekod, dokumen data termasuk hak harta intelek— kepada kerajaan setelah perjanjian tamat. Itu untuk BMS. Perkara yang sama juga kami telah masukkan dalam draf kontrak yang sedang dirundingkan bersama pihak syarikat.

Terima kasih.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Saya nak jawab ID. Betul, Yang Berhormat. Saya masuk 20 Februari. Ini antara isu yang dibangkitkan, antara isu-isu di KDN lah, selain ada beberapa isu lagi, macam baru ini pasal pengurusan senjata api. Dan saya ambil inisiatif untuk pergi sendiri ke pejabat syarikat itu di Cyberjaya dan ada beberapa siri *meeting*. Sebelum itu, sebenarnya ID ini di-*control* oleh pihak syarikat seperti mana dapatan Auditlah. *Just recently* baru *they hand over to us*-lah, untuk makluman. *So*, itu kita kena mengakui, dan betul, *super ID*, ID-ID yang lain, dapatan itu di-*control* oleh pihak syarikat. Jadi, apa berlaku, mungkin, yalah, pihak-pihak tertentu bolehlah buat sesuatu.

Cuma, yang YB Kapar sebut, *yes*. *But just recently* baru *they hand over to us*. *The super ID* dan ID-ID yang lain. *Some* diguna oleh KSM dan *some* diguna oleh pihak JIM lah. *So*, kalau nak sebut pasal ID ini, *yes, before first quarter of this year*, memang *still control by— even the second quarter, just recently* baru *they hand over to us after series of meeting*. *And then I* sebut, benda ini sepatutnya tak betul. Sepatutnya kerajaan. *You just provide system* dan kerajaan *must in control of the system*. Tapi, sebelum ini tidak berlaku macam itu, YB Kapar.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Bermaknanya— *just to record* supaya *this is lessons learned...*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ya, ya.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** ...Benda ini tidak akan berulang lagi.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Betul.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Maknanya, bila *the* syarikat, pihak swasta yang memasukkan data mengenai pekerja asing itu dan secara automatik, dialah yang meluluskan. *Right?* Betul, KSM? Ya?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Itu saya tak boleh bagi jawapan. *I am not in the know.* Tapi, Laporan Audit kata terdapat ID meluluskan sebagainya, *then* saya boleh mengesahkan itu berlaku. Kalau berdasarkan Audit ya.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Sebab KDN tidak ada *knowledge* pun pasal itu, makna KSM *as far as is concern*, KSM punya kelulusanlah ini yang syarikat itu buat *key in* tapi *is as if* KSM yang luluskan. Betul?

**Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]:** Yang Berhormat, nampak tuduhan-tuduhan itu sebegitulah, tapi apa yang kita pasti, berdasarkan Laporan Audit, sebelum ini telah timbul isu ini di dalam mesyuarat Jemaah Menteri.

#### ■1220

Maka, KSM diminta— kita dalam— sepatutnya kita akan bantangan kepada Jemaah Menteri, Nota Jemaah Menteri berkaitan dengan situasi semasa pengurusan pekerja asing yang berlaku sekarang ini lah, di mana kita menggunakan FWCMS ini tetapi ID orang lain pegang. Pegawai KSM tidak ada ID dan sebagainya. Jadi, perkara ini telah dibangkitkan dan kita diminta untuk menyediakan MJM itu. Cuma isu yang timbul di sini ialah sama ada terpulang kepada pihak kerajaan lah sama ada FWCMS itu nak diserahkan kepada KSM atau pun kepada KDN tetapi syaratnya mestilah bukan kerajaan yang memegang ID itu.

Jadi, mungkin kerana ID ini dipegang oleh pihak syarikat atau sebagainya. Mungkin berlaku lah perkara— atau kemungkinan lah berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan. Kelulusan-kelulusan secara ghaib dan sebagainya. Itu memerlukan siasatan lah.

**Tuan Kamal bin Pardi [Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia]:** Sedikit tambahan daripada Dato' Amran nyatakan tadi. Untuk ID ini, tak kata keseluruhan KSM terlibat sebab semua pihak KDN pun ada fungsi masing-masing. KSM, fungsi KSM sahaja. Bukan secara keseluruhan. Jadi, kalau nyatakan tadi YB Kapar nyatakan KSM seharusnya apa ini— pegawai KSM. Saya rasa bukan kesemua. Ikut masing-masing punya ini dan pegawai kami yang terlibat, saya kena maklumkan, telah membuat laporan polis terhadap penyalahgunaan ID berkenaan



kerana tiba-tiba keluar kelulusan tanpa pegawai kami tahu. Jadi, memang berlaku perkara itu.

Jadi, itu saya kata, yang terlibat mengikut proses kerja masing-masing. Bukan kesemuanya KSM. Betul kan saya, Datuk Ruji?

**Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]:** Kita guna...

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Betullah tetapi YB Kapar sebut tadi mengenai e-*Quota* yang dibangkitkan ini adalah kuota yang diluluskan oleh orang yang bukan sepatutnya memegang ID itu. Itu yang YB Kapar bangkitkan tadi lah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Saya nak tanya. Awal punya ini lah. Maksudnya, latar belakang pasal penggunaan FWCMS ini dan kita tengok pelaksanaan sistem BMS yang tadi disebut sebab dalam taklimat oleh Ketua Audit Negara itu bagi tahu dah digunakan sejak daripada 2015. Ada pun perjanjian pada Jun 2015. Cuma bila saya tanya soalan tadi pada Datuk KSU, Datuk KSU bagi tahu memang betul. Dah dikutip melalui BMS - RM100. Saya cuma nak mengesahkan di sini itu adalah menurut perjanjian BMS dengan Kerajaan Malaysia dan juga Bestinet pada 2015. Betul atau pun tidak? Okey.

**Seorang Ahli:** Betul.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Dalam tempoh tersebut, 2015 sampai 2021. Maksudnya, dah tamatkan? 2022 dah tamat, betul?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Betul, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Cuma dari segi penguatkuasaan SST daripada 2018 sampai ke hari ini, tidak ada pun sebarang caj yang dikutip untuk menguatkuasakan SST. Bagi maksud SST tersebut oleh pihak syarikat. Betul atau pun tidak?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Betul, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Sebab saya tak nak ini sebab macam *confuse*. Sebab kata dah kutip, tiba kutip, rupanya tengok oh, 2015. Maksudnya, awal daripada 2018. Cuma saya ingin bertanya, jadi apakah maksudnya *in return* pihak syarikat yang membekalkan kepada mereka— yang bekalkan kepada pihak KDN untuk sistem ini? Apakah *in return*? Walaupun tidak ada dalam DOA dan sebagainya. Jadi, sebagai pembekal yang memberi itu, apa yang dia orang dapat? Sebab itu mungkin saya— adakah dengan tindakan

mempatenkan itu disebabkan oleh pihak kerajaan yang gagal memuktamadkan? Maksudnya, ada *mutual* atau pun ada *valid agreement* untuk memuktamadkan perjanjian tersebut. Adakah tindakan tersebut dibuat, mempatenkan *agreement* tersebut, mempatenkan sistem tersebut disebabkan oleh pihak kerajaan sendiri yang tidak memuktamadkan? *Just to safeguard* diri mereka. Saya nak tanya pandangan daripada Datuk KSU.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Terima kasih, tiga benda ya. Satu, BMS 2015, 2021 dia tamat. *Then*, 2021 Kabinet buat keputusan BMS diteruskan setahun lagi atau sehingga kontrak ditandatangani, yang mana lebih dahulu. *So*, sebenarnya BMS dah tamat 2022, *to be exact*, *May or June* ya. *So*, *the collection of RM100* itu *based on BMS*, Yang Berhormat. *So*, dalam SST April 2018 itu, BMS ada *part of FWCMS*. *The collections of RM100*, katalah 2019 FWCMS boleh ditandatangani, dia tak akan jadi RM200. Dia *still* RM100, *because of BMS is part of FWCMS*. Jadi Yang Berhormat, *collections of RM100* itu adalah *based on BMS* punya kontrak yang tamat *mid of last year 2022*. FWCMS, seperti Laporan Audit, *even until now*, *today* lima hari bulan, tak ada kontrak, belum ditandatangani. *Tomorrow* ada satu *meeting* lagi dengan pihak PUU, *because of* tak ada *mutual understanding*. *Because of* permintaan dia Yang Berhormat, adalah— kita tidak ada mandat langsung terhadap dua perkara itu ya. *Extension of five years* dan satu lagi, *more than RM100*. Itu memang kita tidak ada.

Untuk soalan Yang Berhormat, paten itu ada kaitan kita tak bayar, tak bayar? Itu *the* audit saya dapat dan saya rasa tidak ada kena mengena. Niat— minta maaf saya cakaplah, mungkin ada niat baik. Lepas itu, serah pada kerajaan dan mungkin *the worst part*, niat tak baik. *To protect or to— I mean*, halang orang lain untuk ada sistem yang sama, Yang Berhormat. Jadi, niat mempatenkan itu saya rasa tidak ada kaitan dengan RM100. Untuk maklumat Yang Berhormat dan Ahli-ahli PAC, pihak *company keep telling us*, dia tak *collect* apa-apa pun *all this while for FWCMS*, *which is by logic*, macam mana dia nak *operate*? *It's a big company* difahamkan. Ada cawangan di mana-mana. *How they operate? This is one and the only business*. *Even UKAS* pun dah masuk. *Audited account-nya* ada. Saya nak sebut macam itu juga lah.

Berkaitan dengan *in return* tadi itu, *they keep telling us* lah. Dia tak *collect* apa-apa Yang Berhormat, *but they are still in operation*. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Datuk, boleh tak Datuk bagi kami, Sekretariat PAC, Perjanjian BMS 2015, satu. Kedua, boleh tak bagi kita minit mesyuarat untuk memuktamadkan perjanjian itu, termasuk *demand*

daripada pihak syarikat dan sebagainya. Maksudnya, dah ada *few meetings*. Pertemuan dan juga mesyuarat yang dilakukan oleh pihak KDN dan juga syarikat serta apakah hasil daripada mesyuarat tersebut? So, kita nak dia punya minit mesyuarat ya. Terima kasih.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Empat ya? SST satu. IOU *and the members*.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** SST, lepas itu...

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** MJM 2015...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Lepas itu, dengan...

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Perjanjian kontrak 2015 BMS.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Lepas itu, dengan...

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** ...dan Memorandum.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Maksudnya, perjanjian untuk...

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Mesyuarat untuk memuktamadkan perjanjian tersebut.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Perjanjian. *All right. Series of meetings* ya, Yang Berhormat? Lain-lain... *All right*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi. Saya ingin tanya tentang SST dengan kontrak. Kita tahu bahawa SST, dia hanya *very loose*, Surat Setuju Terima sahaja. *I think* dia punya *conditions* tak berapa— *It is just a basic* lah. *Surface* dan juga *overall* tetapi kontrak itu memang *detail* lah semua. Jadi, apabila kerajaan memberi SST kepada sebuah syarikat FWCMS dan kita telah *proceed* dengan projek ini. *I think* keputusan masa itu, kita bukan cari kesalahan siapa-siapa.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Betul.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Saya nak tanya, adakah ini satu— sebab kita nak *in future we have to lesson learned*. Adakah SST ini boleh di— mengapa boleh di-*proceed* dengan SST tanpa dengan kontrak? Sebab saya rasa ada *negligence* di sini. Pegawai Pengawal patutnya *sign* kontrak, baru boleh *proceed*. Saya nak tanya, adakah apa-apa arahan daripada Kabinet untuk *proceed* dengan

SST tanpa kontrak atau di sana ada sedikit kekurangan *or negligence* daripada masa itu, *maybe* Pegawai Pengawal itu di mana projek ini diteruskan? Mau *comment*.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** YB, in *normal situation*— MOF ada sini kan? MOF ada? Angkat tangan boleh? *So, in normal situation, in a normal procurement procedure, saya pun from MOF dulu ya.* Pada satu perolehan yang tak berapa jelas, kita akan keluarkan LOI dulu. *Letter of Intent and then, negotiation* akan berlaku *and then*, barulah keluarkan SST atau pun LOA. Dalam LOA Yang Berhormat, dalam perolehan biasa, kita boleh bayar *up to four months* kalau ada bekalan berlaku, *construction* berlaku *in four months time*. Selagi kontrak tak ditandatangani, kita tidak boleh buat bayaran. Itu kalau dalam proses biasa lah ya.

■1230

*And then*, kalau *more than four months* kena minta ada *some* kelulusan Pegawai Pengawal. Ada *some* kena hantar ke Kementerian Kewangan. Saya setuju dengan Yang Berhormat sepatutnya SST *must follow by contract*. Macam tadilah PUU sebut berkaitan dengan paten tadi. Mesti bagi. Itu tak ada dalam SST. Mesti diletak dalam kontrak. Jadi, nak menjawab Yang Berhormat dia tidak melibatkan duit kerajaan pun. Tak bayar apa-apa pun dan *all this while*, kalau *we called it contract*, dia hanya *based on* SST. SST kalau dalam proses yang biasa memang kita boleh bayar, kalau duit kerajaanlah. *Up to four months*. Kalau sudah masuk bulan kelima, kena minta kelulusan. Ada *some*— ada yang ke Pegawai Pengawal, ada yang kena Kementerian Kewangan. Sebab, kita tidak mahu menjejaskan syarikat juga. Dia sudah *deliver* tapi kontrak belum boleh *sign*. *Normally*, kontrak ini ada *takes time* jugalah Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Ada *seven months, eight months*. *Sometimes* ada *one year* jugalah. *So, my experience because of* itulah tak ada persetujuan. Tapi, ikut standard tiga bulan. Tapi, *in reality* ada ini.

*So*, nak jawab soalan Yang Berhormat dalam setengah keadaan SST pun boleh digunakan untuk kontrak itu berjalan terus dan bukannya satu yang luar biasa. Mesti kontrak *sign*, baru *you* boleh *deliver*. Dia tak macam itu. Contohnya, bekalan. Bekalan motosikal 200 ke PDRM. Dengan SST, *company* dah boleh bekal dan kita boleh bayar sehingga tiga kali dalam tempoh empat bulan. Bayaran keempat dah tak boleh, *then* kena minta kelulusan Pegawai Pengawal ataupun Kementerian Kewangan. Jadi, kalau itu saya nak buat analogi Yang Berhormat, sebenarnya SST pun sudah jadi kontrak dan bayaran sudah boleh dibuat pun sebelum menunggu *full* kontrak diperolehi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey, saya tanya soalan ini kerana isu *governance*. Sebab ia sekarang seperti diterangkan bahawa SST ini dia berkuat

kuasa mungkin tiga bulan, empat bulan, dia boleh bayar tiga kali, lepas itu dia kena dapat punca kuasa atau kelulusan yang lain. Tetapi, untuk kes ini dia amat pelik sebab dia *more than five years*. SST itu berlanjutan *to me is* ini amat ajaib. Jadi, adakah ada arahan... [Disampuk] Pelik. Ada arahan sesiapa yang memberi kuasa untuk teruskan SST ini?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** *As far as I know, went through all the documents.*, tak ada arahan seperti itu sebab bila SST keluar Yang Berhormat, *that's it and up to the* pegawai untuk *finalise*-kan. Tapi, macam saya sebut tadi Yang Berhormat Pengerusi. Selaku Pegawai Pengawal, *I'm the one* yang akan *sign*. Selagi tak ikut apa keputusan Kabinet 2021 dan SST, *I'm not going to sign. This is I can declare honestly* sebab ini antara hal yang berat Yang Berhormat di Kementerian Dalam Negeri. *I register clearly and objectively* berkaitan dengan isu ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Adakah RM1 bilion itu termasuk dalam SST itu?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Ada. Saya akan bagi salinan...

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Maksudnya kerajaan kena bayar RM1 bilion kepada *company*?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Disebut dalam itu, kontrak ini bernilai RM1 bilion.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tetapi, kalau maksudnya masuk dalam SST bernilai RM1.049 bilion itu maksudnya itu adalah tanggungjawab kerajaan untuk melunaskan bayaran tersebut pada syarikat. Betul ataupun tidak?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Setuju Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** *That's why* saya sebut tadi kalau ada *dispute*...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, *based on* itu memang bersetuju ataupun tidak, tidak ada satu bayaran pun yang dikemukakan oleh pihak kerajaan kepada syarikat tersebut?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Setuju. Yes.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Betul?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Betul. Sebab dia bukan kontrak perolehan menggunakan OE...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tak apa itu tak penting Datuk. Cuma, ada tak buat bayaran, tidak ada?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Tidak ada.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ada tak pihak syarikat menuntut daripada pihak kementerian?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Tidak ada.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Untuk membuat pembayaran ataupun untuk menguatkuasakan perjanjian tersebut?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Tiada.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ada pihak syarikat bertemu ataupun...

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Saya berjumpa beberapa kali dengan pihak syarikat dan isu tersebut memang tidak timbul sebab memang dalam SST dan kontrak yang sedang dibuat bayaran adalah daripada pihak majikan. Itu disahkan dalam keputusan Kabinet pada 2021, 2022.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Maksudnya, macam mana boleh ada RM1.049 bilion itu?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** *All right.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Maksudnya nak di-enforce-kan kepada pihak majikan.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Okey, Yang Berhormat itu antara *spot question* yang memang kami buat *pre-council*. Sila Encik Wan Saupee. *[Ketawa]* Sila.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *So, how do you define that RM1.049 billion?*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Okey, sila Encik Wan. Naikkan soalan itu? *[Ketawa]*

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** Terima kasih Yang Berbahagia Datuk Pengerusi...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *You all dah ada spot question ya?*

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** Yang Berhormat Pengerusi...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kita pun ada juga *spot question* juga.

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** *[Ketawa]* Okey, berkaitan dengan nilai pertama sekali kerana SST ini perlu ada nilai selepas kita rujuk dengan pihak Bahagian Kewangan dan sebagainya. Apabila kerajaan me-award-kan sesuatu projek, selalunya kerajaan akan kutip bon jaminan. Jadi, bon jaminan itu perlu berlandaskan kepada angka. Jadi, angka ini bagaimana berlaku kerana...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Yang jawab ini Tuan Wan Saupee eh?

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** Saya Wan Saupee, Yang Berhormat Pengerusi. Angka RM1.65 juta ini berasaskan kepada purata jumlah PLKS yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen berasaskan kepada lima tahun pada masa tersebut. Jadi, berdasarkan sebagai contoh SST dibuat pada tahun 2018, makna diambil kira 2017, 2016, 2015, 2014, 2013 dan 2012 dan dipuratakan. Pada masa tersebut, saya dimaklumkan bahawa itulah *figure* yang dapat RM1.65 juta. Jadi, dia kalikan dengan angka RM100 dan kali dengan angka enam tahun dan campur dengan cukai. Itulah dapatnya angka RM1 bilion lebih.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** So, ringkasnya begini Yang Berhormat. RM165 juta diambil yang ke belakang. *Sign* 2018, 2017, 2015, 2016 jumlah PLKS. Jumlah Pas Lawatan Kerja Sementara yang dikeluarkan pada pekerja asing. Puratanya adalah RM165 juta setahun. *That's why* dia *times six* dan dapatlah RM1 *over billion* tadi. So, itu formula masa *pre-council*. Saya dah minta *get ready* kalau timbul dan terangkan. Macam Encik Wan Saupee sebut tadi, setiap kontrak mesti ada *value* sebab *company* kena *come out* dengan bon. Itu *calculation* yang dibuat oleh pihak KDN masa itu. Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, formula ini adalah datang daripada KDN? Bukan syarikat?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Daripada KDN. *Based on facts. PLKS issued for the last three or five years? [Merujuk kepada seorang pegawai]*

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, boleh saya tanya satu soalan berkenaan kontrak juga iaitu dalam Laporan Ketua Audit Negara ada menyatakan bahawa Menteri memang ada buat satu keputusan pada 26 Oktober 2020 dan juga dapat persetujuan Jemaah Menteri pada 22 Disember 2021.

Jadi, boleh tak saya tahu apa keputusan ataupun arahan oleh Menteri Dalam Negeri ketika itu iaitu pada Oktober 2020? Keputusan Jemaah Menteri, kita sudah

tahu iaitu untuk tandatangani kontrak tapi arahan Menteri sebelum itu macam mana. Ada *black and white* tak?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Ini Encik Wan Saupee. Sebelum MJM.

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** Arahan untuk supaya ditandatangani FWCMS dibuat apabila diadakan beberapa perbincangan berdasarkan kepada senario-senario seperti yang kita bincangkan di Mesyuarat PAC inilah. Antaranya adalah ulasan AGC itu sendiri apabila perlu dinilai, apakah kesan SST itu sendiri. Jadi, berdasarkan kepada ulasan AGC tersebut yang menyatakan bahawa SST ini adalah seolah-olah satu kontrak yang mengikat. Di situlah antaranya yang mencetuskan perbincangan bahawa kerajaan perlu meneruskan perbincangan untuk memuktamadkan kontrak tersebut dan diangkat satu kertas tertinggi untuk diputuskan oleh kerajaan, dibentangkan di Kabinet.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Kluang dalam slaid empat itu. Kalau nak sebut kata Menteri sebut apa, Menteri bersetuju. *That's why* dia dibawa ke MJM. *I think slide* empat. Ini Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pada 28 September bersetuju dengan minit ceraihan pelaksanaan FWCMS.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Datuk, saya nak tanya KSU. Dalam SST setiap SST kah, dalam kontrak sebenarnya dia ada klausa di mana kerajaan mempunyai kuasa untuk *terminate* pada bila-bila masa tanpa sebarang kos kepada kerajaan. Betul? Dalam SST ini, adakah klausa ini dimasukkan?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** PUU bantu. *Termination and normally* ada. *Tapi to be in detail-nya.*

**Cik Siti Amirah binti Johari [Penasihat Undang-Undang (Pejabat PUU)]:** Yang Berhormat, kalau saya boleh merujuk kepada SST bertarikh 12 Januari 2018. Salah satu perkara yang dinyatakan di dalam perenggan 5(ii) SST. Ada menyatakan bahawa kerajaan juga berhak untuk tidak meneruskan atau menangguhkan pelaksanaan cadangan projek atau menukar atau mengubah pelaksanaan cadangan projek sama ada dari segi skop dan kadar caj yang dikenakan sekiranya pihak syarikat gagal memenuhi syarat-syarat yang akan ditetapkan oleh kerajaan semasa proses rundingan kontrak kelak dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

#### ■1240

Dalam keadaan ini, kerajaan tidak bertanggung terhadap apa-apa kos atau perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak syarikat sekiranya projek tidak diteruskan, ditangguhkan atau pelaksanaan projek ditukar atau diubah atau apa-apa kelewatan di pihak kerajaan berhubung pelaksanaan cadangan projek dan keadaan tersebut



tidaklah, dengan apa-apa cara sekalipun, melayakkan pihak syarikat untuk membuat sebarang tuntutan ganti rugi atau pampasan terhadap kerajaan.

Dalam hal ini, kalau saya boleh rumuskan, perenggan ini menyatakan bahawa kerajaan berhak untuk tidak meneruskan sekiranya pihak syarikat tidak bersetuju dengan syarat-syarat atau terma yang dirundingkan bersama dengan pihak kerajaan. Buat masa ini, rundingan masih lagi dijalankan dengan pihak syarikat dan untuk menyatakan bahawa tiada persetujuan, pada masa ini, saya tak...

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Saya nak menjawab soalan Yang Berhormat. Memang ada SST di perenggan lima.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sebelum itu, Datuk. Saya hendak tahu siapa yang menjawab tadi? Daripada mana? Jawatan dengan...

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Okey, sila.

**Puan Siti Amirah Johari [Kementerian Dalam Negeri]:** Minta maaf, Datuk. Saya Siti Amirah Johari, Peguam Kanan Persekutuan, Pejabat Penasihat Undang-undang Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Jadi, ini bermaksud bahawa kerajaan mempunyai kuasa untuk *terminate* projek ini pada bila-bila masa sahaja?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Betul, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Maka, dalam keadaan sekarang, di mana audit sudah masuk, ada banyak masalah yang ditimbulkan daripada projek ini, kerajaan boleh *terminate*. Betul?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ikut ini, boleh, Yang Berhormat. Tapi, kena baca bersekali tadi, "*Dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.*" Yang ini sangat mengikat kerajaan. Nampak okey, tapi di hujung itu apabila Puan baca tadi, "*Dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak*", *must mutual terminations*. Itu tak apa. Kita bagi nanti SST ini.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Datuk, saya nak tanya. Sebab, FWCMS ini dia dah lebih daripada lima tahun, kan? Jadi, saya kira tadi ada dalam tiga ke empat orang *minister*, menteri yang terlibat. Jadi, saya hendak tahu pandangan ataupun— yalah masa sebelum 2018 itu, BMS sahaja yang dikuatkuasakan. 2018, Tan Sri Muhyiddin. Lepas itu, 2020, Datuk Hamzah dan *now* Saifuddin. Tiga-tiga Menteri itu, adakah— maksudnya, pandangan ataupun kenyataan mereka terhadap penggunaan FWCMS ini bagaimana ya? *I mean*, maksudnya, sistem ini bagaimana? Maksudnya, teruskan ke ataupun ada apa-apa arahan sebaliknya?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Yang Berhormat Pengerusi, pertama, bila pertukaran kerajaan berlaku, FWCMS antara yang terkesan sebab *stop*. *Stop* dan antara yang terhenti dan dimulakan semula...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Yang itu bila berlaku itu, Datuk? *When was that?*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** *Immediate after the...*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** 2018?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Yes, 2018.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *Immediate after* pertukaran kerajaan.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Kalau tengok, ada kronologi itu, Yang Berhormat. *Then*, 2020, dia mula balik, diteruskan. Dan bila Datuk Seri Hamzah pun teruskan dan yang paling hujung itu bila Datuk Seri Saifuddin masuk Februari— eh, *sorry*. Dia masuk Disember dan saya masuk Februari. *Presentation* pertama saya dengan dia, *then* kita pun kena *honour*, kena teruskan. Kita *honour* keputusan 2021, kita *honour* keputusan 2018.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Boleh tak saya cadangkan dekat sini bahawa insiden pertukaran kerajaan dan juga perubahan menteri juga merencatkan memuktamadkan perjanjian tersebut? Ada tak terlibat faktor tersebut?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Saya tak bersetuju dengan *statement* itu.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** So, tidak ada ya?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Tidak ada.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Memang tidak ada.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Tidak.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Memang tidak mengganggu langsung urusan memuktamadkan perjanjian walaupun bertukar kerajaan ataupun bertukar Menteri?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Tidak mengganggu langsung. Betul.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Kalau begitu, Datuk, apakah sebenarnya yang menghalang kepada kontrak itu dimeterai?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Oh, kita mula balik ini. *[Ketawa]* Nak menentukan projek ini bawah perolehan biasa itu atau *privatisation* pun satu hal, Yang Berhormat. *Communication* dengan MOF, EPU dan sebagainya. Nak menentukan dia *fall under* mana pun itu satu hal. Ini saya nak cakap. Hanya *been finalised last year, fall under privatisation*. Itu satu.

Kedua, agak *tough*-lah nak bincang fasal kontrak ini. *That is why* saya nak *register* dekat sini...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh tak saya nak dapatkan pandangan daripada EPU?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Kalau ada di sini, boleh.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sebab, *you all* mesti— ini tak pematuhan pada *agreement, agreement* tak ada ini selalu berlaku dalam kerajaan punya ini. Minta maafah cakap.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Sebelum itu, Yang Berhormat. Sepatutnya kalau *paper* ini penswastaan, memang rundingan Jemaah Menteri kepada UKAS. UKAS sepatutnya bawa. Tapi, ini tak. SST dikeluarkan oleh KDN. Dan keputusan ini sepatutnya adalah keputusan perolehan biasa. Tapi, macam saya sebut tadi, nak mula daripada mana itu pun kita tak jelas. *Just last year*, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, kita dengar komen daripada pihak EPU.

**Encik Che Rahim bin Daud [Kementerian Ekonomi]:** Untuk keterangan daripada EPU, bahawa perkara itu di bawah UKAS. UKAS sebelum ini di bawah EPU. Sekarang di bawah JPM.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Soalan Yang Berhormat itu dari segi *nature of this contract* ini. Minta maaf, Yang Berhormat.

**Encik Che Rahim bin Daud [Kementerian Ekonomi]:** Sebab, dari segi *nature of contract*, saya rasa di bawah MOF, Bahagian Perolehan.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Kalau macam itu— untuk makluman Yang Berhormat, kita dah dapat pengesahan dah MOF dengan EPU. Kontrak ini bukan kontrak perolehan biasa. Dia adalah projek penswastaan dan letak di bawah UKAS. Ada UKAS sini? UKAS tak ada ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** MOF nak komen apa-apa? Awak pakai *mic* supaya kita dapat rekodkan.

**Cik Dara Isnita binti Mohd Rufin [Kementerian Kewangan Malaysia]:**

Yang ini, saya semak dulu. Tapi, *so far*, yang saya *concern* ialah memang *under* UKAS lah, bukan MOF, sebab dia penswastaan.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Yang Berhormat, saya tambah. Surat AGC 27 Julai 2020, *SST as good as contract*. Surat MOF 30 Oktober 2020, ini bukan perolehan biasa. Ini bawah UKAS. Surat UKAS 9 Disember 2022 dah mula *negotiation* dan slaid UKAS berkaitan dengan semakan kadar fi yang mencadangkan RM86. Jadi, nak sebut, dia *fall under* UKAS dan hanya dapat selepas tiga empat tahun benda itu berjalan, Yang Berhormat. Itu saya minta...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *Datuk, I need all the documents that you said just now.*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ya, ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh saya dapatkan?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Dengan saya, Yang Berhormat. [*Sambil menunjukkan senaskhah dokumen*]

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Bagikan kepada sekretariat.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** *Pre-council* semalam saya tak tidur, Yang Berhormat, nak buat *tagging* ini.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kami pun tak tidur juga, Datuk.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** *All right.* Boleh, boleh, Yang Berhormat. Cuma, kita kemaskan lagi, kita *tagging*-kan. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Datuk Wira, *I* nak tanya *basic question*—lah sebab mengeliru dan terkeliru. *So, RM1 billion plus* itu, sebab *this is* projek penswastaan, *what is the implication* kewangan kepada kerajaan? Tidak ada? Ke apa?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Dia tak ada *implication* satu sen pun kepada kerajaan setakat ini. Masa depan, saya tak tahu.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Tapi, ada kemungkinan. Ada kemungkinan. Sebab, kata tak ada *cost implication* dan sebagainya—tapi, katalah *agreement* ataupun kalau kerajaan *terminate* kontrak itu dan sebagainya, seperti yang telah disebut tadi dalam SST, setuju tak kalau dalam situasi itu, pihak syarikat ini boleh mengambil tindakan terhadap kerajaan kerana *terminate*? Walaupun tak ada keputusan ataupun persetujuan di antara dua-dua pihak. Dia boleh saman

kerajaan dan proses menyaman itu, dia mungkin tuntutan ganti rugi kepada kerajaan kerana tak meneruskan kontrak tersebut. Di situ ada *exposure* kerajaan kepada *cost implication*.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Setuju.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey, Datuk Wira Pengerusi.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Oleh kerana itu tadi yang *unauthorised* dan sebagainya, itu adalah satu implikasi yang besar kepada kerajaan dan negara.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Setuju.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *So, maybe that is one of the things that you can— dalam you berunding. That is one of the points* untuk menyelamatkan kerajaan.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Setuju, Yang Berhormat. Setuju.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Okey.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** *That is why saya sebut apa yang perlu saya sebut di sini. Especially, katalah deadlock by May 2023 agreement* tak boleh ditandatangani disebabkan sebab-sebab tertentu ini ya. Dan saya sebut, *I am not going to sign. My deputy* memanglah takkan *sign*, kan?

#### ■1250

Kalau dia tak ikut keputusan 2021 dan juga SST 2018. Semua Yang Berhormat bangkitkan dua, tiga tadi saya setuju, tiga Yang Berhormat Kapar, Bangi dan Shah Alam.

**Puan Rahayu binti Ab Talib [Jabatan Peguam Negara]:** YB, saya mohon maaf, daripada *AG Chamber*. Saya ingin menjelaskan sedikit berkenaan dengan bagaimana sekiranya perjanjian tidak ditandatangani dan kesan kepada SST dan implikasi kepada kerajaan. Seperti mana dalam pandangan undang-undang yang telah diberikan, sekiranya kerajaan tidak meneruskan pelaksanaan FWCMS dengan syarikat tanpa ada kegagalan atau keingkaran di pihak syarikat, kerajaan boleh dianggap sebagai pihak yang memungkirkan kontrak lah, yang mana kita boleh – kerajaan boleh terdedah kepada tuntutan ganti rugi daripada syarikat berdasarkan seksyen 74 Akta Kontrak.

Kemudian, sekiranya pula jika kerajaan ingin menamatkan ikatan kontrak apabila berlaku keingkaran atau kegagalan daripada pihak syarikat dalam melaksanakan apa-apa obligasi. Syarikat masih boleh juga menuntut ganti rugi di bawah seksyen 71 Akta Kontrak. Ini dengan mengambil kira bahawa syarikat telah melaksanakan obligasi dia untuk menyiapkan sistem tersebut dan telah diguna pakai

oleh syarikat. Jadi, perkara ini perlu diambil kira dan diberikan pertimbangan YB dalam perkiraan berhubung dengan syarikat lah.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Amat setuju YB *even* kita dah *hold bond* dia berjumlah RM8.745 juta. Itu pun dah satu kontrak. Maknanya dia *honour* pada kontrak dengan RM1 bilion lebih tadi dia bagi bon RM8.745 juta untuk setahun punya bon.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey, terima kasih Pengerusi. Saya ada satu soalan berkenaan dengan BMS kerana tadi menyatakan bahawa kontrak mereka disambung setahun oleh Jemaah Menteri sehingga tahun 2022. Jadi, ada perjanjian tambahan ditandatangani tak?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Tidak ada, Yang Berhormat.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Kenapa tidak ditandatangani?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Encik Wan, boleh jawab? Okey lah, Encik Wan jawab.

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Kementerian Dalam Negeri]:** Terima kasih Yang Berbahagia Datuk KSU. Yang Berhormat, kenapa tidak ditandatangani kerana kita berlandaskan kepada keputusan Kabinet pada 22 Disember 2021 yang memutuskan supaya BMS ini akan menjadi sebahagian sistem FWCMS. Pada masa tersebut, tindakan untuk merundingkan kontrak sedang berjalan.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Kalau sebegitu, boleh tak syarikat Bestinet kutip RM100 semasa perjanjian tambahan tidak ditandatangani kerana sudah tamat dah?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Jawapannya tidak boleh. Selepas tamatnya setahun itu tidak boleh, Yang Berhormat. Yang tambahan setahun itu memang KDN keluarkan surat masa itu. *Then*, dia boleh *collect* lah *but after May last year* sepatutnya tak boleh. Jawapan saya memang tak boleh. Soal dia *collect* itu cerita yang lain-lain Yang Berhormat.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** KDN keluar surat nyatakan berniat untuk sambung.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Setahun, ya.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Tetapi tiada kontrak tambahan.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ya.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, dalam satu tahun yang sambung itu dia terus *collect*?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Terus *collect based on* surat sambung setahun itu. Itu pun saya bagilah kepada PAC, surat sambung setahun tambahan.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, selepas 2022 adakah syarikat masih *collect* lagi?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Di luar pengetahuan kami. Tapi tidak ada kontrak. *As far as KDN concern*, tidak ada kontrak BMS dengan pihak kerajaan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh bagi surat *extension* yang setahun itu? *Thanks*.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Boleh Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi, saya nak minta komen daripada KSU, 28 Disember 2017, YB MDN bersetuju dengan minit ceraian, hala tuju dan cadangan pemeteraian kontrak FWCMS. Ini bermaksud bahawa pada 2017, sudah mula proses dengan FWCMS. Jadi, sudah tentu ini bukan datang daripada – *it doesn't come from nowhere*. Jadi, mestilah Bestinet telah memberi kertas cadangan kepada KDN sebelum 2017, betul?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Betul.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Ada kertas cadangan?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Betul. *Even through proof of concept (POC)*. BMS pun *through POC and then they extend to FWCMS*. Itu betul, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Jadi, bolehkah saya tahu, boleh kami PAC dapatkan kertas cadangan tersebut? Saya nak tanya dengan – siapakah yang minitkan kertas cadangan tersebut? Menteri atau melalui proses perolehan?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Kertas cadangan saya tak boleh komen tapi minit ceraian disediakan oleh pegawai dan dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, saya nak tanya susulan daripada Bayan Baru. Kertas konsep tersebut saya difahamkan awal lagi, bukan awal sebelum 2017, saya mendapat maklumat awal lagi sebelum 2010.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Encik Wan?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Konsep dan sebagainya, *presentation*.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Yang saya terbaca 2012, 2013, Yang Berhormat. Encik Wan, mungkin yang orang lama KDN.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** So, kalau ini, kalau boleh tak daripada awal idea untuk susulan daripada Bayan Baru tadi, boleh tak konsep awal idea FWCMS ini diberikan pada kerajaan. Boleh tak kita dapatkan dokumen dan juga kertas cadangan tersebut?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Boleh, Yang Berhormat. Kita bagi kronologi, POC bermula dengan BMS dan FWCMS. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey, Pengerusi, *moving forward* sekarang kita ada masalah *negotiation* dengan FWCMS. Mungkin sekarang *at this point* KDN memang tidak setuju dengan beberapa syarat dengan FWCMS atau FWCMS tidak setuju dengan KDN, berdasarkan keputusan Jemaah Menteri 2021. Okey, tadi Datuk KSU pun kata bahawa *we have been dealing with foreign workers for many years, with or without FWCMS* pun boleh dilaksanakan.

Jadi, sekarang *moving forward*, kalau kerajaan buat keputusan tak mahu setuju dengan – tak mahu *proceed* dengan FWCMS, adakah kerajaan akan mengguna ePPAx itu kerana ePPAx pun satu *highway* lagi. Sekarang *North-South Highway, PLUS Highway* sampai Johor Bahru. Ini adalah Jalan Persekutuan pun boleh sampai Johor Bahru. Adakah kita akan pakai ePPAx itu untuk menggantikan sistem?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Dato' Amran, tak mahu pakai KDN punya, pakai KSM punya.

**Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]:** Yang Berhormat, sebagai mana yang saya maklumkan tadi, kami akan bawa isu ini kepada melalui Nota Jemaah Menteri – sepatutnya kami dah *present* Nota Jemaah Menteri itu seminggu, dua minggu sebelum ini. Tapi memandangkan ada PAC, saya telah berbincang dengan Yang Berhormat Menteri kata tunggu lepas PAC. Kalau kita bawa Nota Jemaah Menteri itu mungkin ada cadangan-cadangan daripada PAC untuk cadangan penambahbaikan lah. Jadi, kita di peringkat KSM, kita mengikut keputusan kerajaan. Kalau nak teruskan dengan FWCMS, letakkan pada KSM pun kita terima. Mana-manalah yang diputuskan oleh kerajaan, mana-mana satu yang nak berkaitlah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey, soalan saya juga adalah sekarang ada FWCMS dengan juga – dia tidak setuju beberapa cadangan daripada keputusan Jemaah Menteri, kan? Dia ada masalah *contentious* dengan KDN. Bolehkah...



**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Yang Berhormat, siapa yang ada masalah?

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Sebab you – tadi Datuk kata ada *deadlock* kerana FWCMS minta lima tahun, *extra*.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Itu memang di luar daripada SST, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey, di luar dari SST.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Kalau di luar kita tak akan setuju.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Jadi, keputusan Jemaah Menteri punya pada 22 Disember 2021, bolehkah bagi keterangan di sini. Apakah keputusan tersebut?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Keputusan dia ialah meneruskan memeterai kontrak dengan FWCMS. Itu yang detil tapi matlamat utamanya diteruskan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Diteruskan.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Kalau keputusan kata hari itu tak diteruskan, mungkin dia dah ditamatkan pun pada 2021 seperti mana projek...

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Diteruskan sehingga 2024, betul?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Mengikut SST itu, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Mengikut SST.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey dan ada *detail-detail* lagi, kan?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Bolehkah bagi kepada PAC *detail-detail* tersebut?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Boleh.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Soalan kedua adalah *what will happen after* 2024, 31 Mei 2024. Apakah hala tuju?

#### ■1300

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya nak sambung kepada YB Bayan Baru punya hala tuju. Satu sebagai Datuk KSU, maksudnya sebagai badan pengawal dalam hal ini dan kita tengok dalam masa enam bulan— kurang daripada enam bulan lagi, ia akan tamat. Awal tadi saya tanya kebergantungan dan kalau ini pun maksudnya tetap sistem akan terus berjalan tetapi dibuat secara manual. Okey.

Saya ingin tahu apakah persediaan daripada pihak KDN, satu dan juga *way forward* sebagai badan pengawal ini, apakah yang Datuk ingin lihat dan juga maksudnya bagi memastikan supaya tidak ada berlaku permasalahan, kelewatan dan juga kesulitan yang berlaku dari segi permohonan pengurusan warga asing yang datang ke Malaysia dan sebagainya, sekiranya ia tidak dapat dimuktamadkan dan saya ingin tahu apakah iltizam Datuk KSU sebagai badan pengawal dan [*Tidak jelas*].

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, tanpa FWCMS, kita masih boleh memproses dan benda itu memang dah dibuat pun sebelum ini. FWCMS hanya bermula daripada April 2018. So, nak jawab Yang Berhormat, tanpa FWCMS, pihak KDN dan JIM masih boleh memproses. *Even* sistem MyIMMs kita masih boleh *cater*.

Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan visa kita ada eVisa. Kita ada eVisa sekarang pun dan untuk perkara yang berkaitan dengan visa dan rujukan dan sebagainya pun boleh dibuat melalui sistem yang sedia ada. Cuma tak adalah yang sistem eQuota, Biomedical, itu tak adalah. Semuanya dibuat secara manual dan benda itu baru hanya bermula pada 2018.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Saya nak tanya AGC. Dalam hal tersebut, yang kita jangkakan 31 Mei akan tamat, 2024. So, dari segi efektif itu, tamat itu sejurus habis sahaja *date* itu, *then* terus tamat ataupun bagaimana untuk sistem ini dari segi penggunaan dan juga aplikasinya terhadap permohonan ataupun gerak kerja yang dibuat sekarang ini. *How effective?*

**Puan Rahayu bt Ab Talib [Peguam Kanan Persekutuan]:** YB sekiranya tempoh SST tersebut adalah untuk tarikh yang tertentu, dia berkuat kuasa hanya setakat tarikh tersebut sahajalah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** So, maksudnya dia akan terus tamat *immediate* selepas tarikh tersebut?

**Puan Rahayu bt Ab Talib [Peguam Kanan Persekutuan]:** Sekiranya tidak ada perkiraan ketetapan dasar yang lain dibuat mengenainya YB.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** So, maksudnya selepas itu, syarikat memang tak boleh tuntutan?

**Puan Rahayu bt Ab Talib [Peguam Kanan Persekutuan]:** Tuntut daripada segi?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tuntut daripada segi penguatkuasaan kontrak tersebut, SST tersebut.

**Puan Rahayu bt Ab Talib [Peguam Kanan Persekutuan]:** Yang itu kita perlu teliti sekiranya hala tuju seterusnya *especially* berkenaan dengan draf perjanjian yang sedang dibincangkan dengan pihak-pihak YB.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kluang *then* Wangsa Maju.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey terima kasih Pengerusi. Jadi saya ingin tanya kepada Datuk KSU KDN, kerana dah dibangkitkan sistem MyIMMs tetapi setahu saya, sistem MyIMMS tidak ada dalam kegunaan lagi dan digantikan NIISe dan kontrak NIISe itu juga satu jumlah yang besar. Jadi sebenarnya apa sistem yang digunakan oleh Jabatan Imigresen sekarang ya?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** MyIMMs *still in operation*. Keluarkan passport YB pakai MyIMMs. *MyIMMs is highway for, I think years. Then control our issuance of passport, pengurusan pekerja asing, visa and et cetera, et cetera.*

*NIISe just terminated last few months because of default of the contractor and we are going to issue new, pre-queue tender and we strategise by fasa instead of dulu bagi ke satu syarikat secara keseluruhan, in bulk. Then, very soon ada tender baharu akan keluar and by fasa. We call it phase Release 1, Release 2 and Release 3 and then Release 1 hanya akan melibatkan semua pintu-pintu masuk negara. So, NIISe soon. MyIMMs still in place. Terima kasih YB.*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi. *First* saya nak *establish the fact that in the SST* memang ada *exit clause*. *Exit clause* dah ada tapi ada *flaw in the exit clause* yang kita tutup pintu, bawah itu kita ada tebuk lubang. *Now we have exit clause* tapi ada *flaw* kat situ.

*Now, way forward* kalau ikut keputusan yang Datuk sebut tadi, *you are based on* keputusan 2021. *That means you are going forward* untuk *sign the agreement*-lah. *That is a way forward. At the same time, Datuk punya komen tadi you are not in—* seolah-olah *not in favor*. So, kalau ikut keputusan 2021, *you are moving forward...*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Di mana YB? *Point* yang mana?

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** *Point* yang mana?

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Daripada segi *signing the agreement* itu.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** *Signing agreement, detail-*nya ada dalam itu. SST *very brief but the contract* sangat *detail. What I am trying to say* tadi itu, *I am not going to sign* kalau dia tak ikut 2018 and 2021 *which is* dua, satu dia nak *extension*.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okay.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** *I have no mandate for that. The other one is more than RM100. Itu pun taklah YB.*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Yalah maknanya usaha ke arah menandatangani perjanjian itulah. *The work is going to that direction.* Daripada segi *way forward*, maknanya *going towards that. In the event tak boleh achieve, then that is different issue.* Tapi *moving forward to sign the agreement*-lah.

Dalam masa yang sama juga, kalau FWCMS ini ada *15 modules*, lepas itu kata ada ePPAx. *Feature* yang dalam ePPAx ini tak ada dalam *any one of 15 modules* dalam FWCMS. Ke ada?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Ada yang boleh komen? *Because ePPAx dengan— ada tak yang bertindih?*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *Feature* yang dalam ePPAx ada tak di antara 15 modul dalam FWCMS?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Minta maaf itu teknikal sikit. Mungkin boleh bantu Encik Ayub.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Itulah. Ada soalan susulan selepas itu.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Okey sila.

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** Kalau kita bercakap mengenai *feature* teknikal, saya tak boleh nak komenlah tetapi *feature* berkaitan dengan *functional features* ada. Sebagai contoh *overlapping* untuk pengeluaran kuota itu sendiri, kuota. Sebagaimana yang disebarkan oleh Yang Berbahagia Datuk TKSU KSM, antara elemen ePPAx adalah untuk menyediakan ketersediaan kerajaan untuk membawa masuk pekerja asing melalui pengeluaran kuota. Ada dibangunkan dan pada masa yang sama di FWCMS ada modul eQuota.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey.

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** Yang lain itu mungkin juga berkaitan dengan eAduan yang mana apabila berlakunya pekerja asing lari, *then* dia boleh melaporkan secara atas talian di kedua-dua platformlah.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey, maknanya boleh tak kita simpulkan di sini bahawa *feature* yang ada pada ePPAx itu ada dalam FWCMS? Boleh tak kita simpulkan macam itu? Sebelum saya soalan susulan.

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** Tak semua.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Saya difahamkan ePPAx ada dua *features*. Betul ya? Saya faham macam itulah. *That means* dua-dua *features* dalam ePPAx tak ada dalam FWCMS.

**Tuan Kamal bin Pardi [Ketua Pengarah (Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia)]:** Maaf. Secara teknikal yang saya nak kena kaji balik YB.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Kenapa saya tanya— okey, okey. Minta maaf Datuk.

**Tuan Kamal bin Pardi [Ketua Pengarah (Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia)]:** *All right.*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Kenapa saya tanya itu? Kerana sekarang ini pula— ini *talking way forward* kan. Januari tahun ini, kita pinda akta— seksyen 60K, Akta Kerja itu kan. Lepas kita pinda itu, ePPAx di-*activate* balik. Betul? Satu ketika dah tutup, lepas itu kita *activate* balik. *Now why do we activate* balik ePPAx dengan pindaan akta itu? Jadi, itu soalan susulan sayalah. Maknanya kalau misalnya dah ada dekat FWCMS, *then we don't have to reactivate ePPAx.*

**Seorang Ahli:** Bangi beli satu saja Bangi [*Merujuk kepada makanan yang dibeli oleh Yang Berhormat Bangi*] [*Ketawa*]

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** So, macam mana Yang Berhormat?

**Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa)]:** Dulu kita menyangkakan bahawa FWCMS ini tidak diteruskan oleh KDN pada ketika itulah kerana kita tahu yang kontrak tak *sign*, apa tak *sign*. Kita dapat berita yang begitulah. Jadi, kita nak adalah satu sistem yang kita boleh *backup* untuk kita menguruskan pekerja asing ini. Pada masa itu *uncertainty* kita tak tahu apa keputusan KDN terhadap FWCMS.

*That's why* kita teruskan dengan ePPAx ini sebagai *backup* untuk data-data pekerja asing, Yang Berhormat. Jadi, keputusan yang seterusnya terletak kepada KDN lah iaitu saya tidak mencampurilah.

#### ■1310

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi, kita tahu bahawa FWCMS ini akan tamat pada 30 Mei 2024. Maksudnya, kita kurang daripada enam bulan. So, kita— tadi Datuk kata kita *can go back to the manual system*. Kita tahu bahawa sepanjang sejarah kemasukan pekerja asing ini, penuh dengan masalah. PAC pun banyak kali mesyuarat tentang kemasukan pekerja asing, SPRM pernah masuk dan pelbagai orang didakwa dan sebagainya. Jadi, *go back to manual*, adakah ini satu— *you open up another problem* kepada rasuah, penyelewengan dan juga pelbagai masalah yang akan ditimbulkan.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** YB, tadi saya sebut awal. 6 Julai 2022, SPRM ambil fail ini. Masih dengan SPRM lagi. So, *with the system* pun ada isu juga. So...

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Tapi, *magnitude different*. Magnitud yang *problem* ini dengan sistem patutnya sudah lebih *transparent* dan lebih— sistem yang boleh *traceability*. Ada ya.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Tetapi, kalau manual itu, macam-macam boleh berlaku, kan? Datuk.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Manual, *in terms of process*, but MyIMMs masih simpan data. *That's why* saya sebut, Yang Berhormat Datuk Wira ya, contohnya, eVISA ya. Kita dah ada boleh *online* pun. Mohon eVISA *for foreigners* ya. Tak perlu pun pakai ejen dan sebagainya. So, untuk yang ini pun, Yang Berhormat, kalau boleh saya sebut, tanpa FWCMS masih boleh proses. *Issue of governance* itu cerita yang lainlah, tapi saya sebut tadi, untuk FWCMS ini, fail original ada dengan SPRM diambil daripada KDN pada 6 Julai 2022 sampai sekarang tak bagi balik lagi. Untuk makluman Yang Berhormatlah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Jadi, soalan susulan saya adalah— kita ada enam bulan. Adakah kerajaan bercadang untuk *tender another project* menggantikan ini? Sebab, kita tahu bahawa *we cannot*— dari sudut isu *governance*, *transparency* dan sebagainya, ia perlu ada sistem yang *transparent* dengan...

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Betul, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** ...*Full proof*-lah ya. *Full proof*.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Betul, betul.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Jadi, sekarang tinggal enam bulan. *Are you doing something about it?*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Setakat ini tiada, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Datuk. Okey, Datuk sebut pasal SPRM pun masuk tadi 2022. Saya nak tahu daripada pihak SPRM, apakah status kemasukan untuk fail dan juga siasatan untuk kes ini?

**KPKPj Khairul Nurrahim Ashadi bin Abdullah [Ex-officio, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]:** Berkaitan dengan perkara ini, YB Pengerusi, saya Khairul Nurrahim daripada Bahagian Siasatan, SPRM. Kami akan berikan maklum balas bertulis pada PAC nanti, Datuk Seri.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Saya nak *put on record* saja ya. Boleh tak kongsi dengan kami, siapa syarikat yang memberi khidmat BMS? Siapa syarikat yang FWCMS? Sama-samalah cakap. *Who are the parties involved?* Lepas itu, *just* nak tahulah, ePPAx ini syarikat mana? Lepas itu MyIMMs, syarikat mana? Boleh tak *share*?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Bestinet— BMS, FWCMS. MyIMMs— HeiTech Padu.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** HeiTech Padu. Okey.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Apa lagi satu tadi? ePPAx...

**Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]:** ePPAx— Bestinet.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Ha?

**Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]:** ePPAx.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** ePPAx— Bestinet?

**Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]:** Eh, bukan. Apa ini... *[Disampuk]* Ideal Matrix. Seronok sangat dengan Bestinet.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Saya tolong. ePPAx— Ideal Matrix. BMS, FWCMS— Bestinet. MyIMMs— HeiTech Padu.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, boleh saya tahu, siapa yang pemegang saham terbesar dalam Bestinet ya? Siapa...

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Akan diberi secara bertulis. *[Ketawa]*

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ada detil tak? *[Merujuk kepada pegawai]*

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Ada maklumat?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Kita tidak ada. Kita tak bawalah.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Kalau ada, boleh kongsilah segera.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Boleh, boleh. Kita akan cuba dapatkanlah.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Dan juga, kerana dalam Laporan Ketua Audit Negara pun ada sebut bahawa dalam bab salah guna ID pengguna itu, ada syarikat— apabila mereka buat semakan *sampling*, satu syarikat

bernombor 895689-U dan kami dimaklumkan nama syarikat adalah Synerflux Sdn Bhd. Boleh tak pihak KDN juga membekalkan maklumat syarikat tersebut? Siapa pemilik mereka?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Okey.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Mengapa mereka ada akses dapatkan satu ID pengguna selama ini?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya harap itu yang SPRM masuk dan tengok, yang mungkin kita tak boleh masuk ganggulah, kan? Tapi, Yang Berhormat Kluang sebut tadi, dengan syarikat Bestinet ya. SSM. So, ada tujuh dokumenlah Yang Berhormat mohon ini.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya minta YB Bangi— sebelum saya bagi pada YB Bangi, saya nak *confirm* balik yang dokumen itu. Ada tak termasuk perjanjian 26 Februari 2021? Kalau tidak ada, masukkan juga. Kita nak. Dan juga cadangan pemeteraian kontrak FWCMS pada 22 Disember 2021. Kalau tidak ada, masukkan juga dalam *list*, senarai. SST, tadi kita dah mintakan dokumen tersebut?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ya, dah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Itu sajalah.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Saya ulang, Yang Berhormat. Satu, kontrak BMS. Kedua, siri-siri perbincangan untuk memuktamadkan tender. Ketiga, SST. Keempat, MJM 2021. Kelima, salinan SSM untuk Bestinet dan juga syarikat yang YB Kluang sebut tadi, Yang Berhormat. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi, *last question*. Saya minta komen daripada Datuk KSU dan juga Dato' TKSU. *What are the lessons learned from this episode?* Apakah yang kita belajar daripada sini?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** *First, for me, the governance* and pentadbiran kontrak kena diurus sebaik yang mungkin. Itu *my early comment. In this context*, saya rasa ada sedikit kurang dari segi *governance*-nya. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]:** Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Daripada perkara ini ya— saya sebenarnya pernah bertugas di Imigresen menguruskan pekerja asing dan sebagainya sebelum ini pun. Dan banyak perkara yang saya lihat bahawa terlampau banyak sistem-sistem yang macam-macam sistemnya. Jadi, menyebabkan sistem yang dah wayarnya berserabut, jadi kepala kita pun dah berserabut. Jadi, memanglah, kalau boleh, satu sistem sahaja supaya tidak terlampau banyaklah.



Saya tidak pastilah perkara-perkara yang berlaku zaman dinosaur ini terlampau banyak yang hendak menjual sistem. Kerana saya telah melalui perkara-perkara ini, banyak kalilah ya, Yang Berhormat ya, berdasarkan saya bertugas di Imigresen dulu. Satu passport, ada tiga vendor yang menguruskan sistem. Pada ketika itulah, pada zaman saya dulu. Yang membekalkan filemnya lain, yang membekalkan buku pasportnya lain, yang bekalkan— ada satu lagi, saya lupa dia punya apa itu... [Disampuk] Mikrocip dia itu lain. Jadi, berbeza-bezalah. Jadi serabut. Jadi, bila satu vendor ini putus bekalan, semua sekali tidak boleh dikeluarkan. Jadi, alangkah baiknya kalau kita ada sistem sahaja diuruskan oleh— jadi, mudah untuk kita kawal. Itu pandangan sayalah, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, terima kasih. Tadi Bangi nak tanya. Lepas itu, Shah Alam. Lepas itu, Saratok dan juga Kapar.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Okey, terima kasih. Saya sebenarnya nak balik semula kepada tentang *unauthorised users* ni. Tadi dah dimaklumkan bahawa dah dipastikan bahawa tidak ada lagi *unauthorised users*.

Cuma, sebelum itu, pihak kementerian dah kenal pasti tak siapa 24 *unauthorised users* yang ada dalam sistem itu? Juga, kalau ikut Laporan Ketua Audit Negara itu pun ada satu *super admin* yang mana Audit tidak dapat kenal pasti siapa orang yang memegang akaun *super admin* itu. Jadi, soalan saya, adakah pihak kementerian telah kenal pasti siapa mereka ini? Kalau tahu siapa, boleh tak tolong *put on the record* siapa mereka yang tidak dikenal pasti ini sebelum ini?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Okey, bantu. Yang hadir di belakang? [Merujuk kepada pegawai] BTMR ada? Tidak ada dalam sini? Okey, Ayub. Pegawai BTMR tak ada atau tidak dikenal pasti? [Merujuk kepada pegawai] Tidak dikenal pasti?

So, jawapannya, Yang Berhormat, tidak dikenal pasti. Tapi, saya cuba dapatkan juga. Okey.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Tapi sekarang dah tidak ada *unauthorised users* ya?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Tidak. Dia dah serahkan keseluruhan pada kita.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Terima kasih.

#### ■1320

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Pada saya dua-dua sistem ini kalau kita melihat pada matlamat asal dia ialah untuk nak *integrate* kan kita punya Sistem Pengurusan Pekerja Asing yang asalnya daripada ePPAx itu tetapi kemudian diambil

alih oleh FWCMS. Berdasarkan kepada modul yang ada dalam ePPAx, *in the event that* kita tak boleh nak *proceed* dengan FWCMS ini, pada pandangan Datuk KSU KSM, adakah ePPAx ini mampu untuk mengendalikan keseluruhan sistem sebagai mana yang asal yang kerajaan telah pun keluarkan sejumlah hampir RM20 juta untuk membangunkan sistem itu. Kedua-dua boleh. KSU pun boleh beri komen juga lah sebab tadi TKSU KSM pun ada sebut tentang pernah berada dalam imigresen sebelum ini kan dan mengendalikan. Maksudnya sudah mengetahui lah kedudukan bagaimana.

Satu lagi, sistem yang begini oleh kerana dia *tailor-made*. Bila *tailor-made* ini kalau kita nak *expand* dia punya fungsi dan sebagainya, dia boleh dikembangkan. Boleh di-*design* dan boleh diprogramkan begitu. Itu pandangan.

**Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]:** Yang Berhormat, kalau kerajaan memutuskan kita *proceed* dengan ePPAx mungkin kita perlu buat *upgrading* sikit lah ya. Kalau kerajaan kata *proceed* dengan FWCMS, kita terima lah. Nak letak kat bawah KSM pun kita terima. Kalau letak kat bawah KDN pun kita terima lah tetapi sebagaimana yang dijelaskan tadi, ID itu *must be* dipegang oleh pegawai kerajaan.

Jadi, mana-mana yang diputuskan oleh kerajaan sebagai mana saya maklumkan tadi, selepas ini saya akan *prepare* Nota Jemaah Menteri memaklumkan kepada Jemaah Menteri situasi semasa pengurusan pekerja asing yang sedang dijalankan sekarang. KDN dengan sistemnya, KSM dengan sistemnya. Jadi, Kabinet *decide* lah *which one is the*— kita *of course* lah, kita akan berilah yang ini kebajikannya ini, ini, ini. FWCMS begini, begini, begini cara jalankannya dan sebagainya lah. So, Kabinet *will decide* lah. Nak letak kat siapa itu kita kena terima arahan Kabinet.

**Tuan Kamal bin Pardi [Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia]:** Sedikit tambahan YB Pengerusi, mengenai ePPAx. Kita sebahagian itu telah ada *integration* dengan beberapa yang lain dalam modul itu terutama dengan CIDB contoh dia. Agensi kawal selia. Jadi, kalau nak mana-mana yang dikatakan mahu kuota pekerja asing tadi daripada CIDB, kami ada *integration*. Juga MyIMMs, MyIMMs pun sebahagian besar itu kita dah *integration*. Jadi, adalah beberapa modul-modul yang telah integrasi daripada ePPAx kepada yang dengan yang lain. Bukan semuanya tak boleh tetapi sebahagian itu memang ada yang kita tak masukkan. Terima kasih YB.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Ini ada satu lagi. *Back to the earliest stage of the presentation*. Dinyatakan tadi cuma negara Bangladesh yang guna pakai

FWCMS itu. Jadi, kenapa negara lain tak pakai itu? Negara sumber itu. Mungkin ada *feedback*, maklum balas daripada negara lain?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Satu soalan yang bagus. Itulah dapatan Audit Yang Berhormat. Ada *15 source countries* satu je orang pakai. Kenapa orang lain tak pakai? Saya tak boleh jawab lah Yang Berhormat. Bangladesh yang pakai. *Just a joke* mungkin. Memang untuk Bangladesh kot. Terima kasih. *[Disampuk]* Kuat sedikit cakap.

**Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]:** Saya rasa Yang Berhormat mungkin *owner* kepada sistem ini mungkin berasal dari Bangladesh barangkali lah. Saya yakin tentang perkara itu.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *Last*, Tuan Pengerusi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kapar.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Okey. *I* nak tegaskan lagi lah, *emphasise* sebab kalau Kementerian Sumber Manusia. Saya ini *relax* lah sikit kan. Bukan *relax* ke apa tetapi tak lah ini sangat tetapi KDN *because you are suppose to* jaga keselamatan dan kedaulatan negara. *That is your image. That is your wibawa. That is your core business.* Jadi, saya sangat-sangat apa lah kalau tadi ada *unauthorised user* itu. *That to me is a no, no, no* for KDN.

So, tolong cari siapa sebenarnya pakar, kenapa. Tadi dah ada kata buat laporan polis ke apa benda *about this one* kan? So, tolong *get to the bottom of the problem* lah. Itu *my* apa— Yang lain mungkin hilang duit sikit ke apa benda ke. Mungkin lambat kena buat *passport* ke benda. Itu satu ini, *but this one is* kedaulatan negara. Data itu boleh dicuri orang dan boleh digunakan macam-macam termasuk perdagangan manusia ke apa. *Whatever.* Itu. *That's message* lah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Untuk merujuk jawapan Datuk tadi. Soalan daripada Datuk Saratok. *Why* Bangladesh sahaja pakai sedangkan ada 12 negara sumber yang lain. Saya nak ada jawapan yang sebenar daripada pihak KDN. Kenapa tidak ada penggunaan tersebut daripada negara lain? Apakah dapatan atau pun hasil *findings* daripada pihak KDN? Adakah ini dengan menunjukkan bahawa hanya satu sahaja negara sumber yang menggunakan sistem tersebut menunjukkan KDN gagal untuk memaksimumkan penggunaan sistem tersebut walaupun dah lima tahun berada dalam penggunaan KDN. *I need your respond.*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Yang Berhormat, kita akan bagi maklum balas.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Datuk Pengerusi, saya nak tanya Datuk KSU. 12 sumber negara yang lain, mereka pakai sistem apa?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ayub ada? *MyIMMs*? Cakap la Ayub. Ini yang urus pekerja asing JIM, sila.

**Encik Ayub bin Abd Rahman [Kementerian Dalam Negeri]:** Okey. Nama saya Ayub bin Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Bahagian Pekerja Asing Jabatan Imigresen. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sebenarnya penggunaan FWCMS adalah merangkumi kesemua 15 negara sumber. Setakat ini JIM menguatkuasakan penggunaan ini dan juga untuk kemasukan pekerja asing termasuk penggunaan BMS melalui sistem FWCMS.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Ada kekeliruan. Boleh tolong jelaskan?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Itu kenyataan daripada orang yang bertanggungjawab terhadap pekerja asing dan *contradict* dengan dapatan Jabatan Audit. So, kena minta penjelasan daripada Audit lah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Ada Jabatan Audit pun ada dekat sini. Kita nak minta respons daripada Jabatan Audit.

**Puan Nurul Huda binti Ismail [Jabatan Audit Negara]:** *Assalammualaikum* Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. 15 negara sumber bagi pengambilan pekerja asing di Malaysia. 14 negara sumber menggunakan hanya 10 modul daripada FWCMS. Dua modul yang digunakan oleh Bangladesh tidak digunakan oleh 14 negara sumber lain adalah *eEmbassy* dan juga *eRecruitment*. Kenapa?

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Kenapa? Datuk KSU kan, boleh jawab atau JIM?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** *Select the technical...*

**Encik Ayub bin Abd Rahman [Kementerian Dalam Negeri]:** Saya boleh tambah kenapa dua modul ini digunakan kerana ini dimasukkan dalam MOU. Di bawah MOU dengan Kerajaan Bangladesh, *eEmbassy* tadi adalah untuk *attestation* pegawai kedutaan. Itu sebenarnya di luar ruang lingkup tugas KDN dan Jabatan Imigresen dan juga KSM di negara. Itu adalah negara Bangladesh sendiri yang mewajibkan penggunaan *e-attestation* melalui kedutaan mereka. Itu satu.

Bagi yang kedua, adalah untuk *eRecruitment* tadi, dalam sistem ini juga proses pelantikan agensi pekerjaan negara sumber iaitu di negara Bangladesh menggunakan sistem FWCMS. Tetapi kita di peringkat imigresen tidak mewajibkan di negara-negara yang lain mendaftar agensi pekerjaan atau pun agen-agen pekerjaan mereka di negara sumber. Ini tidak dimasukkan di dalam MOU antara

bilateral antara setiap negara sumber lah. Jadi, oleh sebab itu dua modul ini tidak digunakan oleh negara sumber yang lain.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** *So, for record*, maknanya modul itu dibina, dibangunkan hanya untuk Bangladesh. Dua modul itu.

**Encik Ayub bin Abd Rahman [Kementerian Dalam Negeri]:** Untuk dua modul itu yes.

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Kementerian Dalam Negeri]:** Kalau Datuk KSU kalau saya boleh tambah. Pembangunan sistem FWCMS melibatkan semua fungsi yang boleh tersedia untuk diguna pakai. Jadi, untuk *eEmbassy*, *eRecruitment* bergantung kepada negara sumber seperti yang disebut oleh Tuan Ayub tadi, Kerajaan Bangladesh menetapkan di dalam MOU penggunaan *eEmbassy* dan juga *eRecruitment*. Jadi, itulah fungsi-fungsi yang ditawarkan berdasarkan pada sistem FWCMS.

■1330

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Jadi, maknanya kita nak *establish*. Daripada 15 modul itu, kita tak mewajibkan 15 negeri itu untuk menggunakannya, betul?

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** Bergantung pada keperluan negara sumber tersebut.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Maknanya, tak wajiblah?

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** Tak.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Tak wajib. Okey. Daripada 15 itu, 10 ke 15 negara itu gunakan? Daripada 15 itu, 10 semua negara pakai lah? Semua 15 itu?

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** *Common*. Yang berkongsi...

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Dalam 15 modul itu, FWCMS itu, 10 daripada 15 itu diguna pakai oleh 15 negara?

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** *Statement* mungkin tak berapa tepat. Digunakan oleh semua negara. Tetapi, penggunaan modul-modul yang 10 itu memang diguna pakai bergantung kepada siapakah pengguna tersebut. Sebagai contoh, KDN, KSM, JTK, JIM, negara sumber, majikan, pekerja asing dan sebagainya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Yalah maknanya puan daripada Audit Negara sebut tadi 15 negara menggunakan 10 modul. Bangladesh 10 campur dua. Betul? Yang lagi tiga itu apa dia? Yang tidak digunakan langsung.

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** Dua. Dua. *eEmbassy* dan juga *eRecruitment*.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Itu dua yang digunakan oleh Bangladesh. Semua sekali ada 15 modul.

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** Satu lagi *eWages*. *Online payment* dan juga *ePLKS*. Itu modul yang— itu topik lain.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Saya sebut fasal 15 modul yang FWCMS itu. Makna tiga modul FWCMS yang tak gunakan di mana-mana negaralah. Betul eh? Apa tiga yang tak digunakan di mana-mana negara itu?

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** Tiga itu tidak siap.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey.

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** Tidak diguna pakai iaitu *ePLKS*.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey.

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** *Online payment*...

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey.

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** ...Dan juga *eWages*.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey, ini memang semua negara tak guna lagilah?

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** Semua orang tak pakai.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey. Ingatkan tak siap.

**Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]:** Tak siap.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Bukan negara YB. Patutnya majikan yang pakai. *eWages*. Patutnya majikan bayar *through eWages* tapi tak digunakan.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Tak digunakan oleh kerana tak siap lah?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** *And then online*, *ePLKS*.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Jadi, kalau kita boleh ringkaskan. Maknanya, yang guna semua modul yang dah siap ini hanya Bangladesh sahaja lah? *All the modules* yang dah siap.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Tak semuanya betul. *Out of 15* itu *just...*

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Ya, lah tak siap lah.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** ...Tiga tak siap, tiga sahaja yang dia pakai pun. Daripada 12 tolak tiga, sembilan tak pakai pun. *Sorry*. 12. 12 itu ada pakai sikit sana, sikit sini Yang Berhormat.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Oh, okey.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Sebenarnya Datuk, masa Datuk keluar tadi, di-*confirm* disahkan tadi bahawa 15 negara pakai 10 modul.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Ya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Tadi dah sah masa Datuk...

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Ya, ya. *Sorry*.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Maknanya, 15 negara memanfaatkan 10 modul. Bangladesh 10 campur dua. Tiga lagi modul yang tak siap, tak siapa guna lagilah. Terima kasih.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Okey...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Maksudnya semua— hampir semua negara guna walaupun tidak keseluruhan modul. Betul ya?

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Okey, susulan daripada itu, saya ingin bertanya kalau dia pakai satu modul, dua modul kah, 10 modul. Macam mana dengan *charges* yang RM100 itu? Dibayar macam mana itu?

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** RM100 untuk... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** BMS sahaja. Tapi dalam cadangan yang...

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Dalam cadangan, dia pakai 12 kah, dia pakai satu kah *still RM100*.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** *Still RM100*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi, ini soalan mungkin *off tangent* sedikit. Kita tahu bahawa ada banyak pekerja asing di Malaysia dan statistik itu macam-macam kerana kita tanya di Parlimen pun tak berapa *tally*. So, saya nak tanya statistik tentang pekerja asing, berapa jumlah di sini mengikut sektor atau mengikut negara sumber. Itu datang daripada KDN kah atau datang daripada KSM? Sistem mana yang *tracking*?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Kalau yang dah di-issued PLKS daripada KDN, JIM 1.8 juta kita boleh bagi secara pecahannya. *But quota is from KSM lah. Quota maybe more than two million but yang register dekat quota means* tak semestinya dia akan masuk kan. Tapi yang *registered based on* kemasukan 1.8. Kita akan bagi secara bertulis. Memang ada. *Even* laporan ke Kabinet pun fasal kemasukan pekerja ini memang kita buat *every two weeks* di bawah Nota Jemaah Menteri. Untuk makluman Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Kita tahu bahawa ada PATI, banyak pekerja asing tanpa izin di mana-mana dan sebagainya. Jadi, mengikut rekod atau mengikut statistik yang *the best that you can*, berapa jumlah PATI yang berada dalam Malaysia sekarang?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Yang Berhormat, kalau *based on* Program Rekalibrasi, *Recab—* Rekalibrasi. *About 900,000* sekarang ini tengah mendaftar, yang mendaftar untuk dulu *we called it* pemutihanlah. *But now about 800,000— 900,000.* So, kalau itu saya boleh sebut sebagai pekerja asing tanpa izin, *about 800* lah. Ada yang terkini kah *recab? Recab*, Encik Ayub? Sekejap ya. Ada Encik Ayub? Sekejap Yang Berhormat Datuk Wira.

**Encik Ayub bin Abd Rahman [Timbalan Pengarah (Kawalan) (Bahagian Pekerja Asing)]:** Untuk sehingga 3 Disember, jumlah yang mendaftar— PATI yang mendaftar untuk permohonan rekalibrasi 988,737.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Dan dia akan tamat 31 Disember 2023.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Ini menggunakan sistem apa ya?

**Encik Ayub bin Abd Rahman [Timbalan Pengarah (Kawalan) (Bahagian Pekerja Asing)]:** MyIMMs.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** MyIMMs. Kita ada MyIMMs. Dia datang MyIMMs. Tak guna FWCMS pun. MyIMMS, buat *appointment*, kita ambil cap jari, dia bayar levi, kita bawa keluar PLKS. So, itulah angka dia Yang Berhormat yang mendaftar. So, yang tak berdaftar saya tak boleh bagi. *[Ketawa]*

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Datuk KSU, jadi nampaknya MyIMMs lebih menyeluruh dan *single window* daripada lagi dua sistem yang kita siasat ini.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Tak juga. Dalam sebuah *highway* ada R&R. *[Ketawa]* Ada R&R yang *crossbridge from one point to one point*. Apa lagi mahu sebut. *[Ketawa]*



So, MyIMMs memang dah lama Yang Berhormat. *Since I joined service in 1996* Yang Berhormat Datuk Wira, HeiTech Padu ini dulu PNB IT, bawah PNB. *My first appointment, my first posting* di KDN dan *attached with* Jabatan Pendaftaran Negara. HeiTech Padu dulu PNB IT dah mula pun. Maknanya, dah lama jugalah. So, *MyIMMs is a highway*. Nak kata dia lengkap, tak juga. Kalau tak, tak ada lah dicadangkan macam-macam cadangan.

Betullah KDN, Yang Berhormat Datuk Wira, macam-macam. *Compared to MINDEF still manageable*. ICU buat sendiri, eKasih, PDPS itu kami buat sendiri tahu. MYMP. *I can claim. That one must credit to me* lah. MYMP kan. Sudah *launch* kah belum? MYMP Kluang *check*, Masjid Tanah *you* boleh tahu miskin tegar. *That one during my time as the KP ICU. But when I went to KDN* ini wah, macam-macam. Tadi pasport bukan tiga, sebenarnya banyak sesi lainlah audit masuk. *[Ketawa]* Pergi *check*.

Ada banyak sangat sistem. Dulu pasport kita itu ada tiga kontrak. Polycab. Polycab yang keras itu, cip dengan buku. *But now under one contract*. So, MyIMMs Yang Berhormat Kluang, *is a highway* tapi perlu lagilah yang lain-lain.

**Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar Dan Antarabangsa)]:** Berapa banyak MyIMMs jadi Mydin. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** *[Ketawa]* TKSU kata terlampau banyak MyIMMs jadi Mydin nanti kata dia. *[Ketawa]* So, terus terang Datuk Wira, *headache* mengurus pekerja asing tapi kita sangat *determine*. *Even* saya sebut masa di MINDEF isu LCS, ICU isu miskin tegar ini dari segi data dia eKasih. *But, in KDN* ini mengurus pekerja asing sebab kehilangan empat perkara Yang Berhormat. Saya ulang balik. Satu levi tadi, 900 lebih majikan. Guna tapi tak bayar levi. Kehilangan hasil kepada kerajaan.

Kedua, guna barang subsidi kita. Ketiga, kirim duit. Patutnya *eWages online* ini pakai. Keempat, untuk makluman saya ingat dulu di Hospital Kunak, Lahad Datu, Tawau, Sandakan sahaja Akaun Belum Terima ini tinggi. *But recently I went to Hospital Besar KL* pun ramai yang tak dapat membayar *and millions* untuk makluman Akaun Belum Terima. *Terms* Akaun Belum Terima masuk hospital *because of humanitarian* punya ini tetapi mereka tak dapat bayar *because they are PATI*.

So, untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat pengurusan pekerja asing perlu diberi perhatian. Negara lain pun ada. *Singapore, even* negara Timur Tengah dapat urus. *But ours* contoh tadi disebut oleh Kluang NIISe kan. So, *hopefully* NIISe itu boleh *cater* lah. Masuk majikan kena bertanggungjawab, dia bawak 1,000 dan sepatutnya ada 1,000 *for next year*-nya

kena *renew*-lah. Kalau tak, empat perkara tadi kita sentiasa ketirisan Yang Berhormat. Ketirisan bukan sebab rasuah dan sebagainya tapi ini *confirm* ketirisan, Yang Berhormat.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sebut RM3.5 juta kan dia sebut. *That is why* kita nak pergi *targeted subsidy* itu dan 980,000 tadi yang saudara Ayub sebut tadi. Itu yang *confirm* dah *register*. Yang di tempat lain lagi. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih saya ucapkan pada Datuk KSU, yang berbahagia Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha KDN atas— maksudnya *wrap up* lah sebentar tadi. Terima kasih juga kepada Datuk Haji Amran bin Haji Ahmad, TKSU Dasar dan juga Antarabangsa, KSM. Jangan lupa esok janji kita.

**Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar Dan Antarabangsa)]:** Saya hadir Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Yang Berusaha Tuan Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung atas komitmen dan juga semua yang terlibat pada sesi prosiding pada hari ini. Terima kasih saya ucapkan atas komitmen, jawapan dan juga kerjasama yang diberikan. Saya tangguhkan mesyuarat kita pada hari ini pada jam 1.41 kepada tarikh yang seterusnya. Saya ucapkan terima kasih sekali lagi. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.41 tengah hari]**



MALAYSIA

## LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Isnin, 22 Januari 2024

Bil. 8 (b) / 2023

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Prosiding:**

**Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan  
Foreign Workers Centralized Management System  
(FWCMS)**

- (i) Bestinet Sdn. Bhd.**  
YBrs. Tuan Ismail bin Mohd Noor  
Ketua Pegawai Eksekutif

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
ISNIN, 22 JANUARI 2024**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*  
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]  
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]  
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]  
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]  
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]  
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]  
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]  
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]  
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]  
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]

**Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]**

YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]  
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Peguam Negara**

Puan Rahayu binti Ab Talib [Peguam Kanan Persekutuan]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Encik Aznirul Fariz bin Alwi [Ketua Penolong Pengarah]

**Kementerian Kewangan**

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]  
Encik Nurul Allbirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]  
Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Nadzemah binti Mohd Som [Timbalan Pengarah]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Puan Nurhasmah binti Mohamed Kassim [Penolong Kanan Pesuruhjaya]

KPKPj Khairul Nurrahim Ashadi bin Abdullah [Timbalan Pengarah Sektor Pentadbiran Siasatan]

**Kementerian Ekonomi**

Encik Mohd Shihabuddin bin Mukhtar [Timbalan Pengarah (Pasaran Buruh) (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

**Jabatan Audit Negara**

Puan Noraty Fatimah binti Ahmad [Penolong Pengarah Audit (Cawangan Pengauditan)]

Puan Nurul Huda binti Ismail [Ketua Penolong Pengarah (Cawangan Pengauditan)]

Puan Yuhanis binti Mohamed Zaki [Penolong Pengarah Audit (Cawangan Pengauditan)]

Puan Noraziah binti Morad [Timbalan Pengarah Audit (Cawangan Pengauditan)]

**SAKSI****Bestinet Sdn. Bhd.**

YBrs. Tuan Ismail bin Mohd Noor [Ketua Pegawai Eksekutif]

Puan Jusmawar Hasni binti Jamaluddin [Ketua Pegawai Komersial]

Encik Muhammad Shukri bin Abdul Mutalib [Ketua Pegawai Teknologi]

Puan Nur Amalina binti Mohamad Soberi [Eksekutif Kanan (Bahagian Pembangunan Strategik dan Komunikasi)]

Cik Siti Asiah binti Awang [Eksekutif Kanan (Bahagian Pembangunan Strategik dan Komunikasi)]

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEDUA

#### BILIK JAWATANKUASA 1 PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR

ISNIN, 22 JANUARI 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.02 pagi

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi dan salam sejahtera serta selamat datang saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli PAC Parlimen ke-15, saya— tapi ucapan *special* istimewa kepada YB Shah Alam. Selamat tahun baharulah kepada YB Shah Alam. *[Ketawa]*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Lama tak nampak.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Lama tak nampak.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tapi tahniah, *anyway*.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ahli-ahli ex-officio PAC yang terdiri dari Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pada pagi ini.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hari ini PAC akan sambung prosiding Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan juga *Foreign Workers Centralized Management System* (FWCMS) yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2022 Aktiviti Kementerian, Jabatan, Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan. Ini adalah merupakan prosiding kedua membabitkan isu pengurusan ePPAx dan juga FWCMS, yang mana dalam prosiding yang pertama kita telah laksanakan pada 5 Disember yang lepas. PAC telah pun mendengar keterangan dan juga penjelasan daripada Yang Berbahagia Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri; Yang Berbahagia Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Dasar dan

Antarabangsa selaku Pegawai Pengawal Kementerian Sumber Manusia; dan Yang Berusaha Encik Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah JTK Semenanjung Malaysia.

Dalam prosiding itu, saksi ada memaklumkan tentang pembabitan Bestinet Sdn. Bhd. sebagai vendor untuk sistem FWCMS. Sehubungan dengan itu, PAC berpandangan bahawa keterangan dan penjelasan syarikat Bestinet Sdn. Bhd. penting bagi melengkapkan laporan PAC. Sehubungan dengan itu, hadir di hadapan PAC untuk memberikan penjelasan pada pagi ini ialah wakil syarikat Bestinet Sdn. Bhd. iaitu yang pertama Yang Berusaha Tuan Ismail Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif; yang keduanya Puan Jusmawar Hasni binti Jamaluddin, Ketua Pegawai Komersial; dan juga yang ketiga, Tuan Muhammad Shukri bin Abdul Mutalib, Ketua Pegawai Teknologi.

Jadi, tanpa membuang masa saya ingin menjemput Yang Berusaha Tuan Ismail Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif Bestinet Sdn. Bhd. untuk memulakan pembentangan. Sebelum itu saya— kita dah dapat dah dokumen. Agak tebal. Jadi, masa kita tak banyak. Jadi, saya harap Tuan Ismail dapat— maksudnya dapat *cramp*-kan pembentangan dan bagi mana yang perlu saja dan yang penting saja untuk pengetahuan Ahli PAC. Terima kasih. Sebab yang lain semua kita akan tanyakan dalam sesi soal balas nanti. Terima kasih.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Salam Malaysia Madani. Terima kasih Datuk Wira Pengerusi kerana menjemput kami secara khasnya untuk memberikan sedikit pembentangan berkenaan syarikat— satunya adalah berkenaan dengan syarikat. Keduanya adalah berkenaan dengan FWCMS itu sendiri. Seperti yang Tuan Pengerusi maklumkan, pembentangan saya ini saya akan lakukan secara ringkas dan juga secara tepat supaya maksud pembentangan dapat dicapai.

Jadi, pertamanya saya akan bentangkan berkenaan dengan Bestinet. Siapakah itu Bestinet? Bestinet adalah sebuah syarikat IT yang beribu pejabat di Cyberjaya. Kami ditubuhkan pada tahun 2008. Maksudnya, syarikat di-*established* lebih daripada 10 tahun. Kami sebagai syarikat IT adalah pemberi penyelesaian digital dan holistik kepada Kerajaan Malaysia. Beberapa produk yang telah kami tubuh atau melaksanakan atau telah dibangunkan termasuklah *Foreign Workers Centralized Management System* ataupun FWCMS. Kami juga ada produk-produk lain yang kami telah laksanakan bagi Kerajaan Malaysia termasuklah Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga kepada— secara khasnya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Untuk Ahli Yang Berhormat, saya minta untuk *take note* sebab saya minta Tuan Ismail

selesaikan dulu pembentangan. Kemudian baru kita tanyakan soalan. So, kalau *you all* ada apa-apa dan *you all just write down* dan boleh terus bertanyakan selepas habis sesi pembentangan. Terima kasih.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Saya teruskan berkenaan dengan syarikat Bestinet. Syarikat Bestinet kita telah melaksanakan spesifik untuk produk *Foreign Workers Centralized Management* di 14 negara termasuk Malaysia. Kita mempunyai lebih daripada 200 pusat pendaftaran dan pusat kesihatan di 12 negara. Kita pada setakat ini telah mendaftarkan ataupun sistem telah mendaftarkan lebih daripada empat juta rekod pekerja asing, biometrik dan juga demografi di 12 negara.

Untuk satu-satu syarikat mestilah ada orang yang menjalankan urusan. Saya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif. Di sebelah kanan saya, Encik Shukri, Ketua Pegawai Teknologi. Di sebelah kiri saya, Ketua Pegawai Komersial, Puan Jusmawar. Kami juga ada Bahagian Operasi dan juga Bahagian Kewangan dan juga Bahagian Infra. Jadi, misi kami apabila ditubuhkan syarikat adalah untuk secara spesifik kita ingin melaksanakan satu penyelesaian pengurusan migran yang holistik. Itulah tujuan kami ditubuhkan.

Akhirnya, dengan adanya FWCMS itulah pencapaian yang telah kami capai pada waktu ini. Yang kami rasa ataupun misi kami ini apabila kita bangunkan satu pengurusan migran yang holistik, ia memberi manfaat kepada semua pihak kepentingan termasuklah kepada Kerajaan Malaysia dan akhir sekali juga kepada pekerja asing. Melindungi hak dan meningkatkan kualiti hidup pekerja migran dan keluarga mereka. Untuk memberikan dunia yang lebih adil dan saksama. Itulah misi kami. Apabila kami tubuhkan syarikat, kita bangunkan FWCMS, itulah misi kami.

Kami sebagai satu syarikat IT, kita punya kepakaran adalah untuk membangun sistem yang holistik. Bila kita bangunkan sistem yang holistik, maksudnya kita tidak melihat sesuatu masalah itu dari satu aspek sahaja. Kita melihat secara keseluruhan. Kita membangunkan sistem. Kita mengintegrasikan sistem dengan sistem-sistem yang ada dan kita melakukan R&D. Keduanya, berkaitan mengurus sistem maksudnya *managed services*. Kita juga melakukan penyelenggaraan dan sokongan teknikal untuk apa-apa sistem yang kita laksanakan. Kita juga melakukan audit, perundingan dan pengurusan perubahan (*change management*). Keempatnya, kita melaksanakan, kita menubuhkan infrastruktur perkakasan dan perisian di mana-mana pusat data yang diperlukan.

Kalau kita lihat daripada gambar rajah ini, di sebelah kiri ada pusat data kita dah laksanakan untuk FWCMS secara spesifik. Pusat data ini adalah *Tier 3*. *Tier 3* ini adalah satu *tier* yang di bawah *Tier 4*. *Tier 4* adalah yang paling tinggi. Kita juga



melaksanakan *network operation centre* untuk melihat daripada segi kesihatan perkakasan dan perisian di pusat data.

#### ■1010

Kita juga menubuhkan *Security Operation Centre* untuk memastikan bahawa keselamatan sistem itu daripada *scam* ataupun daripada mana – daripada segi keselamatan sistem. Kita tubuhkan juga SOC dan kita juga ada pusat setempat ataupun *one-stop centre* untuk membantu majikan-majikan di Malaysia jika mereka memerlukan bantuan kalau tidak ada – dari segi teknikal ataupun sokongan operasi.

Sebagai satu syarikat IT, kami juga membangunkan ataupun – fungsi-fungsi sokongan di bawah FWCMS seperti *digital x-ray*. Nanti saya akan terangkan berkenaan dengan kegunaan *digital x-ray* itu. Kita juga ada *call centre*. Kita ada *one-stop centre* tadi. Pada masa yang sama, kita juga ada *call centre* untuk pengguna-pengguna FWCMS untuk telefon kepada satu pusat telefon atau satu *call centre*. Kita menggunakan teknologi terkini. Maksudnya, kita ada biometrik dari segi *facial*, dari segi *fingerprint* dan kita juga ada pembacaan dokumen daripada OCR dan pembacaan cap jari daripada telefon, daripada kamera telefon sendiri. Jadi, teknologi yang kami gunakan adalah yang tercanggih dan terkini.

Sebagai satu syarikat, kami amat berbangga kerana kami telah menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan daripada antarabangsa, daripada *global award*, daripada *ASEAN award* dan juga di Malaysia. Satu anugerah yang amat-amat kami bangga adalah anugerah yang kami terima daripada UNSDG, daripada United Nations (PBB) yang dipanggil *World Summit Award* pada tahun 2017 di bawah kategori *Government and Citizen Engagement*.

Kategori ini mengiktiraf bahawa FWCMS ini memberikan kelebihan kepada rakyat dan juga pentadbiran awam, melibatkan rakyat sambil menghubungkan individu, perniagaan dan organisasi, meningkatkan ketelusan dan kualiti perkhidmatan kepada rakyat dan juga memastikan bahawa hak sama rata kepada sumber ekonomi dan akses kepada perkhidmatan awam. Itulah ciri-ciri anugerah yang kami terima, yang telah kami menangi pada tahun 2017. Kami juga mendapat beberapa pensijilan antarabangsa, CMMI Level 3. *Level 3* ini maksudnya *maturity level* dalam pembangunan sistem. Kami juga ISO 27001 dan juga ISO 9001. Okey, itu daripada berkenaan dengan syarikat.

Seterusnya, saya sambung kepada pembentangan kedua iaitu berkenaan dengan FWCMS itu sendiri. Sebagai permulaan, sebelum pelaksanaan FWCMS, kalau kita lihat di Malaysia pada masa sebelum pelaksanaan FWCMS, satu-satu proses untuk mengambil pekerja asing itu adalah sangat-sangat kompleks melibatkan pelbagai pihak-pihak berkepentingan termasuklah Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Imigresen,

agensi kawal selia, majikan, agensi pekerjaan swasta di negara sumber dan di Malaysia dan juga pekerja asing itu sendiri. Kalau kita lihat – dan setiap pihak itu adalah bersendirian. Maksudnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) ada akta dia sendiri, Kementerian Dalam Negeri ada akta dia sendiri berkenaan dengan pengurusan pekerja asing. Jadi, tanpa adanya satu sistem, ia kompleks. Tanpanya ada sistem dan semuanya tidak bersepadu, menjadikan banyak ciri-ciri ketirisan, rasuah dan sebagainya.

Sebelum pelaksanaan FWCMS itu sendiri, kalau kita lihat, satu-satu pekerja asing apabila didaftarkan untuk bekerja, sebagai bakal pekerja untuk datang ke Malaysia, pada masa dahulu mengambil masa tiga hingga sembilan bulan. Maksudnya, kalau pekerja asing itu didaftarkan di pusat kesihatan, contoh ya, untuk diambil saringan kesihatan dan untuk majikan memohon Visa Dengan Rujukan, pada hari dia datang ke pusat kesihatan dan juga untuk dia hadir, untuk sampai di Malaysia mengambil masa tiga hingga sembilan bulan. Itu adalah satu masa yang lama sebab majikan perlukan pekerja cepat, sektor ekonomi perlu berjalan. Pada pekerja itu sendiri, bila kata contoh dia sudah membayar wang *recruitment* untuk sampai ke Malaysia dalam masa tiga bulan adalah terlampau lama sangat ya.

Jadi, dengan pelaksanaan FWCMS, kita laksanakan mengikut kronologi ini. Saya akan terangkan sedikit ya. Pada tahun 2005, syarikat telah melakukan konseptualisasi, penyelidikan dan pembangunan. Pada masa itu, disebabkan pengurusan pekerja asing itu sangat kompleks, mengambil masa dan melibatkan banyak pihak berkepentingan, syarikat berasa bertanggungjawab untuk mendigitalisasikan proses tersebut.

Jadi, kita melakukan kita punya penyelidikan dan pembangunan bermula pada tahun 2005 lagi. Kita telah membuat pembentangan kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pada masa tersebut. Pada tahun 2006 sehingga 2010, kita melibatkan diri dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen. Pada tahun 2011, kita melakukan pembentangan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu dan juga Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Pada tahun 2012, kita telah melakukan pembentangan kepada Ketua Keselamatan Negara yang pada masa itu juga telah diputuskan bahawa syarikat dibenarkan untuk melaksanakan modul di bawah FWCMS yang dipanggil *Bio-Medical module* di negara sumber, di pusat kesihatan dan secara *proof of concept*. Maksudnya, kerajaan tidak membenarkan syarikat untuk terus laksanakan tetapi mesti buktikan dahulu bahawa modul yang dilaksanakan itu ada *value* atau nilai kepada kerajaan. Itulah kerajaan pada tahun 2013 mengatakan bahawa, “*Syarikat, kamu dibenarkan untuk melaksanakan secara proof of concept*”. Selama dua tahun

ya, selama pelaksanaan di negara-negara sumber itu, untuk tiga modul. Pada tahun 2014, kerajaan telah memutuskan bahawa pelaksanaan mandatori untuk modul *Bio-Medical* dan juga eVDR. Apa itu modul *Bio-Medical* dan eVDR? Saya akan terangkan secara terperinci di dalam modul selepas ini ya.

Pada tahun 2015, selepas pelaksanaan mandatori itu, syarikat mendapat kelulusan JKPK-PATI ke-14 dan dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri pada masa itu untuk melaksanakan FWCMS secara sepenuhnya. Pada 26 Ogos 2015, kita mendapat kelulusan Kabinet untuk pelaksanaan FWCMS. Pelaksanaan penuh berlaku sehinggalah 2016, sehinggalah hari ini untuk semua modul FWCMS. Pada tahun 2018, Januari 2018, syarikat telah menerima Surat Setuju Terima daripada kerajaan dan diwakili oleh Kementerian Dalam Negeri dan bon pelaksanaan dibayar oleh syarikat untuk pelaksanaan FWCMS sepenuhnya.

Kalau kita lihat daripada kronologi ini, saya tak terangkan yang daripada tahun 2005 hingga 2017. Pada tahun 2017, semasa pelaksanaan *Bio-Medical*, kerajaan telah memutuskan bahawa *Bio-Medical* itu memerlukan satu kontrak mengikat kerajaan dan juga syarikat. Kontrak itu telah di-*backdated*. Saya katakan daripada 2017 telah ada keputusan tetapi di-*backdated* ke 2015. Maksudnya, kontrak *Bio-Medical* itu, walaupun dimeterai tahun 2017, tetapi di-*backdated*-kan ke 2015 selama enam tahun. So, maksudnya, sampailah tahun 2021, kontrak untuk *Bio-Medical* akan *expire* ya. So, maksudnya tahun 2015 sehinggalah tahun 2021, syarikat dibenarkan oleh kerajaan untuk mengutip fi servis sebanyak RM100 di luar negara untuk pekerja-pekerja baharu yang baru daftar di luar negara.

Jadi, pada tahun 2017, YB MDN bersetuju untuk pemeteraian kontrak FWCMS. Pada tahun 2018, syarikat mendapat SST atau menerima SST; tawaran SST daripada kerajaan. Syarikat telah menyerahkan bon pelaksanaan pada tahun 2018 itu pada bulan Januari. So, 12 Januari syarikat mendapat SST, 22 Januari syarikat dah bayar bon pelaksanaan. Pada tahun 2018 juga kita telah melakukan bengkel perbincangan. Selepas kita terima SST, kita dah bayar bon, kita melakukan perbincangan dengan KDN dan juga pihak-pihak berkepentingan di bawah terma kontrak.

Malangnya pada tahun 2018 itu, pada bulan Mei, 14 Mei, telah terdapat perubahan kerajaan. Pada masa perubahan kerajaan itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu telah berbincang bersama dengan KSU-KSU kementerian dan telah membuat keputusan bahawa untuk menangguhkan sebarang dasar terdahulu. Maksudnya, termasuklah dasar pelaksanaan ataupun pemeteraian kontrak FWCMS itu pada tahun 2018. Pada tahun 2020, telah berlaku – akhir 2019 dan bermula 2020 telah berlaku Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan oleh pandemik COVID-19. Pada Februari 2020, berlaku pertukaran kerajaan.

Semenjak dari 2018 sehinggalah 2021 yang mana terdapat pandemik, syarikat yang telah diberikan kontrak ataupun untuk mengutip fi di luar negara tadi tidak dapat mengutip apa-apa sebab *border* ditutup. Pelaksanaan *bio-medical system* yang dibenarkan kami untuk *collect* fi di luar negara tadi tidak ada apa-apa filah sebab tidak ada pekerja yang berdaftar. Sebab kita *collect* fi bila berdaftar di luar negara sahaja.

#### ■1020

So, pada tahun 2021, Perintah Kawalan Pergerakan berakhir ya dan pada Ogos 2021 terdapat lagi perubahan kerajaan, ya. Jadi, pada tahun 2022, pada bulan Februari tahun 2022, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri bersetuju untuk pemeteraian kontrak, ya dan pada bulan Disember 2022, Jemaah Menteri memutuskan bahawa pelanjutan *Bio-Medical* ya, *Bio-Medical* tadi tu sebab KDN—pada tahun 2021 telah tamat tempoh, ya. Telah tamat dan pada keputusan Jemaah Menteri bahawa *Bio-Medical* itu disambung ya, secara interim sehingga pemurnian kontrak FWCMS. Jemaah Menteri juga memutuskan bahawa kerajaan mesti memeterai kontrak FWCMS.

Pada tahun 2023, terdapat lagi perubahan kerajaan, ya dan pada tahun 2023 itu, kita baru-baru ini melakukan bengkel pemurnian dan ringkasan draf kontrak, ya dan pada 21 Julai, mesyuarat dipengerusi oleh Datuk KSU KDN bersetuju untuk memeteraikan kontrak. Sehinggalah hari ini, bulan Januari 2024, kontrak masih belum dimeterai ya dan kami masih memberikan servis setakat yang di— kami komited di bawah SST, ya.

Kami tidak diberikan apa-apa mandat ya, untuk mengutip apa-apa, sebarang fi daripada tahun 2018 sehinggalah hari ini dan kami hanya dibenarkan untuk mengutip fi sebagaimana yang dibenarkan di bawah kontrak BMS pada tahun 2015 yang telah disambung sebelum ataupun secara interim sehinggalah pemurnian kontrak FWCMS.

Seterusnya, saya terus terangkan berkenaan dengan apa itu FWCMS, ya. So, FWCMS itu sebagai satu sistem ya, kami panggil sini sebagai satu platform ya, yang mana ianya adalah penyelesaian bersepadu dan holistik, ya. Keduanya, ia adalah dalam talian sepenuhnya. Tidak ada elemen-elemen manual dan juga ada elemen biometrik di dalam platform FWCMS. Ketiganya, sistem diberikan ataupun dibangunkan dengan algoritma untuk penguatkuasaan automatik oleh sistem, ya. Saya akan terangkan kemudian apa itu penguatkuasaan automatik oleh sistem dan keempat dan yang saya rasa tidak ada negara dalam dunia yang melakukannya adalah pelaksanaan modul-modulnya berlaku di Malaysia, di negara sumber dan ianya adalah rentas sempadan, ya. Maksudnya, *cross-border*.

Jadi, kalau kita lihat dari segi gambaran, bagaimana FWCMS itu dilaksanakan, kalau YB Datuk Wira Pengerusi dan juga YB Ahli Jawatankuasa boleh lihat ya, pada gambaran ini. *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Yang mana berlatarbelakangkan putih itu adalah modul-modul ataupun berlaku di Malaysia, yang mana berlatarbelakangkan biru itu adalah berlaku di luar negara, di negara-negara sumber.

Sementara yang berwarna oren, bulat-bulat yang berwarna oren itu adalah modul-modul FWCMS, ya. Jadi, apa yang, modul-modulnya ada yang dilaksanakan di Malaysia dan ada juga yang juga dilaksanakan di negara sumber. Jadi, untuk satu-satu majikan itu memohon mendapatkan pekerja asing, pekerja asing itu belum sampai lagi ke Malaysia tapi majikan itu akan memulakan proses permohonan untuk mendapatkan pekerja asing daripada satu sehinggalah kata lah contoh, kata majikan itu untuk menghantar pekerja-pekerja asing itu pulang sehingga ke proses 16. Jadi, ianya adalah modul atau FWCMS ini adalah satu proses yang holistik, ya. Itu yang dikatakan elemen-elemen holistik ya.

Jadi, untuk mendapatkan pekerja asing, majikan bermula dengan *step* nombor satu, menggunakan modul apa yang kita panggil FWe Approval. Modul ini adalah modul terbaharu, ya, yang mana kita bangunkan untuk Kementerian Sumber Manusia untuk Akta Kerja 1955 di bawah seksyen 60K. Di bawah seksyen 60K, majikan perlu mendapatkan kebenaran daripada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia untuk melayakkan dia menggaji pekerja asing, ya. Belum lagi dia layak. Baru untuk melayakkan dia mendapat – untuk mendapatkan permohonan untuk menggaji pekerja asing. Itu *step* nombor satu.

Jadi, kalau di *step* nombor satu itu majikan akan memohon secara *online* dan agensi-agensi yang terlibat di dalam modul ini termasuklah PERKESO dan juga Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Jadi, maksudnya agensi-agensi yang terlibat ini akan mengakses FWCMS, ya akan mendapat ada ID dan *password*, dia akan akses untuk melihat permohonan dilakukan oleh majikan di *step* nombor satu.

Kemudian, apabila telah mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Malaysia, barulah majikan akan memohon untuk mendapatkan kuota. Maksudnya, dia dah layak untuk mendapatkan kuota di *step* nombor dua. Majikan akan memohon berdasarkan kelayakan tadi tu yang di *step* nombor satu, dia akan memohonlah berapakah kuota yang dia mahu. Contoh, kalau majikan itu di bawah *manufacturing* ya, di bawah perkilangan, dia mahukan 10 orang, dia akan mohon 10 orang, ya.

Kelebihan sistem, apa yang berlaku di bawah *step* nombor dua ini kita ada *pre-quota calculation*. Maksudnya, berdasarkan kemasukan data oleh majikan, termasuklah kata gaji dia bayar, berapakah bilangan pekerja sedia ada, berapakah

bilangan yang sedia ada pekerja asing dan juga hasil integrasi bersama dengan Jabatan Imigresen ya, FWCMS berintegrasi dengan Jabatan Imigresen Malaysia melalui sistem MyIMMs ya, yang akan memastikan *pre-quota calculation* itu, majikan hanya memohon berdasarkan kelayakan. Bukannya memohon 1,000 orang ya.

Maksudnya, dia perlu 10 orang, dia terus mohon 1,000 orang. Tak mungkin sebab sistem akan buat *checking, early checking* sebab kita tidak mahu nanti bila katalah ada permohonan itu diproses oleh agensi kawal selia ataupun KSM, tidak ada *garbage in, garbage out*. Maksudnya, kita *stop* awal-awal daripada majikan itu. *You* layak hanya 10, *you* tidak boleh *apply* 100 pun.

Jadi, dia kena betulkan data dia semua sampailah dia layak, barulah sistem itu membenarkan untuk memohon, ya. Jadi, kita dah buat *filter* awal-awal tadi, ya. *So*, dan juga apa kelebihan pada eQuota ini kepada kerajaan adalah semuanya berlaku secara *online*. Maksudnya, majikan akan *upload* semua dokumen yang sah, telah disahkan dan akan dipantau oleh Kementerian Sumber Manusia dan agensi kawal selia berdasarkan kepada sektor di mana majikan itu berlaku atau berada, ya.

Jadi, agensi kawal selia seperti CIDB contoh, ataupun MITI akan mengakses FWCMS untuk melihat dokumen dan juga keperluan pada masa ini ada *interview* atau temu duga di Kementerian Sumber Manusia dan apabila di *interview*, majikan akan mendapat kelulusan atau AKS akan memberikan syor kelulusan dan KSM akan memberikan kelulusan. Semuanya berlaku dalam sistem. Tidak ada manual ya, tidak ada manual dan audit, *audit trail* ada, dokumen yang di *upload* ada, semuanya dalam sistem. Okey.

Bila kuota diluluskan, contoh katalah majikan telah mendapat kelulusan kuota, majikan perlu membayar di sistem imigresen sebab levi perlu dibayar oleh majikan. Pembayaran berlaku di sistem imigresen. Saya ingin berikan penjelasan ya. Kita ada juga modul yang dipanggil *online payment* ya, yang mana berdasarkan—melalui *online payment* ini, majikan boleh buat pembayaran secara *online* ya, melalui FPX ataupun melalui kad kredit tapi apa yang saya akan nyatakan di sini adalah *online payment* pada masa ini tidak dilaksanakan sebab ianya dilaksanakan sepenuhnya oleh imigresen.

*So*, maksudnya selepas majikan mendapat kelulusan kuota, majikan akan pergi ke *website* Imigresen, buat pembayaran di sistem imigresen, ya. *So*, maksudnya pembayaran berlaku di sistem imigresen bukan berlaku di sistem FWCMS. Itu adalah salah satu modul yang tidak dilaksanakan di bawah FWCMS—lah, *online payment*. Okay.

*So*, apabila majikan telah membayar levi, majikan boleh *download* surat kelulusan bersyarat melalui sistem dan terpulang kepada majikan jika ya, daripada 12 negara itu, majikan hendak ambil daripada mana-mana negara sebab kelulusan

itu adalah kelulusan negara-negara sumber, ya. Tidak spesifik kepada mana-mana negara, ya. Jadi, majikan kata saya nak ambil Nepal dan kemudian dia akan pergilah ke Kedutaan Nepal untuk mendapatkan apa yang kita panggil *attestation*. *Attestation* ini dilakukan oleh kedutaan negara asing di Malaysia untuk memastikan bahawa kuota yang diluluskan tadi itu adalah *genuine*.

Disebabkan dulu berlaku banyak penipuan kuota ya, penipuan daripada segi kuota itu sendiri apabila memohon untuk *attestation* sebab wakil negara sumber di Malaysia adalah kedutaan yang akan memastikan bahawa kelulusan dia dapat untuk merekrut pekerja daripada negara mereka itu adalah yang *genuine*. So, kedutaan negara sumber itu akan memastikan akan ada *attestation*, ya.

Tapi untuk spesifik, di bawah MOU Bangladesh dan juga Malaysia, tidak ada apa-apa elemen manual berlaku, ya. Bangladesh dan Malaysia pada tahun 2018, tidak salah saya ya, yang mana di bawah MOU itu, Kerajaan Bangladesh dan Kerajaan Malaysia bersetuju tidak ada apa-apa elemen manual. Maksudnya, majikan apabila telah dapat kuota dan dia berhasrat untuk mengambil pekerja Bangladesh, dia akan masuk satu modul di bawah FWCMS dipanggil *eEmbassy* ya. Jadi, pada masa ini, modul *eEmbassy* hanya digunakan untuk negara Bangladesh sahaja.

Untuk negara-negara lain, mereka menggunakan sistem mereka sendiri. Seperti Indonesia, mereka menggunakan sistem c-Permit. Dia ada satu modul ataupun sistem mereka sendiri di kedutaan dipanggil c-Permit. Untuk India, dia ada satu modul ataupun sistem mereka sendiri dipanggil *eMigrate*. Jadi, maksudnya FWCMS ya, melalui kuota tadi tidak ada integrasi ke *eMigrate* dan juga c-Permit. Maksudnya, proses majikan pergi ke kedutaan ataupun secara *online* ke sistem kedutaan tadi, adalah melalui *control* mereka sendiri, kawalan mereka sendiri, ya.

#### ■1030

Tapi spesifik kepada Bangladesh melalui FWCMS Modul *eEmbassy*, majikan akan *login* dan akan memohon *attestation* di bawah Modul *eEmbassy*. Kelebihan modul *eEmbassy* ini ialah di mana pegawai-pegawai di Kedutaan Bangladesh di Malaysia akan mengakses Modul *eEmbassy* untuk melakukan kelulusan *attestation* tadi. Maksudnya tidak ada permohonan secara manual. Tidak ada orang beratur di Kedutaan Bangladesh di Kuala Lumpur untuk mendapatkan *attestation*.

Jadi, apabila permohonan secara *online*, kedutaan akan membuat kelulusan secara *online*, majikan akan diberitahu secara *online* bahawa *attestation* tadi telah diluluskan ya. Apabila nombor tiga telah selesai, *attestation* telah dapat dan kemudian majikan kata okey saya akan menghubungi *recruitment* pengambilan pekerja asing di negara sumber.

Itu yang *step* nombor empat berlaku ya. Jadi di *step* nombor empat itu berlaku, Modul *eRecruitment* kita laksanakan di tiga negara. Di Bangladesh

berdasarkan MOU Kerajaan Malaysia dan Bangladesh, kita laksanakan juga di Indonesia dan juga di Filipina. So, maksudnya daripada 12 negara tadi tu ya, apa yang berlaku di negara sumber tidak – di mana baki daripada tiga negara tadi tu semuanya berlaku secara manual lah ya.

Tapi di tiga negara ini berlaku secara *online*, Bangladesh, Indonesia dan Filipina. Kenapa Bangladesh? Sebab ada perjanjian Bangladesh dan juga Malaysia. Kenapa di Indonesia? Sebab keperluan Kerajaan Indonesia ataupun agensi pekerja swasta di Indonesia untuk memerlukan sesuatu sistem yang mana untuk mereka *control* pengambilan pekerja asing itu ya – bakal pekerja asing.

Di Filipina sama juga. Di negara lain tak perlu. Jadi maksudnya, Modul *eEmbassy* dan *eRecruitment* ini ia dilaksanakan untuk negara-negara yang memerlukan ya. Maksudnya sebab kita laksanakan ataupun kita bangunkan FWCMS secara *modular* ya. Kalau tak nak kita *switch off*, kalau nak kita *switch on* ya. Sebab ia *modular* dia tidak ada kita panggil *tieback* maksudnya perlu ada ini, tak perlu ini.

Tapi setiap data ataupun setiap proses itu ada hubung kait ya. Jadi untuk nombor tiga dan nombor empat, Bangladesh berlaku semua nombor tiga nombor empat tapi untuk nombor empat berlaku hanya di Bangladesh, Indonesia dan *Philippines*. Okey. Pengambilan pekerja asing di negara sumber ya – berlaku di negara sumber untuk nombor empat dia akan mendaftarkan bakal pekerja asing – telah dipilih oleh majikan dan apabila dia mendaftarkan maklumat tu, maklumat tu penuh termasuklah maklumat waris. Sebab maklumat waris amat-amat penting. Sebagai contoh, untuk PERKESO kalau ada apa-apa berlaku tragedi kematian di Malaysia, sekurang-kurangnya kita ada maklumat waris untuk dihubungi, untuk diberikan *compensation* jika berlaku apa-apa tragedi di Malaysia ya. Maklumat itu *first-hand* maksudnya, bakal pekerja asing itulah memberikan maklumat tersebut.

Kalau dulu kalau kita lihat banyak penipuan, majikan sebab bila dia *submit calling* visa ataupun VDR dia tak tahu maklumat waris dia letak apa-apa maklumat dekat situ. So, sekarang ini maklumat itu terus daripada bakal pekerja asing. Apabila pekerja asing itu telah didaftarkan di *eRecruitment* kemudian ia akan dihantar kepada pusat perubatan yang diakreditasi ya.

Apa maksud diakreditasi di sini? Kerana banyak pusat kesihatan di negara sumber diakreditasi, dipastikan bahawa setiap satu-satu pusat kesihatan atau pusat perubatan itu layak ya – layak sebab kita di pihak syarikat dipertanggungjawabkan di bawah perjanjian *bio-medical* Kerajaan Malaysia adalah untuk memastikan apabila kita *appoint medical centre* di negara sumber ia adalah berkelayakan ya. Maksudnya dari segi fizikal, dari segi *laboratory* dia dan dari segi *x-ray* – bilik *x-ray* dia ya. So bila telah diakreditasi barulah pusat perubatan itu tadi dibenarkan untuk melakukan saringan kesihatan pekerja asing sebelum dia sampai ke Malaysia.



Jadi nombor lima itu kita ada Modul *Bio-Medical* yang telah dilaksanakan di 12 negara ya. Nanti saya tunjukkan bilangan berapa pusat kesihatan yang ada atau pusat perubatan yang ada. Yang paling cantik di Modul *Bio-Medical* ini adalah kita ada elemen biometrik. Apabila pekerja asing itu berada di pusat kesihatan untuk saringan kesihatan, kita ada Modul *Bio-Medical* ini dia ada— kita ambil biometrik dia, kita ambil foto dia, kita ambil maklumat pasport dia, kita ambil cap jari dia ya. Mengikut komponen yang dibenarkan oleh Jabatan Imigresen. Kita mengikut komponen Jabatan Imigresen, keperluan Jabatan Imigresen untuk cap jari tadi.

Apabila diambil dan pada masa yang sama sistem akan *automatically* secara integrasi ke sistem Imigresen memeriksa, menyaring pekerja asing tadi tu, bakal pekerja asing itu dari segi keselamatan. Maksudnya, maklumat biometrik dan juga demografi tadi *automatically* dihantar ke sistem Imigresen untuk saringan keselamatan.

Apabila kata pekerja asing tadi selesai tidak ada masalah di saringan keselamatan, barulah pekerja asing itu akan pergi ke saringan kesihatan ya. Ini memberikan kelebihan kepada pekerja asing sebab jika dia layak dari segi keselamatan barulah dia boleh pergi kesihatan sebab kesihatan tu perlu bayar duit, perlu membayar *recruitment fee*.

Kalau dia kata dia gagal keselamatan, dia tak perlu pergi kesihatan jadi kita menjimatkan kos kepada pekerja asing, kelebihan kepada pekerja asing tersebut. Pada masa yang sama kalau kata pekerja asing itu gagal dari segi keselamatan, sistem *automatically* akan memberikan *refund*— ingat ya YB Jawatankuasa. Kita dibenarkan *collect fee* RM100 ya.

Jadi kalau katalah pekerja asing itu gagal dari segi keselamatan, kita tidak *collect* satu sen pun. Kita akan *refund* wang itu kepada agensi pekerjaan swasta yang telah bayar tadi tu ataupun kita takkan caj pun kepada pekerja asing itu untuk yang RM100 yang kita *collect* tu tadi. Jadi maksudnya kalau 100,000 register di luar negara sepatutnya kita *collect* RM100 kali 100,000 lah. Tapi 20 peratus kebanyakannya gagal saringan keselamatan. Jadi kita hanya boleh *collect* 80 peratus sahaja ya. So itu Modul *Bio-Medical*.

Jadi apabila kata saringan keselamatan selesai, saringan kesihatan selesai, pada masa yang sama majikan akan mendapat maklumat pekerja asing – bakal pekerja asing telah selesai saringan tadi dan akan memohon visa dengan rujukan, di *step* nombor enam. Ini berlaku di Malaysia, majikan akan mengakses FWCMS akan masukkan nombor pasport tak payah *key in* satu apa perkara pun masukkan sahaja nombor pasport. Maklumat daripada nombor lima akan diberikan kepada majikan untuk pengesahan. Pada masa yang sama sistem akan memastikan bahawa semua syarat-syarat untuk pekerja asing ini selesai.

Maksudnya dia dalam sektor yang sesuai, dia umur 18 sehingga 45, dia adalah negara sumber tu boleh ke mana dipanggil. Kalau kata contoh Indonesia pada masa dahulu, lelaki tak boleh kerja kilang, sekarang ini dah boleh kerja kilang dah. Kalau dulu tak boleh. So, itulah sistem lakukan semua *checking* tersebut supaya apabila majikan memohon visa dengan rujukan ke Imigresen data yang masuk ke sistem Imigresen adalah *clean data* ya, telah disahkan ya.

Pada masa yang sama juga majikan boleh membeli – perlu membeli insurans melalui *online* insurans. Kita ada modul yang dipanggil *online* insurans mana – yang mana FWCMS ini telah berintegrasi dengan 25 syarikat insurans di Malaysia dan pada pihak syarikat, kami tidak menjalankan apa-apa *business* insurans pun. Kita memberikan lebih *business* kepada syarikat insurans sebenarnya.

Sebab pada dulu – pada masa dahulu salah satu sebab banyak pekerja asing tidak dilindungi sebab banyak insurans tipu. Maksudnya bila dia beli insurans, majikan kalau mana-mana *unscrupulous* punya majikan ni dia beli insurans – dia beli, dia fotostat polisi-polisi insurans, dia bagi kat Imigresen untuk *submit* memohon VDR secara manual pada masa dahulu.

Imigresen tak ada tempat nak *check*. Tidak ada sistem nak *check*, tapi dengan adanya FWCMS bila kita buat *online* insurans kita integrasi dengan 25 syarikat insurans. Bila selesai pembelian insurans sahaja barulah data pergi ke sistem Imigresen untuk kelulusan VDR. Maksudnya, dari segi pematuhan, *compliance of the submission is there and it is enforced within the system*, ya. So, bila Imigresen dapat ataupun sistem Imigresen mendapat permohonan tadi tu secara *online*, kita buat integrasi ke sistem Imigresen.

Imigresen sekarang ni tidak perlu lagi buka kaunter, tidak perlu lagi terima melalui kaunter. Semuanya masuk ke sistem secara automatik, data semua dah masuk semua betul, insurans telah beli, Imigresen tidak perlu lagi buat manual *data entry*. Sebab data semua telah masuk ke sistem Imigresen dan pegawai Imigresen yang meluluskan boleh melihat semua permohonan tadi itu dan meluluskan di dalam sistem Imigresen ya.

Sebab kita berintegrasi dengan sistem Imigresen dan apabila kelulusan VDR telah diberikan di *step* nombor tujuh, barulah majikan akan mendapat *notifikasi* di dalam sistem FWCMS bahawa VDR telah diluluskan. Majikan akan membuat pembayaran. Pada masa ini pembayaran untuk VDR masih manual.

Maksudnya majikan masih perlu pergi ke Imigresen – Pejabat Imigresen yang diluluskan VDR, buat pembayaran secara manual ke kaunter pembayaran dan mendapat surat kelulusan VDR tadi di kaunter Imigresen. Kami di pihak syarikat sebenarnya telah mencadangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia bahawa

permohonan atau – *sorry* pembayaran VDR tadi boleh dilakukan secara *online* ya untuk memudahkan majikanlah.

Juga kelulusan ataupun surat kelulusan VDR tadi tu boleh di *download* di dalam sistem. Tidak perlu lagi hadir ke Jabatan Imigresen sebab boleh menjimatkan kos.

#### ■1040

Satu, menjimatkan kos majikan daripada segi masa dan wang. Pada masa yang sama, memberikan kelebihan kepada kerajaan sebab kerajaan tak perlu lagi ada kos-kos untuk *administration* seperti kertas, dakwat pencetak dan juga masa kepada pegawai sebab perlu melayan majikan-majikan yang hadir ke jabatan imigresen untuk buat pembayaran. Tapi malangnya *online payment* tidak dibenarkan dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia sebab Jabatan Imigresen Malaysia mengatakan bahawa *online payment* mereka hendak lakukan sendiri. Tapi daripada segi pihak syarikat, *online payment* telah sedia untuk dilaksanakan sebab kita telah melakukan ujian integrasi dengan FPX, yang mana majikan boleh buat pembayaran secara *online transfer*, bank *transfer* ataupun *credit card* yang mana kami telah integrasikan melalui FPX, hanya ia tidak dilaksanakan.

Kelebihan pembayaran *online payment* ini adalah kami tidak— ia adalah T+1. Maksudnya kalau majikan bayar terus masuk akaun kerajaan, tidak masuk ke mana-mana akaun. So, maksudnya T+1, bayar hari yang sama, masuk terus akaun kerajaan. Kalau kata hari kemudian, melalui FPX T+1 lah, hari kemudian. Tidak masuk ke akaun syarikat langsung sebab kita tidak ada hak untuk menyimpan sebab kita tak ada bawah untuk akta pemungut ataupun agen pemungut. Kami tiada lesen sebagai agen pemungut, kita terus hantar kepada akaun kerajaan tapi malangnya Jabatan Imigresen kata tidak perlu dilaksanakan. Pada masa ini masih manual. Pembayaran VDR masih manual berlaku di Jabatan Imigresen Malaysia.

Seterusnya kepada *step* nombor lapan ya. Apabila kata contoh VDR telah diluluskan, agensi pekerjaan swasta di negara sumber telah dapat salinan VDR tadi. Daripada salinan VDR yang diluluskan tadi itu, agensi tadi itu akan memohon mendapatkan apa kita panggil eVisa di Kedutaan Malaysia di negara sumber untuk mengeluarkan visa, yang mana akan membenarkan pekerja asing itu untuk hadir ataupun sampai ke Malaysia.

*Step* nombor 10, apabila tiba di pintu masuk— pekerja asing tiba di pintu masuk, ada satu modul yang dipanggil modul *Bio-Medical Verification*. Ini adalah satu modul *extension* daripada modul *bio-medical* yang kita laksanakan di pusat kesihatan di *step* nombor lima yang mana akan memastikan bahawa pekerja asing yang sampai ke Malaysia adalah sama yang telah mendaftar di pusat kesihatan. So, kita *verify*, kita *verify* menggunakan biometrik di pintu-pintu masuk. Kita telah laksanakan

di tujuh pintu masuk negara, yang mana pekerja asing masuk termasuklah KLIA dan KLIA2.

Apabila pekerja asing telah diberikan pelepasan oleh imigresen di pintu masuk, kemudian dalam masa satu bulan pekerja asing perlu pergi ke FOMEMA untuk mendapatkan— untuk membuat saringan kesihatan. Jika katalah pekerja asing itu layak daripada segi kesihatan di saringan kesihatan di FOMEMA di *step* nombor 11, barulah pekerja asing itu akan diberikan Pas Lawatan Kerja Sementara tahun pertama. Dalam tahun pertama itu, pekerja asing itu akan berada di Malaysia bekerja tapi ada banyak keslah.

Kalau kata contoh pekerja asing itu lari, ada modul yang kita panggil *eWorker Runaway* untuk majikan melaporkan jika pekerja itu lari daripada majikan. Kita ada modul yang kita panggil juga *eCOM* kalau kata contoh nanti kalau pekerja asing itu balik. Kita ada modul *eEnforcement*, kita ada modul *eComplaints*, kita ada modul *eWages*, kita ada *dashboard reporting* dan *alerts notification*. Itu adalah semua modul-modul yang diguna pakai semasa pekerja asing itu berada di Malaysia.

Jadi pada masa yang sama, jika tiap-tiap tahun pekerja asing itu perlu diperbaharui PLKS dia, setiap tahun majikan akan membuat permohonan untuk *submission PLKS renewal* tiap tahun dan membelikan insurans di *step* nombor 13 dan jika pada akhir tempoh kontrak, pekerja asing itu ingin pulang ke negara asal dia dan majikan perlu memohon apa kita panggil *checkout memo* ataupun memo periksa keluar di *step* nombor 15 dan apabila memo periksa keluar dikeluarkan, barulah pekerja asing itu balik ke negara asal, *step* nombor 16.

Jadi Datuk Wira Pengerusi dan juga YB ahli jawatankuasa, kalau lihat daripada penerangan saya, sistem FWCMS itu adalah holistik, *online* sepenuhnya, berlalu rentas sempadan, ada elemen biometrik. Jika kita lihat daripada segi pelaksanaan FWCMS itu, disebabkan agensi atau kementerian itu adalah Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab dari segi keselamatan, Kementerian Sumber Manusia bertanggungjawab daripada segi perburuhan. Kerajaan pernah mengatakan bahawa memerlukan satu gudang tunggal atau gudang data tunggal ataupun *single warehouse* untuk mengurus pekerja asing yang hadir ke Malaysia.

Inilah peluang kepada kerajaan untuk menggunakan FWCMS sepenuhnya, Kementerian Sumber Manusia ataupun Kementerian Dalam Negeri sebabkan setiap modul itu ada hak-haknya yang tersendiri. Contohnya di bawah Kementerian Sumber Manusia ada *FWe Approval* dan *eQuota*, *eEmbassy*, *eRecruitment*, *eWages* dan juga *eComplaints* untuk KDN termasuklah *Bio-Medical eVDR*, *Online Insurance*. Itu adalah modul-modul di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Juga pada masa yang sama, FWCMS ini berintegrasi kepada modul atau sistem-sistem yang lain, sistem imigresen untuk semua urusan-urusan imigresen di

bawah MyIMMs. Kita juga berintegrasi dengan Jabatan Pendaftaran Negara untuk memastikan bahawa majikan, individu dan juga majikan-majikan, *shareholder* ataupun *director* di bawah syarikat adalah yang layak. Juga kita berintegrasi dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat yang memohon kuota adalah syarikat-syarikat yang aktif, yang layak. Jadi semua *checking*, semua *compliance* telah berlaku di dalam satu sistem.

Akhir sekali dengan adanya gudang data tunggal ini, Kementerian Sumber Manusia dan juga Kementerian Dalam Negeri mempunyai satu elemen ataupun mekanisme untuk memperkasakan pengurusan pekerja asing di Malaysia. Itulah hasrat kami sebenarnya daripada awal apabila kami membangunkan FWCMS ini, untuk Kerajaan Malaysia, memberikan kelebihan kepada Kerajaan Malaysia.

Saya teruskan kepada penggunaan modul-modul sistem ini adalah lebih kepada gambaran ya. Jadi, modul *eQuota* ataupun modul *FWe Approval* itu apabila kita menggunakan sistem—majikan menggunakan sistem atau agensi kawal selia menggunakan sistem, akan mengeluarkan output-output seperti contoh di sebelah kiri itu surat kelulusan KP JTKSM, tidak lagi perlu secara manual. Dia akan keluar secara automatik oleh sistem. Surat kelulusan bersyarat di sebelah kanan dikeluarkan secara automatik oleh sistem selepas pembayaran levi dan semuanya *available*, semuanya berada di dalam satu sistem ataupun di bawah gudang data yang sama.

Kemudiannya modul *eRecruitment*. Kalau lihat daripada hasil daripada *eRecruitment* ini, salah satu daripada keperluan untuk mendapatkan pekerja asing adalah pekerja asing itu perlu menandatangani kontrak pekerjaan seperti mana kitalah, perlu tandatangan kontrak pekerjaan dan pekerja asing itu masih berada di luar negara. Apa yang berlaku adalah kita membuat, menjadikan bahawa pekerja asing itu menandatangani kontrak tadi secara digital, tidak ada manual sebab kontrak kerja tadi dijana oleh sistem. Kalau lihat daripada video tadi itu, pekerja asing itu hanya letak cap jari dia menunjukkan dia telah memahami kontrak dan dia telah bersetuju atas kontrak tersebut. So, itulah secara digital. Maksudnya kita akan secara digital, kontrak akan disimpan dan juga pekerja asing itu tadi, maknanya daripada pekerja asing tadi bersetuju atas kontrak ada dalam sistem.

Untuk modul *Bio-Medical FWCMS*, kita laksanakan di pusat-pusat kesihatan negara sumber, kita ada aplikasi yang kita laksanakan. Kita berikan setiap pusat kesihatan yang diakreditasi itu *passport reader* atau pembaca pasport, pembaca cap jari dan kita memberi PC sebab kita ingin mengawal setiap perkakasan dan perisian yang berada—sebab dia orang tak boleh beli sendiri. Jadi kita bekalkan, maknanya syarikat bekalkan kepada pusat perubatan tadi sebab ia adalah barang *control* ataupun barang kawalan.

Pada masa yang sama, sistem *Bio-Medical* sendiri akan menjana laporan kesihatan. Tidak akan ada lagi penipuan dokumen daripada laporan kesihatan, semuanya dijana oleh sistem. Setiap pusat kesihatan yang diakreditasi di negara sumber perlu bertanggungjawab di atas keputusan kesihatan yang berlaku. Jika ada apa-apa berlaku kegagalan kesihatan di Malaysia, kita ada SOP, maknanya di pihak syarikat kita akan pastikan kita panggil audit yang mana kita akan pastikan kenapakah gagal di Malaysia tapi lulus di luar negara. So, kita ada *feedbacklook* dekat situ.

Untuk negara sumber, di negara-negara sumber kita telah laksanakan lebih daripada 232 pusat kesihatan yang diakreditasi seperti saya bagi tahu tadi modul *Bio-Medical* dilaksanakan di 232 pusat kesihatan ini, di Indonesia adalah paling tinggi sebab Indonesia dia ada negara dia luas jadi negara itu ada bilangan pusat kesihatan yang paling tinggi ya. Kita juga ada laksanakan di China. Kita ada di China sebab ada pekerja-pekerja asing daripada negara China yang masuk ke Malaysia tapi untuk projek-projek berprestijlah seperti ECRL, semua itu ya tapi pekerja asing itu perlu melalui semakan kesihatan dan juga keselamatan di negara China itu sendiri melalui modul *Bio-Medical*.

#### ■ 1050

Ini gambaran pusat kesihatan di negara sumber ya. Kalau kita lihat, kebanyakan pusat kesihatan negara sumber semuanya adalah yang bertaraf hospital, bukan bertaraf klinik di sana, di luar negara. Sebab, mereka memerlukan apa yang kita perlu di bawah untuk menjadi akreditasi, setiap pusat kesihatan itu mesti ada *digital x-ray*, tidak boleh ada *film x-ray*. Itu satu daripada kriteria yang kami perlukan. Mesti ada *lab* yang sesuai, mesti ada peralatan yang moden dan mesti ada semua sijil-sijil pensijilan yang diperlukan oleh negara sumber, barulah kita bagi dia – kita jadikan dia sebagai akreditasi.

Selain daripada kita berikan akreditasi, kita juga melakukan audit ya. Maknanya, syarikat melakukan audit di negara sumber itu setiap tahun. So maksudnya, di syarikat Bestinet sendiri kita ada satu unit yang dipanggil Unit *Medical Audit* ya, *medical compliance* yang mana termasuklah dalam unit *medical compliance* ini termasuklah *general practitioner*, *radiology* atau *radiographer* dan juga doktor-doktor, yang mana akan memastikan bahawa tiap-tiap tahun pusat-pusat kesihatan tadi itu *compliant* ataupun mengikut audit. Kita juga akan memberikan *continuous education*, apakah keperluan. Seperti contoh, baru-baru ini FOMEMA memerlukan tiga semakan saringan kesihatan terbaru. Tetapi sebenarnya, kami dah melakukan saringan tiga penyakit itu dah lama pun di luar negara. Baru berlaku di Malaysia. Jadi, itulah salah satu daripada komitmen syarikat untuk melakukan audit

dan pada masa yang sama juga, kita melakukan *continuous education* di pusat kesihatan.

Modul yang seterusnya, modul eVDR. Ini majikan untuk *submit* untuk memohon visa dengan rujukan. Jadi, majikan masuk dan tidak perlu lagi *key in* satu persatu data pun sebab *just* masukkan nombor pasport, maklumat pekerja asing telah sedia semua, telah ada dalam sistem. Jadi, permohonan itu cepat. Tidak perlu hadir ke Jabatan Imigresen dan juga pembelian insurans secara *online*. Apabila pekerja asing itu telah sampai di Malaysia, pekerja asing itu perlu melalui apa kita panggil submodul *Bio-Medical Verification*, berlaku di pintu masuk, cap jari pekerja asing itu akan disahkan berdasarkan kepada pendaftaran yang berlaku di pusat kesihatan tadi. Jadi, apa yang berlaku di *Bio-Medical Verification* ini, kita pastikan pekerja asing itu ada Visa Dengan Rujukan. Mesti ada visa, majikan yang hadir itu mesti berdaftar dengan majikan, tidak boleh ada orang, ejen, *runner* datang ambil. Mesti berdaftar di sistem imigresen dan kita akan ambil cap jari dan kita di dalam sistem kita akan paparkan maklumat pekerja asing dan juga foto. So, kita dulu kalau kita lihat sebelum ada FWCMS, sebelum ada modul *Bio-Medical Verification* ini, banyak pekerja asing mencuri identiti orang lain. Orang lain pergi ke klinik, orang lain sampai ke Malaysia. Jadi, dengan adanya cara ini, 100 peratus kita menghapuskan kecurian identiti.

Selain daripada pelaksanaan modul *Bio-Medical Verification* itu, kami telah diminta untuk membantu secara khususnya di KLIA dan KLIA2 oleh Jabatan Imigresen di KLIA dan KLIA2. Semasa pembukaan sempadan dan majikan memerlukan pekerja secara cepat ya, pada masa itu ketibaan pekerja asing berduyun-duyun. Satu hari sampai 2,000 orang, 3,000 orang selalu hadir. Jadi, selepas perbincangan dengan Jabatan Imigresen Malaysia. Malaysia Airports Berhad dan pihak-pihak yang berkaitan di KLIA, diperlukan satu *holding area*. Sebab kalau dulu, kalau pekerja asing itu sampai, dia terus pergi ke kaunter Jabatan Imigresen Malaysia. Kalau sampai 2,000 orang, nak hadir ataupun beratur di depan Jabatan Imigresen Malaysia, buruk bentuknya. Tidak baiklah untuk identiti sebab beraturlah pekerja asing. Telah diputuskan dan kami membantu Jabatan Imigresen Malaysia menyediakan infrastruktur. Maksudnya, kami sediakan kaunter, kami sediakan tempat duduk, kami sediakan tempat yang sesuaialah supaya pekerja asing itu akan pergi ke *holding area*, menunggu di *holding area* sampai majikan sampai sebab majikan boleh hadir dalam – mesti hadir dalam enam jam.

Bayangkan YB Pengerusi dan juga ahli jawatankuasa, jika kata pekerja asing itu sampai pukul 12 malam, majikan hanya akan hadir pukul 9.00 pagi, dia tidak akan hadir pukul 12.00 malam. Jadi, pekerja asing itu perlu duduk *somewhere*, mesti duduk di satu tempat. Jadi, kami membantu pihak imigresen atas permintaan

imigresen di KLIA, kami menyediakan tempatlah, *holding area*. So, di KLIA, di *holding area* H10, kalau kata di pintu masuk sebelum pergi ke imigresen ada H10, ada di pintu H10; dan di KLIA2 di bangunan terminal yang sebelah sana itu. Jadi, kalau kata gambaran ya, sebelah kanan itu kalau lihat gambaran, tengok itu. [Merujuk kepada *slaid pembentangan*] Gambaran pekerja asing yang sampai, beratur, duduk di lantai. So, teraturlah sekarang daripada duduk depan imigresen. Jadi, kami dah bantu kerajaan daripada segi mengkoordinasi ketibaan pekerja asing.

Satu modul yang sangat-sangat saya rasa diperlukan di Malaysia, sebab kita telah menjadi *signatory* kepada *ILO Forced Labour Indicator*, 11 *ILO Forced Labour Indicator*. Salah satunya adalah *withholding of wages* yang mana kita tahu di Malaysia banyak kes sekarang berlaku juga, yang mana majikan tak bayar gaji. Walaupun tak ada kerja, gaji tak bayar. Tetapi walaupun tak ada kerja, gaji mesti bayar. Jadi, melalui satu modul yang dipanggil modul eWages ini adalah mekanisme yang *foolproof* dan *closed-loop module*. Bila saya kata *foolproof* di sini adalah, majikan akan mendeklarasi bahawa gaji telah dibayar. Sistem secara automatik, FWCMS secara automatik akan melakukan *reconciliation* dengan sistem imigresen dan juga kita akan beritahu kepada pekerja asing, notifikasi kepada pekerja asing melalui *mobile app* bahawa gaji telah dibayar. Jadi, pekerja asing akan mengatakan, “Ya, saya telah terima gaji”.

Ada dua perkara yang akan berlaku jika gaji tidak dibayar. Satu, pekerja asing itu lari ataupun pekerja asing itu balik ke negara asal. Jadi, kalau gaji tak dibayar, majikan kalau kata pekerja itu lari, mesti buat laporan pekerja lari. Kalau pekerja itu dah balik, gaji tak dibayar, mesti ada eCOM. Jadi, itulah *closed-loop* dia. *Closed-loop* dia, kalau kata salah satu tak lengkap, majikan akan mendapat notifikasi melalui modul eEnforcement, meminta justifikasi kenapa gaji tak dibayar. Automatik ya, sistem akan buat. Majikan perlu jawab kepada Jabatan Tenaga Kerja, kenapakah gaji tak dibayar. Jika kata tidak dapat jawapan, sistem secara automatik akan menghantar laporan kepada Jabatan Tenaga Kerja untuk membuat penguatkuasaan. Jadi, di sinilah kita panggil *smart enforcement* ataupun penguatkuasaan secara proaktif, bukan reaktif. Jadi, *closed-loop*. Jadi, itu akan dapat memastikan bahawa gaji akan dibayar sebab pematuhan itu penting oleh majikan. Bila patuh oleh majikan sebab ada pemantauan, barulah majikan akan patuh dan dia akan menjadi satu *closed-loop system*.

Kita juga ada modul yang dipanggil eComplaints tetapi telah dilabelkan kembali sebagai *Working for Workers*. Modul ini kita laksanakan secara *mobile app* ataupun aplikasi *mobile* sebab pekerja asing tidak akan pergi ke Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia untuk buat laporan sebab mereka mungkin takut, tak tahu cara untuk buat laporan. Jadi, kita adakan *mobile app* dan *mobile app* ini adalah



salah satu yang pertama di dunia, yang mana pekerja, bukan sahaja pekerja asing, pekerja tempatan juga boleh membuat laporan ataupun aduan berkenaan dengan salah laku ataupun salah laku oleh majikan berkenaan perburuhan. So, dalam itu ada Akta Kerja, ada macam gaji tak dibayar ataupun elaun ditolak ataupun adalah dia punya pemilihan di situ. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia akan menyelesaikan permohonan— kita sediakan *dashboard*, kita sediakan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia untuk melihat semua aduan-aduan diselesaikan dalam tujuh hari. Semua laporan, semua aduan yang telah diambil tindakan akan diberikan status terbaru kepada pekerja tadi melalui *mobile app* tadi yang kita ada.

Seterusnya, kita ada modul eEnforcement, kita ada penguatkuasaan yang saya kata tadi secara proaktif dan *smart enforcement*, kita ada *dashboard reporting*, kita ada *smart enforcement*. Kalau saya kata tadi eWages tadi ada *smart* ataupun kita panggil proaktif, kita ada juga di bawah kita panggil eEnforcement ini, yang mana pekerja asing ataupun majikan itu diberikan notifikasi. Tiga bulan sebelum tamat PLKS, kita akan notifikasikan, *notify* kepada majikan bahawa ada pekerja asing yang perlu diperbaharui, PLKS ini perlu diperbaharui. Tiga bulan sebelum, dua bulan sebelum, sebulan sebelum jika majikan masih tidak memperbaharui PLKS, secara automatik sistem akan menghantar laporan kepada Jabatan Imigresen Malaysia bahawa terdapat PLKS yang tidak diperbaharui. Jadi, majikan tidak ada lagi alasan mengatakan bahawa lupa untuk *renew* PLKS ataupun tak tahu pekerja tak ada.

#### ■1100

Kalau kata pekerja tidak ada, dia mesti buat laporan pekerja lari. Kalau pekerja— kalau dia tidak buat laporan pekerja lari, maksudnya tidak patuh kepada undang-undang yang ada. Sebab kalau pekerja lari dia mesti lapor. Jadi, dengan cara itulah barulah kita dapat melakukan penguatkuasaan secara proaktif.

Pada tahun 2017, syarikat telah menerima testimoni daripada Kementerian Dalam Negeri mengatakan bahawa pelaksanaan FWCMS ini memberikan kelebihan kepada kerajaan sendiri. Contoh, 95 peratus pekerja asing telah lulus pemeriksaan kesihatan di negara sumber. Tapisan keselamatan dilakukan secara *real time*. 100 peratus pekerja asing yang hadir ke Malaysia adalah yang diluluskan untuk bekerja di Malaysia. 100 peratus pekerja yang bekerja di Malaysia diinsuranskan sepenuhnya. Sebab inilah masalah-masalah terdahulu yang mana kita telah selesaikan di bawah FWCMS.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa, ini modul-modul yang telah dilaksanakan daripada 15 ataupun 16 modul tadi ya. Kita telah laksanakan semua modul kecuali tiga modul iaitu e-PLKS. Kenapa e-PLKS ini tidak dilaksanakan? Sebab pada masa itu terdapat satu syarikat

yang dipanggil MyEG. MyEG telah mendapat kontrak daripada kerajaan dan telah melaksanakan pembaharuan pas lawatan pekerja sementara untuk pekerja asing. Jadi, MyEG telah ada di situ yang mana pada masa kami melakukan ujian *integration testing* pada masa itu tahun 2018 untuk kami laksanakan, telah diarahkan untuk berhenti dari melakukan itu sebab MyEG telah melaksanakan ataupun telah diberikan kebenaran untuk melaksanakannya. Jadi, pada sampai masa ini PLKS telah 70 peratus siap dan sedia untuk dilaksanakan.

Modul yang seterusnya seperti yang saya katakan tadi nombor 12 *Online Payment* tidak dilaksanakan kerana Jabatan Imigresen Malaysia memutuskan bahawa semua pembayaran berlaku di sistem imigresen. Akhir sekali di nombor 14 eWages. Kenapa ia belum dilaksanakan? Kerana ia perlu perubahan dasar oleh Kementerian Sumber Manusia untuk melaksanakan eWages ya. Jadi, tiga modul ini sahaja yang belum dilaksanakan. 12 modul yang ada semua telah dilaksanakan di 12 negara sumber.

Okey, untuk pencapaian prestasi. Setakat 2023 ya kalau lihat di sebelah kiri 12 negara sumber telah dilaksanakan. Lebih daripada 4.2 juta rekod biometrik pekerja asing telah didaftarkan di dalam sistem. Kita ada 232 pusat kesihatan di 12 negara sumber. Ada lebih daripada 5,400 agensi pekerjaan swasta di negara sumber yang menggunakan modul eRecruitment ya dan juga modul *Bio-Medical*. Modul-modul yang dilaksanakan di negara sumber, *Bio-Medical*; eRecruitment; eEmbassy; dan *Bio-Medical Verification* kita juga ada nilai-nilai tambah (*value added services*) yang syarikat lakukan. Seperti contoh bantuan teknikal. Kita ada *country manager* di Indonesia, di Bangladesh dan juga di Nepal sebab itu adalah negara-negara yang terbesar menghantar pekerja asing. Jadi, kita perlukan sokongan teknikal *direct on the ground*. Kita ada pengurusan prestasi, *performance management* dari segi kesihatan, audit tahunan dan juga kita ada *digital x-ray*.

Untuk di Malaysia, modul-modul yang dilaksanakan adalah modul-modul yang tersebut. Modul yang belum dilaksanakan saya beritahu tadi e-PLKS, *Online Payment* dan eWages dan sebab-sebabnya. Kita terlibat— hampir lebih 60,000 majikan telah menggunakan FWCMS di Malaysia ya. Setakat 2023 lebih daripada 750 agensi pekerjaan swasta berdaftar. Agensi pekerjaan swasta ini adalah diperlukan sebab untuk permohonan *maid*, pembantu rumah asing (PRA) majikan-majikan individu perlu menggunakan agensi pekerjaan swasta. Jadi, agensi pekerjaan swasta adalah pengguna FWCMS juga sebab itu adalah syarat.

Lebih daripada 450,000 permohonan Visa Dengan Rujukan (VDR) telah diproses melibatkan lebih daripada 2.6 juta pekerja asing semenjak daripada pelaksanaan FWCMS. Sudah berintegrasi ke 25 syarikat insurans. Sudah

berintegrasi kepada Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, kami telah siap untuk melaksanakan integrasi kepada PDRM.

Untuk pengetahuan YB dan jawatankuasa, kami telah melakukan ujian bersama dengan PDRM terutamanya untuk semakan keselamatan. Sebab sekarang ini semakan keselamatan hanya berlaku di Jabatan Imigresen sebab Jabatan Imigresen ada *blacklist* dia ya. Tetapi dengan Polis Diraja Malaysia kami juga telah melakukan integrasi berjaya tetapi tidak dapat diteruskan ada sebab-sebab komersial lah. Sebab vendor di Polis Diraja Malaysia tidak bersetuju sebab-sebab komersial. Sebab dia ada vendor dia sendiri ya.

Jadi dengan PDRM kita bersedia. Jika tidak ada apa-apa kos kepada kerajaan, kami bersedia untuk berintegrasi ke PDRM. Itu memberikan kelebihan kepada kerajaan sebenarnya. Sebab kita hendak pastikan bahawa pekerja asing sebelum dia sampai ke Malaysia dia telah di-*filter* dari segi keselamatan. Kita tidak mahu dia masuk ke Malaysia. Kita juga bersetuju atau bersedia untuk berintegrasi ke KWSP, berintegrasi ke LHDN untuk permohonan kuota sebab majikan— salah satu syarat untuk dia mendapatkan kuota pekerja asing, dia kena membuktikan berapakah pekerja tempatan yang dia ada baru dia layak.

Jadi, syarat-syaratnya itu sekarang ini majikan hanya *upload* dokumen. Jadi, kita tidak dapat memastikan secara sah. Jadi kalau kata ada integrasi kepada KWSP *and* LHDN, kita ada satu *single source of truth* yang mana memberikan kelebihan kepada kerajaan untuk pastikan bahawa yang majikan yang memohon itu betul-betul layak ya.

So, kita ada juga nilai tambah kepada FWCMS. Kita ada bantuan teknikal, meja bantuan 24 jam kita ada *service desk*, kita ada *one stop centre* seperti saya kata tadi di Ayer@8, kita sediakan tanpa apa-apa kos kepada majikan. Majikan boleh masuk dapatkan bantuan, kita akan berikan bantuan, tidak akan ada apa-apa kos kepada majikan. Kita ada juga *call centre* kita juga ada NOC *and* SOC seperti saya terangkan daripada awal tadi.

Akhir sekali, kesan keseluruhan pelaksanaan sistem FWCMS di Malaysia. Banyak kelebihan, kecekapan, ketelusan, kebajikan, meningkatkan kesejahteraan manusia. Seperti mana misi kami tadi, pertama ketibaan pekerja dalam bulan yang sama. Daripada tiga hingga sembilan bulan, pekerja asing boleh sampai ke Malaysia dalam bulan yang sama. Beri kelebihan kepada pekerja asing. Beri kelebihan kepada majikan sebab dapatkan pekerja secepatnya.

Lebih daripada 25 peratus kelulusan Visa Dengan Rujukan pada hari yang sama. Pada hari dulu— pada sebelum pelaksanaan FWCMS, kelulusan VDR mengambil masa satu hingga tiga bulan sebab pegawai imigresen perlu *key in*, perlu buat pemeriksaan. Barulah kelulusannya mengambil masa satu hingga tiga bulan.

Sehingga hari ini, kita dapat lebih daripada 25 peratus kelulusan Visa Dengan Rujukan pada hari yang sama.

Menghapuskan penipuan pekerja asing kerana dokumen palsu. Contoh, dokumen passport, dokumen laporan kesihatan, dokumen VDR ataupun insurans kita telah memastikan, menghapuskan penipuan daripada dokumen palsu. Pemantauan ketidakbayaran gaji melalui modul eWages jika dilaksanakan. Kita mengurangkan penularan penyakit berjangkit sebab sekarang ini pusat kesihatan di negara sumber telah mengikut standard Malaysia, standard Kementerian Kesihatan Malaysia. Kalau sebelum ini mereka tidak tahu apa itu standard Kerajaan Malaysia. Sekarang kita telah *enforce*, kita pastikan pusat kesihatan tadi ikut standard Kementerian Kesihatan Malaysia ya. Setiap pusat kesihatan bertanggungjawab di atas kelulusan yang diberikan atas kesihatan tadi ya.

Akhir sekali, FWCMS memastikan tiada ketirisan sebab kita telah mengurangkan *face-to-face interaction*, telah meningkatkan pendapatan kerajaan, telah memastikan pematuhan setiap proses. Kami di pihak syarikat ingin memberikan komen bahawa FWCMS adalah penyelesaian pengurusan pekerja asing yang holistik, *single window*, digital sepenuhnya dan *single warehouse* untuk Kerajaan Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Ismail selaku CEO. Penjelasan yang saya kira jelas dan nampak lah CEO ini faham untuk buat kerjanya. *[Ketawa] All right*, saya hendak ucap tahniah juga bila dapat *The World Best Digital Solution out of 180 countries*. Bukan senang nak dapat.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn Bhd]:** Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Boleh tak terangkan kepada PAC *since* yang ini dah lama sebab dalam pembentangan tadi kata sejak daripada 2000...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn Bhd]:** 2015.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Awal lagi ya.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn Bhd]:** Awal lagi daripada itu.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Maksudnya ada berjumpa dan– pembentangan 2005, pembentangan maksudnya dari segi konseptualisasi, penyelidikan dan pembangunan. Yang kuning itu 2005-2012 itu, itu di bawah bidang kuasa *you all* ke– masa itu adalah *under* usaha *you all* ataupun *this refer* kepada kementerian?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn Bhd]:** Adalah– maksudnya daripada hasil usaha syarikat dan membentangkan kepada kementerian. Jadi,

kementerian yang bertanggungjawab adalah pada masa itu Kementerian Dalam Negeri.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Maksudnya usaha daripada syarikat membuat pembentangan kepada kementerian.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn Bhd]:** Kementerian Dalam Negeri. Kementerian dan juga kepada...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tentang konsep dan sebagainya. Okey. Naib Pengerusi ada ini, sekejap.

■1110

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, boleh kita *conclude*-kan idea sistem ini sebenarnya di wujud ataupun bermula terlebih dahulu di peringkat syarikat dan baru dibentang, dibawa kepada kementerian. Jadi, bukan ada permintaan ataupun idea dari kementerian dan sampaikan pada syarikat, baru syarikat sediakan idea ini.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Tidak. Sebab kita faham yang itu bila saya kata misi dan visi syarikat untuk melaksanakan satu sistem yang holistik dan kita faham berkenaan dengan pengurusan pekerja asing yang kompleks dan banyak ketirisan. Kalau kata pada masa itu ketirisan. Itulah idea itu ditambah daripada syarikat yang mana syarikat yang memberi mencambah idea itu dan memberikan konsep kepada kerajaan untuk memberikan penyelesaian kepada kerajaan pada masa itu. Dengan adanya idea kami itu. So, yang mana kerajaan sekarang ini bila dapat idea dan konsep itu akan mengkaji di bawah Kementerian Dalam Negeri mengkaji dan juga mungkin kata okey, kami setuju dengan konsep ini. Cuba syarikat berikan bukti bahawa dengan ada pelaksanaan sistem ini barulah kata dapat *value* dia.

*That's why* dalam tahun 2013 itu, dengan modul *Bio-Medical* dan eVDR yang kita laksanakan kita buktikan kepada kerajaan. Sebab, kita satu-satu sebagai syarikat kita ada idea. Kita kena buktikan. *Execution is important. So that's why* kita pada tahun 2013 itu kita buktikan kepada kerajaan berdasarkan idea dan penerimaan kerajaan berkenaan dengan idea itu, kita buktikan pada tahun 2013 melalui *proof of concept*. Melalui *proof of concept* itulah kita tunjukkan bukti, laporan berapakah ketibaan, berapakah semua itu dan kerajaan menerima konsep dan *proof of concept* ataupun bukti tadi untuk melaksanakan secara mandatori pada tahun 2015.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Boleh saya tahu siapa pengerusi lembaga pengarah syarikat ketika itu atau CEO? 2005.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** 2005 pada masa itu Dato' Tengku Omar Tengku Bot pada masa 2005. Pada masa sekarang, Pengerusi Syarikat adalah Yang Amat Mulia Tengku Muda Pahang.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, boleh saya tahu Tan Sri Azmi Khalid bila dilantik masuk ke lembaga pengarah syarikat?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Pada tahun 2011. Antara 2011 dengan 2012. Sebab pada masa itu, kita— kenapa syarikat pada masa itu ambil ataupun kita *engaged* parti-parti ataupun individu-individu ini sebab bila kita ada idea dan konsep, kita perlukan *subject matter expert*, YB. So, kalau Dato' Tengku Omar adalah dahulu mantan Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Jadi, dia ada *expertise* dari segi pengurusan pekerja asing di bawah Jabatan Tenaga Kerja. Tan Sri Azmi adalah di bawah KDN dan dia tahu apa proses-proses yang berlaku di KDN.

Kita juga ada individu-individu yang memberikan *expert opinion*. Sebab, kami sebagai syarikat kita adalah syarikat IT. Jadi, kita perlukan *subject matter expert*. Sebab, kita tak— kita kena dapatkan *opinions* ini yang mana daripada konsep dan kepada pelaksanaan *proof of concept* dan kepada pelaksanaan mandatori telah dilaksanakan pada tahun tersebut.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya nak tanya Tuan Ismail dah berapa lama dalam syarikat ini?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Saya lebih daripada— hampir-hampir 10 tahun, YB.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Oh, dah 10 tahun. Dah lama. *No wonder*. Okey, saya nampak...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Kami semua orang-orang lama. *[Ketawa]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Saya nampak Saratok dah ini. Lepas itu Bangi. Lepas itu Bayan Baru. Wangsa Maju.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Terima kasih Pengerusi. Saya melihat kontrak-kontrak kerajaan ini, dia semenjak yang kita buat di dalam PAC ini, banyak kerja kontrak dengan kerajaan ini berjalan tetapi tak ada formal kontrak yang dibuat. Sama juga dengan FWCMS ini. Di mana, kerja telah dibuat lama dah. Daripada 2005 dan yang terakhir 2018 sampai 2024. Di mana 2018, ada SST ditandatangani. Jadi, apakah isu sebenarnya yang tidak dapat menandatangani kontrak formal tersebut?

Sebab, syarikat ini telah menanggung kos yang banyak daripada permulaan dahulu. Sampai sekarang. Saya lihat pada bulan Mei ini, tamat kontrak. Memang tak ada kontrak secara rasmi atau formal selama ini?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Tidak ada YB.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Jadi, syarikat terus juga meneruskan...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Komitmen kami.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** ...Komitmen tersebut dan apa sebabnya, kerajaan tidak pada masa ini tidak ada tanda-tanda akan meneruskan kontrak tersebut?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey...

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Sebelum jawab maaf ya. Sebab, soalan saya pun berkaitan. Mungkin boleh jawab bersekalilah. Jadi, YB Saratok dah maklumkan tentang tidak ada— ketiadaan kontrak ini. Jadi, saya nak tahu YB Saratok pun tadi ada cakap tentang bagaimana syarikat telah meneruskan komitmen setakat ini walaupun tidak ada kontrak yang dimeterai. Jadi, persoalan saya apakah yang meyakinkan ialah sebab kalau saya, kalau saya jadi peguam kepada satu syarikat, saya kata jangan buat apa-apa selagi kontrak tak *sign*.

Tetapi, sekarang ini dalam kes syarikat Bestinet ini maksudnya kita tengok memang komitmen masih dilaksanakan dan sebagainya. Jadi, apa yang meyakinkan syarikat untuk terus menjalankan komitmen-komitmen dalam FWCMS ini walaupun terma-terma itu belum dimuktamadkan lagi?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Terima kasih YB atas soalan.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Datuk Wira boleh saya sambung sedikit berkaitan juga. Sebab, dia jawab sekali mudah.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Saya dari sudut *financial* lah. *How do you survive all this while because you can only collect* sebahagian sahaja daripada apa yang *you* syaratkan dalam kelangsungan operasi syarikat? Terima kasih.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Terima kasih YB. Jadi, saya jawab...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Bersangkutan Datuk Wira Pengerusi.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *[Ketawa]*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Supaya jawab sekali sebab sama...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey, okey.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Apa isu utama yang menyebabkan kontrak ini tidak dapat ditandatangani? Apa isu utama dia?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Okay, all right.* Okey, saya mungkin boleh jawab berdasarkan satu soalan, satu soalan ya. Okey, mungkin YB tadi bertanya pertama apa sebab kontrak tidak ada dan YB juga bertanya apa isu utama. Jadi, mungkin berkait. Jadi, saya jawab soalan itu dahulu.

Okey, kalau kita lihat daripada kronologi mungkin daripada gambaran yang saya ceritakan dekat bawah ini. Semenjak tahun 2018, semenjak SST diberikan kepada kami dan kami telah membayar bon pelaksanaan. Memang cadangannya *by* April tahun 2018 akan memeterai kontrak, okey. Satu sebab utama kenapa kontrak tidak dimeterai oleh sebabkan oleh perubahan kerajaan. Itu yang pertama, okey.

Sebab masa itu ada *transition period*. Perubahan kerajaan yang mana selepas kerajaan baharu dibentuk mengatakan bahawa dasar-dasar terdahulu, dasar-dasar pentadbiran dahulu di-*hold* dahulu, ditangguh dahulu dan kemudian akan dilihat kalau ada dia punya *relevancy* untuk *moving forward*. Itu satu sebab utama dia. Sebab utama yang pertama. Kalau katalah contoh pada masa itu kita dapat SST pada tahun 2018 dan kita buat pemurnian kita *sign* kontrak, *insya-Allah* hari ini kita takkan adapun hari ini. Tetapi, disebabkan ada hari itu, hari inilah berlaku. Itu pertama. Itu isu utama.

Sebab kedua, kenapa kontrak tak ada? Okey, adalah kerana pada selepas kita dapat SST pada 2018 terdapat beberapa perubahan kerajaan. Kalau kita lihat pada tahun Februari 2020, kemudian ada Ogos 2023. Kami faham pada masa itu juga ada berlaku COVID-19, 2020, 2021. So, dia banyak yang bertindan ataupun bertindih-tindih pada masa tersebut. Selepas 2020, 2021 barulah ada komitmen dari pihak kerajaan untuk memeterai kontrak. So, maksudnya pada tahun 2022 barulah ada keputusan untuk memeterai kontrak. Bayangkan daripada 2018, 2019, 2020, 2021 kami dipihak syarikat tiap-tiap bulan ataupun tiap-tiap waktu kita akan menghantar surat kepada KDN, apakah hala tuju. Apakah hala tuju, apakah hala tuju. KDN tak pernah menjawab setakatlah sehingga 2022, barulah ada keputusan YB MDN pada masa itu mengatakan untuk memeteraikan kontrak. Selepas 2018 tadi itu.

Jadi, 2022 baru ada keputusan barulah kita ada, baru KDN komited untuk memeteraikan kontrak. Pada masa itulah, baru KDN hantar kepada UKAS mintakan pandangan daripada MOF dan FWCMS ini *business model*-nya adalah *user pay model*.

#### ■1120

*User pay* maksudnya tiada kos kepada kerajaan, satu sen pun tidak ada kos kepada kerajaan. Syarikat diberikan mandat untuk mengutip berdasarkan SST. Dibenarkan untuk mengutip *a certain fee*, satu fi yang dikutip daripada majikan, semasa pembaharuan, semasa PLKS— *issuance of PLKS* baharu dan pembaharuan PLKS. Kalau mengikut SST ya.

Jadi, berdasarkan kepada SST tersebut, yang itulah KDN mengatakan bahawa perlu mendapat pandangan UKAS dan juga MOF. Pada 22 itu jugalah, Jemaah Menteri mengatakan meteraikanlah kontrak tapi pada masa yang sama kita



*renew* juga BMS punya kontrak sebab BMS punya kontrak dah tamat pada 2021. Jadi, secara interim perlu *extend*.

Sehinggalah hari ini, 2023 tak ada selesai pun apa-apa, kita dah buat perbincangan untuk draf kontrak. Sehinggalah hari ini Januari 2024 belum ada apa-apa perbincangan lanjut ataupun kata putuslah daripada pihak KDN ataupun kerajaan untuk memeteraikan kontrak dan kita hanya tinggal beberapa bulan sahaja lagi ini. Tinggal dalam empat bulan, lima bulan saja, yang kami agak ralatlah, kita tidak akan berjaya untuk *sign* kontrak sehingga Mei 2024.

Okey, itu yang saya kata— isu utama saya jawab YB ya? Isu utamanya sebab perubahan kerajaan atau sebab kontrak tak ada. Sebab ada *delay* dalam waktu untuk memeteraikan kontrak. Ada banyak perkara berlaku.

Kemudiannya, soalnya yang macam mana? Meyakinkan syarikat, kenapakah menyebabkan YB bertanya tadi, apakah komitmen ataupun apakah yang menyebabkan yakin untuk syarikat teruskan? Okey, apabila kami telah menandatangani SST dan telah bayar bon pelaksanaan, kami telah berkomited berdasarkan SST untuk melaksanakan FWCMS sepenuhnya. Itu komitmen kami berdasarkan SST. Mungkin di pihak *legal* mengatakan, “*Eh, kenapa kamu ini? Kenapa kamu nak teruskan? Kenapa kamu ini?*” Tapi daripada pihak syarikat kami berkomited berdasarkan SST dan kami sebenarnya wakil syarikat. Saya sebagai wakil syarikat Bestinet, Encik Shukri, Puan Jus. Kami amat yakin bahawa FWCMS adalah hanyalah penyelesaian untuk pengurusan pekerja asing di Malaysia. Itulah semangat kami.

Kami bukan mengatakan hanya— memanglah sebagai satu syarikat kami berkomited untuk memastikan syarikat boleh mampan, tapi pada masa yang sama kami ada misi lain lebih daripada itu iaitu untuk pastikan bahawa negara mendapat satu sistem yang holistik, yang berkelebihan, memberi kelebihan kepada kerajaan. Itu komitmen kami. Itu soalan— mungkin saya jawab soalan YB.

Okey dan soalan yang ketiga, bagaimana kami *survive all this while*. Okey, mungkin persoalan itu.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Itu yang kita nak tahu juga itu.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** So, berdasarkan kepada pungutan RM100 ya, kalau kita lihat daripada itu. Mana pada tahun 2015 sehingga 2021 kita ada kutipan. Hanya pada tahun 2020, 2021, tak ada kutipan.

Okey, macam mana kami *survive* pada tahun itu adalah kami kena buat *rationalisation* seperti biasa bila masa COVID, kami kena *laid off people*, kami kena tutup beberapa cawangan kami sebab kami ada cawangan atau *one stop centre* di Johor, di Penang, di Utara dan juga di Selangor. Kami terpaksa tutup semua *centres*

tadi itu, *one stop centre* itu. Kami tinggalkan hanya satu sahaja Ayer@8 sahaja yang ada sekarang Ayer@8, hanya ada satu sahaja *one stop centre* sebab kami percaya yang *one stop centre* ini masih diperlukan. Walaupun orang semua telah *tech-savvy*, telah faham tapi ada orang masih perlukan *face-to-face*, masih perlu datang dan juga dan dapatkan bantuan.

Okey, kita juga buat *rationalisation* kita kena *laid off people*, kita kena potong gaji. Itulah cara kami *survive* pada masa pandemik. Pada masa yang sama juga kami ambil beberapa *loan*. Kami juga ambil *loan* beberapa yang pada masa ini kami telah *spend* lebih daripada RM600 juta, yang mana kami *spend* pada waktu ini sehingga waktu ini RM600 juta.

Pada masa yang sama juga, kami juga ada buat projek-projek lain. Contoh, kami juga buat projek di luar negara seperti di Maldives, seperti di Arab Saudi tetapi untuk *survive* sahajalah. Bukan kami *stay on our laurels and wait for the money to fall from the sky. We still doing it, other business. So*, seperti contoh pada masa pandemik kami berikan secara CSR kepada Kementerian Kesihatan Malaysia. Kita panggil *Outbreak Management System*, yang mana pada masa itu, masa COVID, semua laporan berkenaan dengan kes-kes COVID berlaku secara manual. Kami buat satu platform, berikan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia secara CSR.

Sehingga hari ini sistem ataupun platform *Outbreak Management System* masih digunakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia tanpa apa-apa kos dan apa-apa bayaran. Kami tak kutip satu sen pun untuk sistem itu. Masih digunakan sehingga sekarang ini. Kos kami berterusan sebab sistem itu kami kena *maintain*. Kami kena ada orang untuk *maintain* dia. Kalau ada apa-apa CR kami kena buat. Kami letak di *data centre*, kami kena bayar sewa. Kami kena bayar elektrik.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Terima kasih, Pengerusi. Terima kasih, tuan kerana memberi penerangan yang bagus dan saya simpatilah kerana banyak yang *investment*. So, telah dilaporkan dalam FWCMS ini. Saya nak tanya tentang berapa kos, jumlah kos dalam pembangunan sistem ini, selama ini, daripada 2005 sampai sekarang? *How much have you invested?*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey, *figure* yang terakhir saya dapat— nanti kalau kata perlukan maklumat lebih lanjut tapi setakat ini kita dah *spend* lebih kurang RM600,000— *sorry*, RM600 juta. RM600 juta, *sorry* bukan ribu ya, RM600 juta. *The figure* itu saya tak tahu tapi total dia ialah RM600 juta.

Okey, salah satu komitmen kami apabila kami ataupun apabila kontrak dimeterai, kerajaan akan dapat sistem ini, kita akan *handover*. Maksudnya kalau *investment* kita RM1 bilion, contohlah ya. Contoh, RM1 bilion, kerajaan akan dapat

satu sistem yang berharga RM1 bilion sebab kita akan serahkan tanpa apa-apa kos, tanpa apa-apa komitmen kepada kerajaan.

So, maknanya kita akan serahkan perkakasan, perisian, aplikasi, semua kita akan serahkan. Setakat ini, apa yang kita punya *investment* RM600 juta itu, kita ada komitmen RM300 juta lagi untuk buat *technology refresh* YB. So, *meaning*, katalah tahun 2024, katakan contoh kita ada kontrak hari ini, 2024 Mei apabila kita telah habis kontrak, kalau tak ada apa-apa sambungan. Kita akan serahkan semua kepada kerajaan dengan harga nilai tadi itu. Nilai tadi itu, katalah kita dah buat *investment* RM600 juta campur RM300 juta untuk *technology refresh*. Sistem tadi kita serahkan dengan harga RM900 juta kepada kerajaan Malaysia.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** So, bolehkah *you breakdown*, apakah RM600 juta dalam kos itu?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Nanti saya *share information*. Saya tak ada maklumat itu sekarang.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, boleh bagi kepada Sekretariat PAC nanti, ia punya *breakdown* perbelanjaan yang telah pun dilakukan oleh syarikat ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey, sebab saya nampak bahawa— okey, satu lagi adalah apabila— tadi Tuan Ismail, kan?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya, saya, betul.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Katakan bahawa kerajaan tidak *sign* disebabkan oleh perubahan kerajaan. Tapi saya nampak *timeline* tidak berapa betul kerana 2015, kelulusan JKPPA-PATI ke-14 untuk pelaksanaan FWCMS sepenuhnya telah disetujui, 2015. Ogos 26, 2015 juga, kelulusan Kabinet untuk pelaksanaan penuh FWCMS. Kenapa masa itu tak *sign* kontrak?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *That's why*, pada masa itu kita— pada 2000 berapa tadi?

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** 2015.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** 2015, pelaksanaan penuh dan mandatori *Bio-Medical* dan eVDR ya? Maksudnya? Masa JKPPA-PATI?

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Tak, sebab kelulusan Kabinet untuk pelaksanaan penuh FWCMS telah dipersetujui dalam Kabinet ya.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Ini bermaksud bahawa kerajaan telah bersetuju untuk...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Ya, tetapi kenapa tidak *sign* masa itu?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *That's why*, yang masa tahun 2018...

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** 2015, itu pada tahun 2015.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey, pada tahun 2015 kita melaksanakan secara *modular*. Maksudnya pada masa itu kita tak laksanakan secara *big bang*. So, kita *start* dengan eVDR, *Bio-Medical* dan e-PLKS pada masa itu.

So, pada masa itu masih lagi *modular*. Masih mengikut modul-modul dan kita tak laksanakan *big bang*. *That is why* pada masa itu kerajaan dan juga syarikat bersetuju bahawa kita hanya *sign* bila kata laksanakan sepenuhnya.

**Seorang Ahli:** Ha?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Pada masa itu audit, bila kita nak laksanakan pada tahun 2015, tahun 2017 ya YB. Masa kita laksanakan tiga modul ini, audit pada masa itu mengatakan disebabkan tak ada kontrak FWCMS, *that is why* ada *separate contract* di bawah modul *Bio-Medical* dan juga eVDR. *That is why* ia ada *separate contract* untuk sampai modul yang lain itu dilaksanakan sepenuhnya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ini yang kata *backdated* tadi?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Yes, betul, daripada tahun 2017 ke *backdated* ke 2015 tapi spesifik *module Bio-Medical*, eVDR dan e-PLKS.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Datuk?

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Apakah *you* punya *source of income*, hanya RM100 itu?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya, yang kami dibenarkan untuk *collect* di luar negara untuk FWCMS.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** So, sepanjang pelaksanaan sampai sekarang berapa— *how much have you collected*?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Kalau ikut kalau *collected* untuk yang eVDR atau *Bio-Medical* ini kurangnya daripada apa yang patut kita *collect* di Malaysia. Maksudnya kalau kata 400,000 setahun pekerja asing yang sampai ke Malaysia. Jadi, 400,000 kali RM100 per tahunlah untuk tahun itu.

■1130

Tapi contoh kata untuk 2020-2021, kita *tak collect* apa-apa pun YB.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Saya tanya sepanjang ini. Berapa *you* sudah *collected*?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey, kalau kata *nak details* dia, nanti saya bagi yang dalam kita punya *audited account*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Maksudnya lebih kurang RM40 juta satu tahun?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** RM40 juta satu tahun. Kalau kata 400,000 *total*, maknanya maksimumlah pekerja asing yang berdaftar di luar – di luar negara.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Saya – saya *nak* tanya ini, sebab saya nampak bahawa sebenarnya untuk membangunkan satu sistem IT, dia sebenarnya tak perlukan sehingga RM600 juta, *right?* So, saya *nak* tanya *you, you* punya koslah di mana itu, RM600 juta itu apakah kos dia di...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *Set up* di stesen di tempat lain, Nepalkah, apa-apakah.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya, betul. Ya, betul.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *Give me – give me the – the list-lah.*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *The breakdown* ya. Nanti, nanti kita akan buat. *Yes.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *Your cost of – your cost of investment-lah.* Ya?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Boleh, boleh. Boleh.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Sebelum menjawab – sebelum dijawab, boleh saya tahu berapa pekerja yang Bestinet ada?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Khasnya yang untuk seksyen untuk *develop* sistem ini. Terima kasih.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey. Untuk – *total* kita ada lebih kurang 310 pada masa ini ya. 310 staf, okey, pelbagai – pelbagai *skill-lah* ya. Tapi, untuk teknologi ya, teknologi maksudnya dari segi teknologi kita ada...

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] 150.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** 150. Shukri punya *division* ada 150. Dari segi *operation* ada 110 ya. Kenapa kita ada *operation?* Sebab kita ada *call centre*, kita ada apa, kita ada macam kita punya *one stop centre*. Orang-orang itu mesti ada. Macam di *airport* tadi kan? Staf saya ada di *airport* juga. Saya perlukan orang-orang juga di situ untuk mengkoordinasi ketibaan pekerja asing tadi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *That means* yang, yang 150 itu sudah termasuk dalam 310 tak?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Termasuk, termasuk. Jadi, kalau kita pecahkan tadi...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Masuk? *As at to date* punya inilah...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *As at to date* is 310.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Maksudnya, sebelum-sebelum ini lagi ramai sebab kata tadi dah tutup...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Dia ada *fluctuated* YB. Kalau, kalau kata contoh macam kita buat pelaksanaan awal, mungkin tak sampai 300. Kita ada sampai lebih kurang 200 macam itu. Tapi, bila kata contoh sebab – sekarang ini kenapa tinggi? Sebab keperluan yang koordinasi di *airport* tadi itu. Saya ada empat syif dekat *airport*, 10 orang pada waktu yang sama. Ya, sebab orang akan datang pada bila-bila masa.

Jadi, saya ada pekerja sama ada kontrak ataupun *permanent-lah*. So, dia akan ada *always* dekat *airport*, pada masa yang sama *call* ya. Sebab *call* kita akan terima daripada pukul 8.00 sehingga pukul 6.00 petang ya, termasuklah *weekend*, kita akan buat. So, *meaning* saya perlukan staf yang *standby* untuk terima *call*.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, Wangsa Maju dan Kapar. Kubang Pasu.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Datuk Wira Pengerusi...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] *Off, off* dulu *mic*.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, terima kasih. Soalan saya nak *put on record* saja, boleh tak kongsi kepada PAC, *directors of this company*. Sungguhpun kita boleh dapat daripada *online*. Tapi, *to just put on record*, ya. Siapa *director* syarikat ini, *shareholders, paid-up capital this company*?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Boleh. Kita boleh *share*-kan SSM-lah.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Boleh – boleh maklumkan supaya *it's recorded* dalam kita punya prosiding ini?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Boleh. Nak saya maklum – okey, jadi apa saya nak maklumkan di mana?

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Sekarang.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sekarang. Kalau ada maklumat itu sekarang, boleh bagi.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey. Nanti Datuk kami akan serahkan. Kita ada maklumat itu.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *Because, it's good...*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Nanti jawab ya. Sebab YB nak rekod dalam...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey. Boleh, boleh.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Prosiding.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Prosiding.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Nak kena – *book*, ambil itu.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** YB Kapar.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Okey.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey, sekejap. Soalan – soalan berikutnya. Soalan berikutnya. Saya cuma nak faham apa *flowchart* yang ditunjukkan tadi. Maknanya contohnya kalau misalnya, yang *flowchart* nombor tiga itu hanya Bangladesh pakai; *flowchart* yang nombor empat itu, Bangladesh, Philippines dan Indonesia saja pakai. Adakah itu membawa maksud contohnya proses ini semua pekerja asing perlu melalui proses ini? Cuma perbezaan dia adalah beberapa pekerja daripada negara yang tertentu, dia perlu lalui proses ini tetapi tidak *online*? Maknanya manual. Tapi dari segi proses itu, semua pekerja perlu melalui proses ini?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Betul YB. So, saya jawab, saya *clarify* soalan, jawapan kepada itu ya. Semua pekerja asing daripada 12 negara sumber, perlu melalui sistem ini.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Proses itu?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Melalui proses ini, mereka perlu lalui sistem FWCMS. Itu – itu *the principle* ya. 12 negara sumber, termasuk Bangladesh, termasuk Philippines, termasuk Indonesia dan semua negara perlu melalui FWCMS.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Proses itu.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Melalui semua proses. Okey. Tetapi secara spesifik; secara spesifik, proses nombor tiga dan nombor empat hanya berlaku untuk Indonesia – *sorry*, untuk Bangladesh. *Sorry* ya. Berdasarkan MOU. Proses nombor empat, berlaku di Bangladesh, Indonesia, Philippines. Okey. Tetapi, satu, dua, lima, enam, lapan, 10, 12, semua modul-modul, 13, 15, semua negara sumber. Termasuk Bangladesh, Indonesia, Philippines.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Maknanya, semua pekerja...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Semua.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** ...perlu melalui proses. Cuma, sistemnya, modul, beberapa modul tidak dilaksanakan di beberapa negara.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya, betul. Untuk nombor empat saja, modul yang eRecruitment itu; hanya di Bangladesh, Philippines dan Indonesia sahaja.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Philippines dan Indonesia sahaja. Soalan saya berikutnya, kenapa kita hadkan kepada 12 negara ini saja?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Memang itulah negara – kita ada 15 negara sumber, YB. Yang negara sumber yang seperti contoh Kazakhstan, Uzbekistan, Kyrgyzstan...

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Walaupun diiktiraf sebagai negara sumber, tidak ada pekerja asing dari situ.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *That means* negara sumber ini ditentukan oleh kerajaanlah?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Kerajaan Malaysia.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *That means* kerajaan buat keputusan itu dan *your company*...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Yes, betul YB.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *Move* – okey. Pekerja asing yang masuk dekat sini adalah semua peringkat pekerja ataupun peringkat pekerja tertentu sahaja?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Untuk pekerja asing yang untuk mendapat Pas Lawatan Kerja Sementara saja YB. Maksudnya, *blue-collar workers* sahaja.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Baik. *Blue-collar workers* saja ya?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Yang gaji minimumnya adalah RM1,500.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Minimum RM1,500 tetapi tidak terhad.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya, betul.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Tapi, *blue-collar* sajalah?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Blue-collar* saja. Yang untuk yang 3D itu YB.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey, *all right, all right. Nak, nak put on record*. Okey, cukup setakat itu. Terima kasih.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Okey, terima kasih. Saya nak kenal Bestinet inilah. Syarikat ini kan. Macam mana *you exist? You exist just because nak* buat yang ini, ini...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Sistem...



**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *Foreign Workers Centralized Management System.*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *Or you have existed, dah buat benda lain and then tiba-tiba you got this idea dan juga saya nak tengok yang piala-piala inilah kan, persijilan antarabangsa ini kan...*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya, YB. Ya, YB.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Okey, yang ini, ini semua, semua piala-piala ini *is that because of your related to FWCMS* sahaja...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya, ya...

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *Or ada benda-benda lain, berkaitan dengan benda lain?*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Related* ke FWCMS.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Okey. Berapa *beneficiaries* ataupun *your users benefitting from your FWCMS* ini?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Setakat ini. Kalau *you* tengok ini, saya tengok ini dia juga kan, ini kata melaksanakan *human-centric technology*...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Sejak penubuhannya pada 2008. *Is that your core business?*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya, betul.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *Is that what you, apa ini, you propose* pada kerajaan...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Our vision.*

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *That is the best solution* supaya tak ada orang tipu, tak ada orang apa benda semua-semua itu.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Betul, betul.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *Is that your – ini?* Okey.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey, okey.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Okey, terima kasih. Setakat ini.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Terima kasih, terima kasih YB. Okey. So, pada tahun 2008, syarikat ditubuhkan spesifik untuk membangunkan, untuk menjadikan idea tadi, konsep tadi sebagai *fruitful*. Maknanya satu *fruition*, ya.

Jadi, pengasas-pengasas syarikat seperti mana yang diberitahu tadi itu, Datuk Tengku Omar dan beberapa individu telah mendapatkan idea ya. Sebab kita

tahu pada masa itu, sistem – macam saya beritahu tadi, sebelum FWCMS, ia *complex*. Banyak agensi ataupun banyak pihak berkepentingan.

Berlaku di negara sumber, berlaku di Malaysia. Jadi, melihat daripada permasalahan tersebut, konsep itu diterbitkan dan syarikat IT ditubuhkan. Okey, so syarikat IT ditubuhkan itu sebagai *enabler*-lah ya. Sebagai *enabler* daripada idea dan konsep tadi itu yang mana kami inilah orang-orang IT ya.

So, orang-orang IT yang menjadikan sesuatu yang konsep dan idea itu sebagai satu yang menjadi apa pelaksanaan sekarang ini ya dan kami – sebab kami dah lama dengan syarikat dan kami tahu juga apakah masalah-masalah yang berlakulah ya daripada kami membangunkan sistem. Okey.

Contoh yang kata tadi, anugerah-anugerah ataupun persijilan yang kita terima itu memang berdasarkan kepada pelaksanaan FWCMS. Memang fokus kami hanyalah FWCMS, ya. Fokus kami FWCMS sebab kita nak memberikan yang terbaik kepada semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan Malaysia ya. *That's why* kalau YB dan ahli jawatankuasa lihat dan juga mungkin bertanya kepada sektor-sektor *private*-lah ya.

Contoh, agensi pekerjaan swasta. Tanya kepada majikan-majikan yang menggunakan FWCMS. Bagaimana servis yang kami berikan kepada dia? Bukan dari segi sistem sahaja. Kita sediakan macam saya kata tadi, kita ada *call centre*, kita ada *one stop centre*, kita ada *technical support*, kita juga buat sokongan dan penyelenggaraan untuk negara sumber. So, itu komitmen kami. Sebab kami tahu, satu sistem itu bukan pembinaannya holistik, *service*-nya juga mesti holistik supaya memberikan yang – kepuasan kepada semua. Okey. Anugerah-anugerah ataupun sijil yang kita terima itu hasil daripada apa yang kami laksanakan FWCMS, YB ya.

#### ■1140

So, mungkin soalan yang terakhir tadi, YB? Saya lupa apa tadi. Apa?

**Seorang Ahli:** *Beneficiaries*.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Beneficiaries* dia pengguna-penggunalah. Contoh saya kata tadi, daripada pihak kerajaan, agensi kawal selia, KDN, KSM, JTKSM, Jabatan Imigresen Malaysia, majikan, agensi pekerjaan swasta, individu. Maksudnya kalau YB ada *maid*, *is also* individu yang sebagai majikan. Juga kepada pekerja asing itu sendiri. Contoh, macam modul eWages, perlu dilaksanakan. Sebab, macam mana kita nak pastikan gaji dibayar? Modul eComplaints ataupun *Working for Workers*, mesti dilaksanakan sebab dia dah ada sekarang ini satu mekanisme untuk buat laporan kalau ada apa-apa kes aduan.

Jadi, kalau kami hanya memikirkan— kalau tidak memikirkan holistik, tidak akan dapat *value*-nya, YB. Contoh ya, saya bagi contoh perbandingan sajalah, YB. FWCMS dengan MyEG PLKS *renewal*. Contoh ya. MyEG PLKS *renewal*, dia bual

PLKS *renewal*, dia hanya tahu pasal PLKS *renewal* sahaja. Dia tak tahu berapa pekerja asing masuk, berapa dapat kuota, berapa yang dah dilulus kesihatan, berapa— dia hanya tahu, pada masa itu, itu sahaja. Tapi, dengan adanya platform holistik seperti ini, kerajaan dapat kelebihan. So, kerajaan bila kita serahkan kepada kerajaan, kerajaan dapat kelebihan. Banyak kelebihan dia.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Nak tanya Tuan Ismail ya. Okey, sistem ini dikemukakan oleh Bestinet kepada kementerian...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Dalam Negeri

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Kementerian Dalam Negeri. Lepas itu baru di— macam mana Kementerian Sumber Manusia boleh apa?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Sebabnya, Kementerian Sumber Manusia menggunakan modul-modul yang sebelah kiri itu, YB... [*Merujuk pada paparan di skrin*] Yang nombor satu, macam contoh, eQuota. Sebelum ini memang KDN yang meluluskan kuota. Tapi, selepas pertukaran kerajaan pada tahun 2022, tak salah saya, perubahan dasar mengatakan bahawa Kementerian Sumber Manusia bertanggungjawab ke atas kuota, kelulusan kuota. Sebab, ada seksyen 60K Akta Kerja 1955, seksyen 60K mengatakan bahawa majikan perlu dapat kelulusan KP JTKSM dulu. Jadi, *that's why* Kementerian Sumber Manusia ambil alih kelulusan kuota.

So, bila dia ambil alih, maksudnya betullah, dia sebagai perburuhan. Sebab, pada masa yang sama, Kementerian Sumber Manusia juga bertanggungjawab dengan negara-negara sumber berdasarkan— untuk MOU, *memorandum of understanding*. Seperti contoh, dengan Bangladesh. Berapakah *recruitment cost*, sistem nak pakai apa, apakah dia punya ejen-ejen mana nak pakai, semua itu di bawah MOU. So, tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia untuk melaksanakan MOU itu tadi.

So, KDN hanya dari segi keselamatan sahaja. Contoh, untuk keluarkan VDR tadi, untuk keluarkan visa sahaja lagi, untuk keluarkan PLKS sahaja. Tapi, kalau kita lihat secara holistik, ia adalah penglibatan KSM dan KDN. Tak boleh satu sahaja. Kalau tidak satu, satu tangan putus. Tangan kiri tak dapat buat apa. Sebab, dari segi perburuhan, menjadikan kenapa kita jadi *tier* tiga kepada *tier* dua, disebabkan kita mematuhi syarat-syarat. Contoh, pembayaran gaji. Contoh, ILO *force* pembayaran gaji. *Withholding of the document*. Kita tak boleh *withhold* tapi tanggungjawab itu adalah di bawah tanggungjawab KSM, bukan KDN. *That's why* FWCMS ini untuk KSM, penglibatan KSM termasuk juga, sebab ada elemen-elemen perburuhan.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Tuan Ismail tahu tak ada lagi satu sistem di mana *migrant workers is being processed* untuk masuk ke dalam negara oleh Kerajaan Malaysia?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** MyIMMs?

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Apa dia? ePPAx.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** ePPAx. Okey. ePPAx, YB.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Okey. Ya.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey. Itu saya tak boleh nak komen ePPAx, YB.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** So, maknanya ada juga pekerja asing yang masuk dalam Malaysia tapi tidak menggunakan FWCMS?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Tak, tidak ada. ePPAx hanyalah digunakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia sahaja. Dia tidak diguna pakai oleh Imigresen. So, JTKSM menggunakan ePPAx sebagai sistem dalaman dia. So, dia punya tugas-tugas dia hanyalah untuk perburuhan. Dia tidak ada dari segi elemen-elemen keselamatan. Kalau FWCMS, sebagai perbandingan, kita ada elemen keselamatan. Sebab, untuk majikan *submit VDR*, tidak melalui ePPAx. Dia *submit VDR* melalui FWCMS. ePPAx tak ada *Bio-Medical* di luar negara. ePPAx hanya dilaksanakan di Malaysia. Tidak di luar negara. Itu perbandingan. Jadi kalau kita lihat ePPAx, dia tak ada elemen holistik. Dia hanya elemen Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** So, balik kepada *beneficiaries* yang saya tanya tadi. *How many percent* pekerja asing yang masuk ke dalam negara ini bekerja yang diproses oleh FWCMS dan yang ePPAx itu tadi?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey. Semenjak tahun 2022, kerajaan telah membuat dasar semua permohonan daripada permohonan *FWe Approval*, kalau YB lihat daripada proses ini, daripada permohonan nombor satu, dua, tiga, empat, lima, enam, semuanya di bawah FWCMS. Tidak ada melalui ePPAx. Kalau kita lihat daripada keputusan Kabinet pada masa itu, semasa pembukaan sempadan.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Pengerusi

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Meaning*, satu, dua, tiga, bermula tahun 2022, semuanya melalui FWCMS. Sebelum ini, sebelum itu, ada macam contoh pada pra tahun 2018 ataupun awal tahun 2018, permohonan kuota semuanya melalui secara manual di KDN. Tak ada sistem pada masa itu. Kita dah ada. Lepas itu, kita ada perjanjian MOU pada tahun 2017 dengan Bangladesh penggunaan modul eQuota. Pada masa itu masih KDN pakai tapi spesifik untuk

Bangladesh. Negara lain, manual. Tapi, tahun 2022, permohonan semua negara sumber melalui FWCMS. Daripada permohonan mendapatkan KP *approval* sehinggalah ke pekerja itu masuk ke Malaysia, semuanya FWCMS.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey, Pengerusi, boleh saya tanya soalan ya? Terima kasih, Pengerusi. Jadi, Encik Ismail, apabila maklum balas kepada soalan pertama saya iaitu pada 2005, siapa pengerusi lembaga pengarah syarikat dan jawapannya adalah Datuk Tengku Omar Tengku Bot, kan?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Tapi, di sini saya ingin tahu, saya nak *confirm* sajalah, syarikat ditubuhkan bila ya?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** 2008

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Tapi, konsep ada lebih dahulu?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya, betul.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, sebenarnya, pada tahun 2005, Bestinet belum ada lagi?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Bestinet belum ada. Bestinet— itu yang saya kata, konsep sosialisasi telah dicadangkan kepada kerajaan semenjak tahun 2005. Bila kerajaan setuju, baru ditubuhkan syarikat.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, siapa yang bawa cadangan ketika itu?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Yang itu yang kata tadi itu, individu seperti Datuk Tengku Omar Tengku Bot yang mana dia menjadi pengarah syarikat dan... *[Disampuk]* So, pengarah-pengarah pada masa itu ya. Saya terus sebut...

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Mereka pengarah syarikat mana? Atau atas kapasiti individu?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Atas kapasiti perkumpulan yang mengeluarkan konsep kepada KDN. Adalah orang-orang dia lain tapi saya sebutkan individu ini sahaja. Pada masa itu, Tan Sri Datuk Tengku Omar, Tan Sri Haji Azmi Khalid termasuklah. Pada masa itu konsep ya.

Tapi bila 2008, kalau contoh, kerajaan bersetuju— katalah, contoh, konsep tidak dipersetujui oleh kerajaan pada tahun 2005. Pra 2008, pasti syarikat tak ada. Okey. Tapi, konsep diterima, 2008 diterima, barulah ada proses *execution*. Bila *execution* itulah barulah ditubuhkan syarikat untuk ambil orang IT bekerja untuk membangunkan sistem.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, boleh bagi senarai lagi siapa yang hasilkan idea untuk ada sistem ini pada tahun 2005?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey, saya boleh sebutkan nama pengarah ya pada tahun 2005. Tan Sri Azmi bin Khalid.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kejap. Kena cakap betul-betul sebab 2005 belum ada *company*.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Belum ada syarikat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *So, group of people* itu. Kena bezakan. Bukan pengarahlah ya.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Tak ada. Yang itu saya tak tahulah sebab itu sebelum *time*. Tapi 2008 masa syarikat itu ditubuhkan, inilah orang-orang yang ada lah.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** 2008, siapa yang sudah ada dalam syarikat?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Sebagai pengarah ya. Tan Sri Azmi bin Khalid, Datuk Tengku Omar bin Tengku Bot, Aminul Islam bin Abdul Nor, Radhakrishnan a/l Vellasamy. Pada masa itu.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, pada 2005, siapa yang bawa idea ini ke Kementerian Dalam Negeri?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Saya tak tahu. Itu saya tak boleh jawab, YB, sebab waktu itu saya tidak tahu lagi siapa. Tapi, saya boleh beritahu fakta berdasarkan 2008 punya SSM *form*, yang ini empat orang. Jadi, saya *assume* empat orang sajalah.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey. Terima kasih.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Walaikumussalam*.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi. Saya nak bertanya Encik Ismail *and the team* beberapa persoalan untuk mendapatkan pencerahan. Maknanya kita tanya soalan ini bukan kita nak tanya fasal saja nak tanyalah. Kita nak pastikan kita betul-betul faham—Jawatankuasa PAC ini—tentang isu yang berhadapan dengan kita.

Pertamanya, saya nak tanya soalan mengenai perbelanjaan RM600 juta campur RM300 juta lagi *for technology refresh*. Jadi, RM900 juta.

#### ■1150

Itu satu jumlah wang yang banyak lah ya. Pertamanya, dari mana wang ini diperolehi? Pinjaman kah ataupun apa-apa kaedah lain? Seterusnya, mengenai kewangan juga. Berapa *income* pendapatan setahun syarikat ini yang dapat dikutip dari dalam dan luar negara? Seperti mana yang dimaklumkan tadi, maksimum yang boleh dapat, RM40 juta. Kalau maksimum 400,000 pekerja dengan caj RM100

seorang. Keduanya, daripada penerangan Encik Ismail tadi, setakat ini Bestinet dapat pendapatan daripada kerajaan.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Tidak ada.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku [Ahli PAC]:** Tapi daripada modul-modul tertentu sahaja.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Tidak ada.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku [Ahli PAC]:** Bukan keseluruhan. Betul?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Tidak ada daripada kerajaan.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku [Ahli PAC]:** Tidak ada langsung? Semua daripada *private*?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Kita buat sebagai *userpay*. Maksudnya, daripada pengguna.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku [Ahli PAC]:** *So, direct from* pengguna, tak ada daripada kerajaan langsung?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Tidak ada daripada kerajaan langsung.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku [Ahli PAC]:** Okey, itu *very clear*. Kemudiannya sebab itu saya nak tanya tadi, duit mari mana itu? Macam mana nak bayar? *Then, you have to pay a lot of interest and all that, how to get the income.*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Betul YB. Kita ada buat *loan* semua.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku [Ahli PAC]:** Ketiganya, dicadangkan tadi keseluruhan 16 modul kan, yang belum lagi di-*sign*. Tapi kata yang tak digunakan ialah tiga modul. Bunyinya macam pelaksanaan sudah pun ada. Tetapi tiga modul ini tidak digunakan. Boleh bagi pencerahan? Seterusnya, Encik Ismail sebut *you* punya kos RM600,000 untuk bangunkan sistem ini...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** RM600 juta, YB.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku [Ahli PAC]:** RM600 juta ya, *sorry*. *You* main juta-juta. *Mai* tadi kata RM600,000.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Saya pun tersilap tadi, YB. *[Ketawa]* Tak biasa sebut juta.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku [Ahli PAC]:** Kalau RM600 ribu ini kita tak terkejut. Kita terkejut bila RM600 juta. RM6 juta tak terkejut sangat lah tapi RM600 juta ini amat terkejutlah. Boleh bagi pencerahan? Jadi, jika diluluskan oleh kerajaan LWCMS ini, tak tahu lah bila, 2024 *insya-Allah*. Berapakah *your projected income* daripada sistem ini, daripada pihak kerajaan dan seterusnya? Saya nak

tanya sedikit, ini luar daripada perbincangan kita. Baru-baru ini kita dapat banyak berita-berita tentang pekerja asing datang negara kita. Tapi *mai-mai*, dia *takdak* kerja. *Takdak* syarikat ambil. Tolong beri pencerahan. Kita pun tak berapa nak faham macam mana perkara ini boleh berlaku.

Bagaimana kita nak pastikan keputusan *medical check-up* yang dibuat di luar negara? *How reliable they are?* Sebab kita tahu bila dia datang sini, *depa* ini macam-macam penyakit ada. Jadi, dia berjangkit kepada rakyat Malaysia. Ini satu perkara yang amat serius. Bagaimana ini boleh berlaku? Saya ingat setakat itu sahaja, Encik Ismail. Terima kasih banyak. Terima kasih Datuk Wira Pengerusi.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Terima kasih. Saya pergi satu per satu. Kalau saya salah, mungkin YB bagi pembedahan soalan tadi, ya. Kefahaman saya. Mulanya YB bertanya berkenaan dengan perbelanjaan RM600 juta campur RM300 juta *technology refresh*. Daripada mana wang diperolehi? Nanti bila kata saya berikan *statement of account*, nampak tadi YB pun ada mintak tadi *breakdown* kan? *Breakdown of the expenses* tadi. Kalau kata contoh kita berdasarkan kepada *income*. Kalau kata RM100, 40 juta memang tak cukup, YB. Untuk *maintain* staf sahaja lebih kurang RM40 juta. Staf dan juga *expenses* lain. *Definitely* kita ada ambil *loan*, kita ada *individual investors*. Kami ada komitmen. Komitmen kerana kami kena bayar dividen *and what not*. Nanti dalam *statement of account* itu nanti YB akan nampak.

Ketiga, modul yang tidak digunakan itu, YB ya. Saya beritahu, modul-modul itu semuanya telah sedia untuk dilaksanakan. Semua modul telah dipakai— *sorry*. 12 modul telah diguna pakai semenjak tahun 2018, kalau kita melihat daripada tempoh SST sehingga hari ini. Tiga modul sedia untuk diguna pakai tapi tidak dilaksanakan kerana satu contoh, macam *online payment*, Jabatan Imigresen (JIM) mengatakan bayaran semua di sistem JIM. Tak perlu ada *online payment*. Contoh, kalau kata keduanya tadi untuk ePLKS. Kenapa dia kata tak perlu, JIM kata tak perlu laksanakan sebab kita dah ada MyEG. *So*, dia kata saya tak nak konflik, MyEG kata mesti melalui MyEG.

Ketiganya, eWages, YB. eWages kena ada perubahan dasar daripada kerajaan. Jadi, kalau kata lihat daripada syarikat, kalau kerajaan kata okey, esok laksanakan, kami akan sedia laksanakan. Tanpa apa-apa kos kepada kerajaan, YB. Okey, kalau kata contoh soalan YB kata tadi, jika katalah kontrak dimeterailah tahun 2024, yang mana saya *doubt* sangat YB, sekarang tinggal beberapa bulan untuk kita memuktamadkan, pun belum selesai juga. Contohnya, kita laksanakan dan kita laksanakan itu semenjak tahun 2018. Kami dibenarkan ataupun kerajaan memberikan mandat kepada kami untuk mengutip fi sebanyak RM100 berdasarkan kelulusan PLKS baru dan pembaharuan, YB.



Okey. Bayangkanlah kata contoh YB, saya bagikan kata contoh untuk bagi bayangan. Katalah kontrak kita *sign* kata 2024, kita akan dapat *variation order*. *Variation order* daripada kerajaan. Sebab katalah contoh, kita tak ada *collect* apa-apa. Semenjak 2018 sehingga 2024, tidak ada *collect* satu sen pun. Hanya kami dibenarkan untuk *collect* di luar negara. Kami dah *spent* berapa amaun. Katalah contoh 2024 masih tidak ada *sign* kontrak, kami tidak akan bergerak ke manalah.

Okey, katalah contoh kerajaan kata memang dia perlukan sistem sebab sistem MyIMM dah lama, NIS belum siap dan kerajaan tak ada cara lain, nak kena balik ke manual. Saya sangat-sangat tidak bersetuju. Kami dari pihak syarikat sebab kami faham berkenaan masalah-masalah itu. Kami tidak bersetuju jika kerajaan balik ke manual. Sebab kita ke era *digitalisation*, takkan kita nak balik ke manual? Betul tak?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tapi sebab pegawai pengawal kementerian sendiri kata tak ada masalah pun untuk balik kepada manual yang ini. Jadi, saya nak tanya, apakah kesan— mintak maaf ya, Saratok. Apakah kesan sekiranya tak guna dah lagi sistem ini dan kementerian berbalik semula kepada...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Manual.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Menurut pandangan *you all* yang membangunkan sistem ini. Apa yang akan berlaku? Boleh tak jelaskan?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey. Boleh YB Pengerusi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** PAC telah dengar maklum balas daripada kementerian, kata balik kepada manual dan tak ada masalah.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey, terima kasih YB Pengerusi. Mungkin saya jawab dulu yang berkenaan dengan *projected income* tadi, YB. *Projected income* itu katalah- kami berdoa banyak-banyak sangat, katalah kerajaan benarkan kami buat *variation order*. 2024 *variation order on the terms of schedule* untuk penambahan tempoh perjanjian. Katalah ya. Kerajaan benarkan kami untuk melaksanakan FWCMS sepanjang lima tahun yang akan datang. 2024 katalah 2029 ke 2030. Pengiraan kami adalah berdasarkan PLKS baru dan pembaharuan PLKS setiap tahun. So maknanya, kalau katalah contoh setiap tahun pembaharuan PLKS adalah RM1.8 juta, RM2 juta contoh ya, pekerja asing di Malaysia dan kami dibenarkan untuk kutip fi RM100 untuk pelaksanaan selama lima tahun itu ya.

Kutipan fi itu adalah satu pekerja setiap tahun. Maksudnya, majikan hanya bayar—kalau saya ada pekerja asing satu orang, saya bayar RM100 untuk tahun itu. Untuk gunakan modul ini 100 kali, 1,000 kali, sejuta kali, tak ada kos pada mereka. Maksudnya, tak ada kos setiap modul. Saya tak caj *based on transaction*. Saya tak caj *based on module*. Saya caj *based on* satu pekerja, satu tahun. Kalau lebih banyak pekerja, *you* bayar lah lebih. Tapi satu tahun, satu pekerja. Jadi, kalau kata saya ada satu orang pekerja, untuk lima tahun saya hanya bayar RM500 untuk memohon kuota saya dapat RM1,000, saya buat VDR sampai 30 kali setahun, 60 kali setahun, 90 kali setahun. Tak ada masalah. Sebab kita tak caj *based on transaction*.

So, kalau kita buat *projected income*, katalah contoh RM1.8 hingga RM2 juta, itu sahaja lah *income* kami setiap tahun untuk *maintain*, untuk memberikan komitmen kami setiap tahun. Kalau ada *variation order* lah. *Going forward*. Okey.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Perkara ini telah dicadangkan kepada kementerian?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Kita masih dalam perbincangan, YB.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku [Ahli PAC]:** *Variation order* ini, kenapa kementerian kena bayar pula? Kalau mereka tak bayar, macam mana?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Kementerian tak payah bayar. Kita yang *collect* nanti, YB. *Meaning*, kerajaan kena hanya benarkan kami untuk buat penambahan tempoh sahaja.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku [Ahli PAC]:** Benar buat *collection*. Kalau tak benar?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya?

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku [Ahli PAC]:** Kalau kerajaan tak benarkan?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Kita akan tak ada persetujuan lah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Untuk *clarification*, tadi cadangan untuk caj setiap pekerja RM100 setiap tahun, cadangan ini telah dicadangkan...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Dalam SST. Telah dinyatakan dalam SST.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Dalam SST?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** SST.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Itu SST 2018.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** 2018.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Itu sebab- mungkin itu sebab lah kerajaan tidak setuju dengan...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Tidak ada masalah, YB. Sebab kalau kata ikut Jemaah Menteri punya keputusan untuk terus memeterai.

■1200

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Jadi *that mean, you are very confident* lah *you* akan dapat *view* ini?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Kita bergantung kepada keputusan kerajaan, YB. Kami sebagai syarikat, kami mencadangkan...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Tetapi kalau *you* tak dapat kebenaran pun, *you* akan teruskan macam biasa juga. Cuma, *your income lower*-lah *kut*.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Kalau kata— kerajaan kata, contoh ya YB. Kerajaan kena buat keputusan, kena *mutual understanding*. Okey. *Morally right* okey, bila untuk nak menjawab soalan YB Pengerusi nanti fasal berkenaan dengan kata pergi balik ke manual, sebab kami memang tidak bersetuju jika kerajaan balik kepada manual.

Contoh kenapa. *Medical* ya dan akan berlakulah *medical report* yang tipu. Pekerja tak pergi *medical*. *Medical report* dijana di Malaysia. *Then*, kata *insurance policy* ditipu. Kemudian, contoh katalah ejen mengambil— katalah contoh, ejen menipu daripada segi kuota, ya. Banyak perkara yang— ataupun kecurian identiti apabila masuk ke Malaysia. Pekerja asing yang pergi ke *medical* orang lain, datang Malaysia orang lain. Selepas itu, datang Malaysia bawa penyakit ya. Contoh, sebelum ini sebelum FWCMS, dua hingga tiga *percent* kegagalan di FOMEMA disebabkan oleh penyakit pada tahun pertama. Sekarang, kita boleh capai 0.1 *percent* kegagalan di Malaysia. Masih akan ada gagal. Tak mungkin ada 0.000001 *percent* sebab dia ada *window period*, ya.

Sebab, contoh lagi pada masa ini sekarang, semasa saya mendaftar pekerja asing itu, dengan keadaan ekonomi sekarang ini, pekerja asing itu hanya dibawa masuk bila *last minute* sahaja. Bila kata kuota— *that's why* sekarang ini, pada waktu ini, kuota yang telah diluluskan pada pelan kelonggaran hari itu, hanya akan tamat pada bulan Oktober 2024. Pada masa inilah, majikan-majikan yang dapat kuota, yang dah bayar levi dan sebenarnya tak nak pekerja pun, semua sibuk nak bawa masuk pekerja sebab dia dah bayar levi. *That's why* bila berlaku sekarang. Berlaku sekarang sebenarnya kerja tak ada tetapi sebab dia dah bayar levi, dia kena bawa masuk. Bila dia nak bawa masuk, bila kerja tak ada, *that's why* yang kadang-kadang yang ada masuk, kerja tak ada, gaji tak dibayar ataupun diabaikan sebab semasa— saya menjawab soalan yang kata berkenaan yang kenapa tak ada kerja sekarang ini, YB.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Jumlah-jumlah tadi. *Your projected income.*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Projected income*, katalah contoh 1.82 juta kali RM100, yang itu dibenarkan.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Oh, itu saja? 180 million-lah? 180 juta, so okeylah.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Yalah sebab kita punya kos pun dah nak sampai RM600,000 – eh, RM600 juta yang kita dah *spent*.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Tak apa.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Going forward*, kita kena ada *something to recoup*.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Boleh bayarlah. Boleh bayar.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Saya nak...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *Your expenses* RM40 juta lah. *[Ketawa]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sekejap, Dato'...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *[Ketawa]* Saya boleh *calculate* itu. *[Ketawa]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Datuk Ali, Saratok dulu.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Alhamdulillah.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey? Bayan Baru, selepas itu baru Shah Alam.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Itu pun ada meniaga *ayaq* dulu, kan?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saratok, Bayan Baru, Shah Alam.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Ini saya nak tanya yang tadi itu. Yang pekerja asing masuk tetapi tak ada kerja. *Last* sekali. *[Ketawa]*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey, okey. Saya sebenarnya nak jawab ke arah itu.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Tadi, soalan YB Pengerusi tadi yang saya jawab tadi ya. Kalau kata balik manual, kami memang tak

bersetuju dan bukan kata dari segi syarikat sahaja tapi sebagai individu. Sebab kami faham masalah-masalah yang berlaku.

Kami— macam saya sendiri pernah pergi ke Bangladesh. Saya pernah pergi ke mana-mana negara, saya tahu bagaimana proses berlaku di sana dan apa yang akan berlaku kalau tak berlaku di sini ataupun akan terjadinya impaknya dekat sini. Saya tahu, okey. Jadi, bila kata balik manual, bayangkan *medical report* manual keluar, pakai *Microsoft Word*, jana dekat Malaysia. Siapa nak pastikan dia betul? Imigresen kalau terima manual, dia nak *check* dekat mana? Dia nak *check* dekat mana?

**Puan Jusmawar Hasni binti Jamaluddin [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Tetapi, *you* tak jawab soalan saya tadi yang baru-baru ini masuk. Kes besar ini...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey, okey. Saya nak pergi ke seterusnya, saya masih menjawab soalan YB Pengerusi. So, saya pergi kepada yang tak ada kerja tadi itu, ya. So, pada tahun 2022 ya— untuk kelonggaran?

**Encik Muhammad Shukri bin Abdul Mutalib [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Untuk kelonggaran, 2023.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Kelonggaran— okey, okey. Melalui— pada tahun 2023, disebabkan ekonomi nak buka dan kerajaan— desakan daripada industri berkenaan dengan keperluan tenaga kerja. Okey dan pada tahun 2023, kerajaan telah melancarkan satu dipanggil pelan kelonggaran, ya YB.

So, pelan kelonggaran itu berlaku— dalam tempoh berapa bulan? Tiga bulan saja? Tiga bulan, ya. So, apabila pelan kelonggaran itu berlaku, kelulusan mesti diberikan dalam tiga hari. Bayangkan, dulu kelulusan untuk dapatkan kuota ambil masa satu hingga tiga bulan. Daripada satu hingga tiga bulan, dapat kelulusan dalam tiga hari ya. So, apakah proses yang berlaku masa pelan kelonggaran? Majikan *submit* secara *online* ke eQuota melalui *FWe Approval* dan eQuota. Tidak ada proses— satu tidak ada proses *interview*, YB. Tidak ada proses temu duga. Keduanya, tidak ada proses PERKESO. Tidak ada proses JTKSM, okey dan tidak ada proses AKS (Agensi Kawal Selia).

Okey. Jadi, apabila dimohon— contoh ya. Kalau biasanya majikan mohon, dia kata dia nak 10 sebab dia ada proses *interview*, ada proses Agensi Kawal Selia dan bila dia dah ada proses itu, Agensi Kawal Selia selalunya mengesyorkan kurang daripada jumlah yang dimohon. Contoh saya mohon 10, selalunya dia kata lapan. Takkan dapat 10 selalunya tetapi di bawah pelan kelonggaran, sebab kelulusan perlu

diberikan dalam tiga hari. Saya mohon 100, saya dapat 100. Saya mohon 1,000, saya dapat 1,000. Okey.

So, semuanya berlaku *online*, ya melalui FWCMS dan apabila kelulusan diberikan, majikan terkejut. Majikan terkejut, dia minta 100— kalau dulu, saya minta 100, saya dapat 50. Sekarang ini, saya dapat 100. Jadi, ada berlaku beberapa kes yang mana majikan nak bayar separuh, tak nak 100. So, keputusan mesti kalau *you* dapat 100, *you* mesti bayar 100 levi, ya. Dia tak ada *half-half*. Okey. So, mereka bayar 100. Sebenarnya, keperluan dia 50 saja, YB tetapi dia dapat 100 ini. Tapi yang 100 ini dia dah bayar— dia perlu bayar sebab dia tak boleh bayar separuh yang dia nak itu. So, dia bayarlah 100.

So, jadi bila dia bayar 100, *that's why* yang masuk ini kebanyakannya tak ada kerja. Itu satu ya sebabnya. Jadi, maksudnya ada *imbalance* daripada *demand and also actual*. *Actual* mungkin nak 10 tetapi yang dia luluskan 100. So, maknanya yang dia punya kelulusan itu lebihlah. Masuk *demand*-nya hanya 10 saja. Dia ada dapat kelebihan. Okey, *that's one*.

*Second* perkara berlaku YB, ya adalah banyak penipuan dari segi dokumen. *That's why* masa pelan kelonggaran, penguatkuasaan akan berlaku selepas kelulusan. Selalunya, kelulusan— sebelum kelulusan, akan berlaku penguatkuasaan. *That's why* ada JTKSM, ada PERKESO, ada Agensi Kawal Selia. Dia akan buat semakan. *That's why* ambil masa dan kelulusan sampai sebulan ataupun tiga bulan tetapi di bawah pelan kelonggaran, sebab tiga hari perlukan kelulusan. Jadi, kebanyakannya penguatkuasaan akan berlaku selepas kelulusan. Jadi, banyak permohonan-permohonan— contoh daripada *cleaning services*, yang banyak buat permohonan dengan dokumen-dokumen yang tipu.

Hanya— ada berlaku kes, YB ya. Saya sendiri baca. Satu *cleaning service* ini, dia kata dia dapat kontrak dengan Genting RM20 juta. Sebab salah satu syarat dia di bawah *services industry, cleaning services*, dia kena tunjukkan kontrak yang dia dapat. Contoh, saya nak ambil pekerja 10 orang, saya ada kontrak bernilai RM20 juta *cleaning services, especially* dekat hotel dan semua-semua inilah. Jadi, saya *upload* dokumen itu, dokumen yang telah ditipu, yang mana Genting— bila JTKSM buat *checking* selepas kelulusan, contoh dia minta 100, dia dapat 100 dan bila katalah JTKSM buat semakan selepas kelulusan, mendapati kelulusan dia ataupun dokumen yang dihantar itu adalah tipu dan telah disahkan oleh Genting, ya. So, dia adalah *after effect*, kalau kita boleh bagi pendapatlah YB. Ia adalah disebabkan *after effect* pelan kelonggaran. Okey, yang mana *demand* dengan kelulusan tak *balance*. Itu saja. Okey.

Bagaimana *reliable*— Soalan tadi bagaimana *reliable medical check-up*. So, untuk *medical check-up, that's why* kita ada— kita panggil pusat kesihatan yang

diakreditasi. Satu, setiap pusat kesihatan ada perjanjian dengan syarikat. Apabila dalam perjanjian itu mengatakan bahawa mereka akan memastikan mereka mengikut SOP ditentukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Kalau kos dia kata contoh, dia perlu *upgrade devices* dia sebab kita bila buat audit, bila kita buat— untuk buat pemilihan sebagai pusat kesihatan yang diakreditasi, kita akan buat audit dulu. Bukan kita terus akreditasi. *Team* saya akan pergi *on the ground*, pergi ke pusat kesihatan tengok sendiri. Oh, ada *physical establishment*. Betul, dia ada bangunan. Okey, betul dia ada bilik menunggu. Betul, dia ada *lab*, dia ada *X-ray machine*.

So, bila kata contoh kata *X-ray machine* dia tak cukup, bukan digital. So, kita kata *you* tak boleh diakreditasi sebab *you* bukan digital. *You* kena *invest* digital, ya. So, dia mesti *invest machine digital*. *Lab* dia cukup ke tidak— sebab kita tahu Kementerian Kesihatan punya keperluan. Okey. Itu dari segi infrastruktur.

Kemudian, bila kita kata klinik itu atau pusat kesihatan itu kena ikut SOP, dia kena ikut SOP sebab kita akan buat *performance manned monitoring*. Kalau kita dapat tahu ada pekerja asing sampai di Malaysia yang gagal, kita akan tanya. Kita akan buat *show cause letter*. Bila kita buat *show cause letter*, dia kena jawablah *show cause*. Bila dia jawab *show cause* kalau dia jawab tidak menepati, kita boleh *block* dia daripada— sebagai pusat akreditasi. So, dia mesti berkomitmen. Bila saya kata— macam menjawab soalan tadi. *Reliable? It is reliable*, YB.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** *Hello*. Saya ada satu soalan lagi berkenaan dengan surat daripada UKAS itu. Pandangan— kan ada meminta pandangan daripada UKAS berkenaan dengan SST itu— yang tahun 2020. Bukan, bukan— 2020, ada minta pandangan daripada UKAS dan *Attorney General* berkenaan dengan SST ini.

■1210

Sekiranya SST ini tak boleh diguna pakai dan kontrak mungkin tak dibuat, apakah pandangan *Attorney General* akan kesan implikasi ini tersebut? Adakah dia memberi kesan nanti terutama daripada segi kewangankah, daripada segi perundangankah? Jadi, ada dualah ini...

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Sebab *AG Chambers* ada di sini hari ini. So, mungkin kita minta pandangan daripada merekalah. Satu, tadi fasal pandangan pasal SST itu. Adakah ia cukup memadai sehinggakan tak ada kontrak yang di-*sign*? Itulah yang kita nak tahulah apa pandangan *AG Chambers*-lah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *AG Chambers* nak jawab di depan merekakah atau nak jawab selepas ini?

**Puan Rahayu binti Ab Talib [Ex-Officio, Jabatan Peguam Negara]:** Untuk makluman YB, perkara ini berkenaan dengan *position* undang-undang berkaitan

dengan Surat Niat. Jabatan Peguam Negara telah menjawab pada sesi yang sebelum ini, Tuan Pengerusi.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Baik, kita akan *refer* pada jawapan yang dululah.

**Puan Rahayu binti Ab Talib [Ex-Officio, Jabatan Peguam Negara]:** Ya YB, kami telah jawab pada sesi yang sebelum ini, YB.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey, Pengerusi. Tuan Ismail, tadi saya nampak bahawa Tuan Ismail pun rasa ragu-ragu kerajaan akan *sign* kontrak dengan Bestinetlah dalam kes ini, dalam tahun ini. Betul?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya. Sebab masanya agak pendek.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Ya?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Masanya agak terlampau singkat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Terlampau singkat. Kenapa? Ini baru bulan Januari.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Sebab beberapa terma-terma belum dipersetujui YB.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Maksudnya masih boleh *negotiate* lagi kan sampai ke – berjaya? Betul tak? Sebab ini baru permulaan tahun...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Sebab SST kami 2024. Sekarang ini Januari. Kita akan tamat pada Mei 2024.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey. Soalan kedua adalah adakah Bestinet telah patenkan sistem ini? Apakah rasional?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey. Kita patenkan untuk menjaga kepentingan kerajaan juga, YB. Kita memang ada buat *trademark*, *copyright* dengan paten. *Trademark* itu adalah contoh logo. Logo FWCMS. Itu *trademark*. Untuk *copyright*, kita buat *copyright* untuk sistem FWCMS itu sendiri dan juga kita patenkan FWCMS. Kalau kita lihat di bawah paten punya apa – perbadanan paten ini, yang kita di-*granted* hanyalah untuk *system and method for facilitating employers for applying foreign workers*. Komitmen kami apabila kita serahkan sistem, perkakasan, perisian, dokumentasi, kita akan serah termasuk paten kepada Kerajaan Malaysia.

Jadi, Kerajaan Malaysia adalah *beneficiary of the patent*. Kami serahkan hak milik, harta intelek kepada kerajaan sepenuhnya. Kami tidak akan ada minta *claim* apa-apa pun sebab kerajaan telah mendapat...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, yang itu kalau kerajaan setuju nak guna lagi. Betul? *All right*.



*What if* kalau kerajaan *decide* untuk tidak *continue* lagi dah? Ini tadi Tuan Ismail kata dah patenkan demi kepentingan bersama dengan Kerajaan Malaysia. *What if*, soalan saya, bagaimanakah sekiranya pihak kerajaan membangunkan sistem sendiri? Dia kata, “*Oh, kami dah ada sistem lain dah*”. Bagaimanakah – lebih kurang sama macam sistem yang lebih kurang sama macam FWCMS. Jadi, bagaimanakah kepentingan pihak syarikat walaupun sudah dipatenkan dan juga telah pun...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]**: Diluluskan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]**: ...seperti yang telah dijaga sebelum ini.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]**: Didaftarkan. Okey. *Definitely* daripada pihak syarikat, kita *morally* kita tidak akan *demand* kepada kerajaan. *Morally* ya. Itu komitmen saya sebagai wakil daripada syarikat. Contoh kalau kerajaan tak luluskan atau tak mahu sambung, kerajaan buat satu sistem yang sama tetapi nama lain. Katalah contoh “Pengurusan Pekerja Asing Berpusat”. *Definitely* kita tak boleh *claim* sebagai paten kita sebab dia adalah kerajaan punya. *Definitely one, okay. Morally*, kita tidak akan *claim* pun pada kerajaan sebab untuk apa? Kita tak ada apa-apa *value* pun untuk kita *claim* pun paten itu.

So, paten ini sebab kita buat dulu bertujuan sebenarnya – paten kita buat sebenarnya untuk bagi kepada kerajaan, bukan untuk syarikat. Syarikat tak ada apa-apa makna pun paten ini. Kita nak bagi kepada kerajaan supaya kerajaan boleh guna pakai dan kata contoh kerajaan kata nak gunakan ataupun contoh Kerajaan Kuwait kata datang, contoh. Datang ke Malaysia kata, “*Eh, Malaysia ada sistem baguslah. Saya nak pakai you punya sistemlah*”. Macam mana? So, Kerajaan Malaysia boleh gunakan paten itu untuk bagi kepada agensi-agensi di sana sebab sudah diserahkan hak milik kepada kerajaan. Tak ada hak pun kepada syarikat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]**: Itu kalau maksudnya kalau kita...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]**: Sambung.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]**: Syarikat bagi, sambung. Ini tak sambung. Maksudnya...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]**: Kita tak akan buat apa-apa YB.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]**: Mei 2024 ini selesai. *Khalas*, selesai. Jadi, maksudnya syarikat pun terpaksa FWCMS...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]**: *Stop*-lah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]**: ...*stop* dan ada penggunaan sistem lain. Itulah situasi yang akan...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya, kami tidak akan *claim* untuk paten ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *So, you make a commitment here?*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Yes, betul YB. Kami ambil komitmen. *Yes, sure.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *Sure? Loud and clear?*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Betul. Sebab itu sistem kerajaan bangun sendiri. Macam mana kami nak *claim* paten itu kecuali ambil *documentation* daripada paten dan buat sendiri. Kami daripada pihak kerajaan, kami tak akan buat apa-apa YB. Niat kami baik. Niat kami baik. Kalau apa-apa kerajaan nak buat atau berdasarkan sendiri, buatlah. *Meaning* kita tak ada *commercial value* pun.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Tetapi apa-apa semua yang dapat daripada FWCMS itu datang daripada kerajaan. Sistemnya, datanya, dia punya proses dia.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Betul. *That's why* kita berniat baik YB.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *Morally wrong if you claim from the government.*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *No, no, no. We will not claim from the government. We will not claim because this is why* bila kita kata, contoh kita ada kontrak hari ini YB ya dan 2024-lah kata contoh memang kita daripada 2018 sehinggalah hari ini 2024, kita nak serahkan kepada kerajaan. Kita akan serahkan termasuk paten pun sekali YB.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Kenapa tak boleh serahkan 100 peratus pada Mei 2024? Kalau tidak dilaksanakan?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Tidak dilaksana – tidak dimeterai kontrak? Tak ada komitmen pada kami YB.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey, satu soalan...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Dari segi *legal*, betul YB ya? Dari segi *legal*, *there is no commitment for us to deliver to the government* pun.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey. Kerajaan dia – sekarang polisi kerajaan adalah *open tender* nampaknyalah ya. Jadi, kalau lepas Mei 2024, kerajaan buat keputusan untuk *open tender*, adakah – *what is your way forward?*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey. *Way forward for us is* kita kalau boleh YB ya, kita *cut short whatever* yang dah *implement*. *So, meaning* semenjak 2018, kita dah *implement*, 2024 terbukti, YB. Bukannya saya cerita kata – kalau contoh nak pergi ke *open tender*, *then it would take time* yang mana akan ada satu *time or transition period* yang akan kerajaan rugi, YB ya.

So, apa yang kita minta sebenarnya, apa yang kita hasratkan kepada kerajaan adalah untuk memberi kita *variation order under the term of change of schedule*. Tempoh perjanjian 2018-2024 tamat. Tidak ada termeterai kontrak. Kita buat kontrak dengan *term* ataupun *variation order, term change of schedule* sehingga satu tempoh yang dipersetujui yang mana pada akhir tempoh itu, kerajaan akan dapat sistem yang sama ataupun mungkin lebih baik dengan apa *version* yang ada sekarang dengan teknologi baharu sebab kita akan buat *technology refresh* juga pada masa itu. Pada masa itu dipersetujui, kita ada kontrak. Kita serahkan kepada kerajaan semua perkakasan, perisian, aplikasi, paten, semua sekali YB.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh tak bagi tahu— minta maaf ya. [Ketawa] Boleh tak bagi tahu, apakah perkara-perkara yang membantutkan kepada nak menjadikan perjanjian ini muktamad?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Apakah perkara-perkara yang berbangkit, isu utama yang berbangkit di antara pihak kementerian dengan pihak syarikat dalam memuktamadkan perundingan ini? Seolah-olah benda berlarutan sejak sekian lama dan ada perkara yang tidak selesai. Tidak adakah situasi menang-menang di kalangan – di antara pihak syarikat dan juga kerajaan?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey, kami diberikan hak – diberikan penawaran kontrak SST untuk tahun 2018 sehingga 2024 dengan kutipan RM100 setahun pekerja untuk setiap permohonan PLKS baharu atau pembaharuan. Itu *principle*-nya YB ya. So, *principle*-nya adalah kami diberikan mandat untuk mengutip RM100 melalui pembaharuan PLKS dan juga PLKS baharu.

#### ■1220

Sepanjang tahun 2018 sehinggalah hari ini, kontrak tidak di– maksudnya tidak diperkasakan ataupun dimuktamadkan kerana ada dua perkara. Satu, kerajaan mengatakan bahawa syarikat hanya berhak untuk mengutip bayaran itu bermula pada tahun 20...

**Seorang Ahli:** 2022.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** 2022 ya. Kerajaan membenarkan kami untuk mengutip bayaran bermula tahun 2022. Kemudian, pada nilai RM86.

Kami juga ada perbincangan dengan UKAS, telah dipanggil dengan UKAS, UKAS mencadangkan kepada KDN atau Kementerian Dalam Negeri supaya hanya mengutip daripada tahun 2022 sehingga tamat kontrak pada tahun 2024 pada nilai RM86. So, *contentious*-nya dekat sini kontrak tidak muktamad. Kami tidak *collect*. Kontrak masa itu tinggal beberapa bulan. Kerajaan perlu beri kepada kami apakah

mekanisme pembayaran. Retrospektif— apa yang dibincangkan ya, retrospektif kerajaan tidak akan bayar. Maksudnya kutipan yang kami tidak berlaku tadi itu kerajaan tidak akan bayar *upfront*. Okey, itu satu ya.

Kami tanya kepada kerajaan, beri kami mekanisme macam mana hendak bayar kepada kami. Adakah kami perlu kutip? Kalau kami perlu kutip, sekarang ini lima bulan, kalau saya RM100, saya hendak buat katalah nilai kontrak tadi katalah satu *point something* bilion, nilai kontrak daripada SST, berikan saya cara macam mana saya hendak *collect* dalam masa lima bulan.

*So, government* tidak ada bagi, tidak ada cara. Hendak bayar, katalah *government* hendak ambil daripada *government coffers*, daripada akaun kerajaan, retrospektif, kerajaan dah *commit* kepada kami, tidak akan bayar retrospektif. *So*, macam mana kami hendak bayar ke depan? Macam mana kami hendak *collect* ke depan? Saya ada lima bulan ini. Saya hendak *collect* berapa? RM1,000 satu orang dalam lima bulan? Beri kami cara. Itu saja kami minta. Beri kami cara. Kalau kata tidak ada cara, *why not* kita buat *variation order*? *Variation order*, bagi kami *term of schedule* ke hadapan untuk kami *collect* berapa yang dipersetujui. RM100? Berapa ringgit?

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Habis dah jawapannya? Datuk, dah habis jawapannya ya?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya, ya. Dah habis.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Okey. *So, variation order* itu cadangan dari syarikat untuk *recoup*-lah berapa yang...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Tanpa kos kepada kerajaan.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Tanpa kos ya. Tanpa kos kepada kerajaan dan yang tidak di *collect* sebelum ini.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya, betul Yang Berhormat.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Maknanya *variation order* ini akan melibatkan kontrak lanjutan?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Lanjutan, *variation order* lah, *variation order*. Pada kami *variation order*. Lanjutanlah.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** *Which is variation order* ini ada dua caralah. Satu, yang dalam tempoh yang dah berlaku tetapi tidak akan ada, tidak mungkin boleh *collect*... [Tidak jelas]

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Betul Yang Berhormat.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Sebab *you* punya, hanya boleh *collect* daripada *you* punya *customer* dan kerajaan pula tidak akan mengeluarkan belanja.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Betul Yang Berhormat.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** So, tidak akan mungkin untuk nak balik. *So, the variation order has to be...*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Going forward.*

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** *A way forward extension of contract,* berapa tahun dan sebagainya. Berdasarkan kepada kontrak ini, berapa tahun agaknya kontrak untuk hendak melunaskan *your investment*?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Kalau ikut yang IRR yang kami – kami ada IRR lah dengan *investment* yang kita buat dengan nilai kontrak. Sebenarnya kalau *originally*, kalau kita lihat daripada – saya tidak... *[Tidak jelas]* *financial officer* saya, so, dia kata lebih kurang 11 tahun dengan nilai RM100 lah, dengan *profit* yang – *meaning, profit* yang bukan *excessive* sebab kita hendak *maintain the system within the period* tetapi kita pernah mencadangkan kepada kerajaan kita punya *variation order* hanya untuk lima tahun ataupun enam tahunlah. Kita ikut kontrak yang lama. Tidak akan sampai 11 tahun.

So, kita cadangkan sampai enam tahun, 2030. Tahun 2024 sampai tahun 2030, dengan IRR yang memang sangat-sangat rendah, yang memang cukup-cukup *to cover*. Kalau RM180 juta setahun, kalau *investment* kami, dah berapa banyak *loan* yang kami dah buat dan berapa *investment* kami, kami sebenarnya dapat sikit sangat saja. Tidak mungkin *break-even* pun. Sebagai satu syarikat yang menjalankan perniagaan, *break-even* itu *is just enough* lah untuk kamilah pada waktu itu sebab kami ada – macam saya cakap tadi, *mission* kami lebih daripada itu. Kami bukan hendak jadi *millionaire* atau *billionaire*. Kami punya *mission is more than that*.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *And at the same time we are not a charity* punya *organisation* lah. *It is morally right to the government to give us something. To give us something* yang boleh kita *bring forward*. *Just for your info* Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Jawatankuasa ya, penggunaan sistem FWCMS, eQuota ya masa pelan kelonggaran, *government collect more than RM1 bilion* untuk kelulusan kuota, levi ya. Saya bukan tipu. RM1 bilion *government collect* dalam masa tiga bulan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi, kalau katakan lepas Mei 2024 tidak ada kontrak dan *terminated* dan *you* tidak dapat kutip balik *you* punya *whatever that you explain to us*. *So, what's the next course of action?*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *We reserve our rights* lah.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** *Which is saman. [Ketawa]*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Apa yang saya boleh jawab *is we reserve our rights* lah.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, saya hendak tanya soalan, pendek sahaja. Dalam SST itu, ia ada maklum tidak berapa kutipan untuk setiap seorang pekerja itu? Ada?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ada.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Berapa?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** RM100.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** RM100 dalam SST? Tetapi kata...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Berdasarkan PLKS baharu dan PLKS pembaharuan.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Jadi, yang dikatakan 86 itu ialah...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Selepas UKAS *counter-*lah.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** *I see*, tetapi dalam SST itu memang dia tulis RM100?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Memang spesifik menyatakan.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Okey, terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, saya hendak tanya berkenaan dengan isu yang berkenaan dengan kelemahan kawalan ID yang terdapat dalam sistem FWCMS. Sebab ada menyatakan bahawa ada dua ID yang dipegang oleh bukan pegawai Kementerian Sumber Manusia dan ada 24 *unauthorised user* yang telah pun meluluskan 24 permohonan majikan. Boleh tidak jelaskan tentang perkara tersebut?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Saya serahkan kepada CTO saya untuk menjawab.

**Encik Muhammad Shukri bin Abdul Mutalib [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan semua ahli majlis. Saya akan menjawab dari segi pengurusan ID. Dari segi nota yang dah kami kumpulkan sebenarnya FWCMS ini dah macam tadi Encik Ismail bentangkan, bermula seawal tahun 2014 lah sebagai *proof of concept*. Maksudnya dari segi sistemnya bermula dengan kontrak, BMS telah di-*sign* pada tahun 2017. Kalau tengok dari segi FWCMS punya *spirit*, BMS *itself* dah di dalam FWCMS itu sendiri.

Dari segi pengurusan ID itu bermula penggunaannya daripada tahun 2014 lagi. Setelah FWCMS telah dapat SST pada tahun 2018, masih lagi penggunaan sistem pengurusan ID itu masih di bawah pihak syarikat *because of* pengurusan ID

bukan sahaja untuk menguruskan pengguna di pihak kerajaan tetapi juga untuk menguruskan pengguna di pihak syarikat, di pihak majikan, di pihak kerajaan negara sumber. Setelah Kerajaan MADANI tertubuh pada tahun 2022, KSU telah melawat syarikat pada bulan Mac. Bulan Mac 2023.

*To be exact*, pada 28 Mac 2023, Datuk KSU telah hadir kepada syarikat untuk mendapatkan maklumat berkenaan FWCMS. Dari situ, Datuk KSU telah memaklumkan berkenaan dengan pengurusan ID. Selama pengurusan ID telah dijaga oleh syarikat daripada tahun 2014 hingga 2018, 28 Mac 2023 baru isu itu dibangkitkan untuk fasal pengurusan ID. Itu *first time* lah pihak KDN bercadang untuk meminta pihak syarikat untuk menyerahkan semua pengurusan ID diberikan kepada pihak KDN. Selepas itu, susulan daripada lawatan KSU dan arahan KSU, proses untuk serahan ID itu telah berlaku. Sehingga sekarang ini, pengurusan ID telah diserahkan kepada pihak KDN. Itu soalan yang pertama.

Mungkin soalan yang kedua yang tadi saya faham daripada Datuk Yang Berhormat Pengerusi, berkenaan dengan 24 ID yang telah membuat permohonan kelulusan kuota. Hasil dapatan daripada teknikal kami, kami telah maklumkan kepada pihak KSM, semua 24 permohonan yang dinyatakan telah diajukan oleh pihak syarikat adalah sebenarnya diluluskan oleh pegawai KSM sendiri.

■1230

Maksudnya daripada segi laporannya, kita telah hantar kepada KSM dan memberikan siapa pegawai yang telah meluluskan. So itu jawapan daripada syarikat, Tuan Pengerusi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Maksudnya isu yang 24 untuk *unauthorised user* ini telah pun dikenal pasti dan telah pun dihantar laporannya kepada pihak KSM, betul?

**Encik Muhammad Shukri bin Abdul Mutalib [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Betul.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya, telah selesai. Ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Lain? Soalan daripada Ahli PAC.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Mungkin Tuan Pengerusi, saya nak yang kata *on record* tadi ya berkenaan dengan *director* dengan *shareholder* tadi. YB. Pengerusi, saya perlu jawab ke? Saya perlu jawab ya? Okey.

So untuk *director*, untuk pengarah syarikat, yang pertama adalah Datuk Che Mat bin Che Ismail. Yang kedua, Ismail bin Mohd Noor, saya sendiri. Ketiga, Abdullah Sherkawi bin Jaafar, Dr.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ini daripada tahun bila ke tahun bila?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Sekarang.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tahun sekarang ya?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya, sekarang. Yang keempat adalah Yang Amat Mulia Tengku Muda Pahang, Tengku Abdul Rahman Al-Haj Ibni Al Marhum Sultan Hj Ahmad Shah Al Musta'in Billah sebagai Pengerusi *Board of Directors*-lah. Pemegang saham adalah satu, JR Joint Resources Holdings Sdn Bhd dan keduanya adalah Tengku Abdul Rahman bin Tengku Ahmad.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Berapa pecahan peratusan?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey, RM50 juta. Yang untuk JR Joint Resources itu RM50 juta, yang Tengku Abdul Rahman adalah RM3 juta setengah. *RM3.5 million* dengan *RM50 million*.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *RM50 million* syarikat ya?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Syarikat, ya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Syarikat itu, boleh kongsi siapa *own that* syarikat tak?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** JR Joint Resources, *investment company* untuk Bestinet-lah.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Boleh kongsi *directorship*?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya minta nanti pihak syarikat boleh tak serahkan kepada PAC, senarai *board of directors* daripada tahun 2008 sampailah ke hari ini. *I mean the document*.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Untuk Bestinet?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya, terima kasih.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Terima kasih YB.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Juga boleh saya tahu apa *relationship* atau adakah ada apa-apa hubungan antara Bestinet yang di Malaysia ini dengan satu syarikat yang saya dapat cari dekat *internet*, Bestinet India. Ada apa perhubungan tak?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey, *all right*. Bestinet Malaysia *specifically* kita sebagai kita panggil hab kitalah. So, kita ada *technology division* dan kita ada *operation* dan kita juga ada *busiMalaysia*Malaysia. Bestinet sebagai satu syarikat IT, kita juga ada buat *invest* ataupun mendapatkan projek-projek di luar negara termasuk juga di negara India. Dulu keperluannya adalah untuk menubuhkan satu syarikat di negara tersebut, di mana kita hendak buat *business*-lah ataupun nak dapatkan kontrak.

Jadi, yang itu kita tubuhkan Bestinet India. Sebelum-sebelum ini juga, ada juga kita tubuhkan di beberapa negara tetapi kita dah tutup sebab kita kena gunakan



wakil syarikat yang di sanalah. So Bestinet India sebab, satu lagi sebab adalah kerana kita ada juga kita panggil *technology division*. Kita ada orang-orang *technology* juga sebagai *extension of* Encik Shuk punya cawanganlah ataupun *division*. So, mana-mana sebab kita semuanya *100 per cent knowledge, subject matter* semua dekat Malaysia. Hanya di India itu sebagai *extension* sahaja. Kalau kita tak cukup orang, *then* kita pakai India itu. So, itulah tujuan utamanya, YB.

**Puan Jusmawar Hasni binti Jamaluddin [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Yang JR Joint tadi itu.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Oh JR Joint, okey. Saya jawab untuk yang JR Joint tadi ya. So, JR Joint Resources Holdings Sdn Bhd, dia punya *director* adalah Aminul Islam bin Abdul Noor, Tengku Ahmad Sharizal bin Tengku Omar. Okey, itu *directors*. *Shareholders* adalah Abdullah Sherkawi bin Jaafar, *RM4.9 million*. Aminul Islam bin Abdul Noor, *two per cent*.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Boleh saya tahu Encik Abdullah Sherkawi bin Jaafar, bila beliau masuk syarikat JR Joint Resources Holdings Sdn Bhd dan juga Bestinet ya?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Spesifik Sharkawi sahaja YB? Okey, untuk Sharkawi di Bestinet adalah bermula 26 Jun 2023. 26 Jun 2023 di Bestinet ya.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Saya nak sahkan sahaja iaitu sekarang, dalam JR Joint Resources Holdings Sdn Bhd, salah satu *director* adalah Tengku Ahmad Shahrizal bin Tengku Omar. Adakah beliau anak lelaki kepada *founder* Bestinet Malaysia iaitu Datuk Tengku Omar Tengku Bot?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya, betul.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey, terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi, saya nak tanya tentang penglibatan JR Resources itu. Siapa wakil mereka dalam *board* Bestinet Malaysia.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Sharkawi, Sharkawi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Hah?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Sharkawi, Dr. Sharkawi, Datuk Sharkawi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Apakah penglibatan yang Aminul Islam itu?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey, dia sebagai *minority shareholder*. Itu sahaja. Melalui JR Joint.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Beliau bukan warga Malaysia kan?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Dia warganegara Malaysia.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Dia warga Malaysia?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Ya. Kenapa YB kata bukan warganegara Malaysia?

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Datuk Seri Aminul Islam ini dia warga Malaysia?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Warga Malaysia.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Tapi dia lahir di Malaysia ke luar negara?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Lahir di luar negara.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Bangladesh kan?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Di Bangladesh tapi dia rakyat Malaysia.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Dia memang lahir sebagai warga Malaysia ataupun dapat kewarganegaraan selepas perkahwinan ke apa?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** *Naturalisation*. Seperti juga pemain bola sepak kita, *naturalise*.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ada soalan lain pada Ahli PAC? Ya, Betong.

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]:** Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Saya nak tanya. Semenjak sistem FWCMS ini berjalan, pada pandangan tuan, apakah *benefit* yang tuan rasa kerajaan telah perolehi apabila ia dijalankan setakat ini, sama ada *tangible* ataupun *intangible benefit*? Yang *intangible* itu, yang ketaralah sama ada daripada segi *you know*, modul-modul itu yang mendatangkan *specific income* kepada kerajaan. Boleh jelaskan?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Boleh. Terima kasih YB atas soalan itu. *Benefit* yang secara terus ya, secara *direct* ya. Contoh daripada permohonan FWe Approval dengan eQuota, YB. Sebelum ini, semuanya manual. So bila kata manual, pasti majikan kalau kata contoh *benefit* kepada majikan. Daripada majikan, dia perlu hadir memohon sebab permohonan hanyalah di-*centralise*. Dia tidak di bahagian-bahagian lain, dia tidak di negeri lain. Contoh kalau saya hendak memohon daripada Kedah, saya kena *travel* ke Putrajaya untuk mohon. Kemudian, saya kena datang dua kali. Satu untuk mohon, satu untuk *interview*. Okey, itu untuk majikan ya. Daripada segi kos majikan.

Daripada segi kerajaan, permohonan ini sebabnya berlaku *online* sebab dan ada saya tadi kata YB, ada *pre-quota calculation* tadi itu. Jadi, permohonan yang masuk itu adalah yang benar-benar layak sahaja. Jadi, penjimatan masa dan penjimatan kos manusialah. Itu *intangible* punya kos ya, YB. So daripada kerajaan, itu *benefit* dia. Untuk eQuota dan juga untuk FWe Approval.

Contoh untuk eVDR tadi YB, so sekarang ini kalau kata tanpa FWCMS, majikan perlu hadir dan proses manual berlaku di kaunter.

■1240

Maksudnya pegawai imigresen perlu lihat dari segi permohonan lengkap atau tidak lengkap, lepas itu bagi nombor permohonan, lepas itu perlu bagi kepada pegawai untuk buat *data entry*, selepas itu baru ada kelulusan. So, bayangkan proses itu setiap satu *step* itu ada kos-kos dia dan masa dia. Dengan adanya eVDR ini, modul eVDR ini sahaja Jabatan Imigresen boleh dapatkan *silent office, intangible*. Maksudnya orang tidak perlu hadir ke Jabatan Imigresen untuk buat *submission*.

Keduanya, apa— *checking*. Semakan-semakan berlaku oleh sistem. Maknanya proses di kaunter tadi kita dah *eliminate* ataupun kita dah *reduce*. So, *then* proses kemasukan data tadi, YB. So, tidak perlu ada orang untuk bawa masuk data lagi. Kalau dulu perlu ambil orang kontrak untuk masukkan data sahaja. So, apabila sampai untuk kelulusan, ia adalah terus kepada pegawai pelulus. So, *meaning start* itu kita dah *reduce* banyak. Bayangkan kalau kata boleh buat permohonan *online* dan boleh buat *download* VDR secara itu, kerajaan akan jimat kos kertas, jimat kos dakwat, jimat *time* pegawai pun kena terima permohonan, nak kena buat *printer*. Betul YB ya? Sebab itu semua kos, *time is cost* pada kerajaan.

So, bayangkan kalau benda-benda ini semua tidak ada dan balik manual, semua akan— makna Jabatan Imigresen orang akan *queuing up* macam apa yang berlaku di JIM Selangor baru-baru ini masuk dalam TV3. Beratur dari pagi-pagi sampai tengah malam kena datangkan. So, kita nampaknya kalau kita balik ke manual, kita akan balik kepada zaman-zaman 70-an yang mana kita patut *digitalisation* sekarang ini. Ke hadapan kita kena *digitalisation*. Inilah caranya *digitalise*, YB.

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]:** Tambahan. Bagi majikan, contohnya saya ini majikan konvensional banding dengan digital. Digital tadi RM100 kosnya?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Semua sekali.

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]:** Semua sekali. Yang konvensional berapa kosnya agak-agak?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Tidak ada, dia tidak ada konvensional.

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]:** Cara lama dahulu.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Cara lama. Cara lama kita nak *justify* tidak boleh, YB.

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]:** Kurang dari RM100 ataupun lebih?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Sebab kos, mesti ada kos majikan— eh *sorry* kos ejen YB. Sebab kalau guna sistem, majikan boleh *submit* terus dalam sistem.

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]:** Yang sistem ini dia tidak melalui ejen lagi?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Tidak perlu, tidak perlu, tidak perlu.

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]:** Contohnya kalau orang nak ambil *maid* dan sebagainya.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Untuk *maid* perlu pakai agensi pekerjaan swasta. Untuk sektor-sektor lain, dia— sebab ID dan *password* memang dia punya, YB. So, dia tidak perlu pakai ejen. Kalau pakai manual, dia sendiri tidak tahu dia tidak faham proses pun. Dia mesti kena guna ejen. Ejen akan *charge* RM2,000 satu kepala dan Nepal contoh *different* harga, Indonesia *different* harga, harga rendah.

Tetapi kalau guna sistem, dia hanya bayar RM100, kata contoh *submit* VDR sepuluh kali ke 20 kali sebab kita tidak *charge based on transaction*, kita *based on* pekerja. Lagi banyak saya ada pekerja, saya bayar RM100 untuk bilangan pekerja per tahun. Sebab setahun saya mungkin tambah saya boleh *submit* berapa banyak kali pembaharuan YB, contohkan. So, terpulanglah. So, majikan boleh *direct* guna sistem, tidak perlu guna ejen.

Pada masa yang sama juga— *just* untuk teman saya bagi *benefit* kepada kerajaan YB ya. Kos-kos yang berlaku, kalau kata contoh untuk pelaksanaan sistem. Untuk *check* SSM YB ya. *Check* SSM kalau kita nak tengok *check* SSM kita sendiri nak *check* SSM, kita kena bayar berapa? RM15. Sekarang ini kerajaan tidak ada *charge* apa. Kita buat *online* ke SSM kita tidak *charge* majikan, kita tidak *charge* kepada kerajaan. Kita buat atas kos kita sendiri sebab kita mahu bila majikan masukkan nombor ROC dia, kita *check* terus ke SSM sebab kita tahu ada orang apabila *upload* ROC dia, tipulah, tidak betullah, ubah ini, ubah itu. So kita sebenarnya pengguna eSSM secara integrasi. Terima kasih, YB.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Saya nak tahu apakah jaminan *security of your system*? Contoh imigresen. Boleh tidak orang lain *hack* dia *and then* tiba-tiba *the whole thing* tidak boleh pakai sama ada dalam negara atau luar negara? So, *how secure is your system*?

**Encik Muhammad Shukri bin Abdul Mutalib [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Terima kasih untuk soalan itu, YB. Okey. Daripada segi kita kata pembangunan sistem IT, dia memang *prone to hackable*. Maksudnya orang suka untuk *hack* di sistem IT. Okey, untuk info YB juga, selama kita beroperasi daripada 2014 sampai sekarang,

kita pernah dapat *attack* tetapi *somehow even* tahun 2022, kita pernah dapat *attack* daripada luar, kita dapat *detect because of* kita ada satu *design* yang kita kata *it's quite comprehensive* dan benda itu cuma mati dekat pintu masuk sahaja.

Okey, contoh macam negara luar, macam kita cakap *medical centre* dekat negara sumber, apa sekuriti yang kita *enable*-kan kita nak jadikan walaupun dia menggunakan internet, *somehow* kita juga *enable*-kan VPN maksudnya *medical centre* yang di negara sumber itu *as good as* kita punya *network* kita sendiri. *That from the process of* keselamatan. Daripada segi *access level*-nya, dari segi keselamatan *data centre*-nya dari segi kita punya *the programming standard, security* semua *in place* sebab itu dalam selama kita beroperasi ini *alhamdulillah*, setakat ini walaupun kita pernah ada *attack* yang kita kata cuba *attack* tetapi kita masih selamat. *That will be put on record*-lah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya, YB.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi, saya nampak bahawa Bestinet juga ada sedikit kontroversi pada 27 Julai 2022 dan saya baca, "*How Bestinet courted controversy over migrant worker recruitment*" dan difahamkan MACC telah *raided your company*. *Can you tell us more about that?*

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey. Biasalah, bila kita nak cuba *revolutionise*, nak *digitalise*, kita akan ada pihak-pihak yang akan kerugian. So, pihak-pihak yang kerugian ini *maybe unscrupulous agents, unscrupulous* majikan dan beberapa laporan telah dilakukan ataupun diberikan kepada SPRM dan betul YB, SPRM ada datang ke pejabat kami telah mengambil beberapa dokumen. Saya sendiri telah dipanggil dan juga pegawai teknologi saya telah dipanggil dan kami telah ditahan tiga hari di SPRM. Kami tidur dalam lokap SPRM. Itu pengalaman.

Jadi, dalam masa soal jawab ataupun siasatan, didapati tiada apa-apa salah laku, tiada apa-apa dakwaan dibawa kepada Bestinet dan juga kepada ahli-ahli syarikat ataupun pengurusan syarikat ataupun juga *shareholder* syarikat. Tidak ada apa-apa dakwaan dilakukan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, boleh merujuk kepada persoalan Bayan Baru, boleh saya dapatkan daripada pihak SPRM, apakah status untuk kes siasatan yang telah di... *[Disampuk]* Okey, okey. Boleh kita tahu?

**KPKPj Khairul Nurrahim Ashadi bin Abdullah [Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, YB Datuk Wira Pengerusi. Berkaitan dengan siasatan, ia masih lagi dalam tindakan pihak kami.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih. YB Wong.

**Puan Wong Shu Qi [Timbalan Pengerusi PAC]:** Ya, saya juga ada satu soalan berkenaan dengan satu kes yang nampaknya sudah selesai di mahkamah iaitu bertarikh pada tahun 2017 yang berkenaan dengan saham syarikat Bestinet dengan Datuk Mohamad Nizam Mohamad Jakel. Apa yang berlaku sebenarnya?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Okey. Sedikit latar belakang berkenaan dengan kes itu. Kes itu adalah di mana kami menuntut balik saham syarikat yang diberikan kepada defendan pada masa itu. Kami sebagai plaintif, kami menuntut balik saham daripada defendan iaitu pada masa itu Jakel. Saya pun tidak tahu nama penuh dia, tetapi kita panggil Jakel.

**Puan Wong Shu Qi [Timbalan Pengerusi PAC]:** Ataupun Datin Norhana Sharkan?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet Sdn. Bhd.]:** Itu dia punya *proxy*. Itu *proxy* dia. Okey, *right*. So, saham itu diberikan kepada Datin Norhana supaya— Jakel itu adalah *proxy* dia. So, apabila kita menuntut— sebabnya kita menuntut, kita mendakwa bahawa saham itu diberikan kepada Datin Norhana pada masa itu atas *under duress*. *Duress* maksudnya kami telah didakwa ataupun pegawai-pegawai tertinggi syarikat, telah di bawah *duress* telah menyerahkan saham itu kepada Datin Norhana dengan tujuan untuk menjatuhkan syarikat supaya tidak mendapat kontrak FWCMS pada masa itu dengan kerajaan pada masa itulah.

#### ■1250

Jadi, bila— salah satu syarat untuk boleh meneruskan untuk perbincangan dengan KDN ataupun dengan KSM adalah syarat bagi saham. Okey. So, *under duress*. So, pada masa itu banyaklah tindakan ataupun *attacks* ataupun tuju-tujuan, maknanya untuk menjatuhkan syarikat pada masa itu. Tetapi *alhamdulillah*, pada masa ini syarikat masih berdiri teguh, orang yang sama, pengurusan yang sama. Kami masih menjalankan komitmen yang sama. Dan kami menang ya, YB. Kami menang kes itu dan saham telah dikembalikan balik kepada syarikat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh tahu berapa jumlah saham tersebut?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet]:** 49 per cent of the saham.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Banyak itu.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet]:** [Ketawa] Banyak itu.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Maksudnya, Bestinet dipaksa untuk serah saham itu kepada Datin Norhana Sharkhan untuk dapat kontrak daripada kerajaan ketika itu?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet]:** Perjanjian, mesti ada – dia menjanjikan kontrak.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Tahun bila itu?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet]:** Sekejap. [*Merujuk kepada pegawai*] So, mahkamah telah memutuskan bahawa saham itu telah diberikan di bawah *duress*. Perkataan “*duress*” itu memang digunakan betul oleh hakimlah. 2017.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Adakah Bestinet telah melaporkan kepada MACC?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet]:** Pada masa itu, ia adalah perbincangan antara pemegang sahamlah. So, pada masa itu, tidak terfikir ataupun tidak— masa itu...

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Sebab nampaknya Datin Norhana ini hebat. Dia boleh pastikan kontrak boleh diberikan...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet]:** Ya. Itu yang bila – mungkin YB boleh baca transkrip perbicaraan, boleh dapatkan mungkin daripada mahkamah dan dapat tahulah latar belakangnya bagaimana.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Boleh terangkan sedikit kes ini? Saya tidak ada transkrip itu.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet]:** [*Ketawa*] Yang saya terangkan tadi itulah. Sepertinya pada masa itu, pemerintahan kerajaan pada masa itu, Datin Norhana ini sebagai wakil kepada orang yang berpengaruh, telah menjanjikan bahawa kontrak FWCMS akan dimuktamadkan ya. Pada masa yang sama, syarikat telah diserang dari segi ataupun ugutan mengatakan bahawa kontrak tidak akan ditandatangani kalau tidak melalui proksi-proksi tadi itulah. Jadi, bila – kita agak tergamam juga dengan situasi itu, yang mana perbincangan antara pemegang saham telah dipaksa *under duress* untuk menyerahkan saham itu dengan ugutan bahawa kontrak tidak akan ditandatangani kalau tidak bagi saham itu.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Boleh saya tahu, apa kontrak yang akan dimuktamadkan ketika itu?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet]:** FWCMS, FWCMS.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh nyatakan, adakah situasi pada waktu ketika itu telah pun memberikan kesan kepada dari segi menguatkuasakan perjanjian dan sebagainya? Boleh tak terangkan kepada PAC? Apakah antara kesan pada waktu ketika itu?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet]:** Betul, YB. Ya, antara kesannya adalah seperti yang kita kata sebab kalau kita lihat daripada kronologi itu ya. Daripada kronologinya. Kalau kita lihat daripada kronologi 2017, YBMDN bersetuju untuk memeterai kontrak. Pada masa itu, YBMDN-lah ya, 2017 tapi bila kata bersetuju itu dengan adanya ugutan. Sebab bila bersetuju, ada pihak-pihak yang mengugut kalau kata tak ada melalui dia, tidak akan dimeterai perjanjian, okey. So,...

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** YBMDN masa itu siapa ya?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet]:** Saya rasa YB boleh tengok sendiri. *[Ketawa]* Saya tidak boleh jawab.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Jawablah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey, satu lagi nampaknya ada sedikit – kalau *under duress* dan sebagainya, kenapa tidak mencari – syarikat tidak mengadu kepada SPRM atau pihak berkuasa? Kerana ini nampaknya ada elemen-elemen yang tidak sihat ataupun...

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet]:** Saya tidak *privy* tentang perjanjian itu YB, sebab saya hanya tahu pun selepas berlaku kes itu. Jadi, apa perbincangan antara pemegang saham – *because* saya bukan pemegang saham. Saya tidak *privy* kepada perbincangan. Jadi, kalau kata YB nak tengok pun nanti ada – The Edge Malaysia ada cerita berkenaannyalah, ada kronologinya dalam itu.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, apa *relationship* antara Bestinet dengan Synerflux Sdn. Bhd.?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet]:** So, pada tahun 2017... *[Merujuk kepada pegawai]* Pada tahun 2016 YB, okey ini pun ada sedikit kronologilah ya. So, pada tahun 2016, Kerajaan Malaysia telah bersetuju ada MOU dengan Kerajaan Bangladesh. Pada masa itu, pasaran Bangladesh baru dibuka setelah beberapa lama ditutup. Sebab *demand* daripada majikan nak juga pekerja Bangladesh, nak juga pekerja Bangladesh tetapi pekerja Bangladesh pada masa itu tidak dibenarkan untuk direkrut. So, pada tahun itu, Kerajaan Malaysia telah melakukan MOU dengan Kerajaan Bangladesh untuk membuka pasaran Bangladesh untuk masuk ke Malaysia. Pada masa itu juga, satu syarikat dilantik namanya Synerflux, yang mana Synerflux ini bertanggungjawab sebagai fasilitator untuk MOU antara Bangladesh dan juga Malaysia.

So, Bestinet pada masa itu telah melaksanakan FWCMS. Hanya modul eQuota tidak diguna pakai sebab di KDN, kuota itu diproses secara manual. Okey ya. So, bila MOU Bangladesh-Malaysia berlaku pada tahun 2016-2017 itu, kerajaan memutuskan bahawa penggunaan modul eQuota telah di-*white label* oleh Synerflux menjadi SPPA. Sebab bayangkan, eQuota telah sedia ada, telah dibangunkan, telah diterima. Jadi, Synerflux sebagai fasilitator perjanjian MOU antara Bangladesh dan Malaysia telah menjemput Bestinet sebagai pembangun sistem dan di-*white label module* eQuota tadi menjadi SPPA atau Sistem Pengurusan Pekerja Asing ya.

So, *that's why* kalau kata tahun 2017-2018 itu, untuk negara-negara lain, semua pergi ke manual ataupun pergi ke KDN. Spesifik untuk Bangladesh, masuk kepada SPPA. SPPA itu adalah sistem yang di-*white label* daripada FWCMS antara perjanjian Synerflux dan Bestinet. Okey, sebab Synerflux sebagai fasilitator, dia tak nak buat sistem. Dia tahu Bestinet, "*Eh Bestinet, kamu dah ada sistem, let's work*



*together. Saya guna you punya sistem, white label-kan dia jadikan SPPA". Tetapi foundationally, it is FWCMS. Sebab dia tak nak start from scratch, right. Dia akan buat benda yang sama, kalau tidak. Jadi, dia kata, "Okey, saya work with you, business to business arrangement. Okey, I white label untuk you eQuota, you pakai, you collect-lah whatever you nak collect tetapi you pay me whatever-lah. The charges yang I buat untuk the customisation". So, that is the arrangement dengan Synerflux, YB.*

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, tidak ada pertindihan *director*-kah atau pemegang saham antara dua syarikat?

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet]:** Tidak ada, YB.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, ada soalan lain? Kalau tidak ada— okey, Naib Pengerusi okey? Kalau tidak ada, saya nak ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berusaha Tuan Ismail Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif. Saya sendiri, saya nak rakamkan ucapan tahniahlah sebab saya nampak CEO ini seorang yang bekerja, sebab apa juga soalan yang dilontarkan, *you managed* untuk jawab dengan jelas dan dengan baik.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet]:** *[Ketawa]* Terima kasih YB, terima kasih YB.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya tidak pernah puji ini, sepanjang tahun ini tapi saya nampak kepuasan di pihak yang bertanya dan saya rasa yang itu patut ada pada setiap CEO syarikat. Memahami, memang *go to the ground* dan bukan hanya duduk di kerusi, bangku CEO semata-mata.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet]:** Terima kasih, YB.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih juga kepada Puan Jusmawar binti Jamaluddin, Ketua Pegawai Komersial; dan juga Tuan Muhammad Shukri bin Abdul Mutalib, Ketua Pegawai Teknologi yang bersama pada hari ini dan semua *team* daripada syarikat yang telah dipanggil. Saya tangguhkan mesyuarat dan prosiding kita pada hari ini pada jam 12.59 tengah hari. Saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat. Untuk semua ahli PAC, minta tunggu sebentar untuk ada perbincangan sedikit. Terima kasih.

**Tuan Ismail bin Mohd Noor [Bestinet]:** Terima kasih, YB Pengerusi. Terima kasih ahli jawatankuasa. *Assalamualaikum*.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.59 tengah hari]***



MALAYSIA

## LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 13 Mac 2024

Bil. 8(c) / 2023

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

#### Prosiding:

**Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAX)  
dan Foreign Workers Centralized Management  
System (FWCMS)**

#### **Kementerian Dalam Negeri**

YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi,  
Ketua Setiausaha

#### **Kementerian Sumber Manusia**

YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud,  
Ketua Setiausaha

#### **Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia**

YBrs. Tuan Kamal bin Pardi,  
Ketua Pengarah

PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA**  
**BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

**RABU, 13 MAC 2024**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*  
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]  
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]  
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]  
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]  
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]  
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]  
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]  
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]  
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]  
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]  
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]  
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Puan Ilyani binti Md Razak [Ketua Penolong Pengarah]  
Encik Amiruddin bin Abdul Karim [Penolong Pengarah]

**Jabatan Peguam Negara**

Puan Norilawati binti Ismail [Peguam Kanan Persekutuan (Bahagian Penasihat)]

**Kementerian Kewangan Malaysia**

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan]  
Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan]

**Jabatan Audit Negara Malaysia**

Puan Yuhanis binti Mohamed Zaki [Penolong Pengarah Audit]

Puan Noraziah binti Morad [Timbalan Pengarah Audit]

Puan Nurul Huda binti Ismail [Ketua Penolong Pengarah]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Encik Ahmad Kamal bin Abdul Rahman [Pegawai Siasatan]

PPJ Encik Mazery bin Mohd Zaini [Penolong Pesuruhjaya]

**Kementerian Ekonomi**

Encik Mohd Shihabuddin bin Mukhtar [Timbalan Pengarah]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Hanim binti Abdul Rahim [Akauntan]

**SAKSI****Kementerian Dalam Negeri**

YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Ketua Setiausaha]

YBhg. Datuk Mohd Zamri bin Mat Zain [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar Dan Kawalan)]

Encik Ayub bin Abd Rahman [Timbalan Pengarah (Kawalan)]

Encik Muhammad Ilmami bin Haji Ahmad [Setiausaha Bahagian]

Puan Sitti Amyrah binti Johari [Pegawai Undang-Undang]

Dr. Hebat Hisham bin Mohd Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian]

Encik Mohamad Syazwan bin Saleh [Ketua Penolong Setiausaha]

Puan Siti Suhana binti Abdullah [Ketua Penolong Setiausaha]

Mohd Nasaruddin Shah bin Abdullah [Juruaudit]

Puan Azurawati binti Abdul Halim [Ketua Penolong Pengarah]

Mohd Nazri bin Salim [Penolong Pegawai Teknologi Maklumat]

Puan Hamizah binti Isa [Penolong Pegawai Teknologi Maklumat]

Puan Nur Zafirah binti Md. Salleh [Ketua Penolong Setiausaha]

**Kementerian Sumber Manusia**

YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud [Ketua Setiausaha]

Encik Mohd Faizal bin Katimon [Ketua Bahagian]

Encik Anas bin Shafie [Pegawai Khas]

**Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia**

YBrs. Tuan Kamal bin Pardi [Ketua Pengarah]

Puan Suraya binti Sulaiman [Penolong Pengarah]

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA

#### BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 13 MAC 2024

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat petang Naib Pengerusi PAC Parlimen, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas, ahli-ahli *ex-officio* Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir petang ini.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hari ini PAC Parlimen akan menyambung semula Prosiding Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan juga Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS) yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2022. Aktiviti kementerian, jabatan Kerajaan Persekutuan dan badan-badan berkanun Persekutuan. Ini adalah merupakan prosiding yang ketiga melibatkan isu pengurusan ePPAx dan FWCMS yang mana prosiding pertama diadakan pada 5 Disember.

PAC telah mendengar keterangan dan juga penjelasan daripada Yang Berbahagia Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri; Yang Berbahagia Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, TKSU Dasar dan Antarabangsa, Kementerian Sumber Manusia dan Yang Berusaha Encik Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah JTK Semenanjung Malaysia.

Prosiding kedua diadakan pada 22 Januari 2024. Jawatankuasa ini telah pun mendengar keterangan dan penjelasan daripada wakil syarikat Bestinet Sdn. Bhd. iaitu Yang Berusaha Tuan Ismail Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif; Puan Jusmawar Hasni binti Jamaluddin, Ketua Pegawai Komersial dan Tuan Mohd Shukri bin Abdul Mutalib; Ketua Pegawai Teknologi.

Lanjutan daripada prosiding yang telah pun diadakan, PAC ingin mendapat beberapa maklumat lanjut berhubung dengan isu ini. Hadir pada hari ini memberikan penjelasan kepada PAC, yang pertamanya, sekali lagi Yang Berbahagia Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi; KSU KDN; Yang Berbahagia Dato' Seri Khairul Dzaimie bin Daud, KSU KESUMA dan juga Yang Berusaha Encik Kamal bin Pardi, KP JTKSM. Jadi, tanpa membuang masa saya dengan ini mempersilakan Yang Berbahagia Datuk KSU untuk memberikan pembentangan sekiranya ada.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli MP ataupun PAC yang hadir pada hari ini terdiri daripada Bangi yang saya nampak ya, Sandakan, Bayan Baru, Saratok dan juga Kluang selaku Timbalan Pengerusi. Mohon maaf suara agak serak sikit. Hari ini sepanjang hari di Parlimen. Tadi dengan Bayan Baru, Jawatankuasa Khas Kanak-kanak dan Hak Asasi Manusia berkaitan dengan pindaan RUU Perlembagaan yang mana saya sendiri mengetuai Jawatankuasa Kerja untuk tujuan tersebut.

Sebelum saya teruskan berkaitan dengan perkembangan terbaru FWCMS, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, daripada 35 perkara yang dibangkitkan dalam laporan LKAN dari 2020-2022, 21 telah selesai, 14 masih dalam kategori kuning dan daripada 14, lapan berkaitan dengan FWCMS ya. Jadi, saya teruskan.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira, bersama-saya hari ini selain daripada KSU KESUMA dan juga KP Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, saya bawa juga Timbalan KSU Dasar; Datuk Zamri, orang yang terlibat secara langsung pelaksanaan berkaitan dengan sistem pekerja asing semasa di KDN. Beliau di KDN dulu, 2015 sehingga 2018, 2019 sebelum ke MOTAC dan *now* dibawa kembali ke KDN.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira dan Ahli-ahli Mesyuarat, berkenaan dengan kontrak FWCMS, sehingga hari ini 13 Mac 2024, kontrak masih belum dapat dimeterai berdasarkan terma Surat Setuju Terima, 12 Januari 2018. Dalam sesi pada 5 Disember yang lepas pun saya dah sebut, mandat yang diberi untuk kontrak FWCMS dan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2021, hanya berdasarkan SST yang dikeluarkan pada 12 Januari 2018.

Jadi, *along the way*, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, bulan ini genap setahun sebulan saya selaku KSU. Banyak usaha telah dibuat. *Engagement* telah dibuat dengan pihak syarikat. Malahan sebelum 5 Disember itu pun memang saya ada buat *engagement*, panggil– saya pun pernah ke

tempat, syarikat di Cyberjaya tetapi secara umumnya sebelum saya *detail*-kan, kontrak masih belum dapat dimeterai. Ada sebab-sebabnya ya.

So, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira, pada 22 Disember 2021, keputusan Kabinet masa itu supaya kontrak dimeterai. Setakat SST yang dikeluarkan pada 12 Januari 2018 iaitu sehingga 31 Mei 2024. So, 31 Mei 2024 ini tinggal dua bulan lebih sahaja Yang Berhormat Datuk Wira. Di peringkat kementerian sendiri, dalam Mesyuarat Jemaah Menteri tercatat dalam minit Kabinet, Yang Berhormat Menteri pada 15 Februari sebut bahawa kita akan *stick* pada untuk tandatangan kontrak tetapi *until now*, tak dapat lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira, saya rasa, tak tahu dalam prosiding yang lepas kita ada sebut ke tak yang mana antara sebab kontrak ini tidak dapat dimeterai disebabkan permohonan ataupun permintaan syarikat untuk *extension* enam tahun dan untuk naikkan harga caj daripada RM100 ke satu kadar yang kalau tak silap saya RM120.

Semasa perbincangan dengan pihak syarikat, pihak syarikat bawa barisan peguam dan sebagainya. *But saya stick* sebagai KSU, *I'm not to sign anything beyond mandated SST dated 12 Januari 2018*, dengan izin Yang Berhormat Datuk Wira. Itu saya *very firm* selaku Pegawai Pengawal. Saya tidak akan *sign* kontrak yang ada elemen *extension of time* ataupun *extension of contract* selama enam tahun dan permohonan untuk menaikkan harga caj daripada RM100 ke RM120.

Dalam laporan LKAN telah disebut pelbagai perkara yang saya sebut tadi ada lapan dan masih dalam status tindakan kuning, untuk makluman Yang Berhormat. Kemudian, ini ingin saya maklumkan, saya tak maklum apa yang pihak semasa sesi yang kedua prosiding PAC berkaitan dengan sistem FWCMS semasa pihak syarikat dipanggil.

Cuma, pihak syarikat ada menghantar surat kepada pihak KDN. *And then*, surat itu saya faham kemungkinan *lawyer* yang drafkan. Ada seolah-olah kalau sistem ini tak wujud dan tak ada jaminan kalau selepas 31 Mei akan berlaku *haywire* ataupun pengurusan pekerja asing yang tidak teratur.

Itu Yang Berhormat Datuk Wira dan Ahli-ahli PAC, saya telah mendapat jaminan daripada Bahagian Imigresen KDN, Bahagian IT KDN, JIM tidak ada masalah untuk kita melakukannya secara dalaman malahan ada *a few transactions* ataupun modul yang ada di dalam FWCMS memang pun kita telah buat secara *online* sendiri.

Contohnya ePLKS dan *even VDR* pun eVDR pihak Imigresen boleh lakukan sendiri. Jadi, surat yang terkini yang saya terima daripada FWCMS agak keras. Saya

pun keras Yang Berhormat Datuk Wira dan saya jelaskan bahawa tanpa sistem FWCMS ini pun proses pengurusan pekerja asing itu masih boleh berjalan.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira dan Ahli-ahli Mesyuarat, yang terkini saya panggil syarikat minggu yang terakhir bulan April. *Sorry*, bulan Februari dan saya hantar surat– *sorry*, minggu yang ketiga.

■1440

Saya hantar surat kepada FWCMS bahawa kementerian, *especially* saya selaku KSU. Sebab dia tujukan surat itu terus kepada KSU, tidak mengambil tindakan dan sebagainya. Saya *reply* surat itu pada 20 hari bulan dan kalau tak silap, dia pun *reply* balik dengan nada yang lebih lembut.

Saya sebut, saya tidak akan *sign* kontrak yang ada elemen *extension of time* enam tahun dan juga peningkatan harga. Saya telah minta bahagian undang-undang sebenarnya untuk serahkan pada mereka draf kontrak ataupun kontrak yang berdasarkan mandat surat SST bertarikh 12 Januari 2018.

Kalau ikut pegawai undang-undang saya Yang Berhormat Datuk Wira, perkara tersebut sedang di pejabat AGC, nak di-*finalise*-kan. Cuma, saya nak minta disegerakan. Saya sebut di sini juga lah walaupun PUU ini di bawah saya, supaya kita dapat serah dan terpulang pada pihak syarikat nak *sign* ataupun tidak.

*At least*, dari segi *documentation* dan kalau ada isu berbangkit, ada *dispute* di luar daripada perbincangan yang ada sekarang ataupun kalau ada susulan pihak audit, pihak SPRM nak masuk dan sebagainya. Kita sudah *put our interest* dan *register* bahawa kita sudah bagi draf kontrak kepada pihak Bestinet berkaitan dengan sistem FWCMS ini dan terpulang pada FWCMS. Saya nak dia *reject* dalam bentuk surat.

Setakat ini, perbincangan– ada minit tetapi saya tidak mahu, *especially* saya selaku pegawai pengawal, dipersalahkan bila mana kontrak tidak dapat ditandatangani. Jadi, saya sekali lagi tekankan, hari ini Rabu. Saya harap, *by* Jumaat, pejabat AGC boleh *clear*-kan draf kontrak berdasarkan SST dan kita serahkan *by hand* kepada pihak Bestinet.

Jadi itu untuk setakat ini, Yang Berhormat Datuk Wira. Cuma, berdasarkan perjumpaan ataupun sesi pada 5 Disember, semua permohonan dokumen-dokumen yang di-*compile*-kan ini telah diserahkan kepada pihak urus setia dan saya harap, pihak urus setia telah ada termasuklah SST mengenai *Bio-Medical* dan sebagainya.

Jadi, saya rasa setakat itu sahaja Yang Berhormat Datuk Wira buat masa ini. Terima kasih banyak.



**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih, Datuk Sri KSU. Saya nak tanya, untuk yang kadar caj RM100 itu kan, ada tak pihak syarikat *justify* kenapa dia nak buat penambahan, berbanding dengan apa yang telah pun— sebelum ini? Dia ada beritahu tak?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Antara yang diminta tambahan— pegawai-pegawai minta tambah poin. Antara yang disebut, dia tak dapat kutip semasa COVID-19. Memang lah, kemasukan tak ada masuk dan sebagainya. Itu setakat ini yang dia sebut lah. Cuma Yang Berhormat, saya suka tarik perhatian, *especially* AGC.

Selalu dalam mengurus kontrak ini— *Alhamdulillah* saya ada pengalaman di ICU dan di MINDEF. Ini kali keenam lah saya masuk PAC. LCS, tiga kali. Ini dua kali. Ada satu lagi— baru sekali. Dalam SST...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Lagi banyak, lagi bagus Datuk Sri.

[Ketawa]

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ya?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Lagi banyak pengalaman.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Yang Berhormat, kesesakan di tambak Johor. *Weekend* nanti hangus, Yang Berhormat. [Ketawa] Saya pergi sendiri buat *spot check*. Ini nak sebut. Surat setuju terima, 12 Januari 2018. Saya nak bagi teguran juga lah kepada rakan-rakan di agensi. *Even* SPRM sendiri ada pernah hantar surat. Kenapa lambat tandatangan dan saya dah balas.

So, dalam surat 12 Januari, saya ingin tarik perhatian Perkara 5. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira dan juga ahli-ahli, saya nak kaitkan sedikit ya. Pengurusan kontrak ini sangat penting dan selalunya dalam penamatan ataupun kadang-kadang kesalahan pihak kontraktor pun, kita *in disadvantage*. Selalu *claim*.

*Even* ada satu yang saya tak mahu sebut. *Claim future losses* pada *company* tetapi ada satu kes ini. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira dan ahli-ahli, saya minta dikirakan *future benefit losses to the government*. *Monetize* semua perkara yang sepatutnya rakyat— contohnya, sistem NIISe lah, Yang Berhormat Datuk Wira. Sepatutnya, dah dapat. Akan memudahkan imigresen tetapi kita tak dapat nikmat— sepatutnya lebih licin. Bila sesak, kami lah dicarinya, JIM dengan KDN.

So, yang itu, saya minta pihak bahagian undang-undang kita, *monetize*-kan *benefit future losses* itu dan untuk makluman Yang Berhormat, yang itu kita kira dalam RM500 juta lebih kita boleh *claim*. Tetapi dalam kes-kes sebelum ini, tak kira lah saya di kementerian sebelum ini yang *company claim future losses* itu ya.

So, nak kaitkan dengan ini, dalam SST itu muka surat dua sebut Perkara 5, jelas. Kerajaan boleh menamatkan atas apa-apa perkara pun dan sebagainya, tanpa pihak *company* boleh *claim*. Jadi, saya nak tarik perhatian lah kepada sahabat-sahabat kita, khususnya di AGC, PUU kita. Itu pun kena baca bersama.

Kadang-kadang kita dimomokkan ataupun dimaklumkan, *company* boleh *claim* kalau kita tak teruskan dan sebagainya tetapi saya *stand firm* yang itu, Yang Berhormat Datuk Wira. Kita kena ikut sepenuhnya. SST kena ikut dan dalam masa yang sama, kontrak yang sekarang ini masih belum dapat dimeterai disebabkan itu.

So, kalau saya nak menjawab Datuk Wira tadi, kecuali ada tambahan. *Why RM100* itu dia minta? Sebab dia sebut dia tak dapat kutip setahun dua semasa PKP. Ada nak tambah, IM? Tak ada? Kalau tak ada, betul lah itu, Datuk Wira. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih, Datuk Sri KSU. Saya bukakan pada Ahli-ahli Yang Berhormat lain untuk tanya soalan. Bangi.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Ya. Terima kasih, Datuk. Berdasarkan apa yang Datuk dah kongsi tadi berkenaan dengan perjanjian ini, *what are the chances*, dengan izin, bahawa perjanjian ini akan akhirnya dimeterai ataupun Datuk merasakan bahawa kemungkinannya adalah ia tidak akan dimeterai pada akhirnya?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** 0 percent, Yang Berhormat, kalau dia tak ikut SST 2018. *I'm a risk taker*, Yang Berhormat Datuk Wira. *Calculated risk, as a pegawai pengawal. That's why I* ada di sini ini, walaupun ada pegawai ramai. *There is no way* untuk *sign*, kalau ada elemen of six years of extension dan juga naik RM100 sebab kita tak ada mandat.

Kalau mungkin ada permohonan lain *and then* perlu angkat lain *and then* itu mungkin *different story* lah. Tetapi, keputusan kami ada dua lah benda, Yang Berhormat Bangi. Satu, SST 2018. Kedua, keputusan Kabinet 2021 dan Yang Berhormat Menteri saya pun ada sebut dalam— tadi, ada saya sebut itu. Memang disebut dalam nota – dalam Mesyuarat Kabinet bahawa kita akan *sign* berdasarkan kontrak sehingga 31 Mei 2024 sahaja.

Cuma, Yang Berhormat Datuk Wira dan Ahli-ahli PAC, saya ingin tarik perhatian lah. *The delaying game* ini— *hat* ini nak sebut lah, pun pernah berlaku di

KDN sebelum ini. SST keluar tetapi kontrak tak ada pun ya dan saya nampak— *I can smell the same tactic* pun mungkin berlaku untuk sistem ini ya.

Jadi, ini satu benda yang tak sihat lah, Yang Berhormat Bangi. So, untuk menyebut pasal tatakelola, saya sedang melaksanakan tatakelola tersebut, Yang Berhormat Bangi. Terima kasih.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Nak tanya sedikit lah. Adakah biasa, satu-satu syarikat itu. Dia nak tambah lagi enam tahun. *Before this*, dah enam tahun. Kontrak pun tak *sign* tetapi saja nak *try another six years*. *Hopefully* dipersetujui.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Yang Berhormat, *normally, in normal contract, sign contract* dulu. Ada kontrak *and it's normal* untuk ada *extensions, based on a few reasons* lah. *One, because of maybe performance* bagus. Kedua, tender tak *ready* lagi untuk yang baharu. Ketiga, kita nak jimatkan kos sebab bila *extension, there can be in two conditions* lah. Satu, ada peningkatan harga. Kedua, tak ada peningkatan harga.

So, nak menjawab Yang Berhormat Kapar. Ya, *It is normal* tetapi untuk dapat *extension*— tetapi *the first agreement* itu kena *sign* dulu. Tetapi dalam konteks ini, *agreement* yang pertama pun Yang Berhormat tak ada lagi tetapi dah minta *extension*. Saya tak pasti sama ada pihak syarikat— macam saya sebut tadi, *try to—delaying game* ini.

*At the same time*, tak tahu apa yang berlaku lah. Walaupun kata tak kutip dan sebagainya. Itu saya tak nak ulas tetapi ada *question mark* lah di pihak kami. Tak kutip *but still can survive and claim, have already spent RM100 million* tanpa *even* kutip satu pun.

#### ■1450

Jadi, ini yang selalu bila kami dapat surat daripada AGC *or* kena cepatkan untuk sain dan sebagainya sebab *company* mempunyai hak untuk kutip. Tapi saya sebut tadi dalam muka surat dua Perkara 5 itu pun sebut, "*Kita mempunyai hak*". Contohlah, dia tak mahu sain sampai sekarang. *That's why* saya minta PUU *by this week* kita *finalise*-kan. Dia tak mahu sain itu pun terpakai Perkara 5 muka surat dua itu Yang Berhormat Datuk Wira.

Kalau saya menjawab YB Kapar, *yes*. Normal untuk buat *extension* tapi mesti ada — kontrak yang pertama mesti sain. Kalau kontrak yang pertama tak sain minta *extension* setakat 28 tahun perkhidmatan saya Yang Berhormat tak jumpa lagi. Tak tahulah kawan-kawan ada jumpa kah tak. Saya tak jumpa lagi Yang Berhormat, terima kasih.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *Is it part of good governance? Kalau – the same duration, enam tahun then enam tahun lagi? Kut-kut ada yang lebih baik daripada kita menunggu. No, this is assuming you all apa sains, bukan? Secara umumnya, not just this one. I'm talking about good governance punya...*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Saya Pengerusi Lembaga Perolehan, kadang dipohon kontrak dua tahun, kata bekal makanan ke PGA. Kadang saya sambung tiga bulan sahaja ataupun saya sambung enam bulan dan saya minta tender. Ada *tendency* untuk – sebab dalam kontrak membenarkan Yang Berhormat Kapar, mana-mana kontrak, contohnya kontrak tu RM1 juta tempoh dua tahun dia ada dua. Satu tak boleh melebihi 50 peratus. Maknanya dia boleh tambah RM500,000 dan tak boleh lebih daripada tempoh setahun, contohnya. Memang itu yang dibenarkan. Tapi dalam keadaan umum, enam tahun dia cuba, Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Enam tahun dia cuba tapi macam saya sebut tadi ada banyak kes. Kalau saya pengerusikan, agensi minta sambung saya tengok tender baru bila boleh *award* dan saya sambung dalam tiga ke enam bulan, contoh kalau yang makanan. Ini dia cuba.

*Why* enam tahun? Ini satu lagilah saya nak sebut juga. Kontrak, sekejap ya. *Sorry*, saya sudah lupa kontrak apa. *Why* enam tahun? Enam tahun tak perlu melalui UKAS. *[Ketawa]* Hanya melalui Kementerian Kewangan sahaja. *If more than six years, so*, dia melalui UKAS. Ini saya nak sebut pasal ini, kontrak *facility management* di BSI ini yang berlaku sedikit *havoc* disebabkan *power trip*. Kontak FM itu lima tahun dan hanya di bawah Kementerian Kewangan, tender JKR. Tapi kontrak untuk KSAB. KSAB, ya? KSAB betul, Ambang Wira. Dia kontrak konsesi, dia lebih daripada enam tahun. *So*, kontrak konsesi di bawah UKAS, Kementerian Kerja Raya yang *handle*. Kontrak yang biasa lima tahun ini di bawah JKR walaupun *parent*-nya kementerian dan di-*handle* oleh JKR walaupun duitnya duit KDN.

Jadi, saya nak sebut Yang Berhormat *intention*-nya kenapa dia tak minta 10 tahun? Sebab dia akan melalui proses yang panjang, ulasan Kabinet dan sebagainya, kan. *So*, enam tahun itu sebab tidak perlu melalui proses yang itu dan hanya kelulusan di Kementerian Kewangan *if less than seven years. To be exact six years*, Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Helo Pengerusi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sekejap, ya. Saya nak tanya dulu. Lepas itu saya bagi pada Saratok *then* Kluang.

Bagaimana kalau – saya nak tanya soalan ini pada KSU KSM, Sumber Manusia sebab sebelum ini pun pernah jadi KP Imigresen. Jadi, memang mengetahuilah *how* selok-belok dan juga kepenggunaan sistem tersebut. Bagaimana kalau sekiranya sistem FWCMS ini tidak dilaksanakan? Pada prosedur yang lepas saya tanya pada Datuk Ruji, Datuk Ruji kata, “*Tak apa. Back to manual pun shouldn’t be a problem*”. *But* saya nak tahu, apakah *effect* dipihak imigresen sekiranya ia tidak digunakan dan berbalik pada manual ataupun sebagainya? Terima kasih.

**Dato’ Sri Khairul Dzaimie bin Daud [Kementerian Sumber Manusia]:** Yang Berhormat Datuk Pengerusi dan semua Ahli-ahli PAC yang saya hormati sekalian. Sekiranya sistem ini ditamatkan pada bulan Mei – imigresen sendiri mempunyai sistem yang dipanggil MyIMMS untuk menguruskan semua *transaction* yang berkaitan dengan imigresen.

Selain daripada itu, saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Pengerusi dan semua Ahli-ahli Mesyuarat. Di KSM sistem e-P-P-A-x atau disebut sebagai ePPAx ini, sistem ini sebenarnya boleh menjadi pelengkap kepada urusan kemasukan pekerja asing sekarang ini. Sekiranya ada keputusan dasar bahawa sistem ini digunakan. Sistem ini boleh menjadi sistem sementara. Saya cadangkan begitu, sementara menunggu sistem NIISE yang sedang dibangunkan semula oleh kementerian dan imigresen sekarang ini disiapkan dan beroperasi sepenuhnya.

Jadi, kalau ditanya pandangan saya berdasarkan pada pengalaman, satu, dua bulan pertama mungkin akan ada sedikit *hiccup*, sekiranya sistem ini ditamatkan. Tetapi selepas itu saya percaya *things will be back to normal*. Kita boleh uruskan. Kalau dipersetujui untuk menggunakan sistem ePPAx ini, keadaan itu boleh diuruskan dengan lebih cekap, YB. Terima kasih.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Saya nampak di antara syarikat ini dengan kementerian macam *game of brinkmanship you know. The last-minute decision* itu. Kita tak nak juga kementerian dia dalam keadaan macam *on ransom*, itu tak nak juga. Tapi walau bagaimanapun, sekiranya tidak disambung kontrak ini, adakah KDN akan melantik syarikat yang baharu yang sama seperti FWCMS itu? Ataupun *upgrade* sistem ePPAx dan sistem yang lain itu? Adakah dilantik semula *company* yang *similar*, sama *function* dengan FWCMS itu?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Untuk makluman Yang Berhormat seperti yang Dato’ Sri Khairul Dzaimie sebut tadi, nak

menjawab tanpa FWCMS pun boleh. Kedua, kita tidak ada perancangan pun untuk menggantikan ataupun untuk melantik pengendali seperti yang sama macam ini.

Ini Yang Berhormat, untuk makluman dia *user pays*. Sepatutnya dia tidak ada kos pun pada kerajaan sebab *user pays*. Sebarang pembangunannya pun adalah atas kos pihak syarikat sendiri. Cuma terus terang Yang Berhormat Datuk Wira macam mana dia *come out* dengan *RM165 million a year then times six* dapat satu *over billion based on SST*. Even kalau dari segi teknikal bawa ke mahkamah pun SST tak boleh ini pun, campuran antara jumlah – *RM165 times six plus* – GST masa itu ada kurang RM400,000 dalam itu. Teknikalnya, YB Kluang kalau bawa ke mahkamah dia ada *dispute* dia. Bukti dia tak ini ya tapi *I'm not trying to say about that*.

Tapi apa yang saya sebut ialah tanpa sistem ini pun kita boleh berjalan. Macam Dato' KP sebut dia lagi berpengalaman. Setakat ini kita tidak bercadang pun untuk melantik syarikat macam ini yang *user pays* seperti yang ada sekarang untuk makluman Yang Berhormat.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Jadi, saya ada soalan berkenaan sekiranya kontrak akhirnya dimeterai antara kerajaan dengan Bestinet, apa kos yang dijangkakan akan ditanggung oleh kerajaan iaitu dalam *best scenario*-lah? Minimumnya berapa yang perlu ditanggung oleh kerajaan? Kerana kita perlu selesaikan kes ini juga.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ikut SST Yang Berhormat Kluang. SST sebut, "*You can collect RM100 per issuance of PLKS and user pays*".

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Tapi sekarang mereka nyatakan mereka tak kutip. Jadi— So, kerajaan akan cuba untuk *fight*-kan. Akhirnya, apabila kontrak dimeterai pun tiada *single cent* akan ditanggung oleh kerajaan kah macam mana?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Untuk makluman Yang Berhormat. *[Ketawa]* Ini tambah lagi. So, dia Bestinet ini mempunyai kontrak *biomedical service (BMS) since 2015 up to 2022*. Then, they can collect *RM100*. Selepas BMS ini habis, sepatutnya dia masuk di bawah FWCMS. Dia *part of module* dalam FWCMS. *On paper* sepatutnya dia tak dibenarkan *collect* sebab *user pays* Yang Berhormat Kluang, *user pays* kita tak mahu tahu dia ambil kah tak ambil, bukan?

Tetapi *from 2015 till 2022* dia boleh *collect based on contract* BMS. Itu ada kontrak *RM100* dan sepatutnya BMS itu *part of FWCMS*. Jadi, apabila FWCMS jalan dia kutip. So, macam inilah Yang Berhormat Datuk Wira dan Kluang dan Ahli-ahli PAC, *on paper* seolah-olah dia tidak kutip dah BMS itu *since* saya tidak ingat bulan 2022 sebab Kabinet kata sambung setahun.

Tetapi FWCMS masih jalan ini, ya. Modul BMS itu masih ada dalam FWCMS. Jadi, hendak buktikan dia tidak *collect* memang tidak boleh dapat buktikan tetapi hendak sebut bahawa BMS yang dia patutnya *collect RM100* dulu dibenarkan *on paper user pays* masih digunakan sampai sekarang, Yang Berhormat. Terima kasih.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi]:** Itu maknanya kalau kita ambil alih sepenuhnya sistem FWCMS, bukan BMS sahaja ya, kita ambil alih seluruh sistem itu, berapa kita kena bayar? Ikut SST saja kah apa? Atau kena kira semula kos itu?

**Datuk Haji Ruji Bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ada yang boleh bantu? Kalau ada pandangan lain? Pandangan saya sebenarnya tidak ada – dalam perjanjian dah jelas dah, yang dia boleh *collect* hanya *RM100 per worker* yang masuk kecuali ada tambahan, Encik Ayub kah, IM kah. Silakan. Ikut perjanjian. So, ikut perjanjian itu Yang Berhormat Kluang, itu saja yang dia boleh kutip ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Datuk Pengerusi, kalau boleh saya– Kluang, you hendak tanya lagi?

**Datuk Wira Mas Ermieyati Binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Apa?

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi]:** Berkenaan...

**Datuk Wira Mas Ermieyati Binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ada sesiapa hendak jawab kah tadi? Tidak ada, ya? Okey. Yang Berhormat Kluang.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi]:** Okey. Ada satu soalan lagi. *Since* tadi kita ada sebut tentang MyIMMs dan sebenarnya kita pun tahu MyIMMs ini akan diganti oleh satu sistem yang baru, *National Integrated Immigration System* (NIISe) juga. Sekarang masih dalam proses pembangunan atau dah siap?

**Datuk Haji Ruji Bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Dato' Sri Khairul Dzamee lebih cekap ini tetapi saya hendak jawab begini. Kontraktor lama dah ditamatkan *because of default* lah. Itu dibawa ke pihak atasan dan memang *by default because of the delay*. Then, kita tidak mahu ada risiko. Kita bagi dia masa setahun untuk makluman Yang Berhormat Kluang tetapi tidak boleh *perform* lagi *based on deliverables* dan *time* yang diberi. Kita dah– KDN sedang membuat RFI dan sedang dalam proses untuk melantik yang baru sebelum angkat ke Kementerian Kewangan untuk *final*-kan sebab daripada 1.1 *over billion* yang kontraktor lama *claim* dalam RM1.100 juta lebih.

Tetapi dari segi penyediaan dokumen, *requirement user* – yang itu masih boleh digunakan, ia bukan tidak boleh digunakan dan kontraktor yang baru, siapa-siapa yang baru yang dapat ini dia akan meneruskan kontrak ini berdasarkan siling yang sedia ada.

Kita harap pelantikan ini dapat dibuat segera setelah pihak KDN memutuskan sebab dia lebih RM50 juta, Yang Berhormat Kluang. Kita akan hantar– saya ingat dalam– *I think by May* boleh hantar ke Kementerian Kewangan. NISe betullah Yang Berhormat adalah menggantikan keseluruhan sistem yang ada di JIM pada masa sekarang.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi]:** Okey. Jadi, semua sistem yang dipakai oleh KDN memang pentinglah kerana semua berkait dengan keselamatan negara. Jadi, apabila kita meneliti kes ini FWCMS, ePPAX dan sebagainya isu pertama adalah *confusion*. Ketika Jemaah Menteri buat keputusan ambil 10 tahun yang lalu dalam satu mesyuarat Jemaah Menteri menyatakan ePPAX adalah *single window* dan pada mesyuarat yang sama juga menyatakan FWCMS adalah *single window* untuk pengurusan pekerja asing.

Sekarang, apabila kita meneliti dokumen-dokumen lampiran yang dibekalkan kepada PAC, baru kami tahu bahawa KDN mungkin akan membangunkan satu sistem lagi dan sebenarnya Menteri pun ada sentuh sikit apabila ditanya oleh media di luar sana iaitu *Foreign Labour Demand Supply Portal*.

Jadi, sebenarnya apa rancangan pengurusan IT KDN sebenarnya? Berapa sistem kita hendak tubuhkan, hendak bangunkan untuk pengurusan kemasukan pekerja asing dan juga warga asing?

Ini kerana dalam 10 ke 20 tahun, pelbagai sistem kita guna dan hampir setiap sistem ada masalah dan sehingga kini tidak dapat diselesaikan. Jadi, apa rancangan ataupun ada KDN mempunyai *blueprint* untuk pengurusan IT atau sistem kemasukan pintu negara kita tidak? Terima kasih.

**Haji Ruji Bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Jawapan yang pertamanya NISe itulah. NISe itu sepatutnya menggantikan keseluruhan sistem imigresen. Untuk makluman Yang Berhormat, memang sistem MyIMMs yang ada sekarang saya ingat daripada tahun 2013 kalau tidak silap ya, dah agak tua lah ya, Yang Berhormat. NISe itu sepatutnya menggantikan keseluruhan sistem.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi]:** Jadi, pendirian KDN adalah iaitu akhirnya kalau FWCMS tidak dapat dilaksanakan kita *make sure* NISe boleh dijalankan pun boleh?



**Datuk Haji Ruji Bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Yang Berhormat, tadi Dato' Sri Khairul Dzaimie dah sebut dah ePPAX itu lebih awal daripada FWCMS. Patutnya tidak perlu pun hendak FWCMS. ePPAX sajalah ya. *Then*, macam saya sebut awal tadi, *company* seolah-olah tulis surat– boleh saya sebut macam ugutanlah kalau ini berlaku tetapi saya tidak makan ugut ya, Yang Berhormat. Saya balas balik kita *ready* untuk *cater* secara– contohnya, BMS Yang Berhormat ya, *biomedical* ini contoh di negara X dia buat pemeriksaan kesihatan di negara X dah buat, lepas itu dia gunakan sistem FWCMS, sampai sini dia masih pergi FOMEMA lagi *second checking*. Bukan dia lepas di sana dan dia terus.

*So, instead of* dalam sistem dia di negara X, klinik A kata dia buat situ dan dihantar laporan secara *online*, sampai sini dia keluar daripada imigresen kita, dalam tempoh sebulan dia kena pergi FOMEMA lagi *and then* barulah keluar PLKS. Jadi, Yang Berhormat Kluang, sebelum tahun 2018 kita tidak ada sistem pun dan mengambil pekerja asing ini sejak tahun 2000 lebih, 2000, 2001 kita ada bawa masuk pun ya.

Kalau– yang paling saya– ini saya hendak register juga di sini jugalah ya dakwaan sistem ini lebih teratur, mengurangkan rasuah, ketirisan dan sebagainya, untuk makluman Yang Berhormat sebab kena baca juga *statement* Yang Berhormat Menteri dalam program rekalibrasi kami, ada *1.1 million* yang register. Itu ada tiga kategori. Satu, yang *over stay*, kedua mungkin menyalahgunakan pas dan sebagainya, ada *1.1 million*. *So*, satu sistem pengurusan pekerja asing sepatutnya *end to end*, Yang Berhormat. Daripada dia masuk sampai dia keluar dia sepatutnya bertanggungjawab terhadap sistem tersebut.

Tetapi yang ini tidak, memang *on paper*-nya cantik tetapi bila ada pekerja *stranded*, tidak ada kerja ataupun dia bertukar majikan, sistem ini tidak boleh *cater*. Dia boleh *cater* yang awal saja. *Collect RM100, the rest up to the government*. Malahan ada salah seorang pentadbir kita pun sebut di kalangan anggota pentadbiran, “*Tidak apalah, masuk itu dia orang punya kerja, tetapi penguatkuasaan imigresenlah*”. *Then*, kita kena *balance* dalam sudut itulah, Yang Berhormat Datuk Wira. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati Binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Bukan kah– sebab kita tengok bila daripada prosiding yang lepas dan sebagainya apabila kita melihat bahawa *delay of time*. Maksudnya masa yang panjang. Maksudnya, kepimpinan negara berubah dan sebagainya, perubahan yang berlaku dalam organisasi kementerian juga menyumbang kepada kelewatan untuk memuktamadkan perjanjian ini. Betul?

Apabila kerajaan tidak membayar satu sen pun kepada syarikat ini, dalam usaha syarikat untuk membuat penambahbaikan sebagai mana keperluan ataupun kehendak *end user*, maksudnya KDN tidakkah itu macam kita rasa macam *it is unfair* untuk *company* dalam waktu dia tidak dibayar dan sebagainya tetapi *expectation* pihak kementerian berkehendakkan lebih daripada apa yang dibuat?

■1510

Contoh, kalau sekiranya ada bayaran dibuat, sekurang-kurangnya dia boleh menambah baik ataupun menaik taraf sistem tersebut, satu.

Kedua, saya nak tahu dalam situasi ini, kita takut kalau sekiranya tidak dimuktamadkan atau sekiranya kerajaan memutuskan untuk *stop* daripada penggunaan FCWMS ini, jadi, bagaimana dalam situasi kerajaan? Ada tak kerajaan ataupun KDN memikirkan situasi menang-menang di antara KDN dan juga pihak syarikat? Apa sebenarnya yang KDN hendak sebenarnya? Apa yang KDN mahukan?

*At the end of the day*, kita kluatir nanti kalau dihentikan *agreement* ini nanti, tindakan perundangan yang diambil, jadi akan memberi impak bukan sahaja perundangan tetapi juga ruginya pada pihak negara. *I mean*, kerajaan. Sedangkan daripada bukanlah syor— maksudnya *even* AGC pun kata patut dimuktamadkan. *Even* SPRM pun kata patut— perjanjian ini patut *just sign*, muktamad. Jadi, saya nak tahu apa sebenarnya KDN perlukan, nak?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ringkasnya YB, satu, ikut perjanjian. Ikut perjanjian, yang pertama. Kedua kalau dia tandatangan *then* kita *owner* pada apa yang ada dalam kontrak tersebut dan saya sebut daripada awal tadi, saya tidak ada mandat untuk buat *extension*, Yang Berhormat Datuk Wira. So, kena tengok balik mandat macam mana pihak Bestinet dapat masa 2018. Kena balik macam itu.

So, setakat ini, tiada permohonan ataupun kalau boleh saya sebut, arahan untuk *extension* ini dibuat. Kalau kata ada dibuat, kami akan buat Memorandum Jemaah Menteri, Yang Berhormat Datuk Wira untuk angkat. Stail saya *very accommodative* Yang Berhormat. Kita masih menjunjung tatakelola dan kalau ada arahan untuk buat penyambungan dan sebagainya, saya tidak akan angkat ke MOF dan sebagainya. Kita akan angkat Memorandum Jemaah Menteri, untuk makluman Yang Berhormat sebab perkara ini pernah dibincang di Jemaah Menteri 2021. Malahan, dalam Kerajaan Perpaduan pun pernah disebut dalam nota Jemaah Menteri, Yang Berhormat.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, saya ada soalan susulan dari soalan tadi.

Jadi, pertama. Kalau kita pakai NIISe sepenuhnya, gantikan MyIMMs sekarang, boleh tak NIISe itu *integrate* dengan ePPAx seperti apa yang dinyatakan oleh Datuk Ruji tadi sebenarnya ePPAx dibangunkan lebih dahulu. Jadi kalau tidak ada FWCMS pun, MyIMMs boleh *enforce* mengikut kenyataan KSU KESUMA.

Jadi, kalau kita sekarang ada satu sistem imigresen yang baharu iaitu NIISe, akan sistem ini akan *integrate* dengan ePPAx dan kita tak perlu FWCMS langsung ataupun ada rancangan lain? Khasnya sekarang saya ambil berat tentang mungkin ada satu portal lagi. Apa fungsi portal itu, Foreign Labour Demand Supply Portal? Tadi Datuk Ruji nyatakan bahawa NIISe adalah seharusnya penyelesaian tetapi sekarang ada portal juga. Jadi bagaimana ya?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** NIISe keseluruhan, Yang Berhormat Kluang dari segi nak meningkatkan kapasiti pengurusan keluar masuk *e-gate*, *especially* sistem kita sekarang memang agak lembab untuk makluman kadang kalau [*ketawa*] dan sepatutnya dalam NIISe tu lah yang ada *element of face recogniton* dan sebagainya. Patutnya dia lebih cepat.

Cuma boleh *integrate* ke tak boleh *integrate*, saya minta Dato' Sri Khairul sebab dia pun masa NIISe, dia lah. Dia sebenarnya *champion* pada NIISe ini ya. Cuma, tak berjaya *deliver*, tak *score goal*. Tak *score goal* bukan sebab dia sebab *company* yang buat NIISe tu memang by *default* dia tak *deliver*, untuk makluman.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Apa nama syarikat itu ya? Yang *default* itu?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Iris.

**Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud [Kementerian Sumber Manusia]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Iris Corporation.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Dato' ini boleh sambung lah fasal ePPAx, okey.

**Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud [Kementerian Sumber Manusia]:** Yang Berhormat, soalan sama ada boleh diintegrasikan ataupun tidak, jawapannya boleh ya. NIISe boleh diintegrasikan dengan ePPAx. Saya ingin memaklumkan sedikit — memberi sedikit maklumat tambahan di sini. Kita tidak seharusnya keliru antara sistem pekerja asing dengan NIISe.

NIISe ialah sistem keseluruhan imigresen yang merangkumi visa, pasport, keluar masuk di airport, lapangan terbang, di mana-mana jua pintu masuk negara dan dia akan menggantikan keseluruhan sistem yang ada sekarang. Di dalam sistem

NIISe juga terdapat modul pekerja asing yang boleh digunakan sama ada di Malaysia ataupun di peringkat global oleh pejabat-pejabat *attaché* imigresen di luar negara.

Berbalik kepada soalan tadi, boleh diintegrasikan tidak ada masalah, Yang Berhormat kerana ePPAx juga diintegrasikan dengan sistem lain iaitu sistem PERKESO. Sebelum seorang majikan dibenarkan memohon kuota untuk pekerja asing, majikan hendaklah terlebih dahulu membuat iklan di dalam MYFutureJobs yang dikendalikan oleh PERKESO dan sistem itu berintegrasi dengan ePPAx. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Terima kasih Dato' Sri Khairul.

**Datuk Wira Mas Ermeyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okay Sik, lepas Sik, kita...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Terima kasih Datuk Wira. Soalan saya sedikit sahaja. Status terkini ya, dijangka ditandatangani pada Mac 2024. Jadi, maknanya Datuk KSU mungkin sudah ada tarikh yang itu ya. *The possibility* untuk ditandatangani itu, kecenderungan itu maknanya ke arah mana? Jadi ke tak jadi? *[Ketawa]*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Saya, jadi.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Jadi?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** *Based on* mandat SST 2018. *That is why* saya minta PUU— hari ini Rabu, Jumaat kalau boleh dah dapat dah dari pejabat AGC untuk kita hantar. Soal— pada pihak kami YB memang saya dah *clear*. *Direction* saya *clear*. Cuma yang *delay* ini sebab *diaorang* asyik bincang fasal *extension*, padahal beberapa kali perjumpaan, saya kata *I'm not going to sign* kalau ada *extension* dan sebagainya.

Ini disebabkan saya tidak ada mandat untuk itu dan Kabinet dah buat keputusan pada tahun 2021. Ada nota Jemaah Menteri pada tahun 2023 perkara berkaitan tersebut menjelaskan bahawa kontrak kena dimuktamadkan. Malahan, surat SPRM khususnya yang *query* kita kenapa masih belum lagi. Kita maklumkan balik ya, yang penting kita balas balik.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Di pihak Bestinet sendiri, apa...

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** *Diaorang* tak— di— *hearsay diaorang* tak mahu tandatangan sekiranya dua perkara tersebut tidak dipertimbangkan.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Okey, baik.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Cuma bayangkan Yang Berhormat Datuk Wira. Bukan saya nak mempengaruhi ya, dah di hujung-hujung, dua bulan lebih masih tak tandatangan dan *claim* tak kutip but *service still* dibagi ya. Saja saya buka untuk renungan kita bersama. Okey.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Okay, yang kedua. Sedikit tambahan. Di pihak kementerian sendiri, aduan dan dakwaan Pertubuhan Kebangsaan Agensi Perkhidmatan Swasta Malaysia (PAPSMA) sekarang ini yang katanya Bestinet akan saman dia. Jadi, nampak ada pertelagahan di situ ya.

Jadi, adakah juga diambil kira oleh kementerian apa yang didakwa oleh PAPSMA ini yang menyebut sistem yang sedia ada sebelum ini ada masalah— lewat, lepas itu tidak di-*update*. Jadi, itu adakah juga diambil kira dalam kontrak? Kalau nak ditandatangani Mac ini? Ya, terima kasih.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Saya terusterang Yang Berhormat, kalau saya boleh jawab, saya jawab. Saya tidak ada *info* tentang itu kecuali ada— pertubuhan apa tadi Yang Berhormat?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** PAPSMA. Pertubuhan Kebangsaan Agensi Perkhidmatan Swasta Malaysia. Dalam laporan media, Bestinet akan saman dia kerana buat fitnah kepada dia.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Oh.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Jadi, ini juga ada— mungkin ada...

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Saya— di luar pengetahuan saya. Ya? Tak ambil kira? [*Bertanyakan sesuatu kepada pegawai pengiring*] Ya. So, saya tidak boleh jawab bagi pihak lain, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Khairul Dzamee bin Daud [Kementerian Sumber Manusia]:** Pandangan saya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tadi adalah *business-to-business arrangement* yang tidak melibatkan pihak kerajaan, Yang Berhormat. Jadi, kalau dia saman Bestinet ataupun Bestinet saman dia, B2B.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Maksud saya itu dakwaan dia itu maknanya sistem yang dijalankan sebelum itu ada kelemahan. Jadi, walaupun kita kata kita akan mengambil kira SST 2018 itu.

Jadi, saya lihat perlu juga diambil maklum apa yang sebenarnya didakwa oleh pertubuhan kebangsaan ini kerana itu juga maknanya akan memberi kesan kepada perjalanan selepas kontrak itu. Kalau ditandatangani.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Pengerusi, mungkin nak tanya sedikit. *Worst scenario*. Okay, *worst scenario* daripada perspektif syarikat ini.

**■1520**

Selain daripada dua benda yang dia nak, permohonan lanjut enam tahun dan kenaikan caj RM100– yang dia kata prasyarat yang dia nak *sign*, yang dia nak bersetuju *sign* ini, kontrak. So, cuba kita *pre-empt*. Selain daripada itu, *what else?* Kalau cakap *win-win* apa itu tadi bukan, yang dia– *what do they lose if they don't sign? After all*, dua bulan sahaja lagi. *What do they lose?*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Saya tak dapat buat ramalan Yang Berhormat. Soalan mudah tapi saya tak boleh jawab. *[Ketawa]* Minta maaf lah.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *What did you– costs?*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** *What is going to happen* pun saya tak boleh– selalu, bahasa yang kami gunakan *natural date* lah by *31<sup>st</sup> of May*. *Because* di pihak kami, ini elok juga lah saya ini. Pihak kami, katalah– dia sebab ada satu surat itu yang *the last letter received by me*. Memang seolah-olah kata kalau sistem ini tak ada akan *haywire* dan sebagainya. *That's why I called for the meeting and* dapat *feedback* daripada IT, JIM dan sebagainya. *Then we can handle it*, untuk makluman Yang Berhormat. Tetapi untuk dua soalan Yang Berhormat tadi itu, saya rasa saya tak boleh...

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *Natural date? [Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ya, *natural date*.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Saya rasa saya nak tanya balik kepada isu yang Yang Berhormat Kluang tanya tadi, pada awal tadi lah. Pada– sebab sampai sekarang saya rasa PAC masih belum dapat jawapan yang memuaskan iaitu pada Kabinet, MJM 26 Ogos 2015. Kenapa ada dua *single window* yang telah dibuat keputusan? Saya nampak sekarang hari ini, KSU KDN ada di sini. KSU KESUMA pun ada di sini. Jadi, tolong lah bagi pencerahan kepada PAC, kenapa dalam satu Kabinet hari yang sama membuat keputusan *single window* untuk ePPAx dan juga *single window* untuk FWCMS yang sangat bercanggah. Mohon pencerahan.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Saya mohon bantuan pegawai-pegawai saya Yang Berhormat. Mungkin Dato' Sri Khairul Dzaimiee mungkin boleh jawab tetapi untuk KDN itu. So, ada yang boleh bantu? Saya tak boleh– *I have no knowledge* apa yang berlaku. Saya baca sama macam Yang

Berhormat Bayan baca tetapi apa di sebaliknya itu saya tak boleh berikan. Kalau saya– terus terang, *my style* kalau saya tak tahu saya tak akan jawab. Cuma, minta tolong pegawai-pegawai IM sebelum Dato' Sri Khairul Dzaimiee. Ada? Ataupun Dato' Sri Khairul Dzaimiee dulu lah.

**Dato' Sri Khairul Dzaimiee bin Daud [Kementerian Sumber Manusia]:** Yang Berhormat, pada 25 Februari 2015 Jemaah Menteri ketika itu telah memberi kelulusan peruntukan bersetuju supaya ePPAx ini dibangunkan untuk menambah baik sistem permohonan pekerja asing secara *online*. E ya. Sebab itu dipanggil ePPAx. Sebelum itu, pada tahun 2011, sistem ePPAx ini dibangunkan secara dalaman oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Kemudian ia digunakan untuk kegunaan dalaman sehinggalah tahun 2015 dan ia dibangunkan sebagai satu sistem untuk urusan pekerja asing.

Fasa 1 selama 17 bulan, dimulakan pada tahun 2016 dan siap pada tahun 2017. Isunya Yang Berhormat, *in between*, selepas itu, datang pula FWCMS dan FWCMS digunakan dan diintegrasikan dengan sistem MyIMMs imigresen. Sebab itu kedua-dua sistem ini berjalan serentak dan ePPAx tidak berkembang menjadi satu *single window* untuk pengurusan pekerja asing.

Jadi, kalau ditanya kenapa ada dua sistem? Dasar ketika itu Yang Berhormat. Dasar ketika itu yang tidak membuat keputusan bahawa jangan *develop* sistem lain selain daripada ePPAx yang telah diluluskan. Peruntukan sebanyak RM20 juta pada tahun 2015 ini. Tetapi ketika itu dibenarkan juga sistem lain berjalan.

Jadi itu jawapan terbaik yang boleh diberikan daripada kami penjawat awam, Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Terima kasih Dato' Sri Khairul Dzaimiee.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *I think*– masih lah. Saya masih keliru lagi lah sebab dalam mesyuarat Kabinet yang sama, takkan buat keputusan yang bercanggah kerana kedua-dua pun dikira sebagai *single window*. Okey. Jadi, kalau kita tak ada jawapan, *then you know, what can we do* lah ya. Terpaksa kita *proceed* juga.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Boleh panggil Yang Berhormat. Saya, LCS orang yang *retired* pun boleh panggil. Yang 2015 itu. Saya, LCS as a TKSU saya jawab tetapi bekas-bekas panglima boleh panggil. Jadi Bayan Baru, ada jawapannya Bayan Baru. Minta urus setia panggil siapa sediakan 2015 itu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Kalau kita panggil, kena minta Dato' Sri bawa lah seorang daripada penjara nanti. *[Ketawa]* Tak lah, tak lah. Tak. *Just kidding.*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Apa keadaan sebenarnya yang menyebabkan keputusan itu dibuat? Jadi, macam Dato' Sri Khairul sebut tadi, kami boleh jawab berdasarkan apa yang ada. Tetapi, *condition* yang ada pada masa tersebut. Mungkin ada pertimbangan-pertimbangan lain, *especially* siapa yang sediakan *paper*, mesti ada maklum balas. *Paper* Kabinet Yang Berhormat, ada maklum balas daripada pelbagai agensi. Daripada situ kita boleh tahu kenapa menjurus ke arah itu, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Terima kasih. Soalan kedua saya adalah kita biasanya apabila kita buat satu tender kah atau nak buat sesuatu, dia— ini lebih kurang *build, operate, transfer* lah ya nampaknya sistem FWCMS ini. Maksudnya, apabila kita buat keputusan nak buat, SST dikeluarkan. Patutnya *sign agreement* sebelum *development and implementation*. Tetapi saya nampak bahawa SST baru *sign* sahaja, telah *development* jalan dan *implementation* jalan. *I* pelik di sini lah. Kenapa tak ada *agreement* itu? *Sign* dulu baru lah *development*. Betul tak? Mohon pencerahan.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Untuk makluman Yang Berhormat, ia mula dengan *proof of concept* (POC) dan dalam surat-surat— saya rasa yang tebal kita bagi ini dah ada dalam itu. Kalau saya tak silap, POC bermula bila? 2015 ya?

**Beberapa Ahli:** 2014. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** 2014. *Proof of concept*. Dia dah berjalan *and then proven*. *And then, that's why* keputusan dibuat untuk meneruskan dengan *company* tersebut Yang Berhormat Bayan Baru. Jadi, tak terkejut kalau SST keluar tetapi benda itu dah jalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum itu pun mungkin ada satu sistem yang lain. Saya tak nak kaitkan. Mungkin sistem lebih kurang sama, yang tak pernah mungkin disebut di sini dan mungkin sistem itu *replicate* daripada sistem yang sebelum ini juga lah yang kita panggil Sistem Pengurusan Pekerja Asing (SPPA) yang pernah dipakai oleh KDN selama dua tahun sebelum FWCMS.

Jadi, kalau Yang Berhormat Kluang kata, Yang Berhormat Bayan Baru kata ada dua tiga. Sebenarnya ada satu lagi sistem SPPA. *But* kita *stop*. KDN *stop* sebab ada sistem FWCMS.

Jadi, perkara pertama, ePPAx berjalan sekali dengan FWCMS. Tetapi semasa ePPAx itu berjalan, ada satu sistem lagi dipanggil Sistem Pengurusan



Pekerja Asing khusus untuk negara Bangladesh dan merekodkan *significant numbers of approval through that particular system*. Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Siapa yang membangunkan sistem tersebut dan tahun bilakah?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Difahamkan syarikatnya kalau tak silap, Synerflux, 2016-2017. Saya lontarkan jawapan itu. Kalau ada soalan tambahan, kalau yang saya tahu saya jawab. Kalau saya tak tahu Yang Berhormat, *my style*, saya akan kata tak tahu.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tadi yang lanjutan daripada soalan daripada Bayan Baru berkenaan dengan SST yang ditandatangani. Pada 5 Mei 2016, SST yang pertama ditandatangani, kan? Siapa masa itu Menteri KDN ya?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** 2016, tak ada— untuk apa? Kontrak apa Yang Berhormat? Bukan. 2016.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** SST?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Datuk Wira *refer* SST yang mana? Satu sahaja SST, 2018.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Yang ini yang pada 2016, 5 Mei SST fasa 1 dikeluarkan. Ini masih berkisar pasal FWCMS dengan ePPAx ini. Yang ini pembentangan yang lama, muka surat lima.

#### ■1530

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Slaid lama?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Slaid lamalah, pada 2016. Tak apalah sebab benda ini berlaku dalam tahun 2016. Saya cuma *recap* sahaja. 2016, siapa Menteri KDN?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Tolong. *[Ketawa]* Datuk Seri Zahid ya, Datuk Seri Zahid Tuan Pengerusi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okeylah sebab tadi kata nak panggil yang lama-lama, kan? Itu sajalah.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ya, ya. Terima kasih. Nak juga direkodkan ya, Yang Berhormat Datuk Wira. *Linked to the question*, saya jawab jugalah Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Datuk Sri, Datuk Wira. Saya nak tanya soalan tentang– tadi, kita kata *proof of concept*. Biasanya, *proof of concept* adalah satu *pilot project*, macam itu ya. Dia buat dulu. *Then*, kerajaan rasa okey, barulah kita jalan. *The same thing*– saya pun rasa, kalau *proof of concept* itu berjaya, bagus dan harus sain perjanjian, barulah dilaksanakan.

Jadi, mesti ada satu *intervention*, punca kuasa untuk kata, “Okey, pakai sistem ini.” Jadi, siapa yang memberi arahan untuk pakai sistem itu pada masa tersebut?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Kalau ikut SST, KDN lah Yang Berhormat. SST, 12 Jan 2018 itu punca kuasa pihak *company* tetapi ya lah. Ini saya mengandaikan, sistem itu dah *ready*. SST keluar hanya *just formality*. *Then*, benda itu boleh berjalan.

Cuma, malangnya yang saya sebut tadi, kontrak masih belum dapat ditandatangani, *for a few reasons*-lah. So, kalau nak menjawab Bayan Baru, memang arahan KDN lah. SST sangat jelas, Yang Berhormat. Perlu buat ini, bagi bon, *you* kena melaksanakan, kegagalan akan– kerajaan takkan bertanggungjawab. Detil SST itu, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Tadi, tadi Datuk Sri, saya nak *quote* Datuk Sri bahawa ada usaha untuk *delay the signing of the agreement*. *The delay of the signing of the the agreement*, saya pun mengesyaki dia bermula daripada 2018 lah, macam itulah sampai sekarang. So, pada pendapat Datuk Sri, siapa yang nak delay? Pihak syarikat ke atau siapa?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Dengar Yang Berhormat, sebab dia nak *extension* itu sahaja. Dia nak *extension* enam tahun. Dia tak mahu *sign because of* dua perkara. Ya lah, ini yang saya dengar ya, *hearsay*. Saya minta dicatat sebagai *hearsay*. Kalau dia sain, *then there is no guarantee* untuk dapat *extension*.

Jadi, yang itu macam saya sebut tadi Yang Berhormat, saya diberi mandat setahun sebulan ini, bekerja keras. *Even* pergi ke *company* itu, nak faham sistem dia. Minta diaorang sain. *Until now*, tak dapat sain tetapi itulah, saya minta juga dicatatkan supaya AGC keluarkan *by Friday*. Kita hantar sebab kalau ada *dispute*, contohnya Yang Berhormat, *at least* kita ada *contention*– dah hantar tetapi dia tak mahu sain itu cerita yang lain.

Jadi, tak dapat sain. Memang peringkat mereka yang tak mahu sain Yang Berhormat dan surat saya yang terakhir, ini saya minta direkodkan jugalah. 20 Februari, saya sebut dalam surat itu sebab saya pun pandang Yang Berhormat

Kapar untuk yang akan datang, kalau ada *dispute*, dalam surat itu *clearly*, “KDN bersedia untuk menandatangani kontrak seperti mana SST.”

*I put in written, if anything— for the future*—lah, Yang Berhormat Kapar. Saya pun kena *anticipate*. Itu saya *anticipate*. *That’s why*, nak draf satu surat dua perenggan itu pun ambil dua jam, bersama dengan PUU sebab saya tak mahu— walaupun saya bukan *legal background*, tetapi saya dah bersedia untuk yang itu sebab walaupun mewarisi, ada benda-benda yang di mahkamah sekarang ini, *I am very firm*.

Contohnya, Yang Berhormat, ada satu kes kita tamatkan. *Company* bawa ke mahkamah. *Towards the end*, dia tahu dia mungkin dapat *compensation* yang tak seperti yang dia nak. *Then*, dia minta bawa keluar. Dia pun sama, bawa beberapa *lawyer*. Saya sebut, dua pilihan, *you* nak runding di luar, *you withdraw case*. Kalau tak, *I’m not going to sign*, kita *proceed*.

*Then*, tengah menunggu keputusan Mahkamah Tinggi rasanya *kut* sekarang ini. So, itu yang ingin saya jelaskan, Yang Berhormat Bayan Baru. Surat saya 20 hari bulan menyatakan, “KDN telah bersedia untuk tandatangan kontrak tersebut.”

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Datuk Sri KSU, saya nak tahu. *The delay of signing* itu, dia mula 2018 kah atau baru-baru ini dia baru nak mula?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Baru-baru ini Yang Berhormat. Baru-baru ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Baru-baru ini? Okey, terima kasih.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Dia begini. Difahamkan, selepas Mei 2018, ada arahan semua yang *direct nego* ditangguhkan. Tangguhlah sampai 2019. Peliknya, sistem masih berjalan. *Then*. 2020. PKP mungkin, tak ada orang yang ambil endah. Tetapi pengalaman saya Yang Berhormat, semasa di ESSCOM, semasa di MINDEF, LCS ya, so, semua itu perlu ada usaha. So, selaku pegawai pengawal, memang saya yang kena panggil ini. Ini mungkin adalah kali keenam, kali ketujuh. So, saya usaha untuk— *I put effort* dan kita rekod ya. Beberapa bengkel untuk *finalise*-kan kontrak sebab nanti KSU yang disalahkan. KSU sekarang yang disalahkan. Yang lepas-lepas, Datuk Wira boleh panggillah. Apa *effort*? *That’s why*, dari segi *effort*, saya dah tunjukkan *effort*.

Beberapa bengkel dah dibuat dan arahan saya kepada PUU kita untuk bagi berdasarkan SST 2018. Yang itu, saya minta diminitkan juga untuk *future*. *At least*, dokumen PAC boleh disemak pada masa akan datang. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya nak tanya sekejap sebelum saya bagi kepada Saratok, *then* kepada Kluang. Saya nak tanya AGC, boleh ke tidak dimuktamadkan pada hari Jumaat ini? Satu.

Yang keduanya, saya nak tanya pada SPRM. Kenapa SPRM *suggest* untuk tandatangan juga perjanjian ini? Terima kasih.

**Puan Norilawati binti Ismail [Jabatan Peguam Negara]:** Yang Berbahagia Datuk Wira Pengerusi, okey. Pihak AGC telah terima draf perjanjian FWCMS pada 6 Mac 2024. Setelah meneliti draf perjanjian tersebut, ada satu isu yang pasal– isu caj perkhidmatanlah. So, pasal isu caj perkhidmatan itu, kita dapati tiada punca kuasa dari segi undang-undang untuk membuat kutipan– untuk *company* itu buat kutipan daripada pihak majikan ataupun orang awam.

Ini berdasarkan Artikel 96, *Federal Constitution* mengatakan, apa-apa kutipan daripada *public*, hendaklah mempunyai kuasa peruntukan undang-undang. So, kita difahamkan pada asalnya, kutipan ini akan dibuat melalui modul EPLKS, yang mana untuk EPLKS, saya dimaklumkan oleh pihak KDN, memang ada punca kuasa undang-undang.

Tetapi, EPLKS itu tak dapat dilaksanakan sebab kita masih belum *go live* untuk modul EPLKS. So, kita akan tengoklah dari segi punca kuasa untuk– dari segi punca kuasa untuk membuat kutipan itu di bawah klausa pembayaran. So, untuk nak luluskan *by* Jumaat ini, kita mungkin ada– *with reservation*-lah untuk *that clause*.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih AGC. SPRM, tadi?

**Encik Ahmad Kamal bin Abdul Rahman [Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]:** Yang Berhormat Pengerusi, berkenaan dengan kenapa SPRM mengarahkan supaya kontrak itu disambungkan? Kerana ia berdasarkan kepada pematuhan– seperti mana kehendak perenggan PK 2.1, Kaedah Perolehan Kerajaan, yang menjelaskan bahawa, “*Agensi hendaklah memastikan satu ikatan kontrak ditandatangani di antara kerajaan dan syarikat dengan kadar segera, iaitu tidak melebihi tempoh empat bulan setelah Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani balas oleh syarikat*”.

So, dalam pekeliling kerajaan memang dah tetapkan. Dalam tempoh empat bulan, selepas Surat Setuju Terima, hendaklah kontrak ditandatangani. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Terima kasih.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Untuk makluman Yang Berhormat, ada beratus lagi kontrak yang memang melebihi empat bulan. *Alhamdulillah*, SPRM tarik perhatian pada ini...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Jadi, nampak macam KDN...

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Jadi, kalau kita dapat bantu, lagi bagus.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** So, macam KDN melanggar peraturan pula, kan? *[Ketawa]*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Saya balas pula Yang Berhormat, dalam tempoh— saya ingat, dalam tiga hari sebab saya patuh pada— *especially spirit*-nya nak *speed up*. Itu Yang Berhormat. So, kalau *based on* jawapan puan daripada AGC itu tadi, kita boleh ramal sama-samalah, cahaya di hujung terowong itu. Ada dua bulan lebih saja lagi, Yang Berhormat Datuk Wira.

*I'm struggling, to be frank with you*, Datuk Wira dan Ahli-ahli PAC, untuk yang ini selain daripada benda-benda yang lain.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tetapi, saya yakin dengan kepimpinan Datuk Sri sebagai KSU. *Insya-Allah* ya.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Terima kasih, Datuk Wira. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Saratok.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Saya ada – oh.

#### ■1540

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi, Dato' Sri KSU. Saya cuma *wondering* sahaja. Pihak kerajaan; KDN, SPRM, semua mahu kontrak ini dimuktamadkan dan *they signed*.. Pihak syarikat pun nak ia disain tetapi dengan harga yang caj yang lebih tinggi.

Jadi, selama ini *company* ini dia boleh *survive* walaupun tak ada *collection*? Macam mana dengan rekod *loss and account diaorang, statement of account company* ini, selama ini. Adakah dia *making loss every year*? Sebab mereka tak ada *collection*.

Sekiranya mereka boleh *survive all these while*, kenapa dia tak nak sain kontrak yang saya rasa menguntungkan mereka. Sebab kalau disain, dia dapat *collection* mungkin tak sebanyak yang dia minta *but it's still a lot. The company makes money*. Jadi, *I do not understand* kenapa *company* ini tak nak sain. Mungkin nak

keras kepala ke, mungkin apa, saya tak tahu. Tapi kalau sayalah, saya bagi *company* kalau itu syarikat sayalah, kalau ada peluang nak sains dan ada peluang nak untung, kenapa tak nak sains?

Jadi, apa sebenarnya di sebalik isu ini? Adakah isu lain yang kita kena kaji dan teliti lagi? Kenapa berkeras sangat nak sains dengan harga yang tinggi padahal selama ini pun boleh *survive* walaupun tak ada *collection*? Bayangkan kalau sains, berapa banyak *collection* yang akan dibuat? Nama pun bagus, rekod pun bagus, kerajaan pun *happy*, *company* pun *happy*, pelabur pun *happy*. Jadi, *I just wondering* Dato' Sri KSU. Adakah isu-isu lain yang kita tak tahu? Sebab *I just wondering* kenapa tak nak sains? Itu saja. Mungkin ada pandangan lain-lain siapa yang nak buat pandangan.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Saratok, YB Saratok. Dalam awal-awal tadi saya ada sebut. *Actually, company* yang sama ada kontrak biometrik (BMS) yang sepatutnya di-*integrate* dengan FWCMS. Kontrak ini daripada 2015 sehingga 2022. Kalau boleh kita bekalkan kepada pihak PAC, saya cadangkan jumlah kemasukan pekerja daripada 2015 sehingga 2022. So, Yang Berhormat, saya nak bagi bayangan, yang kedua BMS punya kontrak itu ada dalam FWCMS modul, dia adalah sebahagian daripada itu. Tadi saya pun ada sebut walaupun kontrak BMS itu setakat 2022 tapi FWCMS masih berjalan dan modul BMS itu ada dalam FWCMS.

Saya tak nak membuat andaian apa-apa. Dalam kontrak FWCMS, dia *claimed* dia tak *collect* tapi dia ada satu kontrak BMS. Mungkin berlainan tetapi macam Yang Berhormat— saya pun terfikirilah macam mana boleh *survived* dan *claimed* memberikan perkhidmatan terbaik dan membuat pelaburan RM300 juta lebih dan akan membuat pelaburan lagi dalam RM200 juta lebih kalau dalam perbincangan kami itulah. *What is for the future*, kan? Jadi, yang itu pun saya tak ada jawapan Yang Berhormat. Cuma dia ada kontrak BMS itu, Bestinet ada kontrak Bio-Medical Service (BMS). Dia *collect RM100 per foreign worker*. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Jadi, tak merugikan *company* kalau mereka sains ini? Saya fikirilah.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Saya tak ada jawapan untuk itu.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** *I just wondering [Ketawa]*. Itu sahajalah.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Saya kena berhati-hati dengan jawapan saya.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Apa ruginya kalau sains? Kalau tak sains, rugi, kan? [Ketawa].

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey, saya balik ke isu yang saya bangkit tadi kerana Datuk Ruji tak memberi — tak jawab iaitu dengan satu sistem yang baharu itu.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Yang Berhormat, POC ada banyak orang cadangkan POC, termasuk ini. *I* ingat *more than four, five*. Bila orang cadangkan POC— ialah orang kadang ada surat dari sana, daripada sini nak kan POC kan. So, kita ada SOP untuk POC ini. So, bukan setakat untuk yang itu. Untuk yang lain-lain pun kita ada POC kan. Masa saya di MINDEF pun ada POC untuk contoh, nak air tawar untuk air masin. Itu kalau mungkin Yang Berhormat Kluang rujuk itu mungkin POC. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Tapi, saya berharaplah pada masa yang akan datang ini, sekiranya nak bangunkan mana-mana sistem yang baharu untuk pengurusan pekerja asing, lebih eloklah bincang terlebih dahulu dengan KESUMA kerana ini bukan perkara yang dijatuhkan di bawah Kementerian Dalam Negeri sahaja kerana dan sekarang pun dah ada ePPAx. Kalau katanyalah nak ada satu sistem yang baru, perlu ada kerjasama antara dua kementerian dan perlu bincang lebih terperinci. Terima kasih.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Yang Berhormat, *even* jawatankuasa bersama Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia memang ada untuk bincangkan pasal pekerja asing, kuota contohnya, dari segi peraturan, levi dan sebagainya, memang dibincang, memang ada jawatankuasa tetap tiga kali setahun, Yang Berhormat Kluang. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey, Datuk Wira Pengerusi, Dato' Sri KSU, saya nampak bahawa— saya barulah belajar daripada semua kes-kes ini. *Of course*, saya tidak mahu prejudis atau apa-apa. Tapi, saya nampak bahawa secara *layman*, saya nampak bahawa daripada proses yang daripada dulu, Sistem Pengurusan Pekerja Asing (SPPA) sampai ke ePPAx, sampai ke FWCMS, sampai sekarang nak sains ke tak nak sains, sampai ada POC yang baharu.

Saya nampak bahawa secara peribadi, saya nampak bahawa kerajaan tak ada hala tuju. *What do you want to do?* Apa sistem yang *you* nak? *What do you want?* Saya nampak bahawa ada orang *suggest*, kita terima. Ada orang kata ini tak bagus, kita *stop the thing, use the new one*. *But, ultimately* apa yang— *what do KDN and KESUMA mahu?* *What do you want?* Apa sistem yang patut, *the best system*

yang *cover* semua daripada *before* dia *entry* sampai dia masuk kerja, lepas itu dia *retire*, dia balik.

Pengalaman saya sedikit dalam kerajaan, saya pernah hadir mesyuarat bersama yang dipengerusikan oleh Menteri KDN dan juga Menteri KSM pada masa itu. Saya nampak bahawa berlaku macam, *turf war*. Masing-masing jaga, *this is my forte*, you tak boleh masuk.

Jadi, inilah yang menyebabkan bahawa satu sistem ePPAx dikeluarkan dan satu FWCMS kerana dua-dua tak boleh terima antara satu sama lain. *I think that is something that we have to learn from this proceeding* bahawa *it doesn't work like that*. Kalau kita kementerian, satu kerajaan tak boleh ada integrasi antara sistem, kita akan menghadapi masalah. Jadi, ini adalah pandangan saya. Saya mohon sedikit pencerahan daripada kedua-dua KSU.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Yang Berhormat Bayan. Betul NISe tadi Dato' Sri Khairul Dzaimiee dah sebut itu *end-to-end* sepatutnya tapi *so far not so 'nice' the system*. Terima kasih Datuk Wira *and also put effort* untuk sistem NISe ini. *I think, we are on the right track, especially* tidak ada *cost escalation*. *That one*, saya minta dicatitkan. Itu pun Menteri minta. Dia ada *special dedicated team* untuk NISe ini.

Berkaitan dengan ePPAx, itu Yang Berhormat Bayan, memang kami, saya dengan Dato' Sri Khairul Dzaimiee memang kawan lama, duduk sekali pula ini dan Menteri— macam saya sebut tadi, memang tiga kali sebulan, tiga kali setahun memang kami akan duduk dan itu antara yang kami bincangkan daripada sistem ini, Yang Berhormat Menteri.

Cuma satu lagi yang saya nak sebut di sinilah. Kepada PAC, betul Yang Berhormat Menteri. Kalau boleh disyorkan salah satu dapatannya itu, apa-apa cadangan terhadap sistem ini mestilah *user-oriented instead of contractor- or vendor-driven*.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya nak maklumkan kalau ada yang terbaca apa yang berlaku di Johor Bahru baru-baru ini di BSI, Tambak Johor. Pertukaran vendor, antara vendor lama dengan vendor baru. Jadi, *for sure* dia akan ada sedikit *hiccup* di sana sini. *After two days* baru boleh stabil balik. *So, that's why* untuk yang akan datang— saya ada pengalaman di ICU, Datuk YB Wira. eKasih, PDPS.

■1550

Kami bangunkan secara dalaman. Akan tetapi saya terkejut sikit datang ke kementerian baru ini, semuanya – *I think almost* semuanya *vendor-driven project*. Ini



saya ingin *register* di sini *compared to my previous department as a DG of ICU, even* pengurusan banjir 2021-2022 hujung itu, saya tukang agih banjir, bukan NADMA ya, ICU kena turun ke bawah. Kami bangunkan sistem *monitoring live* kami *within 48 hours*, masa itu PM9 turun dan tengok. Kita boleh *monitor by* negeri, *by* kawasan bencana.

Jadi, saya berterima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Kalau boleh dibangkitkan dalam mana-mana perbahasan Parlimen dan sebagainya, bukan *vendor-driven* ataupun *contractor-driven* tetapi kalau boleh *user-driven*. *Then*, adapun memang boleh dibangunkan dan saya sendiri pernah mengalami selama dalam servis ini ya, Yang Berhormat Datuk Wira. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih Datuk Seri KSU. Saya kira semua Ahli-ahli PAC telah pun bertanyakan soalan dan...

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Saya belum.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Oh. Sebab tidak menunjukkan minat hendak tanya daripada saya tadi.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ingat Shah Alam tidak tanya dah.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Fasal – sistem-sistem yang *vendor-driven* yang Datuk KSU sebut tadi, biasanya *vendor* ini apabila dia *come and propose, of course they want something*, bukan? *I mean, of course nobody gives it for free*. Bila dia buat BOT apa semua, maknanya keuntungan itu akan dapat kepada dia mengikut tahun tertentu. *So, dia akan dapat balik ROI or something like that*, bukan?

*Then, maybe* dapat kepada kerajaan *maybe* tidak banyak, *maybe certain amount*, mungkin dapat juga kepada kerajaan. Bila kita buat sistem macam NIISe, *we spent RM1.2 billion*, itu bila kita tidak – mungkin melibatkan perbelanjaan yang lebih baik berbanding dengan sistem BOT dan sebagainya. Biasanya kalau macam ini jangkaan kita dapat balik *return on investment* itu ambil masa berapa tahun biasanya itu?

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Yang Berhormat Shah Alam, mungkin Dato' KSU nanti boleh tambah sikit. *That's why* NIISe akan datangnya *preventive and corrective-nya done by maybe vendor but the system is ours*. Untuk makluman Yang Berhormat, kalau keluar masuk sekarang, e-gate di KLIA, KLIA2 ataupun – dua itu saja ada e-gate dan Tambak Johor itu semua *run by company* tahu, *by vendor*.

Walaupun baru ini bila berlaku yang di Tambak Johor, KSN ada panggil *meeting* dan saya register dalam *meeting* itu ada 18 sistem di JIM sahaja memang *run by vendor*, 13 di JPN Yang Berhormat termasuklah cetak kad pengenalan, cetak passport, bekalkan cip *polycab* dan sebagainya *which is* pada saya kalau Yang Berhormat masih ingat dulu di Sabah masih ada percetakan negeri Sabah, *owned by state government*. *Anything* berkaitan dengan keselamatan, *their own* percetakan itu yang cetak tetapi kita di sini semuanya dah diswastakan. Saya pernah mencadangkan supaya kalau boleh diwujudkan balik percetakan keselamatan kerajaan ini

Masih ada PKN tetapi sudah diswastakan pun. PNMB dulu bawah kerajaan pun telah diambil alih. *That's why* kita terlalu bergantung pada vendor, *especially* yang berkaitan dengan keselamatan, saya ambil kesempatan di sini sepatutnya semuanya di-*handle* oleh pegawai kerajaan dan kita ke arah itu.

KSN arahkan baru ini Jabatan Digital Negara untuk kaji keseluruhan yang berkaitan dengan keselamatan patutnya kerajaan sendiri yang *handle*. *Preventive* dan *corrective* sahaja diserahkan pada pihak *vendor*. *But, the source code* contoh FWCMS ini dalam laporan audit ada sebut *Super ID* apa semua boleh *control*, kuota diluluskan, kita tidak tuduh mereka tetapi ada diluluskan di luar daripada kebiasaan, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Sikit. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Ada lagi. *[Ketawa]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya pasti ini *the last question*.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** *Last, last*. Tidak, tidak. Saya bukan hendak tanya soalan. Cuma mungkin sikit pandangan ya. Apa yang kita lalui proses ini, prosiding ini ialah kita mengambil maklum atas teguran daripada LKAN itu sendiri, Laporan Ketua Audit itu ya.

Jadi, sudah pasti dia punya *keyword*-nya ialah kepada kedua-dua kementerian untuk – sudah pasti – yang ada disebut tiga perkara penting dalam laporan audit itu iaitu kesalingoperasian kedua-dua kementerian ya. Kedua, skalabiliti dan yang ketiga kemampuan sistem kita itu sendiri ya.

Biar benda ini maknanya dilihat sebagai tanggungjawab bersama dan bukan masing-masing kita mengatakan ini pihak ini yang bertanggungjawab dan pihak ini pula mengatakan kami hanya di proses di peringkat begini dan begitu dan akhirnya kita

risau— maknanya sudah pasti kawalan dari segi pekerja asing itu sendiri adalah menjadi kerisauan daripada awam kita masyarakat kita. Itu yang perlu diambil berat dalam maknanya kita hendak membangun sistem.

Saya setuju tadi Datuk KSU kata *end user* itu yang perlu diambil perhatian dalam setiap keputusan sama ada di peringkat Jemaah Menteri sendiri. Betul, dalam isu LCS sendiri pun tahu ya.

Akhirnya orang lain yang kena ya kerana tidak melihat apa yang diperlukan oleh *end user* itu di pihak kementerian itu sendiri. Jadi, itu betul kita boleh menjadikan sebagai perkara besar dalam – kalau hendak sebut *transform* kepada sistem kita ini khususnya dalam hal ambil pekerja asing ini. Terima kasih Datuk KSU.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Terima kasih Yang Berhormat. *Saya just registered LCS, I am struggling* tetapi OPV saya sudah *deliver* satu, Yang Berhormat. Saya hendak register APMM memang ada tiga OPV. Alhamdulillah Menteri turun, saya turun, *chase around*, telah ditauliah, dah beroperasi pun. Ada dua lagi ya. *So*, hendak sebut juga Datuk Wira punya sebut tadi. *Struggling but there is a hope and then* terima kasih banyak Yang Berhormat atas pandangan tersebut dan bangkitkan dalam sidang Parlimen mana yang tidak berbahas lagi. Input-input macam Dato' Sri Khairul Dzaimiee, kami penjawat awam. *We try our level best*. Kalau tidak tandatangan ini, ini tatakelola ya. Kita cakap tatakelola SST itu kita *stick* pada itu *unless* ada keputusan baru yang lain yang dibincangkan di peringkat yang lebih tinggi daripada kami. Itu saya ingin sebut. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih Sik the *last question* dan juga Datuk KSU, Yang Berbahagia Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha KDN, Yang Berbahagia Dato' Sri Khairul Dzaimiee bin Daud, Ketua Setiausaha KSM dan Yang Berusaha Tuan Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah JTK Semenanjung Malaysia. Tidak dengar suara pun tadi ya. Tidak ada? Mungkin ada *session* lain? Tidak tau. *[Ketawa]* Saya ucapkan – itulah.

Saya ucapkan terima kasih sekali lagi di atas komitmen dan juga kerjasama yang diberikan. Saya tangguh mesyuarat pada petang ini pada pukul 3.58 petang. Selamat terbuka kepada semua. Jangan buka dulu, petang nanti baru buka ya. Okey, terima kasih.

**Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Kementerian Dalam Negeri]:** Iklan sikit Yang Berhormat. Iklan sikit. Sokonglah RUU Pindaan Perlembagaan. *[Ketawa]*

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.58 petang]***



## DOKUMEN PEMBENTANGAN



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA




# PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

## PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx) DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS) (LKAN 2022)

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA**

**Tarikh: 5 Disember 2023 (Selasa) | Masa: 10.00 Pagi**





JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA



## RUMUSAN KESELURUHAN

### KURANG MEMUASKAN

- **Sistem ePPAx** tidak digunakan secara optimum.
- 12 modul lengkap **FWCMS** hanya digunakan untuk satu negara sumber serta kelemahan dari segi pengurusan perjanjian, integriti sistem, integriti data dan kawalan keselamatan sistem.



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA



# LATAR BELAKANG PENGURUSAN PEKERJA ASING

## KEMENTERIAN DAN AGENSI BERTANGGUNGJAWAB

**KSM**

- Menggubal dasar guna tenaga negara
- Memantau pematuhan akta
- Mengadakan kerjasama bilateral dengan negara sumber
- Menguruskan sistem berkaitan kelulusan penggajian pekerja asing

+

**KDN**

- Hal imigresen
- Dasar migrasi
- Dasar visa dan pas
- Kawalan pintu masuk
- Penguatkuasaan dan pengurusan pembangunan sistem imigresen

+

**AGENSI KAWAL SELIA**

- Membuat penilaian dan syor kuota pekerja asing
1. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri **(MITI)**
  2. Jabatan Mineral dan Geosains **(JMG)**
  3. Kementerian Perladangan dan Komoditi **(KPK)**
  4. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia **(CIDB)**
  5. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan **(KPKM)**
  6. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya **(MOTAC)**
  7. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup **(KPDN)**
  8. Kementerian Pengangkutan **(MOT)**



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA



## LATAR BELAKANG SISTEM

### SKOP PENGAUDITAN

- ▣ **Semakan dokumen:**  
2015 hingga 2022
- ▣ **Analisis data:**  
2017 hingga 2022

PERKARA	SISTEM ePPAx (KSM)	FWCMS (KDN)
<b>Objektif Sistem</b>	Meningkatkan kecekapan pengurusan pekerja asing secara holistik serta membantu pencapaian dasar penggajian pekerja asing negara	
<b>Nilai Kontrak (RM)</b>	<b>19.39 juta</b>	-
<b>Kaedah/ Konsep Perolehan</b>	Tender Terbuka	Bermula dengan <i>Proof of Concept</i>
<b>Bilangan Modul</b>	<b>14</b>	<b><u>15</u></b>
<b>Nama Syarikat</b>	<b>Syarikat 784382-U (Ivy Matrix Sdn. Bhd.)</b>	<b>Syarikat 838886-T (Bestinet Sdn. Bhd.)</b>






JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA



# KRONOLOGI PELAKSANAAN SISTEM ePPAx dan FWCMS





JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA



# PENCAPAIAN SISTEM

- 11 daripada 14 modul yang siap, tidak digunakan  
(3 modul sokongan digunakan)

## PENCAPAIAN OUTPUT

- 3 daripada 15 modul belum siap dan *go-live*
- Kefungsian Sistem:**  
Modul eQuota – tidak paparkan maklumat sejarah permohonan dan kelulusan kuota



## TIDAK TERCAPAI

- Tidak digunakan secara optimum  
(Pembaziran RM19.39 juta)

## PENCAPAIAN KEBERHASILAN



## BELUM DAPAT DINILAI

- 12 modul lengkap hanya digunakan untuk 1 negara sumber (Bangladesh) berbanding 15 negara sumber



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA



# PENGURUSAN PEMBANGUNAN/PELAKSANAAN SISTEM



**1** Tetapan Modul Permohonan Pekerja Asing **telah diubah** bagi membolehkan permohonan melebihi kelayakan

**2** Permohonan Rekalibrasi Tenaga Kerja\* **selepas sistem ditutup**

*Nota: (\*) - Permohonan Rekalibrasi Tenaga Kerja merupakan program khas untuk menjadikan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) sebagai pekerja asing yang sah*

**1** Perjanjian antara Kerajaan (KDN) dan syarikat masih **belum ditandatangani**

**2** Syarikat memohon untuk **mempatenkan** sistem dan kaedah pengurusan pekerja asing

## Kelemahan kawalan ID

- 3**
- 2 ID *Super Admin* KSM dipegang oleh individu bukan pegawai KSM
  - 24 *unauthorized user* meluluskan 24 permohonan majikan



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA



## SYOR AUDIT

- **Memutuskan pihak yang bertanggungjawab penuh** tanpa mengabaikan keperluan pihak berkepentingan
- Memastikan **tadbir urus** yang menjamin **hak dan kepentingan Kerajaan**
- Melaksanakan **sistem** pengurusan pekerja asing dengan **berintegriti**



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA



# STATUS AG's DASHBOARD

Dalam Tindakan

14



Selesai

5



- 1 Pencapaian Output – FWCMS – Kefungsian Modul
- 2 Pencapaian Keberhasilan Keseluruhan Pembangunan Sistem
- 3 Kecekapan Proses Pengurusan Pekerja Asing Melalui Sistem – Tempoh Kelulusan Kuota
- 4 Kecekapan Proses Pengurusan Pekerja Asing Melalui Sistem – Tempoh Kelulusan Permohonan Visa Dengan Rujukan (VAR)
- 5 Kecekapan Proses Pengurusan Pekerja Asing Melalui Sistem – Tempoh Pengurusan Aduan
- 6 Kawalan Penetapan Had Kuota Melalui Sistem
- 7 Pengurusan Perjanjian – Tandatangan Perjanjian

- 8 Pengurusan Perjanjian – Hak Harta Intelekt Kerajaan
- 9 Pengurusan Perjanjian – Pelanjutan Tempoh Perjanjian Bio-Medical
- 10 Pengurusan Perjanjian – Penentuan Kaedah dan Kelulusan Pelaksanaan FWCMS
- 11 Prosedur Kelulusan Kuota Melalui Sistem Bagi Permohonan Melalui Jawatankuasa Khas Sementara KSM
- 12 Integriti Sistem – Pengiraan Kelayakan Kuota Majikan Melalui Sistem
- 13 Pengurusan Sistem – Integriti Data Modul e-Enforcement
- 14 Pengurusan Sistem – Kawalan Keselamatan Sistem

- 1 Pencapaian Output – Prestasi Pembangunan Sistem ePPAx
- 2 Pencapaian Output – Penggunaan Sistem ePPAx
- 3 Pencapaian Output – Integrasi Sistem ePPAx
- 4 Tempoh Mengeluarkan Perakuan JTKSM Dan Keputusan Permohonan RTK JTKSM
- 5 Sistem ePPAx – Integriti Sistem



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA



# TERIMA KASIH





KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)

# PUNCA KUASA PERANAN JTKSM

TAHUN	PUNCA KUASA
<b>2006</b>	Mesyuarat JKK-PA Kali Ke-34 pada 16 Mac 2006 memutuskan pra syarat kepada majikan untuk mendapatkan <b>dokumen <i>Job Clearing System (JCS)</i> iaitu dokumen sokongan JTKSM</b> bagi tujuan penggajian pekerja asing daripada JTKSM.
<b>2011</b>	Mesyuarat JKKPA-PATI Ke-5 Bil. 1/2011 pada 17 Mac 2011 menetapkan <b>dokumen sokongan JTKSM hendaklah dikeluarkan dalam tempoh 1 bulan</b> dari tarikh permohonan penggajian pekerja asing dibuat.
<b>2012</b>	Mesyuarat JKKPA-PATI Ke-8 Bil. 1/2012 pada 9 Ogos 2012 bersetuju untuk <b>mengekalkan pra syarat <i>Job Clearing System (JCS)</i></b> bagi tujuan penggajian pekerja asing.
<b>2023</b>	Pindaan Akta Kerja 1955 pada 1 Januari 2023 memperuntukkan <b>kewajipan majikan mendapatkan <i>prior approval</i> sebelum menggajikan pekerja asing di bawah Seksyen 60K (1) Akta Kerja 1955.</b>



## Punca Kuasa

1. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Februari 2015 telah memberi kelulusan peruntukan sebanyak RM20 juta kepada KSM untuk **menambahbaik e-Permohonan Pekerja Asing (ePPA)** sedia ada dan diperluaskan sebagai alternatif pembaharuan PLKS.
2. Projek ini dilaksanakan secara berfasa iaitu Fasa 1 – Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu dan Fasa 2 – Peningkatan Kecekapan Pengurusan Pekerja Asing. Pendekatan secara berfasa dilaksanakan kerana jumlah peruntukan kewangan projek yang diberi secara berperingkat dan beberapa polisi yang belum dimuktamadkan.


### Fasa 1

1. **Mesyuarat Jawatankuasa Penambahbaikan Pengurusan Pekerja Asing, 30 Julai 2015** – Pengerusi YB Datuk Paul Low **memutuskan Sistem ePPAx sebagai *Single Window*** dan *frontline*.
2. **Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian ICT (JPICT) KSM Bil. 4/2015**, 4 Disember 2015 – kelulusan projek pembangunan Sistem ePPAx Fasa 1.
3. **Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) Bil. 15/2015**, 10 Disember 2015 – kelulusan projek pembangunan Sistem ePPAx Fasa 1.

### Fasa 2

1. **Mesyuarat Penyelarasan ePPAx Bil 1/2017, 24 Oktober 2017** – Pengerusi YB Datuk Paul Low memutuskan Sistem ePPAx Fasa 2 dibangunkan bagi **melengkapkan kitaran pengurusan pekerja asing secara holistik**.
2. Surat daripada Unit Perancang Ekonomi bertarikh 30 Oktober 2017 – Sistem ePPAx Fasa 2 disenaraikan di dalam **Projek Rolling Plan Ke-3, Rancangan Malaysia Ke-11**.
3. **Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian ICT (JPICT) Bil. 5/2017 (KHAS) JTKSM** 28 Disember 2017 – bersetuju dengan permohonan pembangunan Sistem ePPAx Fasa 2.
4. **Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian ICT (JPICT) Khas Bil. 1/2017 KSM** 29 Disember 2017 – meluluskan permohonan perolehan projek pembangunan Sistem ePPAx Fasa 2.
5. **Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) Bil. 1/2018**, 25 Januari 2018 – kelulusan projek pembangunan Sistem ePPAx Fasa 2.

# LATAR BELAKANG PEMBANGUNAN SISTEM



# TADBIR URUS PEMBANGUNAN SISTEM

## JAWATANKUASA PEMANDU



# TRANSISI PENGGUNAAN SISTEM

**1** e-Permohonan Pekerja Asing (ePPA)  
Tahun/Tempoh: 2012 – 2017 (hingga Januari 2017)



**2** Sistem ePPAx Fasa 1  
Tahun/Tempoh: 1 Februari 2017 – 9 Julai 2021



**3** Sistem ePPAx Fasa 2  
Tahun/Tempoh: 25 Oktober 2021



**4** FWCMS  
Tahun/Tempoh: Februari 2022 – kini

Skop pengauditan terhadap Sistem ePPAx adalah bagi data-data permohonan pekerja asing semasa tempoh ini.

1. Perakuan JTKSM: 1 Februari 2017 – 31 Disember 2020
2. Rekalisasi Tenaga Kerja: 16 November 2020 – 9 Julai 2021.

# ARAHAN PENGHENTIAN/PENGGUNAAN SISTEM

7

**Mac 2020**

Kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pengoperasian OSC KDN telah dihentikan selaras dengan pelaksanaan PKP (pembekuan kemasukan dan kelulusan kuota pekerja asing baharu).

**Nov 2020**

Mesyuarat Taklimat Pelaksanaan Pelan Rekalibrasi PATI pada 12 November 2020 bersetuju supaya program Rekalibrasi PATI menggunakan sistem sedia ada iaitu Sistem ePPAx.

**8.7.2021**

Arahan daripada KSM kepada JTKSM mengenai penggunaan FWCMS bagi fasa 2 Program Rekalibrasi PATI menggantikan Sistem ePPAx.

**9.7.2021**

JTKSM mula menutup akses majikan bagi permohonan Rekalibrasi dalam Sistem ePPAx. Pegawai JTKSM masih boleh mengakses Sistem ePPAx untuk menyelesaikan baki permohonan.

**22.12.2021**

Mesyuarat Jemaah Menteri bersetuju FWCMS digunakan untuk tujuan permohonan penggajian pekerja asing.

**15.1.2022**

Kenyataan Media YB MSM berhubung penggunaan FWCMS untuk permohonan pekerja asing.


**14.2.2023**

YB Menteri Sumber Manusia menerusi Kertas Pertimbangan bertarikh 14 Februari 2023 telah bersetuju terhadap cadangan penggunaan Sistem ePPAx bagi permohonan Kelulusan Penggajian Pekerja Asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955.

**1.3.2023**

Sistem ePPAx digunakan untuk tujuan permohonan Kelulusan Penggajian Pekerja Asing Seksyen 60K bagi kategori Pegawai Dagang dan Pertukaran Majikan.

# PROSES KERJA PERMOHONAN PERAKUAN JTKSM <sup>8</sup>



# PENERANGAN PROSES KERJA

KLUSTER	SEBELUM PERMOHONAN	SEMASA PERMOHONAN	SELEPAS PERMOHONAN
TINDAKAN	MAJIKAN	JTKSM	ONE STOP CENTRE (OSC) KDN
AKTIVITI	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pendaftaran ID majikan dan pengiklanan kekosongan jawatan di Portal JobsMalaysia.</li> <li>2. Pengisytiharan projek pembinaan di CIMS CIDB (sektor pembinaan sahaja).</li> <li>3. Mendapatkan dokumen sokongan daripada Agensi Kawal Selia (AKS) seperti Laporan Pertanian daripada Jabatan Pertanian, Surat Sokongan daripada Lembaga Pelabuhan dll.</li> <li>4. Memuatnaik dokumen permohonan, mengisi bilangan kuota yang ingin dimohon dan melengkapkan Permohonan Perakuan JTKSM di Sistem ePPAx.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memantau dan membantu penempatan pencari kerja tempatan bagi mengisi kekosongan jawatan yang diiklankan.</li> <li>2. Siasatan secara fizikal ke tempat pekerjaan bagi menyemak kewujudan majikan/perniagaan, keesahan permohonan oleh majikan, tahap pematuhan undang-undang perburuhan dan pematuhan penginapan pekerja.</li> <li>3. Semakan pematuhan syarat dan kriteria kelayakan minimum.</li> <li>4. Memastikan majikan di bawah sektor dan sub sektor dibenarkan.</li> <li>5. Semakan kelayakan sebenar majikan melalui rekod penggajian/dokumen asal dsb.</li> <li>6. Mengesyorkan bilangan kuota kelayakan berdasarkan: <ol style="list-style-type: none"> <li>i. kiraan Sistem ePPAx;</li> <li>ii. syor yang diberikan oleh AKS menerusi Laporan/Surat Sokongan yang dimuatnaik;</li> <li>iii. kiraan semula dokumen berkaitan seperti Penyata Caruman KWSP;</li> <li>iv. Syor daripada CIDB menerusi data integrasi daripada Sistem CIMS CIDB.</li> </ol> </li> </ol> <p><b>**Syor JTKSM tidak melebihi jumlah yang dimohon majikan.</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. OSC mula beroperasi pada 1 Ogos 2005. Penubuhan OSC berdasarkan keputusan JKK-PA pada 5 Julai 2005.</li> <li>2. OSC bertanggungjawab untuk memproses, menemu duga dan meluluskan permohonan lengkap majikan pada hari yang sama.</li> <li>3. AKS menemu duga majikan bagi menentukan kuota kelayakan akhir majikan. Kelulusan kuota tidak melebihi syor JTKSM.</li> <li>4. Senarai AKS: <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Perkilangan: MITI</li> <li>ii. Pembinaan: CIDB</li> <li>iii. Pertanian: KPKM</li> <li>iv. Perladangan: KPK</li> <li>v. Perkhidmatan: MOTAC/KPDN/MOT</li> <li>vi. Perlombongan &amp; Pengkuarian: JMG</li> </ol> </li> </ol>

# DOKUMEN SOKONGAN JTKSM



**JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA**  
**PERAKUAN JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA**  
**BAGI PENGGAJIAN PEKERJA ASING**

Dengan ini disahkan bahawa syarikat/majikan yang tersebut di bawah telah menggunakan perkhidmatan Sistem JobsMalaysia;

Nama : LEGATRAX SEPAKAT SDN BHD  
Alamat : 55, JALAN LANG  
  
30010 IPOH  
KINTA, PERAK

Sektor : PERLADANGAN  
Sub Sektor : Penanaman kelapa sawit (estet)

No. Pendaftaran Syarikat / Perniagaan / No Kad Pengenalan : 688151-X

2. Disahkan juga syarikat/majikan telah menandatangani Aku Janji Majikan bagi memberi tanggungjawab sepenuhnya kepada majikan terhadap pekerja asing yang digajikan dari peringkat kemasukan penggajian dan penghantaran pulang pekerja ke negara asal apabila tamat tempoh perkhidmatan dengan majikan.

3. Dengan ini disyorkan syarikat/majikan ini mengambil seramai 9 orang pekerja asing sahaja.

4. Bilangan pekerja asing yang disyorkan adalah tertakluk kepada kelulusan yang diberikan oleh panel di Pusat Kelulusan Setempat (OSC), Kementerian Dalam Negeri.

5. Perakuan pengesahan ini sah sehingga 05/12/2019.

  
WAN ISMAIL BIN WAN IBRAHIM  
PENGARAH  
BAHAGIAN PEKERJA ASING  
b.p. Ketua Pengarah Tenaga Kerja  
Semenanjung Malaysia



Tarikh Dikeluarkan : 05/09/2019  
ID Pegawai : wfsuziah (Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia)  
Bil. Mesyuarat : 27/2019  
Tarikh Mesyuarat : 03/09/2019  
Rujukan : PPA108032019000025

(Sila catatkan nombor rujukan surat ini apabila berhubung dengan jabatan ini)



# MODUL-MODUL DAN STATUS PENGGUNAAN

BIL.	MODUL	STATUS SEMASA	FASA	CATATAN
1	Pendaftaran ID Majikan	/	2	Sebelum ini, pendaftaran ID majikan adalah menerusi JobsMalaysia.
2	Permohonan Baharu Pekerja Bukan Warganegara			
	Permohonan Perakuan JTKSM	X	1	Digunakan bermula tahun 2017 hingga 2020.
	Permohonan Penggantian Pekerja Asing (PGPA)	X	2	Tidak pernah digunakan. Polisi permohonan PGPA dihentikan bermula 1 Januari 2021 (Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing Kali Ke-4, Bil. 1/2020 pada 3 Disember 2020).
	Permohonan Rekalibrasi	X	1	Dibangunkan semasa tempoh penyelenggaraan Sistem ePPAx Fasa 1. Digunakan bermula November 2020 hingga 9 Julai 2021.
	Permohonan Pertukaran Majikan	/	2	Digunakan bermula 1 Mac 2023.
	Permohonan Pegawai Dagang	/	2	Digunakan bermula 1 Mac 2023.
	Permohonan Khas	X	2	Tidak pernah digunakan. Permohonan khas ini diwujudkan sebagai platform atas talian untuk mendaftarkan dan memproses permohonan pekerja asing yang diterima untuk tujuan, tempoh dan majikan tertentu. Platform ini juga boleh digunakan sekiranya Kerajaan memperkenalkan mekanisme pengambilan pekerja asing yang baharu.
3	Permohonan Rayuan Pekerja Bukan Warganegara	X	1	Digunakan bermula tahun 2017 hingga 2020.
4	Kalkulator			
	<i>Multi-Tier Levy (MTL)</i>	X	2	Tidak pernah digunakan. Pelaksanaan MTL ditangguhkan.
	Nisbah Kelayakan Semasa	X	1	Digunakan bermula tahun 2017 hingga 2020.

# MODUL-MODUL DAN STATUS PENGGUNAAN

BIL.	MODUL	STATUS SEMASA	FASA	CATATAN
5	Semakan dan Kemaskini Maklumat/Permohonan	/	1	
6	Semak Rekod Majikan	X	2	Melibatkan data integrasi Sistem ePPAx dengan SPPB JTKSM.
7	One Stop Centre (OSC)	X	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>KDN selaku urusetia OSC sebelum ini tidak menggunakan modul OSC ePPAx. KDN menggunakan modul kuota MyIMMs.</li> <li>KDN menerusi surat bertarikh 29 Disember 2020 bersetuju untuk menggunakan modul OSC apabila pengambilan penggajian pekerja asing baharu dibuka semula.</li> <li>Arahan penggunaan FWCMS dan peralihan fungsi BPPA KDN ke KSM menyebabkan modul OSC tidak digunakan sepenuhnya sehingga ke hari ini.</li> </ul>
8	Kemaskini Maklumat VDR dan Bayaran Levi	X	1	Modul ini tidak berfungsi kerana modul OSC yang bertindak sebagai <i>point of integration</i> antara Sistem ePPAx dan MyIMMs tidak digunakan. Data-data berkaitan tidak diterima oleh Sistem ePPAx.
9	Permohonan, Pembaharuan dan Pengemaskinian Permit	X	1	
10	Pengurusan Kemalangan Pekerja Asing	X	2	Melibatkan data integrasi Sistem ePPAx dengan SIKAP PERKESO.
11	Laporan dan <i>Management Dashboard</i>	/	1	
12	Mobile Apps	/	2	Boleh dimuat turun menerusi platform <i>Google Play</i>
13	Meja Bantu	/	2	
14	Pentadbir Sistem	/	2	

# INTEGRASI SISTEM



Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)

## Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs)

- Maklumat asas majikan (alamat/cawangan)
- Senarai hitam majikan
- Modul *One Stop Centre* (OSC)
- Maklumat PA syarikat (Pengiraan kadar levi dan kuota kelayakan mengikut *Multi-Tier Levy*)
- Status Caruman PERKESO PA oleh majikan untuk pengeluaran & pembaharuan permit.
- Rekalibrasi Tenaga Kerja
  - maklumat asas majikan (tiada rekod dalam MyIMMs)
  - jumlah PATI lulus verifikasi
  - syor kuota kelulusan.



Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan



## Centralized Information Management System (CIMS)

- Maklumat projek pembinaan.
- Kawalan projek pembinaan yang telah mendapat kelulusan pekerja asing.
- Kuota kelayakan pekerja asing sektor pembinaan.

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)

Sistem	Tujuan
JobsMalaysia - <i>integrasi telah ditutup.</i>	Maklumat asas majikan dan pengiklanan kekosongan jawatan.
Labour Market Database (LMD)	Maklumat aktiviti majikan dan rekod perburuhan.
Sistem Pengurusan Perburuhan Bersepadu (SPPB) <i>**integrasi belum disempurnakan kerana SPPB dalam fasa pembangunan.</i>	Rekod Perburuhan
	Maklumat Majikan
	Pampasan/Rekod Kemalangan PA (sebelum tahun 2019)



Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

Sistem	Tujuan
ASSIST	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Status Caruman PERKESO PA oleh majikan</li> <li>▪ Maklumat PT syarikat (Pengiraan kadar levi dan kuota kelayakan mengikut <i>Multi-Tier Levy</i>)</li> </ul>
SIKAP <i>**integrasi belum disempurnakan kerana SIKAP dalam fasa pembangunan semula.</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Rekod Kemalangan PA (bagi tahun 2019 dan ke atas)</li> </ul>
MyFutureJobs ( <i>menggantikan JobsMalaysia</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengiklanan Kekosongan Jawatan</li> </ul>


# KEPENTINGAN SISTEM ePPAx

- Sistem ePPAx merupakan sistem tunggal/utama yang dimiliki oleh JTKSM.
- Bermula 1 Januari 2023 selaras dengan penguatkuasaan Seksyen 60K Akta Kerja 1955, skop tugas JTKSM diperluaskan kepada semua kategori Pekerja Bukan Warganegara berdasarkan definisi pekerja asing di bawah Seksyen 2 Akta Kerja 1955.
- Jabatan perlu mempunyai sistem tersendiri untuk menerima dan memproses permohonan kelulusan awal di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955.
- Purata permohonan sebelum pindaan Akta Kerja 1955 sekitar 12,000 setahun atau **1,000 sebulan**.
- Selepas pindaan, permohonan di antara **3,000 – 4,000 sebulan** iaitu peningkatan **400%** berbanding sebelum pindaan Akta Kerja 1955.
- Pengendalian permohonan secara manual tidak efisien, meningkatkan risiko keciciran permohonan, kelewatan pemrosesan permohonan dan potensi salah guna kuasa/isu integriti di setiap peringkat terlibat.

# PELUASAN SKOP LIPUTAN

**SEBELUM 1.1.2023**

1. Pekerja Asing Baharu
2. Pertukaran Majikan Pekerja Asing



**SELEPAS 1.1.2023**



**PEKERJA ASING = PEKERJA BUKAN WARGANEGARA  
(Seksyen 2 Akta Kerja 1955)**

1. Pekerja Asing Baharu (6 sektor formal) – FWCMS
2. Pekerja Asing Baharu (3 sub sektor beku) – FWCMS
3. Pegawai Dagang – ePPAx
4. Pertukaran Majikan Biasa (pekerja asing dalam negara) – ePPAx
5. Pengawal Keselamatan – Manual
6. Pekerja Domestik Asing (PDA) – Manual dan SMO
7. Pertukaran Majikan Khas (pekerja asing terabai) – Manual
8. Pas Resident Talent – Manual
9. Professional Visit Pas (PVP)/Pas Lawatan Ikhtisas (PLIK) – Manual
10. Pas Lawatan Ikhtisas (kategori mubaligh) – Manual
11. Tukang Masak Tomyam – Manual
12. Nelayan Asing – Manual
13. PLKS Warganegara Thailand (Pas Tradisi) – Manual
14. Pas Pelajar – Manual
15. Pas Residen – Manual
16. Pas Visa Premium (PVIP) Malaysia – Manual
17. Program Malaysia My Second Home (MM2H) – Manual
18. Mangsa Pemerdagangan Orang – Manual
19. Pas Hiburan Awam (Labuan sahaja) – Manual

# STATISTIK PERMOHONAN

## KATEGORI: PEKERJA ASING

(**SEBELUM** PINDAAN AKTA KERJA 1955)

TAHUN	BIL.	REMARKS
2018	12,836	Purata bil. permohonan 12,000 setahun atau 1,000 sebulan.
2019	12,946	
2020	3,759	Pembekuan PA
2021	6,234	RTK PATI

## KATEGORI: PEKERJA BUKAN WARGANEGARA

(**SELEPAS** PINDAAN AKTA KERJA 1955) (1 Jan 2023 – 31 Nov 2023)

KATEGORI PEKERJA ASING	TERIMA
PEKERJA ASING BAHARU (6 SEKTOR FORMAL + 3 BEKU)	17,052
PEMBANTU RUMAH ASING	16,042
PEGAWAI DAGANG	6,395
NELAYAN ASING	993
PENGAWAL KESELAMATAN	555
TUKANG MASAK TOMYAM	406
PLKS WARGANEGARA THAILAND	342
PAS LAWATAN PROFESIONAL (PVP)	196
PAS RESIDEN - TALENT	166
PERTUKARAN MAJIKAN (PTM)	165
PAS RESIDEN	137
KRU KAPAL	61
PAS IKHTISAS	44
PESERTA PAS VISA PREMIUM (PVIP)	41
PAS PELAJAR	12
PESERTA PROGRAM MALAYSIA MY SECOND HOME	4
<b>JUMLAH KESELURUHAN PERMOHONAN</b>	<b>42,611</b>



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**TERIMA KASIH**



# FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
6 Disember 2023



# *RINGKASAN PROJEK*

## **Secara atas Talian & Bersepadu**

Pengurusan permohonan pekerja asing atas talian



## **Punca Kuasa**

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendetang Asing Tanpa Izin (JKPPA-PATI) Bil.2/2015 pada 20 Ogos 2015



## **Belum Mempunyai Kontrak**

SST dikeluarkan kepada Bestinet Sdn. Bhd. pada 12 Januari 2018 bagi tempoh 6 tahun  
(1 April 2018 – 31 Mei 2024)

## **Caj**

Caj sebanyak RM100 bagi penggunaan sistem Bio-Medical di luar negara.

Caj sebanyak RM100 bagi setiap permohonan baru dan pembaharuan PLKS [Belum dilaksanakan]


# MODUL-MODUL FWCMS



## 15 Modul

NEGARA SUMBER

MALAYSIA



**SEMUA PENGGUNA DI PIHAK KERAJAAN DAN SWASTA DI MALAYSIA**

- eWorker Runaway (viii)
- eEnforcement (ix)
- eComplaints (x)
- eWages (xi)
- Online Payment (xii)
- Dashboard and Reporting (xiii)
- Alerts & Notifications (xiv)

**Legend:**  
VDR  
PL(KS)  
COM :

# KRONOLOGI PELAKSANAAN FWCMS

**16 Jun 2017**  
Pemeteraian Kontrak Bio-Medical

**28 Dis 2017**  
YB MDN **bersetuju** dengan Minit Ceraian:  
Hala tuju dan Cadangan Pemeteraian Kontrak FWCMS

**20 Julai 2020**  
Maklum balas AGC SST selaras  
dengan PK4.2

**28 Sep 2020**  
YB MDN **bersetuju** dengan Minit  
Ceraian: Pelaksanaan FWCMS

**20 Mei 2022**  
JT ICT KDN  
**20 Jun 2022**  
Pengecualian VM Lab oleh EPU

**29 Disember 2022**  
Laporan kajian aliran kewangan oleh UKAS

2015

2017

2018

2020

2021

2022

2023

**15 Jun 2015**  
Pelaksanaan penuh  
BioMedical & eVDR

**18 Ogos 2015**  
JKKPA-PATI Ke-14  
Bil. 2/2015

**12 Januari 2018**  
SST FWCMS **dikeluarkan**

**14 Mei 2018**  
Mesyuarat YAB PM bersama KSU-  
KSU dan KP : **tanggung** sebarang  
dasar terdahulu

**26 Feb 2021**  
YB MDN bersetuju dengan Minit Ceraian:  
Pemeteraian kontrak FWCMS

**22 Dis 2021**  
Keputusan **Jemaah Menteri** Bagi Hala Tuju  
Dan Cadangan Pemeteraian Kontrak FWCMS

**10 Feb 2023**  
Pembentangan UKAS hasil laporan kajian aliran  
kewangan

**22 Mac 2023**  
Taklimat kepada YB MDN dan KSU

**10 Mei 2023**  
Mesyuarat Penutup Audit FWCMS

**21 Jun 2023**  
Keputusan Mesyuarat Pasca Kabinet  
dipengerusikan YB MDN

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2022**  
**MENGENAI PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx) DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)**

BIL	ISU AUDIT	STATUS SEMASA
1.	Tajuk Perenggan: <b>Pengurusan Perjanjian</b>	<p>KDN ke arah memeterai perjanjian FWCMS selaras dengan keputusan YB MDN semasa Mesyuarat Pasca Kabinet KDN pada 21 Jun 2023.</p> <p>Bengkel Pemurnian dan Rundingan Perjanjian FWCMS bersama pihak syarikat dan Kerajaan telah diadakan pada 26 – 28 Oktober 2023. Pihak syarikat telah menambah baik draf kontrak berdasarkan perbincangan bengkel dan kini dalam penelitian bahagian/agensi berkaitan sebelum sesi rundingan seterusnya pada 6 Disember 2023.</p> <p>Perkara berkaitan <i>salient terms</i> dan pemeteraian kontrak akan dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri untuk kelulusan.</p>
2.	Tajuk Perenggan: <b>Pelanjutan Tempoh Perjanjian Bio-Medical</b>	<p>KDN ke arah memeterai perjanjian FWCMS selaras dengan keputusan YB MDN semasa Mesyuarat Pasca Kabinet KDN pada 21 Jun 2023.</p> <p>Bengkel Pemurnian dan Rundingan Perjanjian FWCMS bersama pihak syarikat dan Kerajaan telah diadakan pada 26 – 28 Oktober 2023. Pihak syarikat telah menambah baik draf kontrak berdasarkan perbincangan bengkel dan kini dalam penelitian bahagian/agensi berkaitan sebelum sesi rundingan seterusnya pada 6 Disember 2023.</p> <p>Perkara berkaitan <i>salient terms</i> dan pemeteraian kontrak akan dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri untuk kelulusan.</p>

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2022**  
**MENGENAI PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING**  
**BERSEPADU (ePPAx) DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)**

BIL	ISU AUDIT	STATUS SEMASA
3.	Tajuk Perenggan: <b>Kaedah dan Kelulusan Pelaksanaan FWCMS</b>	<p>Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Disember 2021 telah bersetuju mengenai hala tuju dan cadangan pemeteraian kontrak FWCMS.</p> <p>KDN ke arah memeterai perjanjian FWCMS selaras dengan keputusan YB MDN semasa Mesyuarat Pasca Kabinet KDN pada 21 Jun 2023.</p>
4.	Tajuk Perenggan: <b>Kawalan ID Pengguna</b>	<p>KDN mengambil perhatian yang serius mengenai kawalan ID sistem. Sehubungan itu, satu bengkel mengenai serahan ID dan kawalan sistem telah diadakan pada 4 hingga 8 September 2023 manakala sesi <i>Training of Technology</i> (TOT) pada 12 September 2023.</p> <p>Semasa bengkel tersebut, <i>system admin</i> bagi ID aplikasi telah diserahkan kepada KDN.</p>



*Sekian,  
Terima kasih*

# FWCMS<sup>®</sup>

FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM

PROTECTING MIGRANTS, FOSTERING MALAYSIA

## MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC), PARLIMEN KELIMA BELAS BIL. 8(B) TAHUN 2023

### SESI TAKLIMAT RINGKAS FWCMS

22 JANUARI 2024  
PARLIMEN





# BERKENAAN BESTINET SDN BHD



# Berkenaan Syarikat Bestinet Sdn Bhd

- Sebuah syarikat IT Malaysia yang memenangi anugerah yang beribu pejabat di Cyberjaya
- Melaksanakan *Human Centric Technology* sejak penubuhannya pada 2008
- Penyedia Penyelesaian Digital dan Holistik kepada Kerajaan Malaysia
- Bio Medical Systems (BMS), Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS), Malaysian Outbreak Management (OMS) Platform, Travellers Advanced Health Screening System (TAHSS), Digital ID



Pusat Pendaftaran Dan Perubatan  
**14 Negara**

**Lebih Daripada 200**  
Pendaftaran Dan Pusat Kesihatan

**Lebih Daripada 4 Juta**  
Pendaftaran dan Pengesahan Biometrik



# Pasukan Pengurusan Bestinet

## Misi Kami

1. Melaksanakan **penyelesaian pengurusan migran yang holistik**
2. yang saling memberi **manfaat kepada semua pihak yang berkepentingan**
3. sambil **melindungi hak dan meningkatkan kualiti hidup pekerja migran dan keluarga mereka**
4. untuk **dunia yang lebih adil dan saksama.**



**Shukri**

CHIEF TECHNOLOGY OFFICER



**Noremi**

CHIEF OPERATION OFFICER



**Ismail**

CHIEF EXECUTIVE OFFICER



**Jusmawar**

CHIEF COMMERCIAL OFFICER



**Kunal**

CHIEF FINANCE OFFICER




**Nasir**

CHIEF INFRASTRUCTURE OFFICER

# Kepakaran Kami

1

**PEMBANGUNAN SISTEM HOLISTIK,  
INTEGRASI SISTEM DAN RESEARCH  
& DEVELOPMENT (R&D)**



2

**PERKHIDMATAN BERURUS  
SISTEM (MANAGED  
SERVICES)**



3

**AUDIT, PERUNDINGAN DAN  
PENGURUSAN PERUBAHAN**



4

**INFRASTRUKTUR  
PERKAKASAN DAN PERISIAN**



# Sokongan Sistem dan Operasi Bestinet


PUSAT DATA TIER 3



NETWORK OPERATIONS CENTRE (NOC) AND SECURITY OPERATIONS CENTRE (SOC)




PUSAT SETEMPAT




# Sokongan Sistem dan Operasi Bestinet

## LAPORAN X-RAY DAN PENILAIAN KUALITI IMEJ X-RAY UNTUK X-RAY DIGITAL



## CALL CENTRE



## PENGGUNAAN TEKNOLOGI TERKINI



*Facial Recognition*



**Pembacaan Dokumen Melalui OCR**



**Pengambilan Cap Jari Melalui Telefon Pintar**


# Anugerah dan Pengiktirafan



Sistem FWCMS telah dipilih oleh Juri WSA antara 180 Negara Anggota PBB yang mengambil bahagian sebagai **THE WORLD'S BEST DIGITAL SOLUTIONS**

Di kategori 'Government and Citizens Engagements' category

- Mengintegrasikan rakyat dalam pentadbiran awam & meningkatkan penglibatan rakyat sambil menghubungkan individu, perniagaan dan organisasi
- Meningkatkan ketelusan dan kualiti perkhidmatan kepada rakyat
- Memastikan hak sama rata kepada sumber ekonomi dan akses kepada perkhidmatan awam



## Pensijilan Antarabangsa






# BERKENAAN FWCMS

FWCMS

FWCMS

# SEBELUM PELAKSANAAN FWCMS : Pengurusan Pekerja Asing - kompleks, tidak bersepadu, melibatkan pelbagai pihak berkepentingan di Malaysia dan dari Negara Sumber




**Nota: Keseluruhan proses tidak dalam talian atau bersepadu**

Agensi Kawal Selia:

MITI, CIDB, MAFS, MPIC, NRECC, KPDN, MOT, MOTAC



# SEBELUM PELAKSANAAN FWCMS : Keseluruhan proses mengambil masa sehingga 3-9 bulan untuk pekerja asing tiba secara fizikal untuk bekerja di Malaysia



# Latar Belakang Pelaksanaan FWCMS

## KONSEPTUALISASI, PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

2005 - 2012

- 

2005 Pembentangan YB MKDN
- 

2006 -2010: Penglibatan dengan KDN, JIM dan pihak berkepentingan yang lain
- 

2011 Pembentangan kepada YAB PM dan YB MKDN
- 

2012 Pembentangan kepada Ketua Keselamatan Negara


### Penglibatan dengan Semua Pihak Berkepentingan di Negara Sumber, Di Malaysia dan Badan Antarabangsa





- Cambodia
- Bangladesh
- Philippines
- Vietnam
- Myanmar
- India
- Thailand
- Indonesia
- Nepal
- Pakistan
- ILO
- IOM
- FMM
- Insurance Association
- MBAM
- MAPA
- CIDB
- MOA
- MEF
- MTUCTENAGANITA


## PELAKSANAAN

2013 - 2021

- 

2013 POC dimulakan di Nepal
- 

2014 Pelaksanaan Mandatori untuk Modul Bio-Medical (BMS) dan eVDR
- 

2015 Kelulusan JKKK-PATI ke-14 untuk pelaksanaan FWCMS sepenuhnya
- 

26 Aug 2015 Kelulusan Kabinet untuk Pelaksanaan Penuh FWCMS

### Pelaksanaan Mandatori Modul BMS dan eVDR



## PELAKSANAAN PENUH

2016 – SEHINGGA HARI INI

- 

2016 Penyedia Perkhidmatan Lain dikontrak menawarkan Perkhidmatan lain
- 

Jun 2017 Perjanjian BMS antara Kerajaan dan Bestinet
- 

Jan 2018 Surat Setuju Terima (SST) dan Bon Pelaksanaan Dibayar untuk pelaksanaan FWCMS Sepenuhnya


### Pelaksanaan Penuh FWCMS



25 Insurance Companies

source countries: 217 accredited medical centres

# Kronologi Pelaksanaan FWCMS



**Nota:**

**Waktu Pandemik. Tiada pendaftaran pekerja baru. Tiada kutipan hasil.**

# Gambaran Keseluruhan FWCMS



ADALAH PLATFORM YANG MEMPUNYAI ELEMEN BERIKUT:

1



Holistic Approach

**Penyelesaian Bersepadu dan Holistik**

2



**Sistem Dalam Talian Sepenuhnya dengan Biometrik**

3



**Penguatkuasaan Automatik oleh Sistem**

4



**Pelaksanaan di Malaysia, Negara Sumber dan Rentas Sempadan**

# FWCMS Adalah Platform Holistik dan Digital Sepenuhnya


DI MALAYSIA



SEKTOR & AGENSI KAWAL SELIA (AKS) \*\*:

1. Pembinaan – CIDB
2. Perkilangan – MITI
3. Perladangan – MPIC
4. Pertanian – MAFS
5. Perlombongan Dan Pengkuarian – NRECC
6. Perkhidmatan – KPDN, MOT, MOTAC

NEGARA SUMBER



**Other FWCMS Modules:**

- eWorker Runaway
- eEnforcement
- eComplaints
- eWages
- Online Payment
- Dashboard Reporting
- Alerts & Notifications

**Info:**  
 VDR : Visa Dengan Rujukan  
 PL(KS) : Pas Lawatan (Kerja Sementara)  
 COM : Memo Periksa Keluar  
 JTKSM : Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia  
 KSM : Kementerian Sumber Manusia


# Gudang Data Tunggal Pengurusan Pekerja Asing Bagi Kerajaan

## KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KSM)

### Perburuhan

## KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)

### Keselamatan



Info : MC – Pusat Kesihatan, RA - Agensi Pengambilan Pekerja Asing Swasta Negara Sumber KPI, Trending, Laporan Terperinci, Ringkasan dll.

All copyrights, trademarks, and intellectual property rights mentioned in this document belong to Bestinet Sdn Bhd. The document is provided for KDN and KSM Only.



# Penggunaan Modul-Modul FWCMS Untuk Pengambilan Pekerja Asing

# Contoh Surat Kelulusan KP JTKSM dan Surat Kelulusan Bersyarat (SKB) yang dijana oleh FWCMS

## SURAT KELULUSAN KP JTKSM

PA

No. Rujukan Permohonan: [KSM/FWCMS/PA/PA/BT290000003](#)



JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**KELULUSAN BAGI PENGGAJIAN PEKERJA ASING  
DI BAWAH SEKSYEN 60K AKTA KERJA 1955**

1. Kelulusan Bagi Penggajian Pekerja Asing Di Bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955 diberikan kepada:

-----  
CHANG COLD STORAGE SDN.BHD  
-----  
Nama Majikan  
-----  
770617-P  
-----  
No. Pendaftaran Syarikat / Koperasi / Rfid Pengambilan  
-----  
AGRICULTURE  
-----  
Sektor / Sub-Sektor:

Di alamat :  
PERSIARAN GOMBAK 1, JALAN 2, JALAN 3, JALAN 5, JALAN 6, 34510, GOMBAK, SELANGOR.

2. Kelulusan ini berkuat kuasa bagi tempoh 6 bulan bermula dari 21 JUN 2023 hingga 21 DISEMBER 2023. Kelulusan ini hanya terpakai satu (1) kali bagi setiap permohonan kuota/pengambilan.

3. Susulan daripada kelulusan ini, majikan hendaklah:

- meneruskan proses permohonan kuota di Modul e-Quota Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS);
- melaporkan penggajian pekerja asing ke Pejabat Tenaga Kerja (PTK) Cawangan dalam tempoh 14 hari selepas pengambilan;
- mempamer kelulusan ini dalam premis; dan
- memastikan pematuhan berterusan terhadap undang-undang perburuhan yang berkuatkuasa.

Ketua Pengarah Tenaga Kerja  
Semenanjung Malaysia

Tanah : 21 JUN 2023



## SURAT KELULUSAN BERSYARAT (SKB)



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
MINISTRY OF HUMAN RESOURCES  
BLOK D3 & D4, KOMPLEKS D  
PERSIARAN SULTAN SALLAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH  
PRESINT 1, 62000 PUTRAJAYA  
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Tel : 03-8896 5035  
Faks : 03-8899 2462  
Laman Web : [www.mohr.gov.my](http://www.mohr.gov.my)

CHANG COLD STORAGE SDN.BHD 770617-P Rujukan Kami: KSM/FWCMS/BTL10000010  
PERSIARAN GOMBAK 1 Tarikh: 21 JUN 2023  
JALAN 2  
JALAN 3  
JALAN 5

**KELULUSAN BERSYARAT PENGGAJIAN PEKERJA ASING**

Dengan ini disahkan majikan / syarikat seperti diatas telah diluluskan kuota pekerja asing seperti berikut :

Nombor Pendaftaran Majikan	: 770617-P	
Nama Syarikat	: CHANG COLD STORAGE SDN.BHD	450624
Rujukan Kuota	: KSM/FWCMS/BTL10000010	
Jenis Kuota	: NORMAL	
Sektor	: PERLOMBONGAN DAN PENGKUIARIAN	
Sub-Sektor	: PERLOMBONGAN	
Jawatan	: BURUH PERLOMBONGAN	
Warganegara	: NEGARA-NEGARA SUMBER	
Tarikh Kelulusan Kuota	: 20 JUN 2023	
Jumlah Kuota Lulus	: 1000	
Tarikh Kualifikasi	: 21 JUN 2023 SEHINGGA 22 DISEMBER 2024	
Bayaran Levi	: RM 1,850,000.00 telah dibayar dengan resit 230000061L	



(2) Pihak majikan / syarikat dikehendaki mengemukakan permohonan Visa Dengan Rujukan (VDR) kepada Bahagian Pekerja Asing, Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) / Pejabat Imigresen Negeri secara dalam talian menerusi laman web *Foreign Workers Centralized Management System* (FWCMS) bagi urusan kemasukan pekerja asing.

(3) Tempoh kelulusan kuota yang diberikan adalah selama 18 bulan sahaja dari tarikh kelulusan kuota diberikan. Sebarang kuota yang tidak digunakan dalam tempoh 18 bulan akan terbatil serta merta dan majikan / syarikat dibenarkan untuk membuat tuntutan semula bayaran levi di Bahagian Pekerja Asing Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) / Pejabat Imigresen Negeri.

(4) Majikan / syarikat dan pekerja asing adalah tertakluk kepada dasar dan syarat semasa penggajian pekerja asing seperti di Lampiran A. Sekiranya majikan / syarikat didapati tidak mematuhi dasar dan syarat semasa penggajian pekerja asing, Kementerian Sumber Manusia berhak membatalkan kelulusan kuota yang diberi, seterusnya menyenaraikan hitam majikan / syarikat, serta menghalang majikan / syarikat daripada mengemukakan permohonan kuota baharu atau memohon pelanjutan tempoh bayaran levi.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NOR HISHAM BIN IBRAHIM)  
Bahagian Pengurusan Pekerja Migran  
Kementerian Sumber Manusia



# Modul eRecruitment (FWCMS)

## Dokumen Elektronik Dan Tandatanganan Digital Untuk Kontrak Pekerjaan

Modul di mana kontrak pekerjaan dikeluarkan dan ditandatangani secara elektronik oleh pekerja secara digital. Dokumen kontrak pekerjaan boleh dilihat oleh Kedutaan Negeri Sumber semasa proses pengesahan dan oleh agensi Kerajaan Malaysia semasa proses penguatkuasaan.

TANDATANGAN KONTRAK DIGITAL OLEH PEKERJA

### KONTRAK PEKERJAAN

**Appendix A**

**CONTRACT OF EMPLOYMENT**

This CONTRACT OF EMPLOYMENT is made on this day 22<sup>nd</sup> month of October 2016 between **RECSON MALAYSIAN SDN BHD** (hereinafter referred to as the Employer) of the one part and \_\_\_\_\_ (hereinafter referred to as the Worker) of the other part.

WHEREAS the Employer shall employ the Worker in accordance with the terms and conditions of this Contract of Employment and subject to the laws, rules, regulations, national policies and directives in Malaysia.

IT IS HEREBY AGREED as follows:-

- Duration of this Contract of Employment:**

The duration of this Contract of Employment shall be for a period of 3 (year) commencing on the day of arrival of the Worker in Malaysia and shall terminate on the day of completion of the Contract of Employment in accordance with the terms and conditions of this Contract of Employment.
- Wages:**
  - The Worker shall receive a basic wage of RM1000.00 (including allowances and overtime). This basic wage shall comply with the minimum wages to be determined according to the Laws of Malaysia.
  - Wages shall be paid by the Employer on a monthly basis and later the seventh day of the following month.
  - The payment of the monthly wages shall be made through a bank account in the Worker's name.
- Working Hours:**

Working hours shall be eight (8) hours per day in accordance with the labour laws in Malaysia.
- Overseas:**

In the event the Worker, upon the request by the Employer, agrees to work in excess of his normal working hours, the Worker shall be paid in accordance with the labour laws in Malaysia.
- Rest Day:**
  - The Worker shall be entitled to one (1) rest day in each week.
  - In the event the Worker, upon the request by the Employer, agrees to work on such rest day, the Worker shall be paid in accordance with the labour laws in Malaysia.
- Public Holiday:**
  - The Worker shall be entitled to public holiday in accordance with the labour laws in Malaysia.

**Worker's Signature:** \_\_\_\_\_  
**Employer's Signature:** \_\_\_\_\_

### DEMAND LETTER

Date: 28 October 2016

**SWAT HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT LTD/MSA SAKTI AND CENTER/STH FLORESIDA**  
**SHAWALAN**  
**SHAWALAN**  
**SHAWALAN**

Dear Sir,

**RE: DEMAND LETTER FOR RECRUITMENT OF WORKERS FROM BANGLADESH**

We have obtained the relevant approval to recruit foreign workers from Bangladesh and we hereby authorize and appoint your company as our local representative to manage and recruit these workers. Kindly notify and manage the above workers as following the terms and condition:-

1. Type of worker	FACTORY WORKER
2. No. of year contract required	03 years
3. Age	18 - 30 years old
4. Period of Contract	3 years
5. Basic Salary	RM 1000.00 per month
6. Working hours	8 hours per day (Subject to Malaysia Labour Law)
7. Priority working	60 days per week
8. Overstay	In accordance with Malaysia Labour Law
9. Normal duty	In accordance with Malaysia Labour Law
10. Paid day Public Holiday	In accordance with Malaysia Labour Law
11. Leave and holiday	In accordance with Malaysia Labour Law
12. Absence Dated	


### POWER OF ATTORNEY

Date: 28 October 2016

**POWER OF ATTORNEY**

I, the undersigned, do hereby authorize and appoint \_\_\_\_\_ as my local representative to manage and recruit these workers. Kindly notify and manage the above workers as following the terms and condition:-

**Worker's Signature:** \_\_\_\_\_  
**Employer's Signature:** \_\_\_\_\_



# BIO-MEDICAL (FWCMS)

## Modul Dilaksanakan Di Pusat Perubatan Di Akreditasi Di Negara Sumber



**FWCMS™**  
FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM

*BIO-MEDICAL SET*



**Malaysia Medical Report For Foreign Worker**

ICAO NO: 158981 REG DATE: 08/05/2016 VALID UNTIL: 08/05/2018

1. FULL NAME: **COSECUA ORINA** (FACTO)

2. IDENTIFICATION NO: **THE REPUBLIC OF INDONESIA**

3. PATRIOTIC NAME: **ETANASIA PAICOURA**

4. NATIONALITY: **INDONESIA** 5. AGE: **35** YEARS

6. PASSPORT NUMBER: **6030086**

7. TYPE OF WORKER: **DOMESTIC DOMESTIC WORKER**

8. RESIDENCE IN COUNTRY OF ORIGIN: **JAKARTA**

9. ADDRESS IN COUNTRY OF ORIGIN: **JAKARTAYA (KAWASAN PERSEKUTUAN)**

10. NAME OF EMPLOYER AGENCY: **BAHAGIA INTERNATIONAL PLACEMENT AGENCY**

11. ADDRESS OF EMPLOYER AGENCY: **5F BILDAH DUTY TO DUTY LAS PANG CITY**

1. I HAVE FULFILLED THE FOLLOWING DUTIES AND POINTS THAT:

YES	NO
HYGIENE <input checked="" type="checkbox"/>	STOP <input checked="" type="checkbox"/>
TO SC <input checked="" type="checkbox"/>	INDUSTRIAL <input checked="" type="checkbox"/>
MALAYSIAN <input checked="" type="checkbox"/>	PLACEMENT <input checked="" type="checkbox"/>
LABOURY <input checked="" type="checkbox"/>	

MAJOR PHYSICIAN DIAGNOSIS: **FREE FROM ANY CHRONIC DISEASES** PHYSICIAN SIGNATURE: **[Signature]**

2. RETURNING IS FOUND NOT TO OBTAIN AN EMPLOYMENT CONTRACT

3. SHE IS UNFIT TO WORK

4. INFORMATION RECEIVED THAT SHE SHOULD REMAIN CONSIDERING FOR EMPLOYMENT

ADDITIONAL INFORMATION:

EMPLOYMENT TYPE: **DOMESTIC WORKER**

SECTOR REGISTRATION AND CLASS: **DOMESTIC WORKER**

SECTOR ALIAS: **DOMESTIC WORKER**

SECTOR QUALIFICATION: **DOMESTIC WORKER**

Issue Date: **18/05/2018**

ISSUED BY: **[Signature]**

JOINED BY: **[Signature]**



# Jumlah Klinik Di Negara Sumber Untuk Saringan Kesehatan

## Negara-negara Sumber : 232 PUSAT KESIHATAN DI AKREDITASI

✓ Termasuk Bangladesh

✓ Setakat Jun 2023



# Gambaran Pusat Kesehatan di Akreditasi di Negara Sumber



# Gambaran Aktiviti Audit Pusat Kesihatan di Akreditasi di Negara Sumber



# eVDR (FWCMS)

## Modul Dilaksanakan untuk Permohonan Visa Dengan Rujukan (VDR) Oleh Majikan




The image shows the FWCMS home page. At the top, there is a navigation bar with links for FWCMS, BIO-MEDICAL MODULE, eVDR MODULE, DOWNLOADS & TUTORIALS, and FAQ. Below this is a banner for Bestinet's 6th Middle East Business Leaders Awards. The main content area features three login/register buttons for EMPLOYER, MEDICAL CENTER, and FOREIGN DOMESTIC HELPER, each with a 'Technical Problem?' link. A descriptive paragraph explains that FWCMS is a multi touch-point system for managing migrant workers.



A modal window for confirming an OTP. It displays the number '+601 37910682' and the email 'fw.medical.center@gmail.com'. There is a text input field for the OTP and buttons for 'OK' and 'Regenerate OTP'.



A worker profile card showing a photo, name, and various identification documents like a passport and work permit.



A detailed VDR application form titled 'BORANG PERAKUAN PERMOHONAN VISA DENGAN RUJUKAN'. It includes fields for worker details, employer information, and application status. The form contains several sections with checkboxes and text boxes for providing necessary information and declarations.



Worker Name	Passport No.	Gender	Medical Expiry	Passport Expiry	Status
<input checked="" type="checkbox"/> RAJU PARIYAR	9922001	Male	24/07/2014	23/04/2022	
<input type="checkbox"/> RAJU PARIYAR I	9923901	Female	24/07/2014	23/04/2022	



A page titled 'Custom Applications' showing a grid of application cards. Each card displays an application ID, date, and status (e.g., 'In Progress', 'Expired', 'Closed').

# Sub-Modul Bio-Medical Verification (BMV) Pengesahan Ketibaan Pekerja melalui Biometrik di Pintu Masuk Malaysia



Pekerja di kawasan sementara. Majikan mesti mengambil pekerja di pintu masuk dalam tempoh 6 jam dari masa ketibaan



Pengesahan menggunakan biometrik pekerja yang didaftarkan di klinik di negara asal mereka



# Membantu pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di KLIA dan KLIA2 mengkoordinasi ketibaan pekerja asing

Menyediakan infrastruktur kaunter, perkakasan, perisian dan kelengkapan lain di KLIA dan KLIA2




Menyokong operasi dan koordinasi bersama pihak JIM bagi pengambilan dan pelepasan pekerja asing di KLIA dan KLIA2





# eWAGES (FWCMS) – Foolproof System and Closed Loop Module

Mekanisme pemantauan pembayaran gaji kepada pekerja bagi menangani salah satu perkara daripada ILO Forced Labour Indicator



# Working For Workers (WFW) (Modul eComplaint FWCMS)

## Membantu pekerja melaporkan isu perburuhan




Platform aduan perburuhan melalui aplikasi mudah alih



Maklumat individu dan majikan semasa pendaftaran

Pelbagai jenis aduan disediakan



Aduan diselesaikan dalam masa 7 hari bekerja

Status aduan dihantar menggunakan notifikasi automatik



Pengguna adalah pekerja yang terdiri daripada pekerja tempatan dan pekerja asing



# eENFORCEMENT (FWCMS)

## Modul Penguatkuasaan Secara Proaktif dan Smart Enforcement


### PENGUATKUASAAN YANG DISASARKAN

Kenal pasti majikan yang tidak memperbaharui PL(KS) pekerja mereka dengan menghantar laporan automatik kepada Bahagian Penguatkuasaan Imigresen Malaysia untuk tindakan selanjutnya.

### PELAPORAN DAN DASHBOARD



No	Employer Name	Worker Name	Sector	Place of Work	PL(KS) Expiry Date	No. of PL(KS) Worker	Notification No.	Last Sent Notification Date	Pass Status (Application Date After PL(KS) Expiry)	Special Pass (Expiry Date)
1	KILANG MANAJEMEN HAKEEM SDN. BHD.	YEO JAY	MANUFACTURING	SUNGAI JAYA	28/04/2018	1	0	-	-	-
2	KILANG MANAJEMEN HAKEEM SDN. BHD.	ENGANG MANJARA	MANUFACTURING	SUNGAI MELAKA	16/01/2018	2	0	-	-	-
3	KILANG MANAJEMEN HAKEEM SDN. BHD.	SARANG DEWAN	MANUFACTURING	SUNGAI MELAKA	16/01/2018	2	0	-	-	-
4	KILANG MANAJEMEN HAKEEM SDN. BHD.	DOY KUT HONGHONG	MANUFACTURING	SUNGAI JAYA	17/03/2018	2	0	-	-	-
5	KILANG MANAJEMEN HAKEEM SDN. BHD.	HOSSEY HONGHONGHONG	MANUFACTURING	SUNGAI JAYA	17/03/2018	1	0	-	-	-
6	KILANG MANAJEMEN HAKEEM SDN. BHD.	MOORE DUTERDIA HONGHONG	MANUFACTURING	SUNGAI MELAKA	16/01/2018	2	0	-	-	LABOR CERTIFICATES
7	KILANG MANAJEMEN HAKEEM SDN. BHD.	WONG HUIJONG	MANUFACTURING	SUNGAI JAYA	15/09/2018	1	0	-	-	-
8	KILANG MANAJEMEN HAKEEM SDN. BHD.	YONG JONG	MANUFACTURING	SUNGAI JAYA	28/07/2018	2	0	-	-	-
9	KILANG MANAJEMEN HAKEEM SDN. BHD.	THIRAI SANGAR	MANUFACTURING	SUNGAI MELAKA	04/07/2018	1	0	-	-	-



**Notis Pemberitahuan Tarikh Tamat PL(KS) Pekerja Ailing**  
**Notification of Worker(s) PL(KS) Expiry Date**

Notis ini akan dihantar secara automatik kepada majikan bagi pemberitahuan tarikh tamat PL(KS) bagi pekerja di bawah. Pihak ini akan menghantar maklumat mengenai tarikh tamat PL(KS) kepada pihak majikan.




Notis ini akan dihantar secara automatik kepada majikan bagi pemberitahuan tarikh tamat PL(KS) bagi pekerja di bawah. Pihak ini akan menghantar maklumat mengenai tarikh tamat PL(KS) kepada pihak majikan.

No.	Nama Pekerja (Worker's Name)	No. Pasport (Passport No.)	Jenis Sektor (Sector)	Tarikh Tamat PL(KS) (PL(KS) Expiry Date)	No. Hari PL(KS) Masih Berlaku (No. of days left until expiry)
1.	EDAM	EN001024	Perdagangan (Trade)	01/08/2017	0
2.	RAJEN	EN001024	Perdagangan (Trade)	01/08/2017	0

Nota: Sila maklumkan kepada pihak berkuasa berkaitan dengan tarikh tamat PL(KS) kepada pihak berkuasa yang berkaitan. Pihak berkuasa berkaitan akan menghantar maklumat mengenai tarikh tamat PL(KS) kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

Tarikh tamat: 01/08/2017  
 Pihak berkuasa: Sistem Automatik

**RM.00 Reminder: You have 1 worker(s) which permit will be expired in 30 days. Please renew PLKS before expiry date. Ignore this if has renewed.**



# Testimoni Berkenaan FWCMS oleh Kementerian Dalam Negeri pada 15 November 2017



KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
MINISTRY OF HOME AFFAIRS  
BAHAGIAN HAL EHWAL IMIGRESEN  
IMMIGRATION AFFAIRS DIVISION  
ARAS 4, BLOK D2, KOMPLEKS D  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62546 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 3158  
Faks : 03-8889 1693  
Web : www.moha.gov.my



4. Berdasarkan hasil pelaksanaan yang telah dijalankan, pihak Kerajaan berpuas hati dengan pencapaian Bestinet Sdn Bhd setakat ini. Semenjak ianya dilaksanakan secara menyeluruh dan masih berkuatkuasa sehingga kini, objektif utama pihak Kerajaan telah dapat dicapai diantaranya:

a) Tempoh masa pemprosesan kelulusan telah dapat dikurangkan kerana tiada kemasukan data secara manual oleh majikan mahupun pegawai Imigresen dan pengesahan dokumen dilakukan melalui sistem.

b) 95% pekerja asing telah disahkan lulus pemeriksaan kesihatan di negara sumber menerusi pusat-pusat perubatan yang berdaftar dan diakreditasi dengan kerjasama Kementerian Kesihatan negara sumber, persatuan pusat perubatan negara sumber, kerajaan Malaysia dan Syarikat. Laporan perubatan yang dimuatnaik ke dalam sistem dapat dipastikan kesahihannya bagi mengelak sebarang kegiatan pemalsuan dokumen.

c) Proses tapisan keselamatan dapat dilakukan secara *Real-time* di negara sumber sebelum ketibaan pekerja asing ke negara ini.

d) Modul *Bio-Medical Verification* (BMV) yang ditempatkan di semua Pintu Masuk Negara bagi laluan pekerja asing dapat memastikan kesahihan 100% pekerja asing adalah sebagai orang yang sama mendapat kelulusan untuk bekerja di Malaysia.

e) 100% pekerja asing yang masuk untuk bekerja di Malaysia dilindungi insurans sepenuhnya melalui sistem FWCMS.

Masa pemprosesan kelulusan telah dikurangkan kerana **tiada kemasukan data secara manual oleh majikan atau pegawai Imigresen** dan pengesahan dilakukan oleh sistem.

**95% pekerja asing telah disahkan lulus pemeriksaan perubatan di negara sumber** melalui pusat kesihatan yang berdaftar dan bertauliah

**Proses tapisan keselamatan dilakukan secara *real-time* di negara sumber** sebelum ketibaan pekerja asing ke Malaysia

Modul *Bio-Medical Verification* (BMV) ditempatkan di semua Pintu Masuk Negara **memastikan kesahihan 100% pekerja asing adalah sama seperti yang diluluskan untuk bekerja di Malaysia**












**100% pekerja asing untuk bekerja di Malaysia diinsuranskan** sepenuhnya melalui sistem FWCMS

# Status Pelaksanaan Semasa Semua Modul FWCMS

No	Modul	Status Pelaksanaan	Rujukan Pelaksanaan	Keterangan Aktiviti Telah Dijalankan Untuk Pelaksanaan
1.	FWe Approval	100%	KSM/DP/7/1/82(1)	
2.	eQuota	100%	KDN(S): IM03/1122/20 Jld. 2(23) KSM/DP/7/1/82(1)	
3.	eEmbassy	100%	KDN(S): IM03/1122/20 Jld. 3 (23)	
4.	eRecruitment	100%	KDN.IM.S.600-2/1/13(18)	
5.	Bio-Medical System (BMS)	100%	Perjanjian Kerajaan 16 Jun 2017	
6.	eVDR	100%	KDN(S):IM03/1122/20(34)	
7.	ePLKS	70%	KDN (S) :IM 03/1122/20 Jld. 2 (18)	<b>Telah sedia untuk Pengujian <i>System Integration Testing</i> (SIT) pada 28 Feb 2018.</b>
8.	eCOM	100%	KDN.IM.S.600-2/1/13 JLD 4 (41)	
9.	eEnforcement	100%	KDN.IM.S.600-2/1/13 JLD 4 (41)	
10.	eWorker Runaway	100%	KDN.IM.S.600-2/1/13 JLD 4 (41)	
11.	eComplaints (Working For Workers)	100%	KDN.IM.S.600-2/1/13(13) KSM/DP/7/1/82(1)	
12.	<b>Online Payment</b>	<b>70%</b>		<b>Bestinet telah menghantar surat kepada KDN untuk pelaksanaan pada 25 Feb 2019.</b>
13.	Online Insurance	100%	KDN.IM.S.600-2/1/13 JLD 4 (41)	
14.	eWages	70%	KSM/TKSUO/500-8/1/315 Jld.2 (2)	<b>Pembentangan telah dilakukan ke KDN, KSM, BNM dan semua bank pada 26 Feb 2018. Pembentangan susulan telah dilakukan ke BNM dan semua bank pada 07 Mac 2018</b>
15.	Alerts and Notifications	100%	KDN.IM.S.600-2/1/13 JLD 4 (41)	
16.	Dashboard and Reporting	100%	KDN.IM.S.600-2/1/13 JLD 4 (41)	

# Prestasi Dan Pencapaian Pelaksanaan FWCMS Semenjak 2018

## 12 Negara Sumber

CHINA		VIETNAM		MYANMAR	
INDIA		NEPAL		THAILAND	
SRI LANKA		INDONESIA		BANGLADESH	
CAMBODIA		PHILIPPINES		PAKISTAN	



Lebih dari **4.2 Juta Rekod** Biometrik Pekerja Asing Didaftarkan



**232 Pusat Kesihatan** Di Akreditasi



Lebih dari **5,400 Agensi Pekerjaan** Negara Sumber Didaftarkan



Modul FWCMS Telah Dilaksanakan **Bio-Medical, eRecruitment, eEmbassy BMV**

### Khidmat Nilai Tambah FWCMS

Bantuan Teknikal	Country Manager	Pengurusan Prestasi
Audit Tahunan	Digital X-Ray	

## Malaysia



### Modul FWCMS Dilaksanakan

**FWe Approval, eQuota, eVDR,, eCOM, eEnforcement, eWorker Runaway, eComplaints,, Online Insurance, Alerts and Notifications, Dashboard and Reporting.**

Modul Belum Laksana: **ePLKS, Online Payment dan eWages**



Lebih dari **60,000 Majikan Berdaftar** Dan Menggunakan FWCMS



Lebih dari **750 APS Berdaftar** Dan Menggunakan FWCMS



Lebih dari **450 Ribu Permohonan VDR** Telah Diproses Melibatkan **Lebih 2.6 Juta Pekerja Asing**



Sudah Berintegrasikan ke **25 Syarikat Insurans**



Sudah Berintegrasikan ke **JIM, JPN dan SSM**



Siap Untuk Laksana Integrasikan ke **PDRM, KWSP dan LHDN**

### Khidmat Nilai Tambah FWCMS

Bantuan Teknikal/Bantuan Pro 24 Jam	Service Desk	Pusat Henti Setempat (OSC)	Call Centre	NOC/SOC
-------------------------------------	--------------	----------------------------	-------------	---------

# Kesan Keseluruhan Pelaksanaan FWCMS di Malaysia – Kecekapan, Ketelusan, Kebajikan dan Meningkatkan Kesejahteraan Manusia



**Ketibaan pekerja dalam bulan yang sama**



**Pemantauan Ketidak bayar gaji atau pekerja terpaksa bekerja berjam-jam atau lebih tanpa rehat sebagai mekanisme untuk mematuhi satu daripada Penunjuk Buruh Paksa ILO (*ILO Forced Labour Indicators*)**



**Lebih Daripada 25% Kelulusan Visa Dengan Rujukan (VDR) pada hari yang sama**



**Mengurangkan penularan penyakit berjangkit di Malaysia**




**Menghapuskan penipuan pekerja asing kerana dokumen palsu**



**Memastikan tiada ketirisan dan meningkatkan pendapatan Kerajaan**

# Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)

Penyelesaian Pengurusan Pekerja Asing Secara Holistik, Satu Pintu, Digital Sepenuhnya dan Gudang Data Tunggal Kerajaan





The image features a blue-tinted background showing an overhead view of several people sitting around a table in a meeting. They are looking at documents and laptops. The FWCMS logo is centered in the upper half, and the text 'Terima Kasih' is centered in the lower half. A faint, large 'FWCMS' watermark is visible across the meeting scene.

**FWCMS**<sup>®</sup>  
FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM  
PROTECTING MIGRANTS, FOSTERING MALAYSIA

**Terima Kasih**



KEMENTERIAN DALAM NEGERI



# FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
13 MAC 2024

# PERKARA-PERKARA YANG INGIN DITAKLUMKAN

<p><b>Menandatangani Perjanjian Selaras SST</b></p> <p>KDN diberi mandat untuk menandatangani kontrak berdasarkan terma sedia ada di dalam Surat Setuju Terima (SST) bertarikh 12 Januari 2018</p>	<p><b>Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri 22 Dis 2021</b></p> <p>Pemeteraian kontrak adalah sehingga 31 Mei 2024 sahaja selari dgn SST bertarikh 12 Januari 2018</p>	<p><b>Pendirian Yang Sama Oleh YB MDN</b></p> <p>Dimaklumkan oleh YB MDN semasa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 15 Februari 2024</p>
<p><b>Kadar Caj Dan Tempoh Perjanjian</b></p> <p>Bestinet tidak pernah membangkitkan perkara tersebut sebelum dari tarikh 7 Julai 2023</p>	<p><b>Kadar caj RM100</b></p> <p>Kadar caj ini lebih tinggi berbanding hasil dapatan UKAS, 29 Disember 2022 sebanyak RM86</p>	<p><b>Laporan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2022</b></p> <p>Kelemahan sistem seperti isu penemuan ID pengguna yang bukan sepatutnya melibatkan isu keselamatan dan kawalan sistem.</p>

# BERAKHIRNYA KONTRAK...

Penamatan kontrak FWCMS tidak akan menyebabkan apa-apa gangguan terhadap pengambilan pekerja asing.

---

Sistem sedia ada MyIMMs oleh KDN/JIM dan ePPAx oleh KSM mampu beroperasi dengan *change request* yang minimum.

---



## Menandatangani Perjanjian

- Kementerian ke arah memeterai perjanjian selaras SST 12 Januari 2018.
- Peringkat akhir penyediaan perjanjian, dalam semakan PUU KDN dan AGC.
- Dijangka ditandatangani pada Mac 2024.

## Permohonan Lanjutan & Kadar Caj

Syarikat memohon lanjutan 6 tahun sehingga 31 Mei 2030 serta kenaikan kadar caj RM100.

## Status Terkini

### Perjumpaan Bersama Syarikat

Perjumpaan bersama syarikat pada 22 Feb 2024 dan surat balas bahawa Kementerian sedia menandatangani tanpa perubahan tempoh dan caj perkhidmatan selaras SST 12 Jan 2018.



Sekian,  
Terima Kasih

---



**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**

**Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur**

**Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)**

**E-mel: [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)**

**[www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac)**